

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PEMBENTUKAN MODEL AL-QALB DALAM KOMPONEN
IJTIHADIK BAGI PROGRAM ULUL ALBAB**



**SARJANA SASTERA (PENGAJIAN ISLAM)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2024**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

MUHAMMAD ZICKRYL HAKIM ROSLAN

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

MASTER OF ARTS

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"PEMBENTUKAN MODEL AL-QALB DALAM KOMPONEN IJTIHADIK
BAGI PROGRAM ULUL ALBAB"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **24 Julai 2024.**

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: 24 July 2024.

Pengerusi Viva:

(Chairman for VIVA)

**Assoc. Prof. Dr. Mohd Akram
Dato' Dahaman@Dahlan**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:

(External Examiner)

Assoc. Prof. Dr. Mohd Shukri Hanapi

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:

(Internal Examiner)

Dr. Rukhaiyah binti Haji Abd. Wahab

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Assoc. Prof. Dr. Mohamad Khadafi bin Hj. Rofie

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Dr. Nor Hanani binti Ismail

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:

(Date) **24 July 2024**

Kebenaran Penggunaan Tesis

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi keperluan Ijazah tinggi daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti Utara Malaysia membenarkan tesis ini dibaca. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk menyalin tesis ini dalam apa jua bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau bahagian-bahagian tertentu untuk tujuan ilmiah diberikan oleh mana-mana penyelia saya atau Dekan Penyelidikan dan Inovasi. Adalah difahami bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau penggunaan tesis ini atau mana-mana bahagiannya untuk tujuan mendapatkan keuntungan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahami juga bahawa pengiktirafan hendaklah diberikan kepada asalnya dan Universiti Utara Malaysia di atas penggunaan bahagian-bahagian daripada tesis ini tidak boleh diterbitkan, disimpan dalam cara boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan elektronik, mekanik, pengambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa izin terlebih dahulu daripada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Art and Sciences

UUM College of Art and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 Sintok Kedah Darul Aman

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membentuk model al-Qalb bagi penambahbaikan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab. Hal ini kerana al-Qalb mempunyai daya intelektual yang signifikan terhadap komponen ijtihadik. Kajian yang telah dijalankan sebelum ini menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk penambahbaikan komponen ijtihadik berdasarkan hasil yang dilihat kurang memberangsangkan. Justeru, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, untuk mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pembinaan elemen ijtihadik. Kedua, menganalisis bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab. Ketiga, membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab. Pendekatan kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah pendekatan kualitatif dengan reka bentuk penerokaan. Data yang diperoleh daripada dokumentasi dan temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Sebanyak 11 orang responden dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSB) Kepala Batas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada modul khusus yang digunakan dalam penerapan komponen ijtihadik di kedua-dua institusi terbabit. Pendekatan yang sedia ada lebih tertumpu pada perkembangan yang bersifat fizikal. Sementara itu, pendekatan teoretikal berasaskan Taksonomi Bloom adalah kurang sesuai dan kurang berkesan dalam penerapan komponen ijtihadik. Justeru, kajian ini menyumbang kepada Program Ulul Albab dalam pelaksanaan komponen ijtihadik berdasarkan domain kognitif dan afektif pada al-Qalb menurut perspektif Islam, seiring dengan aspek penyucian hati (tazkiyat al-Qalb) daripada elemen negatif.

Kata Kunci: Al-Qalb, Ijtihadik, Program Ulul Albab, Taksonomi Bloom, Tazkiyat al-Qalb.

Abstract

This study aims to form an al-Qalb model for improving the ijtiḥadik component in an Islamic educational program, namely Program Ulul Albab. This is because al-Qalb has significant intellectual potential regarding the ijtiḥadik component. Previous studies stated that there is a need for improving the ijtiḥad component based on the less favorable results. Thus, this study has three objectives: first, to identify the concept of al-Qalb in the construction of ijtiḥadik elements; second, to analyze the form of implementation of the ijtiḥadik component in the Program Ulul Albab; and third, to form the al-Qalb model in the implementation of the ijtiḥadik component of the Program Ulul Albab. The research approach used in this study is qualitative, with an exploratory research design. Data from documentation and interviews were analyzed using content analysis methods. A total of 11 respondents from Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas and Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah participated in this study. The study's results found that no specific modules were used in implementing ijtiḥadik in both institutions. The existing approaches are more focused on physical development. Meanwhile, the theoretical approach based on Bloom's Taxonomy is less appropriate and less effective in developing ijtiḥadik. Thus, this study contributes to the Program Ulul Albab in the implementation of ijtiḥadik components based on the cognitive and affective domains of al-Qalb from an Islamic perspective, along with the purification of the heart (tazkiyat al-Qalb) from negative elements.

Keywords: Al-Qalb, Ijtiḥadik, Program Ulul Albab, Bloom Taxonomy, Tazkiyat al-Qalb.

Penghargaan

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah. Setinggi-tinggi penghargaan dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan bantuan dari-Nya, penulisan tesis ini berjaya disempurnakan dalam masa yang telah ditetapkan. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, serta ahli keluarga, para Sahabat RA dan para pengikut Baginda.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga khususnya buat Fadhilat al-Syeikh Dr. Khaleel Ismael Elias al-Iraqiy, guru sejati, murabbi dan murshid yang sentiasa membimbing para murid ke jalan Allah dengan ilmu, kasih sayang, nasihat serta tunjuk ajar yang begitu teliti. Saya masih mengingati ucapan beliau semasa dalam dilema untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana. Kata beliau: “Jangan lari dari ilmu!” (kerana kepentingan duniawi). Lantaran itu, saya membulatkan tekad untuk menyambung pengajian ke peringkat ini.

Seterusnya, jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohamad Khadafi Hj. Rofie selaku penyelia utama dan juga Dr. Nor Hanani Ismail selaku penyelia bersama atas bimbingan, perhatian dan kesabaran sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Pengalaman dan kepakaran mereka masing-masing amatlah berguna kepada saya. Semoga Allah SWT membalasnya dengan sebaik-baik ganjaran. Tidak dilupakan, jutaan terima kasih buat ayahanda dan bonda saya iaitu Tuan Haji Roslan Mohamed dan Puan Hajah Sariza Salim yang telah memberikan sokongan penuh diiringi doa dalam perjalanan kesarjanaan ini. Semoga Allah SWT mengurniakan sekalungan kebahagiaan buat ayahanda dan bonda di dunia dan di akhirat atas segala jasa pengorbanan demi melihat anakanda semua menjadi insan berbakti.

Sementara itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih khas kepada Ustaz Soddam Abu, Ustaz Muhammad Haziq Zamri, Ustaz Wan Muhammad Syahir Wan Mohd

Fisol, Ustaz Muhammad Izzat Nabil Azwan, para asatizah dan ahbab di Pusat Tarbiah Dan Pengajian Islam Darul Hikmah, serta seluruh ahli keluarga yang tidak jemu memberi semangat dan sokongan kepada saya selama ini. Ucapan terima kasih khas ini juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Nuraini Yusoff (UUM), Prof. Madya Dr. Rohaya Md Ali (UUM), Puan Syahrina Abdullah (UUM), Ts. Dr. Khairul Hafezad Abdullah (UUM), Puan Sri Hajah Noraini Darus, Datin Seri Hajah Khatijah Pawanteh, Tuan Haji Abdul Kadir Sahlan, Tuan Haji Danial Mokhtar, Tuan Haji Norsalihin Marzuki, Encik Ghazali Mohd Ani dan Saudari Nur Asyurah Khairil Azmi yang turut membantu dalam perjalanan pengajian saya.

Selain itu, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah (UUM), Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra (UNIMAP) dan Pusat Tarbiah Dan Pengajian Islam Darul Hikmah (Kuala Nerang, Kedah) atas kebenaran yang diberikan untuk saya menggunakan bahan rujukan perpustakaan, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kepala Batas dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKA Kedah) atas kebenaran untuk saya menjalankan kajian lapangan, dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) yang telah menawarkan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) kepada saya demi melancarkan lagi penyelidikan yang dijalankan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para guru yang pernah mendidik diri ini, serta semua pihak dan individu yang telah membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan tesis ini. Semoga Allah SWT membalasnya dengan sebaik-baik ganjaran.

Senarai Kandungan

Kebenaran Penggunaan Tesis	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Senarai Kandungan	vi
Senarai Rajah.....	ix
Senarai Jadual	x
Singkatan Perkataan	xi
Jadual Transliterasi	xii
 BAB 1	 1
Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Persoalan Kajian.....	6
1.4 Objektif Kajian.....	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Kajian.....	8
1.7 Sorotan Literatur	9
1.7.1 Konsep Al-Qalb	9
1.7.2 Kemahiran Berfikir dari Perspektif Islam	16
1.7.3 Program Ulul Albab.....	22
1.7.4 Komponen Ijtihadik	25
1.8 Metodologi Kajian.....	28
1.8.1 Rekabentuk Kajian.....	28
1.8.2 Pengumpulan Data.....	29
1.8.3 Penganalisan Data	33
1.8.4 Kesahan Data dan Kebolehpercayaan Kajian.....	35
1.8.5 Prosedur Kajian	36
1.8.6 Kerangka Konseptual.....	37
1.9 Kesimpulan	39
 BAB 2	 40
KONSEP AL-QALB DALAM PELAKSANAAN KOMPONEN IJTIHADIK.....	40
2.1 Pendahuluan	40

2.2 Pengenalan	40
2.3 Definisi Al-Qalb	41
2.4 Perbincangan Al-Qalb Dalam Al-Qur'an	42
2.5 Perbincangan Al-Qalb Dalam Hadis	48
2.6 Jenis-Jenis Al-Qalb.....	52
2.7 Sifat Al-Qalb	55
2.7.1 Sifat Al-Qalb Yang Terpuji (<i>Mahmudah</i>)	55
2.7.2 Sifat Al-Qalb Yang Tercela (<i>Madhmumah</i>)	56
2.8 Fungsi Al-Qalb	57
2.9 Peranan Intelektual Al-Qalb Menurut Sarjana	66
2.9.1 Hubungan Akal dan Al-Qalb.....	70
2.9.2 Kaedah Berfikir Menggunakan Al-Qalb	76
2.9.3 Halangan Dalam Berfikir	82
2.9.4 <i>Tazkiyat al-Qalb</i>	84
2.10 Kesimpulan	95
BAB 3	97
BENTUK PELAKSANAAN KOMPONEN IJTIHADIK DALAM PROGRAM ULUL	
ALBAB	97
3.1 Pendahuluan.....	97
3.2 Konsep Ulul Albab	97
3.3 Program Ulul Albab	100
3.3.1 Model Pendidikan Ulul Albab	102
3.3.2 Sekolah-Sekolah Program Ulul Albab	105
3.4 Komponen Ijtihadik dan Bentuk Pelaksanaannya dalam Program Ulul Albab.....	107
3.4.1 Elemen dalam Komponen Ijtihadik	109
3.4.2 Kaedah dan Strategi Penerapan Komponen Ijtihadik	115
3.4.3 Kaedah Pentaksiran Ijtihadik.....	129
3.4.4 Cabaran dan Permasalahan dalam Penerapan Komponen Ijtihadik.....	131
3.4.5 Solusi Guru.....	137
3.5 Kesimpulan	140
BAB 4	141
PEMBENTUKAN MODEL AL-QALB DALAM KOMPONEN IJTIHADIK BAGI	
PROGRAM ULUL ALBAB	141
4.1 Pendahuluan	141
4.2 Model Al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab	141
4.2.1 Al-Qalb	144

4.2.2 Domain Kognitif.....	149
4.2.3 Domain Afektif.....	151
4.2.4 Domain Psikomotor	151
4.2.5 Proses <i>Tazkiyat al-Qalb</i> (Penyucian Hati)	152
4.3 Cadangan Implementasi Model Al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab.....	153
4.3.1 Proses <i>Tazkiyat al-Qalb</i>	154
4.3.2 Operasi Kognitif	156
4.3.3 Operasi Afektif	158
4.4 Kesimpulan	161
BAB 5	162
PENUTUP	162
5.1 Pendahuluan	162
5.2 Penemuan Utama dan Rumusan Kajian.....	162
5.3 Sumbangan Kajian	166
5.3.1 Sumbangan kepada Institusi	166
5.3.2 Sumbangan Teoretikal	166
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan.....	167
5.5 Kesimpulan	167
RUJUKAN	169
LAMPIRAN I	182
LAMPIRAN II.....	185
LAMPIRAN III	195
LAMPIRAN IV	232
LAMPIRAN V.....	254
LAMPIRAN VI	259

Senarai Rajah

Rajah 1.1:	Prosedur kajian	36
Rajah 1.2:	Kerangka konseptual	37
Rajah 2.1:	Istilah berfikir dalam al-Qur'an	77
Rajah 3.1:	Model Pendidikan Ulul Albab	104
Rajah 3.2:	Elemen-Elemen Ijtihadik	115
Rajah 4.1:	Model al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab	144
Rajah 4.2:	Cadangan Implementasi Model al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab.....	160



UUM
Universiti Utara Malaysia

Senarai Jadual

Jadual 1.1: Latar belakang responden kajian	33
Jadual 1.2: Hubungan antara objektif kajian, persoalan kajian dan kaedah analisis data	34
Jadual 2.1: Istilah pemikiran bersama lafaz al-Qalb	46
Jadual 3.1: Klasifikasi komponen Model Pendidikan Ulul Albab mengikut ayat	102
Jadual 3.2: Senarai Sekolah Program Ulul Albab di Malaysia	106
Jadual 3.3: Kaedah dan strategi penerapan komponen Ijtihadik dalam kurikulum dan kokurikulum	125
Jadual 4.1: Taburan istilah pemikiran bersama lafaz al-Qalb dan ulul albab bagi domain kognitif	150
Jadual 5.1: Ringkasan Dapatan Kajian	164-165

Singkatan Perkataan

A.S	Alaihissalam
JERI	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis & Kreatif
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke-21
PPPM 2013-2025	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
QEI	Qur'anik, Ensiklopedik, Ijtihadik
RA	Radiallahu 'anhu/'anhuma/'anhum
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAW	Sallallahu alaihi wasallam
SMIYT	Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SWT	Subhanahu wa Ta'ala
Terj.	Terjemahan
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab

Jadual Transliterasi

<u>Huruf Arab</u>	<u>Transliterasi</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh</u>
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	Rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sy	شمس	syams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's

ل	l	لبن	laban
م	m	مزممار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
ه	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasala
ي	y	يسار	yasar

Vokal Pendek:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	a	فَعَلَ	fa‘ala
اِ	i	حَسِبَ	hasiba
اُ	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ، اِ، اِوْ	a	كاتب، قاضي	katib, qada
ي	i	كريم	karim
و	u	حروف	huruf

Diftong:

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَوْ	aw	قول	qawl
اَي	ay	سيف	sayf
يِ	iyy/i	رجعي	raj‘iyy / raj‘i
وِ	uww/u	عدو	‘aduww / ‘adu

Pengecualian:

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ’a. contoh: أكبر, transliterasi: *akbar* bukan *’akbar*.
2. Huruf Arab ة (ta’ marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: *wizarat al-ta’lim*, bukannya *wizarah al-ta’lim*. Tetapi sekiranya

terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *ta' marbutah* ditransliterasikan kepada h.

Contoh

Transliterasi

1. المكتبة الأهلية.

al-Maktabah al-Ahliyyah

2. قلعة.

qal'ah

3. دار وهبة.

Dar Wahbah

(Sumber: Panduan penulisan tesis: Gaya UKM / Pusat Pengurusan Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Edisi Semak Kedua.)



BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Pendidikan dalam pandangan Islam adalah bertujuan kepada pembersihan jiwa yang merupakan matlamat daripada pentaklilan pelbagai bentuk ibadah (Muhammad al-Ghazali, 1995). Justeru, pembangunan pendidikan dalam perspektif Islam tidak dapat dipisahkan daripada mekanisme terpenting dalam konstruk spiritual manusia iaitu al-Qalb yang signifikan dalam proses pembelajaran dan pembentukan sahsiah. Hal ini kerana terdapat daya kognitif pada al-Qalb yang membezakannya dengan minda rasional dan materialistik yang disanjung sesetengah pihak manusia (Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015).

Sehubungan dengan itu, sistem pendidikan Islam perlu memainkan peranan menggarap konsep berfikir yang bersepadu dengan dimensi spiritual yang ada pada manusia. Dengan demikian, penerapan kemahiran berfikir yang unggul dapat dimanifestasikan dalam kehidupan abad ke-21 yang memerlukan kreativiti, inovasi dan pemikiran kritis sebagai persiapan untuk menangani krisis individu mahupun sosial. Pada masa yang sama garapan ini berupaya untuk melahirkan generasi pelajar yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan

dan kepatuhan kepada Tuhan sebagaimana hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia) yang disokong oleh Falsafah Pendidikan Islam dengan menjadikan al-Qur'an dan Sunnah sebagai dasar pendidikan (Saharia Ismail, 2015).

Dalam usaha pembangunan pelajar dan pemikir Islam yang kritis, Program Ulul Albab telah dibentuk sekaligus sebagai langkah mentransformasikan sistem pendidikan kebangsaan ke arah yang lebih gemilang. Program Ulul Albab merupakan model pendidikan menengah beraliran tahfiz yang menerapkan komponen Qur'anik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (QEI) seperti diguna pakai di Sekolah Menengah Imtiaz - Yayasan Terengganu (SMIYT), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Ulul Albab dan sekolah-sekolah terpilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

Qur'anik merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk al-Qur'an serta membudayakannya dalam kehidupan. Ensiklopedik pula ialah kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu (*multidiscipline*) serta bahasa (*multilingual*) (Idris Jusoh, 2016). Kedua-dua komponen ini adalah prasyarat untuk mencapai komponen ijtihadik (Hisham Abd Majid, 2017; Umi Kalthom et al., 2021) iaitu kemampuan untuk menyumbang idea, menyelesaikan masalah dan menginovasi dengan memaksimumkan hikmah akal fikiran kurniaan Allah SWT dengan sebaik mungkin (Idris Jusoh, 2016).

Walau bagaimanapun, terdapat isu dalam pendekatan pelaksanaan komponen ijtihadik justeru ia memerlukan penambahbaikan. Oleh kerana terdapat perkaitan antara al-Qalb

dengan ijtihadik, maka kajian ini bertujuan memperkasakan penerapan komponen ijtihadik berasaskan konsep al-Qalb.

1.2 Permasalahan Kajian

Fungsi al-Qalb tidak terhad dalam ruang lingkup iman dan perasaan. Fungsi-fungsi al-Qalb mengukuhkan daya intelektual manusia agar ia dapat melaksanakan tugasnya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

Al-Qur'an menjelaskan bahawa definisi al-Qalb merangkumi pelbagai aspek seperti keyakinan, keimanan, perasaan, ketenangan daripada zikir serta kemampuan untuk berfikir (Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016). Justeru, akal (*al-'Aql*) yang merupakan satu daripada saluran ilmu selain pancaindera dan khabar yang sah, turut dimaksudkan dengan al-Qalb (Mohd Zaidi Ismail, 2018). Di samping itu, al-Qalb juga merupakan tempat simpanan ilmu pengetahuan dalam diri manusia terutamanya ilmu Islam yang bersifat kerohanian (Najihah et al., 2018). Maka Islam mengiktiraf al-Qalb atau jantung hati manusia itu sebagai satu unsur yang berfikir sekaligus mengalami perubahan/transformasi daripada hal yang difikir dan dikenal pasti dalam proses intelektual.

Menurut Nor Hanani Ismail (2016), meskipun Barat telah mengkaji tentang otak secara saintifik sejak 1980-an dan mendapati bahawa otak terdiri daripada sel-sel yang melakukan proses berfikir, al-Qur'an menyatakan hal sebaliknya iaitu proses berfikir dan memahami berlaku pada al-Qalb. Malah, al-Qur'an menegaskan bahawa al-Qalb adalah satu daripada domain pemikiran kritis, di samping pendengaran dan penglihatan (Zainoriah Kadri & Mohd Fauzi Hamat, 2012). Hal ini disebutkan melalui

firman Allah SWT (Zainorah Kadri & Mohd Fauzi Hamat, 2012; Nor Hanani Ismail, 2016):

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى
الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ (46)

“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

(Surah al-Hajj, ayat 46)

Oleh yang demikian, petunjuk daripada al-Qur'an berkaitan potensi berfikir pada al-Qalb amat wajar dikembangkan dalam sistem pendidikan kebangsaan yang berpegang dengan Falsafah Pendidikan Islam. Mohd Zaidi Ismail (2019) melaporkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia menyambut baik usaha pengasuhan akal dan penajaman fikiran sebagaimana dapat dilihat melalui penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di pelbagai peringkat persekolahan. Namun, usaha pemupukan KBAT perlu mengambil kira aspek kesesuaiannya kepada umat Islam. Jika tidak, jati diri yang kreatif dan inovatif sukar dilahirkan seandainya umat masih terikat dengan Taksonomi Bloom sehingga tidak menggali hakikat, sifat dan bentuk berfikir dari khazanah ilmu Islam sendiri.

Taksonomi Bloom yang dikembangkan antara tahun 1956-2001 merupakan set teori pembelajaran berperingkat yang mencadangkan pembangunan domain kognitif, afektif dan psikomotor (Md. Enamul Hoque, 2006). Sebaliknya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan menegaskan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) (Falsafah

Pendidikan Kebangsaan, KPM). Hal ini memperlihatkan kelompongan Taksonomi Bloom dalam membangunkan kemahiran berfikir pelajar seiring nilai-nilai kerohanian Islam. Malah, Taksonomi Bloom juga dikritik kerana aras berfikir yang tidak tepat, bentuk hierarki yang menyukarkan pelaksanaannya, serta membantutkan daya ingatan pelajar dan proses kognitif yang pelbagai (Nursyahirah et al., 2018; Norillah Abdullah et al., 2021).

Melihat kepada pelaksanaan Program Ulul Albab, penekanan aspek pemikiran ditonjolkan melalui komponen ijtihadik. Komponen ijtihadik menekankan keupayaan untuk berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi, dan kemampuan untuk menyumbang idea dalam penyelesaian masalah ummah (Wan Mariana Wan Mohamad & Mohd Shafiee Hamzah, 2012; Arniyuzie Mohd Arshad, 2015). Golongan yang mempunyai ciri ijtihadik bererti mampu untuk bertindak sewajarnya berpandukan al-Qur'an dan Sunnah (Umi Kalthom Abdul Manaf et al., 2021). Oleh yang demikian, konsep ijtihadik sedikit berbeza dengan konsep KBAT atau teori berfikir konvensional kerana keunikan pada matlamat ijtihadik itu sendiri.

Walaupun secara umumnya Program Ulul Albab telah pun berjaya mencapai objektifnya, pencapaian komponen ijtihadik dilihat masih kurang memuaskan (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015; Zainora Daud et al., 2018; Muhd Zulhilmi Haron et al., 2019). Justeru, pelbagai cadangan penambahbaikan telah diutarakan antaranya ialah penyebatian elemen KBAT, integrasi ilmu '*aqli* dan *naqli*, serta peningkatan kualiti guru (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015). Hal ini kerana, para pelajar kurang berkebolehan untuk berfikir secara kritis dan kreatif, serta kurang berkemampuan untuk memberikan pandangan dalam penyelesaian masalah (Zainora Daud et al., 2018;

Muhd Zulhilmi Haron et al., 2019). Sejumlah 17% pelajar daripada sampel kajian yang dijalankan Zainora Daud et al. (2018) tidak berkemampuan untuk berfikir secara kreatif dan melontar pandangan dalam sesuatu perbincangan kerana sebahagian mereka menganggap aktiviti luaran tidak membantu dalam meningkatkan kemahiran berfikir. Manakala, 15% daripada pelajar tidak mengamalkan sikap disiplin dan tidak bersetuju bahawa menepati masa akan mendorong mereka ke arah lebih sistematik. Sementara itu, Muhd Zulhilmi Haron et al. (2019) menyatakan bahawa guru kurang memberikan tumpuan terhadap komponen ijtihadik serta kurang menghubungkan pelajaran ilmu al-Qur'an dengan kehidupan seharian.

Berikutan daripada permasalahan berkaitan komponen ijtihadik yang telah dinyatakan, adalah wajar dilakukan penambahbaikan dalam pelaksanaan komponen ijtihadik. Oleh itu, kajian ini bermatlamat untuk membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab tiga persoalan berikut:

1. Apakah konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik?
2. Bagaimanakah bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab?
3. Bagaimanakah model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini secara umum bertujuan membentuk model al-Qalb bagi memperkasakan komponen Ijtihadik dalam Program Ulul Albab. Secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik.
2. Menganalisis bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab.
3. Membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini membincangkan konsep al-Qalb dan elemen pemikiran al-Qalb bagi pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab. Kajian ini penting kerana sebab-sebab berikut:

- i) Al-Qalb mempunyai kekuatan berfikir yang tersendiri dan diiktiraf dalam pandangan Islam. Oleh itu, kajian ini penting dalam membentuk kerangka berfikir yang berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah. Dari sudut pelaksanaannya pula, ia mencerminkan ciri Falsafah Pendidikan Islam iaitu pengembangan potensi diri secara menyeluruh.
- ii) Kajian berkaitan qur'anik dan ensiklopedik telah banyak dilakukan. Akan tetapi, masih kurang kajian khusus tentang komponen ijtihadik. Oleh itu, kajian ini penting untuk meneliti komponen ijtihadik dan bentuk pelaksanaannya bagi memantapkan lagi Program Ulul Albab.

- iii) Dapatan kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada guru dan pihak sekolah dalam memperkasakan penerapan komponen ijtihadik kepada pelajar.
- iv) Dapatan kajian ini juga dapat memperkayakan sumber rujukan bagi kajian penambahbaikan komponen ijtihadik dan Program Ulul Albab.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap dua topik utama iaitu peranan al-Qalb dalam aspek pemikiran/kognitif dan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab.

Sehubungan dengan itu, karya-karya ilmuwan Islam dijadikan rujukan pengkaji untuk menambahkan kefahaman tentang konsep al-Qalb dan fungsi berfikir yang terkandung pada al-Qalb. Antara karya tersebut ialah *Ihya' 'Ulum al-Din* (kitab '*Ajaib al-Qalb*) oleh al-Ghazali (2010), *Al-Farq baina al-Sadr wa al-Qalb wa al-Fu'ad wa al-Lubb* oleh al-Hakim al-Tirmidhiy (t.t) dan *Risalah fi al-Qalb* oleh Ibnu Taimiyah (1990).

Karya ini dipilih kerana ketokohan ilmu para penulisnya dan kandungan perbincangan yang signifikan terhadap konseptual kajian. Di samping itu, karya ini memberikan huraian kepada nas al-Qur'an dan hadis yang berkaitan dengan konsep al-Qalb. Oleh itu, dokumentasi karya ini akan dapat memberikan maklumat serta makna yang lebih jelas tentang topik kajian. Namun, perbincangan konsep al-Qalb adalah terhad kerana tidak memfokuskan kepada istilah lain yang berkaitan dengannya seperti *al-Fuad*, *al-Lubb*, *al-Nafs*, *al-Sadr*, *al-Nuha* dan sebagainya. Kajian ini juga tidak membahaskan

percanggahan aliran pemikiran tentang makna akal dan implikasinya dalam perbahasan akidah.

Sementara itu, pemilihan responden pula dihadkan kepada pelaksana Program Ulul Albab daripada dua buah sekolah iaitu MRSM Kepala Batas Pulau Pinang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah (SMKA Kedah). Dua buah sekolah ini dipilih memandangkan kedua-duanya menggunakan model pendidikan yang sama iaitu berasaskan komponen qur'anik, ensiklopedik dan ijthadik. Responden adalah terdiri daripada pelaksana yang mempunyai kelulusan pengajian tertinggi yang sama dengan kriteria yang relevan. Topik kajian yang difokuskan ialah komponen ijthadik dalam Program Ulul Albab. Justeru, kajian ini boleh digeneralisasikan dalam institusi-institusi sekolah yang mengguna pakai model pendidikan yang sama dengan Program Ulul Albab.

1.7 Sorotan Literatur

Kajian ini memfokuskan kepada dua topik utama iaitu peranan al-Qalb dalam aspek pemikiran/kognitif dan penerapan komponen ijthadik dalam Program Ulul Albab. Justeru, seterusnya bahagian ini akan membincangkan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan konsep al-Qalb, kemahiran berfikir, penerapan komponen ijthadik dan pelaksanaan Program Ulul Albab.

1.7.1 Konsep Al-Qalb

Pelbagai kajian dan penulisan tentang konsep al-Qalb telah dilakukan sebelum ini. Antaranya ialah seperti berikut:

Azlisham Abdul Aziz et al. (2021) telah mengulas literatur tentang konsep spiritual menurut perspektif al-Qur'an, hadis dan ulama Islam. Kajian tersebut menekankan bahawa al-Qur'an dan hadis adalah asas untuk memahami elemen spiritual dalam Islam termasuklah al-Qalb. Al-Qur'an menekankan kepentingan memelihara al-Qalb daripada anasir negatif supaya ia dapat memahami petunjuk ilahi dan memperoleh kesejahteraan dalam hidup. Di samping itu, hadis juga menjelaskan kepentingan al-Qalb dalam membentuk niat dan tindakan, justeru peranannya adalah amat besar dalam kehidupan. Sementara itu, al-Ghazali merupakan antara ulama yang membahas tentang konsep spiritual dalam Islam. Menurutnya, al-Qalb mengandungi makna fizikal dan makna spiritual, dan ia merupakan satu daripada empat elemen spiritual pada diri manusia iaitu *al-qalb*, *al-ruh* (roh), *al-nafs* (jiwa/diri), dan *al-'aql* (akal).

Selain itu, Jabar Ahmad (2008) melakukan kajian tafsir *maudu'iy* (tematik) konsep al-Qalb menurut al-Qur'an. Pengertian al-Qalb dibincangkan melalui kajian ini berdasarkan kepada ayat al-Qur'an dan tafsir tentang al-Qalb. Topik yang turut dibincangkan oleh penulis ialah penggunaan lafaz al-Qalb dalam al-Qur'an, pembahagian jenis dan sifat al-Qalb, fungsi al-Qalb, ujian terhadap al-Qalb dan kaedah al-Qur'an dalam memelihara al-Qalb. Hasil dapatan kajian ini telah menyimpulkan lima fungsi al-Qalb iaitu berfikir, tempat iktikad, tempat keinginan dan niat, tempat emosi dan juga respon emosional terhadap rangsangan.

Agustiar (2015) menjelaskan bahawa perbincangan tentang konsep al-Qalb dalam al-Qur'an merangkumi nama, kepentingan, kedudukan, sifat, fungsi, dan kaedah pembangunannya. Menurut kajian ini, selain lafaz al-Qalb, terdapat nama lain disebutkan dalam al-Qur'an yang mempunyai persamaan dengan pengertian hati

(kerohanian) seperti *al-Fuad*, *al-Lubb*, *al-Nafs* dan *al-Sadr*. Namun, turut terdapat perbezaan antara setiap elemen ini dari sudut fungsinya. Antara elemen ini, al-Qalb mempunyai fungsi pemikiran yang dominan kerana dikhususkan oleh ayat-ayat al-Qur'an yang mendampingkan lafaz al-Qalb dengan istilah-istilah pemikiran seperti *al-Aql*, *tadabbur*, *tafaqquh* dan sebagainya.

Abdul Kamil Jamaludin dan Noor Shakirah Mat Akhir (2017) pula meneliti hubungan antara konsep *Akinnah al-Qalb* yang digariskan dalam al-Qur'an dengan pembangunan modal insan. *Akinnah al-Qalb* ialah pertumbuhan lapisan yang menghalang al-Qalb daripada memahami ayat al-Qur'an dan mengurangkan hikmah kebijaksanaan serta menghalang perkembangan akhlak individu. Kajian ini mendapati hubungan antara al-Qalb dengan pembangunan kualiti manusia. Justeru, penjagaan al-Qalb daripada lapisan penghalang pembangunannya perlu dilaksanakan sebaiknya bermula dari peringkat awal agar dapat melahirkan insan seimbang yang bertakwa dan berakhlak seterusnya dapat memberi manfaat kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Raji Mubin Olatoye (2013) pula menekankan fungsi niat sebagai satu daripada fungsi akliyah al-Qalb dan hubungannya dengan tindakan manusia. Niat ialah proses penyepaduan akal dan al-Qalb yang dengannya seseorang itu lebih sedar akan segala tindakan dan matlamatnya. Menurut penulis, kefahaman tentang konsep al-Qalb dalam kalangan umat Islam kontemporari ini lebih tertumpu kepada aspek akidah dan tingkah laku. Maka, kajian yang dijalankan perlu memberikan pendedahan lebih mendalam tentang al-Qalb ke arah pembangunannya dalam kehidupan.

Daud Lin Abdullah et al. (2014) menggariskan fungsi afektif al-Qalb yang menjadi dorongan dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Daya pemikiran al-Qalb adalah lebih kuat berbanding akal rasional (otak). Saintis telah menemukan kandungan neuron, komponen elektrik dan komponen magnetik pada al-Qalb (jantung) dalam kuantiti yang lebih banyak malah lebih aktif berbanding otak. Justeru, al-Qalb boleh mengingat, merasa dan menyampaikan maklumat melalui isyarat elektromagnet kepada anggota badan termasuklah otak.

Selain itu, Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail (2015) menggariskan tujuh domain kecerdasan spiritual yang berintergrasi dengan tasawur Islam. Tujuh domain tersebut ialah *al-Ruh*, *al-Qalb*, *al-Nafs*, *al-'Aql*, akidah, ibadah, dan akhlak. Domain ini dipersetujui pandangan pakar Islam yang melihat hubungan penting antara ilmu, nilai, etika dan tingkah laku. Hal ini kerana kecerdasan spiritual Islam dipengaruhi oleh unsur kejiwaan serta hubungannya dengan akidah, ibadah dan akhlak. Justeru kecerdasan spiritual menurut perspektif Islam turut dikenali sebagai kecerdasan agama dan perkara yang membangunkan spiritual manusia ialah segala yang dianjurkan dalam ajaran Islam.

Ryandi (2014) telah menjalankan kajian tentang konsep *maqamat al-qalb* (tingkat-tingkat spiritual) menurut al-Hakim al-Tirmidhiy. Konsep *maqamat al-Qalb* dari perspektif sufi ini mendeskripsikan peringkat kerohanian yang mengkhusus daripada *al-Sadr* (dada), *al-Qalb* (hati), *al-Lubb* (hati kecil) dan *al-Fuad* (hati nurani) dengan peranan masing-masing yang saling melengkapi. Kesepaduan setiap tingkatan al-Qalb ini adalah alat untuk mengenal Allah SWT. Oleh sebab itu, golongan sufi mementingkan penyucian al-Qalb dengan ibadah dan mujahadah kerana terdapat

kaitan antara jiwa, spiritual, ilmu dan amal. Al-Qalb terletak pada tingkatan kedua struktur *maqamat* iaitu dalam dada (*Sadr*), manakala peranannya ialah melakukan *tafakkur* (berfikir) dan *tadabbur* (memikirkan dengan mendalam) serta menyimpan ilmu pengetahuan. Konsep *maqamat al-qalb* juga berkaitan dengan cahaya Allah SWT iaitu Islam, iman, makrifah dan tauhid.

Muhammad Hilmi Jalil et al., (2016) mengkaji konsep al-Qalb menurut Imam al-Ghazaliy. Menurut al-Ghazaliy, pengertian al-Qalb dibahagikan kepada dua iaitu pancaindera (fizikal) dan yang halus (kerohanian). Al-Qalb dalam erti kedua ini yang dimaksudkan dalam perbicaraan agama kerana ia bersifat ketuhanan, memahami, mengetahui dan merasai. Kajian ini menunjukkan bahawa menurut al-Ghazaliy, al-Qalb mempunyai pelbagai fungsi iaitu untuk berfikir, berzikir, menerima pelajaran, dan ia adalah tempat bagi perasaan. Al-Qalb perlu dibangunkan dan dipelihara daripada sifat-sifat yang keji dan perkara yang tercela di sisi agama.

Muhammad Nasruddin dan Abdul Muiz (2020) turut mengkaji konsep al-Qalb menurut al-Ghazaliy, namun dari perspektif neurosains. Beliau meneroka bagaimana al-Ghazaliy melihat al-Qalb bukan sekadar organ fizikal tetapi sebagai elemen pusat dalam konstruk spiritual manusia, emosi, dan moraliti. Berdasarkan kajian ini, neurosains moden mengakui pengaruh al-Qalb terhadap emosi dan pembuatan keputusan, yang selaras dalam beberapa aspek dengan pandangan al-Ghazaliy tentang al-Qalb sebagai sumber kekuatan dalaman dan pemikiran. Hal ini kerana adanya interaksi yang kompleks antara fungsi jantung dan proses kognitif, sepertimana dijelaskan al-Ghazaliy bahawa al-Qalb mengandungi daya fikir dan zikir atau dimensi rasional dan spiritual.

Rokim (2018) pula mengkaji tentang kesepaduan hubungan antara pendidikan berasaskan akal, hati (al-Qalb) dan jasmani menurut perspektif Buya Hamka. Kajian tersebut menyatakan bahawa institusi pendidikan pondok telah menerapkan sistem pendidikan berteraskan al-Qalb melalui mata pelajaran agama. Sistem pendidikan moden pula lebih menitikberatkan pendidikan berasaskan intelek dan kognitif. Manakala pendidikan *softskill* (kemahiran) lebih menumpukan kepada kemahiran dan aspek jasmani. Hal ini mengakibatkan pendidikan pada masa kini tidak mempunyai pandangan yang sama dalam memelihara tujuan Islam, serta menimbulkan percanggahan antara satu sama lain sedangkan hubungan antara akal, al-Qalb, dan jasad amat signifikan dalam membentuk kehidupan manusia yang unggul iaitu *al-Insan al-Kamil*. Hal ini kerana minda terhad kepada hal intelektual, sedangkan al-Qalb mampu untuk memperoleh kebenaran dari segi kerohanian dan metafizik.

Amir Mohd. Nason (2019) telah melakukan kajian tentang pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berasaskan al-Qalb daripada sirah empat imam mazhab Fiqh iaitu Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'iy dan Imam Ahmad. Kajian tersebut telah menemui 25 sirah terpilih yang mempunyai bentuk PdP formal dan tidak formal, berasaskan al-Qalb. Sehubungan dengan itu, hasil analisis kajian tersebut mendapati sebanyak 36 bentuk pendekatan PdP berasaskan al-Qalb yang digunakan oleh empat imam mazhab. Kesemua bentuk pendekatan PdP berasaskan al-Qalb itu kemudiannya dianalisis dan ia membentuk lima tema iaitu kasih sayang, menyelami kehendak murid, amalan sunnah, kesucian jiwa dan keberkatan ilmu. Akhirnya, sebuah struktur pendekatan PdP telah dicadangkan untuk digunakan dalam aktiviti PdP pada fasa sebelum, semasa, dan juga selepas PdP. Kajian oleh Amir Mohd. Nason (2019)

tersebut mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji seperti pendekatan kualitatif, kaedah dokumentasi bagi pengumpulan data dan kaedah analisis kandungan bagi penganalisan data. Namun, pengkaji turut melakukan kajian lapangan dan menggunakan kaedah temu bual dalam kajian ini. Matlamat kajian juga hampir sama iaitu penambahbaikan dalam pendekatan pelaksanaan PdP. Dari segi topik kajian, kedua-dua kajian membincangkan al-Qalb sebagai teras dan asas kepada pendekatan yang ingin diketengahkan. Dalam pada itu, aspek yang membezakan kedua-dua kajian ialah kajian oleh Amir Mohd. Nason (2019) menumpukan sirah empat imam mazhab, bentuk PdP empat imam mazhab, sementara kajian ini menumpukan karya ilmuwan seperti al-Hakim al-Tirmidhiy, al-Ghazaliy, Ibnu Taimiyah serta ilmuwan lain yang menunjukkan signifikan khususnya dalam membahaskan peranan intelektual al-Qalb. Kajian oleh Amir Mohd. Nason (2019) telah mempamerkan keunikan pendekatan berteraskan Islam iaitu sebuah pendekatan PdP berasaskan al-Qalb daripada sirah empat imam mazhab. Namun begitu, perbincangan dan dapatan kajian tersebut lebih cenderung kepada domain afektif al-Qalb dalam perhubungan guru-murid seperti adab, nasihat, doa dan ikatan hati antara guru dengan murid dalam pendekatan PdP, manakala kajian ini turut meneliti domain kognitif al-Qalb.

Selain itu, Nurzatil Ismah Azizan dan Zulkifli Mohd Yusoff (2017) menganalisis unsur al-Qalb yang membentuk keperibadian remaja. Hal ini kerana al-Qalb penting sebagai elemen asas kerohanian manusia. Ia juga mengawal unsur rohani yang lain seperti *al-Ruh*, *al-Fuad*, *al-Nafs*, *al-'Aql* serta seluruh badan. Jati diri yang unggul tercatat dalam al-Qur'an melalui kisah-kisah para pemuda iaitu keberanian menegakkan kebenaran, menjauhi maksiat dan bersabar. Remaja yang unggul tidak mudah terpengaruh dengan

situasi sosial yang negatif. Malah mereka berani berdakwah tanpa segan silu. Hasil kajian Nurzatil Ismah Azizan dan Zulkifli Mohd Yusoff (2017) mendapati personaliti remaja dipengaruhi oleh unsur al-Qalb yang beriktikad dengan akidah yang benar.

Sebagai kesimpulannya, literatur tentang konsep al-Qalb telah menyentuh pelbagai aspek yang relevan bagi kajian ini seperti definisi, jenis dan keadaan, sifat, fungsi dan kaedah pembangunan al-Qalb. Kajian oleh Muhammad Nasruddin dan Abdul Muiz (2020), Agustiar (2015), Ryandi (2014), Daud Lin Abdullah et al. (2014), Raji Mubin Olatoye (2013) dan Jabar Ahmad (2008) telah memperlihatkan peranan intelektual al-Qalb dari pelbagai perspektif iaitu al-Qur'an, Hadis dan neurosains. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut kurang menyentuh perbincangan berkaitan pendekatan bersepadu al-Qalb dalam konteks Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi sistem pendidikan Islam, khususnya yang berbentuk formal. Sementara itu, kajian oleh Amir Mohd. Nason (2019) telah membentuk pendekatan PdP berasaskan al-Qalb, namun kajian tersebut tidak memfokuskan perbincangan tentang domain kognitif al-Qalb. Oleh yang demikian, terdapat dua jurang penyelidikan berkaitan konsep al-Qalb telah dikesan dalam kajian yang telah dijalankan. Pertama, dari sudut praktikal iaitu pendekatan al-Qalb dalam komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab. Kedua, sudut metodologi iaitu kajian-kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk dokumentasi serta tiada penglibatan responden kajian.

1.7.2 Kemahiran Berfikir dari Perspektif Islam

Amalan berfikir tidak dapat dipisahkan dengan tradisi keilmuan dalam Islam (Mohd Nasir et al., 2014). Berfikir merupakan proses untuk mendapatkan maklumat atau ilmu

yang dilakukan secara bermotif dalam pelbagai tingkat kemahiran berfikir seperti pemikiran kritis dan kreatif (Adnan Yusuf & Abdul Nasir, 2017).

Kajian oleh Anita Ismail et al. (2020) telah meneroka hubungan penting antara pemikiran kreatif dan kritis dalam konteks penyelesaian masalah. Kajian tersebut menekankan bahawa kedua-dua bentuk pemikiran ini adalah penting dalam membangunkan penyelesaian inovatif dan meningkatkan proses membuat keputusan. Pemikiran kreatif mendorong penghasilan idea baru, manakala pemikiran kritis memberikan kerangka analitikal yang diperlukan untuk menilai idea tersebut dengan berkesan. Hasil sintesis penemuan dari pelbagai kajian, Anita Ismail et al. (2020) menekankan kepentingan memupuk persekitaran pendidikan yang mendukung kemahiran pemikiran kreatif dan kritis, dengan menyatakan bahawa pendekatan sebegini bukan sahaja melengkapi individu untuk menangani masalah kompleks tetapi juga mempromosikan pembelajaran seumur hidup dan kebolehsuaian dalam dunia yang sentiasa berubah. Akhirnya, para penulis berpendapat bahawa pengintegrasian kedua-dua mod pemikiran ini adalah penting untuk mencapai kemampuan penyelesaian masalah yang komprehensif, sekaligus menyumbang kepada kemajuan diri dan masyarakat.

Sementara itu, Nursafra Mohd Zhaffar et al. (2017) telah mengulas berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan elemen pemikiran kritis yang merupakan satu daripada elemen KBAT yang diamalkan dalam sistem pendidikan masa kini. Elemen pemikiran kritis merangkumi dua aspek, iaitu kemahiran kognitif dan sikap kognitif. Kemahiran kognitif boleh dioperasikan mengikut prosedur berfikir yang dicadangkan atau diaplikasikan secara berasingan mengikut keperluan dalam

pembelajaran. Sementara itu, sikap kognitif akan berusaha memanfaatkan pemikiran kritis dalam kehidupan sang pemikir. Sebaliknya, pemikir kritis yang tidak prihatin akan bertindak melulu kerana tidak menyedari kemahiran kognitif pada dirinya atau sengaja memilih untuk tidak menggunakannya. Ciri-ciri sikap kognitif ialah keinginan untuk berfikir kritis, mengaplikasikannya pada pemikiran sendiri dan bertindak mengikut prinsip pemikiran. Pemikiran kritis dalam Islam lebih utama kerana ia memberi penekanan terhadap aspek akidah dan akhlak. Kajian oleh Nursafra Mohd Zhaffar et al. (2017) mendapati bahawa pemikiran kritis dan kreatif adalah sebahagian daripada KBAT dan fungsinya adalah untuk membentuk pelbagai kemahiran, serta memupuk sikap dan nilai.

Oleh yang demikian, kajian oleh Anita Ismail et al. (2020) dan Nursafra Mohd Zhaffar et al. (2017) telah memperlihatkan sisi baik pemikiran kritis dan kreatif dalam pembelajaran untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, pengasuhan akal fikiran dan kemahiran berfikir menurut Islam mempunyai acuannya tersendiri dan tidak boleh terikat dengan piawaian konsep pemikiran dalam pandangan Barat yang disangkakan telah mencukupi keperluan manusia (Mohd Zaidi Ismail, 2019; Norillah Abdullah et al., 2021). Malahan itu, kajian membuktikan terdapat kelemahan dalam konsep dan teori kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Nursyahirah et al. (2018) menyatakan ilmuwan Barat sendiri telah memberikan kritikan terhadap Taksonomi Bloom dalam tiga aspek, iaitu bentuk susunan hierarki, pengelasan semula struktur dan kegunaannya dalam proses pembelajaran, justeru wujud keperluan pembentukan taksonomi berfikir yang baharu yang lebih sesuai untuk diaplikasikan. Menurut kajian oleh Nursyahirah et al. (2018) tersebut, penilaian

terhadap taksonomi berfikir sepatutnya dilakukan berdasarkan al-Qur'an yang telah pun menggariskan ciri kemahiran berfikir yang sesuai untuk diaplikasikan sepanjang zaman. Antara peringkat pemikiran menurut al-Qur'an yang diperlihatkan dalam kajian tersebut ialah *idrak hissi* (deria), *idrak ma'nawi* (akal), *tadhakkur* (mengingat), *qiyas* (perumpamaan), *istiqlal* (pengurangan), *istinbat* (mengeluarkan hukum), *taqdim* (menilai) dan *tafakkur* (muhasabah) di peringkat yang tertinggi.

Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2016) juga menegaskan bahawa konsep kemahiran berfikir dalam Islam sebenarnya lebih awal dibincangkan oleh para sarjana meskipun tidak diwujudkan teori seperti dalam kerangka pengkajian Barat. Hal ini berdasarkan tiga kerangka utama amalan pengajaran guru menurut al-Ghazaliy melalui penulisannya yang mempunyai ciri-ciri kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu kefahaman tentang konsep ilmu, proses pengajaran dan nilai dalam pengajaran yang mampu membina keupayaan kognitif dalam kalangan pelajar dan dijadikan kayu ukur dalam proses pengajaran.

Sehubungan dengan itu, Mohd Syaubari Othman et al. (2017) telah meneliti konsep *malakah* di sisi Ibnu Khaldun untuk diterapkan bersama-sama teori KBAT, bertujuan meletakkan proses kemahiran berfikir mengikut falsafah Islam sendiri. Konsep *malakah* bermaksud bakat menggunakan pemikiran seperti penggabungan sesuatu kemahiran dengan situasi yang berbeza justeru hal ini dapat meningkatkan tahap pemikiran. Terdapat empat tingkat kemahiran dalam konsep *malakah*, iaitu '*aql tamyizi* (yang menanggapi dan membuat perbezaan), '*aql tajribi* (kemampuan berfikir melalui pengalaman dan perhubungan manusia), '*aql nazari* (kemampuan membuat perbandingan serta menghubungkan maklumat) dan *hakikat insaniyah* (tanggapan

yang menyeluruh berdasarkan pelbagai kepintaran, menyelidik perbezaan sebab-musabab dan punca-puncanya) yang dicapai oleh kebersihan jiwa.

Menurut Mohammad Manzoor Malik (2017), konsep berfikir dalam Islam terbentuk sebagai kesatuan minda dengan al-Qalb iaitu melalui proses *tadhakkur* (menyebut), *tafakkur* (berfikir), *tadabbur* (berfikir lebih mendalam) dan *ta'addul* (menaakul) yang dirakamkan dalam al-Qur'an. Justeru, konsep berfikir dalam Islam adalah berkait rapat dengan al-Qalb dan dapat memberi kesan terhadap akhlak kerana al-Qalb merupakan tempat iman, ihsan, takwa, ikhlas dan segala sifat mahmudah. Dapatan kajian oleh Mohammad Manzoor Malik (2017) selari dengan kajian Zainorah Kadri dan Mohd Fauzi Hamat (2012) yang telah menganalisis domain pemikiran kritis dalam al-Qur'an.

Analisis domain pemikiran kritis dalam al-Qur'an oleh Zainorah Kadri dan Mohd Fauzi Hamat (2012) dilakukan berdasarkan bidang semantik bagi istilah-istilah dalam al-Qur'an yang bersinonim dengan aspek pemikiran kritis. Hasil dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa pemikiran kritis berdasarkan al-Qur'an adalah berbentuk sintesis antara tiga domain utama pemikiran kritis. Tiga domain tersebut ialah pendengaran, penglihatan dan perenungan. Data dan informasi daripada penglihatan adalah lebih tinggi berbanding pendengaran. Namun, daya ingatan pendengaran adalah lebih tajam daripada penglihatan, malah lebih awal perkembangannya semasa di alam janin. Bagi domain perenungan, pancaindera yang terlibat ialah *al-Qalb* dan *al-Fuad* yang membawa maksud hati. Lafaz *al-Fuad* dalam al-Qur'an sering digandingkan dengan pendengaran (*sama'*) dan penglihatan (*basar*). Sementara lafaz *al-Qalb* lebih umum dan meluas. Ia digandingkan dengan istilah akal (*'aql*), kefahaman (*fiqh*) dan ilmu (*'ilm*). Daya berfikir pada *al-Qalb* ialah daya

rasional, kejiwaan dan perasaan. Seorang yang berfikir dengan al-Qalb mampu untuk mencapai kebenaran dan kemuncaknya dapat memahami sifat Allah SWT serta beriman kepada-Nya.

Sehubungan dengan itu, Norfadalah Nordin dan Ahmad Tijani (2015) telah merangka sebuah model teoretikal pemikiran kritis yang bertujuan mengembangkan kemahiran berfikir pelajar secara bersepadu bersama konsep al-Qalb. Model tersebut adalah berasaskan lima istilah al-Qur'an yang merujuk kepada elemen-elemen pemikiran, iaitu *tadabbur* (berfikir secara mendalam), *tafqi* (memahami), *tafakkur* (berfikir), *ta'qil* (memahami) dan *tadhakkur* (mengingat) yang juga bersinonim dengan pemikiran.

Berdasarkan elemen kemahiran berfikir tersebut, Tengku Nor Husna et al. (2019) telah menjelaskan pendekatan *tadhakkur* (mengingat) yang menggunakan kaedah pengulangan (ilmu) hingga memberi impak ingatan yang kuat bagi mencapai kemahiran berfikir aras tinggi. Proses hafalan melalui pendekatan *tadhakkur* jelas berbeza dengan taksonomi Bloom yang meletakkannya di peringkat aras rendah. Justeru, kajian ini mendapati bahawa pendekatan *tadhakkur* adalah satu pendekatan yang relevan untuk meningkatkan kemahiran berfikir dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Dapat disimpulkan bahawa teori kemahiran berfikir mempunyai signifikannya terhadap pendidikan (Anita Ismail et al., 2020; Nursafra Mohd Zhaffar et al., 2017). Namun, Islam sendiri telah memberikan garis panduan asas berdasarkan al-Qur'an dalam pengembangan potensi dan pelbagai bentuk kemahiran berfikir tanpa

membataskan elemen kritis dan kreatif selagi ia tidak melampaui had akal dan syarak. Tujuannya adalah supaya manusia dapat mengoperasikan sebaiknya potensi akal serta mengiktiraf peranan struktur jiwa terutamanya al-Qalb dalam proses berfikir dan intelektual bagi meningkatkan martabat hidup sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Sehubungan dengan itu, kajian yang telah dijalankan jelas menunjukkan fungsi kognitif al-Qalb yang membezakan kerangka pemikiran antara Islam dengan Barat seperti dalam kajian Tengku Nor Husna et al. (2019), Mohammad Manzoor Malik (2017), Mohd Syaubari Othman et al. (2017), Norfadelah Nordin dan Ahmad Tijani (2015), Zainoriah Kadri dan Mohd Fauzi Hamat (2012). Analisis literatur kajian pada keseluruhan bahagian ini mendapati bahawa wujud kesinambungan topik kajian yang akan dijalankan iaitu hubung kait al-Qalb dengan komponen ijtihadik yang mengandungi elemen KBAT seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, sekaligus menggariskan jurang penyelidikan kerana tidak ada dikaitkan secara khusus komponen ijtihadik atau Program Ulul Albab dalam kajian yang telah dijalankan.

1.7.3 Program Ulul Albab

Perbincangan berkaitan Program Ulul Albab sejak sedekad yang lalu menyentuh aspek sejarah, konseptual dan harapan bagi program tersebut, seperti kajian oleh Wan Mariana Wan Mohamad dan Mohd Shafiee Hamzah (2012) dan Hisham Abdul Majid (2017). Selain itu, kajian yang telah dijalankan antaranya berbentuk kajian kes terhadap pelaksanaan Program Ulul Albab (Norhazriah Mohamed @ Ismail, 2012; Mohd Shahril Ahmad Razimi & Sidek Baba, 2013) dan tinjauan terhadap aspek sahsiah dan kerohanian (Nik Safiah Nik Abdullah et al., 2015; Umi Kalthom et al., 2014).

Wan Mariana Wan Mohamad dan Mohd Shafiee Hamzah (2012) telah mengulas berkenaan konsep ulul albab dalam pendidikan. Penulis menyatakan bahawa ulul albab merupakan istilah al-Qur'an dan menjelaskan maknanya menurut *mufasssir* (ahli tafsir al-Qur'an) dan para ilmuwan. Penulis juga telah menghuraikan definisi setiap komponen ulul albab yang telah dibentuk iaitu qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik bagi tujuan penerapan dalam pendidikan. Adalah tidak mustahil sistem pendidikan bersifat qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik mampu untuk melahirkan generasi ulul albab seperti Ibnu Rusyd, al-Faraby, Ibnu Khaldun dan para cendekiawan yang unggul dalam sejarah keilmuan umat Islam.

Hisham Abdul Majid (2017) turut membincangkan konsep pendidikan ulul albab, dalam konteks untuk melahirkan generasi pemimpin masa hadapan. Kertas kajian ini menjelaskan hubungan rapat antara Sains dan Islam. Matlamat Sains dalam Islam yang secara umumnya berkaitan dengan akidah, '*ubudiyyah* (penghambaan kepada Allah SWT), dan sumbangan ilmiah yang meningkatkan intelektual masyarakat, mampu untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang akan menggalas tanggungjawab sebagai pemimpin dan bersedia mendepani cabaran-cabaran yang bakal tiba. Program Ulul Albab diyakini dapat memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Program ini juga dilihat dapat bergerak seiring dengan keperluan abad ke-21 dan berpotensi mencapai dasar Transformasi Nasional 2050 menerusi individu yang dapat menyumbang dalam pelbagai aspek terutamanya agama, politik, ekonomi dan sosial.

Sehubungan dengan itu, Norhazriah Mohamed @ Ismail (2012) telah menganalisis corak pelaksanaan Program Ulul Albab melalui kajian kes ke atas Sekolah Menengah Imtiaz di negeri Terengganu sebagai sekolah pertama yang memperkenalkan Program

Ulul Albab di negara ini. Dalam kajian tersebut, penulis telah menyoroti sejarah awal penerapan Program Ulul Albab sebagai satu langkah kerajaan untuk menghadapi peningkatan pelbagai masalah sosial dalam kalangan remaja. Menurut penulis, faktor utama yang menyebabkan gejala sosial ialah sistem pendidikan yang tidak holistik dan tidak menghubungkan bidang akademik dengan hal semasa seperti cabaran ekonomi, sosial dan sebagainya. Justeru, Program Ulul Albab menekankan integrasi ilmu duniawi dan ukhrawi, pembudayaan al-Qur'an, serta menjadikan al-Qur'an sebagai teras pembelajaran dan falsafah pendidikan yang berasaskan ciri qur'anic, ensiklopedik dan ijtihadik.

Mohd Shahril Ahmad Razimi dan Sidek Baba (2013) pula telah menjalankan kajian kes pelaksanaan Program Ulul Albab di MRSM Kota Putra, Besut, Terengganu untuk meneliti pendekatan sekolah tersebut dalam mengintegrasikan al-Qur'an dan Sains. Pengenalan kepada kriteria kemasukan pelajar, proses implementasi oleh sekolah, dan jadual harian Program Ulul Albab MRSM diperlihatkan dalam kajian tersebut. Hasil temu bual dan dokumentasi menerusi kajian tersebut mendapati bahawa Program Ulul Albab sesuai diimplementasi dan wajar dikembangkan ke sekolah-sekolah Islam di serata dunia.

Sementara itu, Umi Kalthom et al. (2014) telah menjalankan kajian untuk menyelidik harapan pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi Program Ulul Albab MRSM Kota Putera dalam aspek pembangunan sahsiah pelajar. Dapatan kajian ini memperlihatkan dua keperluan utama dalam pembangunan sahsiah pelajar Program Ulul Albab. Pertama, penerapan kasih sayang diintegrasikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi memupuk akhlak kepada pelajar. Kedua, penekanan dalam pembinaan

akhlak dan sahsiah seiring dengan aspek akademik bagi melahirkan modal insan yang unggul.

Seterusnya, kajian oleh Nik Safiah Nik Abdullah et al. (2015) bertujuan mengkaji penekanan aspek kerohanian dalam aktiviti-aktiviti di MRSM Ulul Albab Gemencheh, Negeri Sembilan. Kajian tersebut telah mengesan cara pengurusan sesuatu aktiviti bersifat kerohanian serta bentuk penekanan kerohanian sama ada kurikulum, aktiviti asrama atau aktiviti kemasyarakatan. Pelbagai aktiviti ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan pelajar. Namun begitu, pelajar tidak dapat memberikan komitmen sepenuhnya kerana kekangan masa antara aktiviti akademik dan aktiviti kerohanian.

Kesimpulannya, perbincangan tentang penambahbaikan Program Ulul Albab masih agak terhad, kurang menyeluruh dan terkini, merangkumi tiga institusi pendidikan menengah iaitu Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, sekolah terpilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab dengan cawangan yang semakin bertambah saban tahun. Perbincangan literatur kajian yang menyentuh aspek penambahbaikan Program Ulul Albab seperti kajian yang dijalankan Umi Kalthom et al. (2014), Nik Safiah Nik Abdullah et al. (2015) dan kajian yang akan disorot pada bahagian berikutnya adalah diperlukan untuk memastikan kejayaan Program Ulul Albab terus mekar.

1.7.4 Komponen Ijtihadik

Untuk menjayakan Program Ulul Albab secara konsisten, sudah tentu perlunya penilaian berterusan ke atas setiap komponen program tersebut. Arniyuzie Mohd

Arshad (2015) telah membuat ulasan sistematik keberkesanan Program Ulul Albab melibatkan tiga institusi pendidikan iaitu Sekolah Imtiaz Yayasan Terengganu, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sekolah-sekolah terpilih bawah KPM. Penelitian terhadap modul Program Ulul Albab bagi ketiga-tiga institusi tersebut mendapati adanya perbezaan pada kandungan kurikulum, namun semuanya berlandaskan matlamat yang sama iaitu melahirkan generasi Ulul Albab yang mempunyai ciri qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik. Analisis ke atas artikel berkaitan Program Ulul Albab menunjukkan program ini berjaya mencapai objektif yang dinilai berdasarkan kemahiran, minat, motivasi, keperibadian dan kemenjadian murid. Sungguhpun demikian, terdapat cadangan penambahbaikan yang wajar dilakukan seperti pemerksaan kualiti guru, intergrasi ilmu *aqli* (berasaskan rasional) dan *naqli* (berasaskan nas), serta penyepaduan elemen KBAT dalam Program Ulul Albab (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015).

Sementara itu, kajian oleh Muhd Zulhimi Haron (2019) telah membincangkan isu dan permasalahan program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) antaranya matlamat dan hala tuju TMUA, pencapaian hafazan murid, kemudahan yang disediakan, serta proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Terdapat empat aspek penting perlu diberikan penekanan dalam pelaksanaan kurikulum TMUA iaitu aspek konteks, input, proses dan produk. Berdasarkan kajian tersebut, objektif untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ciri qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik adalah belum sepenuhnya tercapai kerana guru lebih menumpukan komponen qur'anik. Walaupun demikian, PdPc fiqh ayat tidak selaras sepertimana kandungan kurikulum TMUA. Pendekatan yang digunakan semasa PdPc Hifz al-Qur'an lebih bersifat tradisional dan kurang berinovasi, serta terdapat keciciran hafazan terkumpul. Malah, terdapat kelemahan

komponen ijtihadik, iaitu dalam aspek keupayaan berfikir kritis dan kreatif, serta kurangnya kemampuan pelajar untuk memberi pandangan dalam penyelesaian masalah. Hal ini kerana guru kurang menumpukan pada komponen ijtihadik dan kurang menghubungkan pelajaran ilmu al-Qur'an dengan kehidupan seharian (Muhd Zulhimi Haron, 2019).

Di samping itu, kajian Zainora Daud et al. (2018) menghasilkan dapatan yang hampir sama mengenai perlunya penambahbaikan komponen ijtihadik. Dalam kajian tersebut, penulis telah menganalisis pelaksanaan komponen Program Ulul Albab di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan dengan kaedah tinjauan menggunakan soal selidik. Kajian tersebut mendapati bahawa Program Ulul Albab MRSM Gemencheh telah berjaya menerapkan komponen qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik. Namun, terdapat segelintir pelajar lemah dalam hafazan, tidak mempunyai pengalaman menghafaz dan menggunakan kaedah sendiri dalam hafazan, sementara penambahbaikan komponen ijtihadik pula diperlukan kerana masih terdapat kelemahan dalam aspek sikap disiplin dan kemahiran berfikir.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa kajian penambahbaikan komponen ijtihadik masih kurang walaupun cadangan penambahbaikan komponen ini telah berlanjutan sejak sekian lama. Secara keseluruhannya, terdapat beberapa jurang penyelidikan seperti pendekatan al-Qalb dalam PdP dan program Pendidikan Islam yang cenderung kepada pembinaan kemahiran berfikir, penambahbaikan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab dan metode kajian lapangan dengan penglibatan responden bagi dua topik tersebut. Oleh sebab wujudnya perkaitan antara peranan al-

Qalb dengan komponen ijthadik, maka kajian ini dijalankan untuk membentuk model al-Qalb dalam komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab.

1.8 Metodologi Kajian

Kajian dan penyelidikan merupakan pencarian yang melibatkan proses penjelasan, pentafsiran, penilaian atau pengubahsuaian sesuatu teori atau dapatan daripada kajian yang sedia ada (Ahmad Sunawari Long, 2018). Untuk itu, metodologi kajian akan bertindak sebagai tatacara pelaksanaan kajian yang rapi dan teratur bagi mencapai matlamat kajian yang dijalankan.

Pada bahagian ini akan dijelaskan metodologi yang digunakan dalam kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data.

1.8.1 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan rancangan kajian yang memuatkan tujuan, prosedur, unit analisis dan pendekatan yang digunakan oleh pengkaji (Sabitha Marican, 2006). Creswell (1998) mendefinisikan reka bentuk kajian sebagai keseluruhan proses penyelidikan bermula daripada merangka konseptual masalah sehingga kepada penulisan laporan kajian (Othman Lebar, 2018). Reka bentuk kajian dapat ditentukan berdasarkan persoalan kajian yang cuba dikaji (Sabitha Marican, 2006).

Kajian ini mengkaji tentang pelaksanaan ijthadik dalam Program Ulul Albab serta melihat hubungan ijthadik dengan al-Qalb. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk eksploratif (*exploratory research design*). Pendekatan dan reka bentuk ini dipilih kerana kajian ini bersifat penerokaan dan

pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji iaitu pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab. Penerokaan berlaku dalam pengumpulan data semasa menemubual responden mengenai bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab yang agak samar kerana sumber perpustakaan kurang menjelaskan topik kajian. Menurut Sabitha Marican (2006), pendekatan kualitatif mementingkan interaksi antara idea dan juga fakta dalam membangunkan sesuatu teori berdasarkan kepada pengumpulan dan penganalisan data. Reka bentuk eksploratif pula digunakan dalam sesebuah kajian apabila maklumat yang tersedia adalah tidak mencukupi dan ia membantu menjelaskan masalah kajian serta hipotesis bagi menentukan keutamaan kajian tersebut (Olajide Olubayo Thomas & Oloyede Raheem Lawal, 2020).

1.8.2 Pengumpulan Data

Dua kaedah pengumpulan data diaplikasikan dalam kajian ini iaitu dokumentasi dan temu bual. Kaedah dokumentasi penting untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada sumber yang boleh dipercayai, mendalam dan dapat mengukuhkan pandangan ilmiah. Temu bual pula membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan berbentuk pandangan yang diperoleh secara langsung daripada responden kajian (Ahmad Sunawari Long, 2018).

1.8.2.1 Dokumentasi

Dalam kajian ini, kaedah dokumentasi diguna pakai untuk mendapatkan maklumat yang signifikan berkaitan konsep al-Qalb, Program Ulul Albab dan komponen ijtihadik. Kaedah dokumentasi yang dilakukan adalah secara kajian perpustakaan iaitu

dengan merujuk sumber yang terdiri daripada artikel, jurnal, buku, tesis dan kertas pembentangan persidangan.

Pendokumentasian konsep al-Qalb telah dilakukan dengan merujuk karya penulisan ilmuwan Islam. Dokumentasi karya ilmuwan dapat memperlihatkan pandangan serta perbincangan mereka berkaitan al-Qalb melalui dalil-dalil daripada al-Qur'an dan Hadis yang membicarakan tentang al-Qalb. Justeru, tafsir ayat al-Qur'an dan huraian hadis berkaitan al-Qalb dijadikan rujukan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang topik kajian. Di samping itu, satu persidangan meja bulat (*Focus Group Discussion*) penilaian Model KBAT Qalbun Faqih bersama pakar turut dihadiri pengkaji bertempat di Hotel EDC, Sintok, Kedah, pada tarikh 8 dan 9 Februari 2022, bagi mendapatkan input yang bermanfaat kepada kajian.

Bagi pengumpulan maklumat berkaitan Program Ulul Albab dan komponen ijthadik, dokumen yang dirujuk terdiri daripada buku, artikel, jurnal, laman web dan kertas kerja ilmiah. Buku "*The Origin, Conception, Planning, Development, and Implementation of the First Ulul Albab Educational Programme: The Untold Story of Imtiaz Kota Putera, Besut, Terengganu*" (Umi Kalthom Abdul Manaf et al., 2021) menjadi rujukan pengkaji memandangkan terdapat maklumat yang relevan dengan topik kajian yang dijalankan.

1.8.2.2 Temu bual

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi berstruktur. Menurut Othman Lebar (2018), kaedah temu bual semi berstruktur adalah tidak terlalu seragam, namun tidak juga terlalu fleksibel. Meskipun soalan ditentukan dahulu oleh

penyelidik, responden diberikan peluang untuk mengembangkan lagi jawapan daripada soalan yang terbuka. Kaedah ini juga adalah yang terbaik dalam penerokaan, penjelasan atau penghuraian faktor dan subfaktor dalam kajian.

Soalan temu bual kajian ini telah dibentuk berdasarkan kepada objektif yang ingin dicapai. Item soalan dibentuk, seterusnya dinilai dan disahkan terlebih dahulu oleh pakar dalam bidang Pendidikan Islam. Soalan-soalan tersebut kemudiannya dikemaskini menjadi set soalan yang lengkap. Akhir sekali, temu bual dijalankan di setiap sekolah yang terlibat untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang penerapan komponen ijtehadik dari perspektif institusi Program Ulul Albab.

Seramai 11 orang responden telah dipilih untuk sesi temu bual bagi kajian ini. Menurut Jane Ritchie (2003), persampelan kajian kualitatif adalah kecil kerana sebab-sebab seperti berikut:

- i) Peningkatan saiz sampel mungkin tidak menambah bukti yang baru.
- ii) Tiada keperluan untuk memastikan sampel benar-benar cukup bagi menentukan pembolehubah secara statistik.
- iii) Kajian kualitatif memberikan maklumat yang mendalam. Justeru saiz sampel hendaklah disimpan dalam skala yang rendah.
- iv) Kajian kualitatif perlu kepada sumber yang intensif. Maka, akan timbul kesukaran pada proses analisis ratusan temuduga atau pemerhatian.

Pemilihan responden dilakukan berdasarkan tiga kriteria iaitu jawatan khusus yang signifikan dengan komponen ijthadik atau Program Ulul Albab, pengalaman mengajar minimum 5 tahun, dan cadangan dari pihak sekolah yang terlibat dalam kajian ini iaitu MRSM Kepala Batas dan SMK Agama Kedah. Oleh itu, kesemua responden adalah terdiri daripada guru dan pentadbir yang terlibat secara langsung dalam Program Ulul Albab.

Seramai 7 orang responden mewakili MRSM Kepala Batas termasuklah seorang pengetua, seorang penyelarar Program Ulul Albab dan seorang penyelarar komponen ijthadik. Sementara itu, 4 orang responden mewakili SMK Agama Kedah (Responden 8-11). Ketidakselarian jumlah dan jawatan antara dua sekolah ini adalah disebabkan faktor kekangan masa responden yang mungkin terlibat. Justeru, pihak pentadbiran sekolah telah mencadangkan responden yang dapat meluangkan masa untuk sesi temu bual bagi kajian ini. Sebahagian responden mempunyai jawatan khusus serta signifikan terhadap data kajian seperti Pengetua, Penyelarar Program Ulul Albab, Penyelarar Ijthadik, Penyelarar Tingkatan 3 dan Guru Cemerlang Maharat al-Qur'an.

Jadual 1.1 di bawah menunjukkan demografi latar belakang responden kajian:

Jadual 1.1

Latar Belakang Responden Kajian

Institusi	Bilangan responden	Jawatan Khusus Program Ulul Albab	Subjek yang diajar dan pernah diajar
MRSM Kepala Batas	7	- Pengetua (seorang) - Penyelaras Program Ulul Albab (seorang) - Penyelaras Ijtihadik (seorang)	- Pendidikan Al-Qur'an Dan Sunnah - Pendidikan Syariah Islamiah - Pendidikan Islam - Bahasa Arab
SMK Agama Kedah	4	- Penyelaras Tingkatan 3 (seorang) - Guru Cemerlang Maharat al-Qur'an (seorang)	- Pendidikan Islam - Bahasa Arab - Hifz Al-Qur'an - Maharat Al-Qur'an

1.8.3 Penganalisisan Data

Penganalisisan data penting untuk mencari makna bagi data yang terkumpul (Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017). Analisis data ialah proses menyusun, menstrukturkan dan menginterpretasikan data-data yang dikumpul (Othman Lebar, 2018). Tanpa analisis, data-data yang dikumpulkan masih bersifat mentah.

Bagi kajian ini, data berbentuk tulisan dan temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan merujuk kepada penjelasan ke atas maklumat tersurat yang dilakukan secara objektif dan sistematik (Ahmad Munawar Ismail & Mohd. Nor Shahizan Ali, 2015). Ahmad Munawar Ismail dan Mohd. Nor Shahizan Ali (2015) merumuskan kaedah menganalisis kandungan daripada Sabitha Merican (2005) dan Creswell (2009). Pertama, mengenal pasti konsep daripada setiap set dokumentasi. Kedua, menghuraikan dan mendalami secara terperinci konsep-konsep

yang telah dikenal pasti. Ketiga, memberi penumpuan kepada makna dan signifikan hubungan.

Proses analisis ini melibatkan buku-buku yang relevan dalam pendefinisian konsep al-Qalb, penstrukturan fungsi berfikir al-Qalb dan konseptual ijthadik. Teknik yang sama turut digunakan pada bahagian sorotan literatur bersumberkan artikel, jurnal, tesis, buku dan kertas pembentangan persidangan. Data temu bual dianalisis melalui transkripsi data, seterusnya data ditaip dan dikelompokkan mengikut tema dan kategori yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian. Hubungan antara objektif kajian, persoalan kajian dengan kaedah penganalisan data adalah seperti dalam Jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2

Hubungan antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian dengan Kaedah Analisis Data

Bil.	Objektif	Persoalan kajian	Kaedah penganalisan data
1.	Mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pembinaan elemen ijthadik.	Apakah konsep al-Qalb dalam pembinaan elemen ijthadik?	Analisis kandungan
2.	Menganalisis bentuk pelaksanaan komponen ijthadik dalam Program Ulul Albab.	Bagaimanakah bentuk pelaksanaan komponen ijthadik dalam Program Ulul Albab?	Analisis kandungan
3.	Membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab.	Bagaimanakah model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab?	Analisis kandungan

1.8.4 Kesahan Data dan Kebolehpercayaan Kajian


Penentuan kesahan data bagi kajian ini berkait rapat dengan kaedah pengumpulan data dan etika dalam penyelidikan. Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah dokumentasi dan temu bual. Penggunaan lebih daripada satu kaedah dapat menghasilkan rantaian bukti bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian (Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017). Bagi mencapai kesahan data, pengkaji memastikan tidak berlaku bias dalam proses pengumpulan data. Sumber kajian perpustakaan yang dipilih adalah sumber autentik ulama Islam yang membincangkan berkaitan al-Qalb dan peranannya dalam aspek intelektual, sementara bagi kajian lapangan pula, responden diberikan kebebasan untuk memberikan sebarang pandangan secara langsung.

Di samping itu, kajian ini telah melalui proses semakan oleh pakar bidang kajian bagi membuktikan kesahan data. Dua orang pakar yang merupakan pensyarah bidang Pengajian Islam di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dilantik menjadi panel penilai kesahan data seterusnya data kajian telah mendapat pengesahan daripada mereka sekaligus menjamin kebolehpercayaan kajian ini.

Oleh yang demikian, penggunaan pelbagai kaedah, hubungan data oleh responden dari institusi yang berbeza, dan pengesahan pakar bidang kajian menjadikan kajian ini mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik, justeru kajian ini boleh digunakan dalam kajian atau pelaksanaan susulan berkaitan penambahbaikan Program Ulul Albab. Menurut Lincoln dan Guba (1985), kebolehpercayaan dalam suatu kajian melibatkan empat perkara iaitu dapatan boleh dipercayai (*credibility*), dapatan boleh

digunakan dalam konteks yang lain (*transferability*), dapatan boleh diulang semula (*dependability*) dan dapat dipastikan tidak bias (*confirmability*).

1.8.5 Prosedur Kajian




Rajah 1.1: Kerangka prosedur kajian (ubah suai daripada Siti Uzairiah Mohd Tobi, 2017)

Rajah 1.1 menjelaskan langkah pelaksanaan kajian ini yang mengandungi enam langkah utama untuk mencapai matlamat kajian. Langkah tersebut dibahagikan kepada empat peringkat penyelidikan.

Peringkat pertama merupakan ‘peringkat pengenalan’ topik dan skop kajian. Peringkat ini melibatkan proses penelitian terhadap konsep al-Qalb, Program Ulul Albab secara amnya dan komponen ijthadik secara khasnya. Peringkat kedua ialah ‘peringkat pembangunan’ yang merujuk kepada pengenalpastian masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan konseptual kajian. Peringkat ketiga pula ialah ‘peringkat penggunaan’ mekanisme utama bagi menjawab persoalan kajian iaitu temu bual semi berstruktur mengenai pelaksanaan penerapan komponen ijthadik. Sementara itu, peringkat keempat ialah ‘peringkat pemurnian’ iaitu proses menganalisis data dan perbincangan dapatan kajian.

1.8.6 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2: Kerangka konseptual kajian

Rajah 1.2 menjelaskan tentang kerangka konseptual yang terbina daripada penelitian awal pengkaji terhadap sorotan literatur dan kajian terdahulu yang telah dijalankan. Kajian terhadap pembentukan model al-Qalb dalam komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab ini telah mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik. Hal ini adalah berdasarkan peranan al-Qalb dalam perkembangan intelektual khususnya peranan sebagai instrumen berfikir dan wadah keimanan (Azlisham Abdul Aziz et al., 2021; Muhammad Nasruddin dan Abdul Muiz, 2020; Rokim, 2018; Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff, 2017; Abdul Kamil Jamaludin & Noor Shakirah Mat Akhir; 2017; Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016; Elmi Baharuddin & Zainab Ismail, 2015; Agustiar, 2015; Daud Lin Abdullah et al., 2014; Ryandi, 2014; Raji Mubin Olatoye, 2013 & Jabar Ahmad, 2008)

Walaupun al-Qalb mempunyai pelbagai fungsi yang boleh disifatkan kompleks kerana merangkumi serta mengintegrasikan domain kognitif, afektif dan psikomotor, fungsi tersebut dapat dibahagikan kepada lima yang utama iaitu berfikir, iktikad, keinginan dan niat, emosi dan gerak balas emosional (Jabar Ahmad, 2008). Kesemua fungsi ini mempunyai signifikan dalam penambahbaikan komponen ijtihadik yang mempunyai elemen kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif, kemampuan memberi idea dalam perbincangan, dan juga pembentukan sahsiah melalui penerapan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab (Zainora Daud et al., 2018). Oleh itu, kajian ini mencadangkan pembentukan sebuah model al-Qalb dalam komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan idea yang mendasari kajian ini. Ia merangkumi butiran-butiran penting kepada kajian ini terdiri daripada permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan literatur dan metodologi kajian yang diguna pakai. Rencana pembentukan model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik melalui kajian ini adalah wajar dilaksanakan kerana al-Qalb merupakan satu daripada instrumen berfikir dalam Islam. Justeru, bab seterusnya akan membincangkan tentang konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik.



BAB 2

KONSEP AL-QALB DALAM PELAKSANAAN KOMPONEN IJTIHADIK

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan berkaitan konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtiHADIK bagi Program Ulul Albab. Secara umumnya, perbincangan konsep al-Qalb dalam bab ini terdiri daripada definisi al-Qalb, perbincangan konsep al-Qalb dalam al-Qur'an dan hadis, jenis-jenis dan sifat al-Qalb, fungsi al-Qalb dan peranan intelektual al-Qalb.

2.2 Pengenalan

Dalam pandangan Islam, manusia terbentuk daripada gabungan dua unsur utama iaitu fizikal dan spiritual (Sa'id Hawwa, 1992; al-Qudah, 2015; Haron Din, 2015). Sebagaimana unsur jasad mempunyai tuntutan tertentu seperti makanan, pakaian dan perlindungan, unsur rohani juga mempunyaiuntutannya yang tersendiri iaitu seluruh intisari agama yang diringkaskan dengan kata "Islam" (Haron Din, 2015).

Antara unsur jasad dan rohani adanya al-Qalb yang mengendali akal dan nafsu demi kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat (Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016). Sehubungan dengan itu, psikologi Islam mengiktiraf serta mengambil berat peranan al-Qalb sebagai instrumen penting bagi menerapkan nilai-nilai Islam ke arah untuk mencapai matlamat pendidikan. Dengan nilai-nilai Islam itulah yang justeru membentuk sahsiah sepertimana dikehendaki Islam (Hasan Langgulong, 1981).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa terdapat hubungan yang erat lengkap-melengkapi antara *al-Din* (agama Islam) dan potensi yang ada pada manusia. Pengembangan potensi diri secara menyeluruh kepada tingkat yang lebih sempurna serta untuk mencapai keredaan Allah SWT inilah yang merupakan matlamat pendidikan Islam yang sebenarnya (Hasan Langgulang, 1981). Berikutan itu, adalah menjadi keperluan konsep al-Qalb diketengahkan sebagai teras dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

2.3 Definisi Al-Qalb

Dari sudut bahasa, al-Qalb membawa pelbagai makna seperti menterbalik, berpaling, inti, akal dan segumpal daging (*fuad*) yang bergantung di dalam badan manusia (Ibnu Manzur, t.t.). Kamus-kamus moden Bahasa Arab pula seperti al-Mu'jam al-Wasit (1972) menyatakan bahawa al-Qalb ialah “organ berotot dalaman yang menerima darah daripada salur darah dan mengepam ke arteri”, justeru “*qalb*” atau kata jamaknya “*qulub*” dalam penggunaan masyarakat Arab adalah merujuk pada jantung (Daud Lin Abdullah et al., 2014).

Dari sudut istilah pula, al-Qalb mengandungi pengertian dari dua sudut iaitu fizikal dan spiritual sebagaimana diuraikan oleh al-Ghazaliy (Najihah et al., 2018). Al-Qalb dari sudut fizikal merujuk kepada seketul daging yang terletak di bahagian dalam dada sebelah kiri dan dalamnya terdapat lubang yang mengandungi darah hitam (al-Ghazaliy, 2010). Al-Qalb dalam erti pertama ini ialah jantung yang merupakan organ terpenting dalam sistem kardiovaskular (*cardiovascular system*) pada tubuh badan manusia (Nurul Asyiqin Yusof et al., 2019).

Al-Qalb dari sudut spiritual pula dimaksudkan dengan *latifah rabbaniyyah rauhaniyyah* iaitu suatu yang halus, bersifat ketuhanan dan kerohanian. Ia merupakan hakikat diri manusia (*haqiqat al-insaniyyah*) yang berakal fikiran, yang merasa, dan menerima taklifan. Ia bersangkutan dengan *al-qalb al-jismaniy* (jantung) dalam pengertian pertama. Al-Qalb dalam ruang lingkup pengertian kedua inilah yang dikehendaki maknanya dalam istilah syarii.

Sehubungan dengan itu, Sa'id Hawwa (1992) menjelaskan bahawa agama Allah SWT (Islam) diciptakan selaras dengan *al-Qalb*, *al-Ruh*, *al-'Aql* serta keperluan jasad terhadap perintah dan larangan daripadanya, bersesuaian dengan hikmah penciptaan dan penyempurnaan manusia. Dalam erti kata lain, al-Qalb adalah pusat kerohanian manusia yang berkait rapat dengan hal akidah, ibadah dan akhlak (Elmi Baharuddina & Zainab Ismail, 2015).

2.4 Perbincangan Al-Qalb Dalam Al-Qur'an

Al-Qalb merupakan tempat peredaran kehidupan manusia dengan segala matlamat yang ingin dicapainya dalam kehidupan (Khaleel Ismael Elias, 2017). Justeru, al-Qur'an menekankan kepentingan al-Qalb dan kehidupan al-Qalb yang kekal sehingga menghadap Allah SWT di alam akhirat. Sebutan tentang al-Qalb dalam al-Qur'an didahulukan dengan keadaan yang menakutkan sebelum daripada keadaan yang menyenangkan supaya diambil peringatan dengan sesungguhnya oleh manusia (Khaleel Ismael Elias, 2016). Keadaan al-Qalb yang negatif tersebut direkodkan dalam surah al-Baqarah, seterusnya keadaan al-Qalb yang positif pula direkodkan dalam Surah al-Syu'ara' (Khaleel Ismael Elias, 2016):

حَتَّمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ غِشَاوَةً وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ (7)

“(Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar.”

(Surah al-Baqarah, ayat 7)

إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ (89)

"Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik)."

(Surah al-Syu'ara', ayat 89)

Muhammad Fuad Abdul Baqi (1981) menyatakan terdapat sebanyak 168 kali sebutan perkataan al-Qalb dalam al-Qur'an dengan semua bentuk kalimah. Jumlah ayat yang menyebutkan tentang al-Qalb lebih banyak dalam ayat Madani. Hal ini kerana pada fasa Makki, hati manusia terbahagi kepada dua jenis iaitu sama ada mukmin atau kafir. Akan tetapi, pada fasa Madani, hati manusia terbahagi kepada pelbagai jenis iaitu golongan yang beriman, kafir, ahli kitab, golongan yang ragu-ragu (*al-Mutaraddid*) dan golongan yang tidak mempunyai pendirian yang tetap (*al-Mudhabdhabin*) dalam kalangan penduduk negara yang tersebar Islam kepada mereka melalui pembukaan (*al-Fath*) (Jabar Ahmad, 2008).

Selain itu, al-Qur'an turut menggunakan istilah lain yang mempunyai kaitan dengan al-Qalb seperti *al-Fu'ad*, *al-Sadr*, *al-Nafs*, *al-Lubb* (Jabar Ahmad, 2008; Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019), *al-'Aql*, dan *al-Nuha* (Jabar Ahmad, 2008). Variasi perkataan yang merujuk maksud al-Qalb ini memperlihatkan kepentingannya terhadap kehidupan manusia dan ia merupakan suatu bentuk kemukjizatan al-Qur'an kerana setiap perkataan hanya bertepatan dan bersesuaian dengan konteks ayat yang tertentu

(Jabar Ahmad, 2008). Variasi perkataan ini termasuk dalam konstruk spiritual menurut al-Qur'an dan terangkum di bawah kombinasi empat elemen utama insan sebagaimana dinyatakan oleh al-Ghazaliy iaitu *al-Qalb*, *al-Nafs*, *al-'Aql* dan *al-Ruh* yang memainkan peranan yang besar dalam pembinaan personaliti seseorang (Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019).

Sebutan tentang al-Qalb dalam al-Qur'an didatangkan dalam konteks yang pelbagai iaitu yang berkaitan dengan penurunan wahyu, keyakinan, kejujuran, keimanan, syariat buat umat manusia, kekuasaan Allah SWT umumnya dan terhadap orang yang berpaling (al-Mu'ridin) khususnya, kehidupan akhirat, azab di dunia, penyakit hati (amrad al-qulub), penyatuan hati sesama mukminin, perpecahan hati antara orang kafir, keindahan akhlak Rasulullah, sifat Allah SWT yang mengetahui isi hati, ketenangan hati mukmin dengan zikir, liar hati orang yang ingkar terhadap kebenaran hari akhirat apabila disebut nama Allah SWT, ketakwaan hati dengan mengagungkan syi'ar Allah SWT, kebutaan mata hati daripada melihat kebenaran, dimasukkan rasa takut dalam hati orang kafir ketika peperangan menentang golongan muslimin, keras hati orang yahudi kerana memutuskan perjanjian (al-Mawathiq) dan pembunuhan para nabi dan pendakwah, perasaan angkuh masyarakat jahiliyah (hamiyyah al-jahiliyyah, dan'izzah bi al-ithm), dan lain-lain yang disebutkan dalam al-Qur'an (Bey Zekkoub Abdelali, 2006).

Sehubungan dengan itu, Soleh (1995) menegaskan bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang menyebutkan kalimah al-Qalb di samping istilah pemikiran seperti *tadabbur*, *fiqh*, *'ilm*, dan *intibah*, adalah dimaksudkan dengan akal. Zainoriah Kadri dan Mohd Fauzi Hamat (2012) juga menegaskan bahawa kalimah al-Qalb mempunyai makna

memahami, berfikir, berakal dan kefahaman kerana digandingkan dengan istilah pemikiran seperti *fiqh*, *'aql*, dan *'ilm*. Hanya sebilangan ayat-ayat yang menyebutkan al-Qalb namun dimaksudkan dengan *al-qalb al-jismaniy* iaitu jantung sebagai simbolik kepada fikiran dan emosi. Justeru, kesan dari sudut fisiologi dapat dirasai seiring proses berfikir dan emosi. Hal ini sepertimana dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, ayat ke-4 (Soleh, 1995):

مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفَةٍ وَمَا جَعَلَ أَرْوَاجَكُمْ أَلْيَٰى تَطْلَهُوْنَ مِنْهُنَّ أُمَّهَاتِكُمْ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ ذَٰلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقَّ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ (4)

*“Allah tidak sekali-kali menjadikan seseorang mempunyai dua **hati** dalam rongga dadanya; dan Ia tidak menjadikan isteri-isteri yang kamu "zihar" kan itu sebagai ibu kamu; dan Ia juga tidak menjadikan anak-anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dia lah jua yang memimpin ke jalan yang betul.”*

(Surah al-Ahzab, ayat 4)

Terdapat sembilan ayat yang menggandingkan lafaz al-Qalb dengan istilah pemikiran iaitu *tadabbur*, *ta'qqul*, dan *tafaqquh*. Jadual 2.1 berikut memperlihatkan kedudukan setiap ayat ini di dalam al-Qur'an.

Jadual 2.1

Istilah Pemikiran bersama Lafaz al-Qalb

Bil.	Istilah Pemikiran	Jumlah Ayat	Rujukan Surah & Nombor Ayat (Susunan Mushaf Rasm Uthmani)
1.	<i>Tadabbur</i>	1	Muhammad, ayat 24
2.	<i>Ta'aqqul</i>	1	Al-Hajj, ayat 46
3.	<i>Tafaqquh</i>	7	Al-A'raf, ayat 179 Al-Tawbah, ayat 87 & 127 Al-Munafiqun, ayat 3 Al-Isra', ayat 46 Al-An'am, ayat 25 Al-Kahfi, ayat 57 Al-Hashr, ayat 13

- 1) Tadabbur: “afala yatadabbarunal Qur'an am 'ala qulubin aqfaluha” ertinya:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا (24)

“Adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Qur'an? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Qur'an)?”

(Surah Muhammad, ayat 24)

- 2) Ta'aqqul: “afalam yasiru fil ardi fatakuna lahum qulubun ya 'qiluna biha...”, maksudnya:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ (46)

“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami...”

(Surah al-Hajj, ayat 46)

- 3) Tafaqquh. Terdapat sebanyak tujuh ayat menyebutkan “*yafqahun*” dan digandingkan bersama dengan lafaz “*qulub*”. Sebagai contohnya: “...*lahum qulubun la yafqahun biha...*” ertinya:

وَلَقَدْ ذَرَأْنَا لِجَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَا يَفْقَهُونَ بِهَا وَلَهُمْ أَعْيُنٌ لَا يُبْصِرُونَ بِهَا وَلَهُمْ آذَانٌ لَا يَسْمَعُونَ بِهَا ۚ أُولَٰئِكَ كَالْأَنْعَمِ بَلْ هُمْ أَصْلًا أُولَٰئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ (179)

“...(*banyak dari jin dan manusia*) yang mempunyai hati (*tetapi*) tidak mahu memahami dengannya (*ayat-ayat Allah*)...”

(Surah al-A‘raf, ayat 179)

Sementara itu, terdapat ayat yang menyebutkan istilah “*yafqahun*” tetapi digandingkan dengan lafaz “*sudur*” (*dada*). Menurut Tantawiy (1993), *sudur* pada ayat ini merujuk pada al-Qalb: “*la’antum asyaddu rahbatan fi sudurihim minaLlahi dhalika bi’annahum qaumun la yafqahun*” ertinya:

لَأَنْتُمْ أَشَدُّ رَهْبَةً فِي صُدُورِهِمْ مِّنَ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ (13)

“(Kerana) sesungguhnya kamu - dalam hati mereka, - sangat ditakuti lebih dari Allah; yang demikian itu, kerana mereka ialah kaum yang tidak mengerti (akan kekuasaan Allah dan kebesaranNya).”

(Surah al-Hasyr, ayat 13)

Perbincangan al-Qalb dalam al-Qur’an telah memperlihatkan kepentingannya dalam membentuk jati diri yang unggul. Konteks perbincangan al-Qalb menyentuh pelbagai aspek seperti daya intelektual manusia, iktikad, perasaan, sikap, hubungan dengan Allah SWT, hubungan sosial, sistem hidup Islam dan tindakan yang dilakukan umat terdahulu. Jelaslah bahawa konsep al-Qalb memainkan peranan yang begitu besar dalam kehidupan manusia kerana ia mempengaruhi setiap tindakan serta hala tuju dalam kehidupan.

Dalam konteks Program Ulul Albab, unsur al-Qalb memainkan peranan yang signifikan dalam penerapan komponen ijtihadik kerana terdapat perkaitan antara keduanya khususnya pada aspek pemikiran. Tambahan pula, daya intelektual al-Qalb bukan sahaja mendorong manusia kepada ilmu, akan tetapi ia turut mendorong kepada kebenaran, kemajuan dan keredaan Allah SWT yang ingin dicapai. Justeru, perkara ini membezakan konsep pemikiran dalam Islam dengan konsep pemikiran yang lain.

2.5 Perbincangan Al-Qalb Dalam Hadis

Kepentingan al-Qalb sebagai potensi kognitif dan kejiwaan turut digariskan dalam Hadis. Mesej-mesej daripada Hadis Nabi SAW yang menyebutkan al-Qalb bukanlah dimaksudkan sebagai organ fizikal semata-mata. Akan tetapi, ia dimaksudkan dengan potensi dalaman yang mempengaruhi tingkah laku. Antara Hadis utama dalam perbincangan konsep al-Qalb ialah sabda Rasulullah SAW:

الْحَلَالُ بَيِّنٌ، وَالْحَرَامُ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ اتَّقَى الْمُشَبَّهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ: كَرَّاعٍ يَزْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يُوْاقِعَهُ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

“Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas. Di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang syubhat (samar-samar) yang tidak diketahui oleh sebahagian manusia. Maka sesiapa yang menjauhi perkara syubhat bermakna dia telah menyelamatkan agama dan kehormatannya. Dan siapa yang terjerumus dalam perkara syubhat, maka dibimbangi akan terjerumus dalam perkara yang diharamkan. Sebagaimana penggembala yang membawa haiwan gembalaannya disekitar padang larangan, maka lambat laun dia mungkin akan memasukinya. Ketahuilah bahawa setiap raja memiliki larangan dan larangan Allah adalah apa yang Dia haramkan. Sesungguhnya dalam jasad manusia ada seketul daging, apabila ia

baik, maka baiklah jasad seluruhnya. Apabila ia rosak, maka rosaklah jasad seluruhnya. Ketahuilah bahawa seketul daging itu adalah hati (al-Qalb)."

(Riwayat al-Bukhariy, hadis 52
& Muslim, hadis 1599)

Al-Qalb adalah tempat untuk menilai berkenaan siapakah manusia yang paling baik. Dalam penilaian perkara yang terbaik, sudah tentu penilaian tersebut berdasarkan suatu penanda aras. Maka sebagaimana dinyatakan oleh Rasulullah SAW, ciri manusia yang paling baik ialah *makhmul al-qalb* iaitu orang yang mempunyai hati yang murni. Hati yang murni tidak mengandungi elemen negatif justeru ketakwaan dapat diisi padanya.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: قِيلَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ النَّاسِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: " كُلُّ مَخْمُومٍ الْقَلْبِ صَدُوقُ اللِّسَانِ "، قَالُوا: صَدُوقُ اللِّسَانِ نَعْرِفُهُ، فَمَا مَخْمُومُ الْقَلْبِ، قَالَ: " هُوَ النَّقِيُّ النَّفْسِ، لَا إِثْمَ فِيهِ، وَلَا بَغْيٍ، وَلَا غِلٍّ، وَلَا حَسَدٍ.

Daripada ‘Abdullah bin ‘Amr, beliau berkata bahawa telah ditanya kepada Rasulullah SAW: "Siapakah yang terbaik di antara manusia?" Baginda berkata: "Setiap orang yang mempunyai hati yang murni dan ucapan yang tulus." Mereka berkata: "Sesungguhnya kami tahu apa yang dimaksudkan dengan perkataan yang benar, tetapi apakah itu kemurnian dalam hati?" Baginda berkata: "Hati itu ialah yang bertakwa dan suci, tidak ada dosa padanya dan tidak ada ketidakadilan, kebencian dan hasad."

(Riwayat Ibnu Majah, hadis 4216)

Sehubungan itu, al-Qalb dijadikan tempat penilaian Allah SWT kepada manusia.

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

"Sesungguhnya Allah tidak melihat rupa paras dan harta kalian, tetapi Allah melihat hati dan amalan kalian."

(Riwayat Muslim, hadis 2564)

Setiap amalan yang dikerjakan oleh diri bergantung kepada tatacara pelaksanaan ibadah yang betul. Di samping itu, niat yang bertempat pada al-Qalb menjadi rukun dalam ibadah, sementara keikhlasan al-Qalb menjadi sebab bagi penerimaan amalan tersebut di sisi Allah SWT. Para Fuqaha menyebutkan bahawa tempat niat ialah al-Qalb (“*al-qasdu mahalluha al-qalb*”). Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

“Segala amal itu bergantung kepada niat, dan setiap orang akan mendapatkan sesuai dengan niatnya. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang hijrahnya itu kerana dunia atau kerana wanita yang akan dikahwininya, maka hijrahnya itu kepada apa yang dituju olehnya.”

(Riwayat al-Bukhariy, hadis 1
& Muslim, hadis 1907)

Selain itu, al-Qalb juga diceritakan melalui Hadis Nabi SAW sebagai suatu yang memberi ketenangan apabila perkara yang dilakukan oleh seseorang adalah perkara yang dicintai oleh Allah SWT. Sebaliknya apabila seseorang itu melakukan kejahatan, ia adalah berpunca daripada nafsunya sendiri. Maka, disebabkan perbuatan dosa tersebut, dada akan merasa gelisah kerana ketika itu hati (al-Qalb) sedang berperang dengan fitrah. Hal ini sepertimana diriwayatkan oleh Sayidina Wabisah bin Ma‘bad al-Asadiy:

أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: "جِئْتَ تَسْأَلُ عَنِ الْبِرِّ؟" قُلْتُ: نَعَمْ، فَقَالَ: "اسْتَغْفِرْ لِقَلْبِكَ، الْبِرُّ: مَا أَطْمَأْنَنْتَ إِلَيْهِ النَّفْسُ، وَأَطْمَأَنَّ إِلَيْهِ الْقَلْبُ، وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي النَّفْسِ وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ، وَإِنْ أَفْتَكَ النَّاسُ وَأَفْتَنَوْكَ.

Wabisah bin Ma‘bad berkata: “Saya datang kepada Rasulullah SAW dan beliau berkata, “Kamu telah datang untuk bertanya tentang apa itu perkara baik?” Saya berkata, “Ya” Kemudian Baginda berkata: “Tanyakanlah kepada hatimu. “Sesungguhnya perkara baik itu ialah perkara yang mampu untuk memberi ketenteraman dalam diri dan ketenteraman untuk hati. Dan kejahatan pula ialah apa yang

bergejolak di dalam jiwa dan menyebabkan ketidaktenteraman di dalam dada, yang apabila kamu menghukum mereka, mereka pun menghukum kamu.”

(Riwayat Ahmad, hadis 17999
& al-Darimiy, hadis 2533)

Menerusi hadis yang lain, dijelaskan bahawa al-Qalb berbolak-balik antara sifat baik dan buruk. Rasulullah SAW bersabda:

نَضَّرَ اللَّهُ امرءًا سمع مقالتي فوعاها وحفظها وبلغها فربَّ حاملٍ فقهِ إلى من هو أفقه منه ثلاثٌ لا يغلُّ عليهنَّ قلبُ مسلمٍ : إخلاصُ العملِ لله ومناصحةُ أئمةِ المسلمين ولزومُ جماعتهم فإنَّ الدعوةَ تحيطُ من ورائهم.

“Semoga Allah menerangi seseorang yang mendengar apa yang saya katakan, mendapatkannya dengan hati, menyimpannya, dan meneruskannya kepada orang lain! “Banyak orang yang berilmu tidak mengetahuinya, dan banyak orang yang mempunyai pengetahuan menyampaikan kepada orang yang lebih bijaksana daripada dirinya sendiri. Terdapat tiga perkara yang menyebabkan tiada dendam masuk ke dalam hati seorang muslim: Tindakan yang tulus demi Allah, nasihat yang baik kepada kaum muslimin, dan memegang teguh kepada komuniti mereka”

(Riwayat al-Tirmidhiy, hadis 2658)

Perbincangan al-Qalb dalam Hadis memperlihatkan peranan al-Qalb yang begitu penting khususnya dalam aspek kerohanian. Menerusi Hadis juga dapat dilihat nisbah keutamaan al-Qalb berbanding seluruh jasad adalah nisbah yang amat ketara kerana al-Qalb mempengaruhi keadaan jasad sama ada baik mahupun buruk. Sehubungan dengan itu, unsur al-Qalb adalah wadah bagi ketakwaan serta menjadi tempat penilaian Allah SWT.

Di samping itu, al-Qalb juga memainkan peranan dari segi intelektual. Setiap maksud yang ingin dicapai bermula daripada niat seseorang. Hal ini amat penting dalam membentuk pemikiran seseorang apabila paradigma berfikir tidak terhenti pada hal

yang dilihat atau dunia, tetapi juga pada metafizik, ketuhanan dan akhirat. Tidak pula terhenti pada ilmu, tetapi mencakupi akhlak yang merupakan hasil tuaian ilmu pengetahuan. Perkara ini dapat menjadikan seseorang mampu berfikir dengan kritis serta berinovasi sesuai kehendak syarak. Oleh itu, peranan al-Qalb menurut Hadis juga adalah selari dengan matlamat penerapan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran berfikir kritis, kreatif, berinovasi serta mampu untuk bertindak sewajarnya mengikut al-Qur'an dan Sunnah.

2.6 Jenis-Jenis Al-Qalb

Secara umumnya terdapat tiga jenis al-Qalb seperti yang dijelaskan oleh al-Ghazaliy (2010). Jenis-jenis al-Qalb merujuk kepada keadaannya yang berubah-ubah daripada satu keadaan kepada suatu keadaan yang lain dan sebahagian daripada keadaan ini mungkin menjadi tetap dalam diri seseorang (Jabar Ahmad, 2008). Ketiga-tiga jenis al-Qalb disebutkan di dalam Firman Allah SWT:

لَيَجْعَلَ مَا يُلْقَى الشَّيْطَانُ فِتْنَةً لِلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَالْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَفِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ (53) وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ وَإِنَّ اللَّهَ لَهَادٍ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (54)

*“(Yang demikian) kerana Allah hendak menjadikan hasutan Syaitan itu sebagai satu fitnah cubaan bagi orang-orang yang ada penyakit kufur ingkar dalam **hati** mereka, dan yang hatinya keras membatu; dan sesungguhnya mereka yang zalim itu sentiasa berada dalam pertentangan yang jauh daripada kebenaran. (53) Dan juga supaya orang-orang yang beroleh ilmu mengetahui bahawa ayat-ayat keterangan itu benar dari Tuhanmu, lalu mereka beriman kepadanya, sehingga tunduk taatlah hati mereka mematuhi; dan sesungguhnya Allah sentiasa memimpin orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus. (54)”*

(Surah al-Hajj, ayat 53-54)

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT menjadikan al-Qalb tiga jenis. Dua daripadanya keadaan al-Qalb yang bermasalah dan satu sahaja yang terselamat. Dua yang

bermasalah ialah jenis *al-qalb al-marid* (hati yang berpenyakit) dan *al-qalb al-qasy* (hati yang keras). Manakala, yang terselamat ialah jenis *al-qalb al-mu'min* atau *al-qalb al-sahih al-salim* (hati yang beriman, hati yang sejahtera dan tunduk kepada Allah SWT, tenang dengan-Nya, serta berserah dan patuh kepada Allah SWT).

Hati yang sihat sejahtera menerima dan mencintai kebenaran. Hati yang sihat mengenal Allah SWT dan mentaati perintah-Nya. Al-Hanbaliy (1997) mentakrifkan *al-qalb al-salim* sebagai hati yang sejahtera daripada segala perkara yang dibenci dan tidak ada padanya selain kecintaan kepada Allah SWT dan hal yang disukai oleh-Nya, serta takut kepada Allah SWT dan hal yang menjauhkan daripada-Nya. Hati yang keras pula tidak menerima dan tidak tunduk pada kebenaran. Kerasnya hati bermaksud hilang kelembutan, kasih sayang dan rasa khusyuk disebabkan dosa. Manakala, hati yang berpenyakit ialah antara keduanya. Sekiranya tewas kepada penyakit-penyakit hati, maka ia menjadi hati yang keras dan sekiranya ia dapat melawan penyakit hati maka ia menjadi hati yang sejahtera (Jabar Ahmad, 2008).

Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah (1975) menjelaskan bahawa hati yang berpenyakit ialah hati yang terdapat padanya dua unsur. Pertama unsur yang hidup (baik) dan yang kedua unsur penyakit. Unsur kehidupan al-Qalb dihiasi iman kepada Allah SWT, ikhlas dan tawakkal kepada-Nya. Manakala unsur penyakit ialah kesukaan terhadap syahwat serta bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya, dengki, sombong dan ujub, menyukai kekuasaan dan kerosakan di muka bumi dengan menggunakan jawatan yang disanjung. Hati jenis ini diuji dengan dua pendorong. Satu daripadanya mendorong kepada Allah SWT, Rasul-Nya dan Hari Akhirat, sementara pendorong yang satu lagi mendorongnya kepada *al-'ajilah* (dunia).

Al-Ghazaliy (2010) menjelaskan tentang pembahagian hati kepada tiga jenis seperti berikut (Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016):

1. Hati yang bersih tidak mudah terpengaruh dengan penipuan syaitan. Disebabkan bersihnya hati, akan melahirkan perasaan syukur, sabar, takut, reda, tawakkal dan lain-lain lagi. Hati ini seperti dalam firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (28)

*“Ketahuilah bahawa hanya dengan mengingati Allah, **hati** akan menjadi tenang.”*

(Surah al-Ra’d, ayat 28)

2. Hati yang kotor. Hati yang kotor terisi oleh nafsu dan akhlak yang tercela serta mudah dimasuki syaitan. Hati yang kotor dipenuhi oleh bisikan syaitan dan hawa nafsu. Segala tindakan manusia terkesan oleh hati yang tunduk kepada hawa nafsu. Hati ini tidak mengenali Allah SWT dan tidak mahu untuk tunduk kepada-Nya.
3. Hati yang berbolak-balik antara kebaikan dengan kejahatan. Ada kalanya, ia cenderung ke arah cinta Allah SWT, keimanan, keikhlasan, dan tawakkal kepada Allah SWT, sehingga menemukan ketenangan dalam hati dan mendapat kebahagiaan. Pada waktu yang lain, ia lebih mencintai hawa nafsu, keinginan, rasa dengki, berbangga diri, dan malah membuat kerosakan di muka bumi sehingga mengakibatkan kerosakan dan kebinasaan.

2.7 Sifat Al-Qalb

Pembahagian al-Qalb kepada sifat memperincikan lagi pembahagian jenis al-Qalb atau keadaannya dengan lebih khusus. Sifat al-Qalb amat banyak disebutkan dalam al-Qur'an. Sifat-sifat al-Qalb terbahagi kepada sifat *mahmudah* (terpuji) dan sifat *madhmumah* (tercela). Sifat-sifat al-Qalb adalah seperti berikut sepertimana dinyatakan oleh Jabar Ahmad (2008):

2.7.1 Sifat Al-Qalb Yang Terpuji (*Mahmudah*)

1. *Qalbun salim*: Hati yang sejahtera iaitu hati yang beriman dan ikhlas kepada Allah SWT (Surah al-Syu'ara', ayat 88-89).
2. *Qalbun munib*: Hati yang kembali kepada Allah SWT di Hari Akhirat dengan ketaatan (Surah Qaf, ayat 33).
3. *Qalbun mutma'in*: Hati yang tenang (Surah al-Ra'd, ayat 28).
4. *Qalbun tahir*: Hati yang bersih (Surah al-Ahzab, ayat 53).
5. *Qalbun layyin*: Hati yang lembut (Surah al-Zumar, ayat 23).
6. *Qalbun wajil*: Hati yang gementar (Surah al-Anfal, ayat 2).
7. *Qalbun mukhbit*: Hati yang taat (Surah al-Hajj, ayat 54).
8. *Qalbun taqiy*: Hati yang bertakwa (Surah al-Hajj, ayat 32).
9. *Qalbun khasyi'*: Hati yang khusyuk (Surah al-Hadid, ayat 16).
10. *Qalbun rahim*: Hati yang lemah lembut (Surah Ali 'Imran, ayat 159).
11. *Qalbun ra'uf*: Hati yang belas kasihan (Surah al-Hadid, ayat 27).
12. *Qalbun muta'alif*: Hati yang bersatu padu (Surah Al-Anfal, ayat 62-63).

2.7.2 Sifat Al-Qalb Yang Tercela (*Madhmumah*)

1. *Qalbun ghaliz*: Hati yang kasar (Surah Ali 'Imran, ayat 159).
2. *Qalbun za'igh*: Hati yang cenderung kepada kesesatan (Surah Ali 'Imran, ayat 7).
3. *Qalbun ghafil*: Hati yang lalai (Surah al-Kahfi, ayat 28).
4. *Qalbun marid*: Hati yang sakit (dengan syahwat dan perkara haram) (Surah al-Ahzab, ayat 32)
5. *Qalbun a'ma*: Hati yang buta (Surah al-Hajj, ayat 46).
6. *Qalbun qasiy*: Hati yang keras (Surah al-Baqarah, ayat 74).
7. *Qalbun lahin*: Hati yang leka (Surah al-Anbiya', ayat 2-3).
8. *Qalbun matbu'*: Hati yang dicap. Maksudnya ialah hati ini terkunci daripada hidayah Allah SWT (Surah Yunus, ayat 74).

Sifat-sifat hati berikutnya juga mempunyai makna yang hampir serupa iaitu hati yang dicap, ditempa, tertutup dan terhalang daripada cahaya iman, al-Qur'an dan hidayah.

9. *Qalbun makhtum*: Hati yang tertutup (Surah al-Jathiyah, ayat 23).
10. *Qalbun mughallaf*: Hati yang dibalut/tertutup (Surah al-Baqarah, ayat 88).
11. *Qalbun muqfal*: Hati yang tertutup (Surah Muhammad, ayat 24).
12. *Qalbun maknun/mughatta*: Hati yang tertutup oleh lapisan (Surah Fussilat, ayat 5).
13. *Qalbun 'alaihi ran*: Hati yang diselaputi kotoran (Surah al-Mutaffifin, ayat 14).

2.8 Fungsi Al-Qalb

Al-Qalb mempunyai kedudukan yang tinggi dalam pandangan Islam iaitu sebagai teras manusia, tempat taklif, dan penilaian kualiti manusia. Inspirasi rohani ini didasarkan kepada fungsi al-Qalb yang diciptakan sesuai dengan matlamat kehidupan. Jabar Ahmad (2008) menjelaskan bahawa terdapat lima fungsi al-Qalb menurut al-Qur'an dan Hadis iaitu berfikir, tempat iktikad, tempat niat dan keinginan, tempat emosi dan gerak balas (emosional) terhadap rangsangan. Firman Allah SWT:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونُ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى
الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ (46)

*“Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - **mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami**, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.”*

(Surah al-Hajj, ayat 46)

Berdasarkan ayat di atas, fungsi utama bagi al-Qalb ialah berfikir dan menghasilkan ilmu pengetahuan (Soleh, 1995; Jabar Ahmad, 2008). Al-Ghazaliy (2010) menyatakan bahawa penciptaan al-Qalb adalah untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan, seterusnya dengan ilmu agama yang benar akan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dan mendatangkan keharmonian dalam interaksi sesama manusia dan juga alam (Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016). Adapun bidang-bidang yang difikirkan al-Qalb adalah sama seperti bidang yang difikirkan akal (*al-Aql*) (Soleh, 1995). Namun demikian, al-Qalb juga mampu untuk memperoleh kebenaran dari segi kerohanian dan metafizik (Rokim, 2018).

Justeru, al-Qalb juga merupakan tempat iktikad. Firman Allah SWT:

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ
 أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُولَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ
 جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أُولَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا
 إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (22)

“Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. **Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka,** dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadanya; dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah reda akan mereka dan mereka reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Merekalah penyokong-penyokong (ugama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (ugama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya.”

(Surah al-Mujadilah, ayat 22)

Dalam ayat yang lain, Allah SWT menegaskan bahawa sesungguhnya iman ialah membenarkan dengan al-Qalb:

قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَامَنَّا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا
 اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِّنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ (14)

“Orang-orang "A'raab" berkata: "Kami telah beriman". Katakanlah (wahai Muhammad): "Kamu belum beriman, (janganlah berkata demikian), **tetapi sementara iman belum lagi meresap masuk ke dalam hati kamu berkatalah sahaja: “kami telah Islam”.** Dan (ingatlah), jika kamu taat kepada Allah RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikitpun dari pahala amal-amal kamu, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

(Surah al-Hujurat, ayat 14)

Iktikad (asalnya *i tiqad*) terbahagi kepada dua makna iaitu membenarkan (*al-tasdiq*) secara umum, atau merupakan satu daripada tingkatan ilmu iaitu yakin (*al-yaqin*) yang

lebih khusus daripada ilmu dan iktikad itu sendiri (*Wizarat al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah – al-Kuwait*, 1986). Justeru, setiap orang dalam kalangan umat Islam adalah beriman. Akan tetapi, tahap keimanan setiap daripada mereka sudah tentulah berbeza-beza. Di samping itu, Jabar Ahmad (2008) menyatakan bahawa al-Qalb sebagaimana dalam al-Qur'an merupakan tempat iktikad terhadap kebenaran mahupun sebaliknya, justeru ia merupakan wadah keimanan, atau kemunafikan dan juga kekufuran. Hal ini seperti dalam firman Allah SWT berikut (Jabar Ahmad, 2008):

إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ قُلُوبُهُمْ مُنْكَرَةٌ وَهُمْ مُسْتَكْبِرُونَ (22)

*“Tuhan kamu (yang berhak disembah) ialah Tuhan yang satu (Maha Esa); oleh itu, orang-orang yang tidak beriman kepada hari akhirat: **hati mereka ingkar** dan sikap zahir mereka sombong takbur (menentang kebenaran).”*

(Surah al-Nahl, ayat 22)

وَمِنْهُمْ مَّنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنْ آتَيْنَا مِنْ فَضْلٍ لَّنُصَدِّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ (75) فَلَمَّا آتَيْنَاهُمْ مِنْ فَضْلِهِ بَخِلُوا بِهِ وَتَوَلَّوْا وَهُمْ مُعْرِضُونَ (76) فَأَعْقَبَهُمْ نِفَاقًا فِي قُلُوبِهِمْ إِلَى يَوْمِ يَلْقَوْنَهُ بِمَا أَخْلَفُوا اللَّهَ مَا وَعَدُوهُ وَبِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ (77)

“Dan di antara mereka ada yang membuat janji dengan Allah dengan berkata: "Sesungguhnya jika Allah memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, tentulah kami akan bersedekah, dan tentulah kami akan menjadi dari orang-orang yang soleh”

Kemudian setelah Allah memberi kepada mereka dari limpah kurniaNya, mereka bakhil dengan pemberian Allah itu, serta mereka membelakangkan janjinya; dan sememangnya mereka orang-orang yang sentiasa membelakangkan (kebijaksanaan).

*Akibatnya Allah menimbulkan **perasaan munafik dalam hati** mereka (berkekalan) hingga ke masa mereka menemui Allah, kerana mereka telah memungkir apa yang mereka janjikan kepada Allah dan juga kerana mereka sentiasa berdusta.”*

(Surah al-Tawbah, ayat 75-77)

Selain itu, fungsi al-Qalb juga ialah tempat keinginan dan niat. Firman Allah SWT:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا كَسَبْتُمْ فُلُوْا بِكُمْ وَاللَّهُ غَفُوْرٌ حَلِيْمٌ (225)

“Allah tidak mengira kamu bersalah tentang sumpah kamu yang tidak dimaksudkan (untuk bersumpah), tetapi Ia mengira kamu bersalah (dan akan mengenakan hukuman) dengan sebab sumpah yang diusahakan (disengajakan) oleh hati kamu (dengan niat bersumpah). Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.”

(Surah al-Baqarah, ayat 225)

Al-Hanbaliy (1997) menjelaskan bahawa keinginan mempunyai dua maksud. Pertama ialah kehendak untuk melakukan sesuatu, rasa perlu atau berharap kepadanya. Kemudian disasarkan perkara tersebut dan jiwa pun cenderung untuk melakukannya. Kedua, keinginan juga dimaksudkan dengan niat yang merupakan rukun utama dalam ibadah. Dengan niat, dapat dibezakan antara rutin dan perbuatan umum dengan perkara ibadah. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَىٰ فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهَجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَىٰ دُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَبْكُهَا فَهَجْرَتُهُ إِلَىٰ مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

“Segala amal itu bergantung kepada niat, dan setiap orang akan mendapatkan sesuai dengan niatnya. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya itu kepada Allah dan Rasul-Nya. Sesiapa yang hijrahnya itu kerana dunia atau kerana wanita yang akan dikahwininya, maka hijrahnya itu kepada apa yang dituju olehnya.”

(Riwayat al-Bukhariy, hadis 1
& Muslim, hadis 1907)

Dalam pada itu, kebaikan yang ingin atau telah dilakukan oleh mukallaf, kedua-duanya akan diberikan ganjaran kebaikan. Begitu juga kejahatan yang terlintas di hati namun tidak dilakukan, turut dibalas dengan satu pahala. Hal ini sepertimana ditegaskan dalam Hadis Qudsi, firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحَسَنَاتِ وَالسَّيِّئَاتِ، فَمَنْ هَمَّ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا؛ كَتَبَ اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ عَمِلَهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ عَشْرًا، إِلَى سَبْعِمِئَةٍ، إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، أَوْ: إِلَى مَا شَاءَ اللَّهُ أَنْ يُضَاعِفَ، وَمَنْ هَمَّ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلْهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ لَهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، فَإِنْ عَمِلَهَا؛ كَتَبَهَا اللَّهُ سَبْعِينَ وَاجِدَةً

“Sesungguhnya Allah telah menetapkan nilai kebaikan dan kejahatan, kemudian Dia menjelaskannya. Maka barangsiapa berniat mengerjakan kebaikan tetapi tidak dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kebaikan yang sempurna. Jika ia berniat untuk berbuat kebaikan lalu ia mengerjakannya, Allah mencatatnya sebagai 10 sampai 700 kali kebaikan atau lebih banyak lagi. Jika ia berniat melakukan kejahatan, tetapi ia tidak mengerjakannya, Allah mencatatkan padanya satu kebaikan yang sempurna. Jika ia berniat melakukan kejahatan lalu dikerjakannya, Allah mencatatnya sebagai satu kejahatan.”

(Riwayat al-Bukhariy, hadis 6491)

Walau bagaimanapun, seseorang itu tidak boleh beranggapan bahawa harus berniat untuk melakukan kejahatan meskipun tidak melakukannya, kerana dikhuatiri niat tersebut bukan lagi sekadar lintasan hati (keinginan biasa), tetapi telah menjadi keazaman yang kuat dalam hati untuk melakukan perkara kejahatan (*al-Kafi li al-Fatawi* – Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2017). Sehubungan dengan hal ini, maka al-Qalb memiliki daya kesedaran yang tinggi. Oleh itu, perbuatan dan ucapan manusia akan dihisab berdasarkan keinginan mereka dalam keadaan sedar dan pilihan mereka sendiri (Soleh, 1995).

Fungsi seterusnya bagi al-Qalb ialah sebagai tempat emosi (*‘atifah*). Firman Allah SWT berikut menunjukkan bahawa perasaan terletak pada al-Qalb:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۚ وَادْكُرُوا اللَّهَ عَلَيْهِمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلَّفَ بَيْنَ
قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ
آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ (103)

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara...”

(Surah Ali ‘Imran, ayat 103)

Al-Nasafiy (2005) menjelaskan ayat ini bahawa mereka saling bermusuhan dan berperang semasa jahiliah, lalu Allah SWT menyatukan hati mereka dengan cahaya Islam dan mencampakkan rasa kasih sayang dalam hati mereka sehingga mereka saling mencintai dan menjadilah mereka saudara kepada yang lain. Sayyid Qutub (1998) menyatakan bahawa persaudaraan ini terbina kerana anugerah Allah SWT dan tidak ada sesiapa dapat berjual beli dengan nikmat ini kerana ia merupakan perkara yang terkait dengan perasaan, kerohanian dan perihal hati, justeru Allah SWT berfirman:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (63)

“Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaupun engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah al-Anfal, ayat 63)

Seterusnya, fungsi gerak balas (*infi ‘al*) juga merupakan fungsi al-Qalb yang berkaitan dengan emosi. Firman Allah SWT:

قُلُوبٌ يَوْمَئِذٍ وَاجِفَةٌ (8)

“Hati (manusia) pada hari itu berdebar-debar takut.”

(Surah al-Nazi‘at, ayat 8)

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْآزِفَةِ إِذِ الْقُلُوبُ لَدَى الْحَنَاجِرِ كَظْمِمْ مِمَّا لِلظَّالِمِينَ مِنَ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٍ يُطَاعُ (18)

“Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada mereka tentang (hari kiamat) yang dekat (masa datangnya), iaitu ketika hati seseorang merasa resah gelisah, kerana cemas takut, sambil masing-masing

menahan perasaannya itu. (Pada saat itu) orang-orang yang zalim tidak akan mendapat seorang sahabatpun yang boleh membelanya, dan tidak akan mendapat pemberi syafaat yang diterima pertolongannya.”

(Surah Ghafir, ayat 18)

Al-Sya‘rawi (t.t) telah menghuraikan lebih lanjut berkaitan gerak balas emosional pada al-Qalb berdasarkan firman Allah SWT berikut:

قَاتِلُوهُمْ يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ بِأَيْدِيكُمْ وَيُخْزِهِمْ وَيَنْصُرْكُمْ عَلَيْهِمْ وَيَشْفِ صُدُورَ قَوْمٍ مُّؤْمِنِينَ (14) وَيُذْهِبْ غَيْظَ قُلُوبِهِمْ وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (15)

“Perangilah mereka, nescaya Allah akan menyiksa mereka dengan (perantaraan) tangan kamu, dan Allah akan menghinakan mereka serta menolong kamu menewaskan mereka, dan Ia akan memuaskan hati orang-orang yang beriman (14), Dan Ia juga akan menghapuskan kemarahan hati orang-orang yang beriman itu, dan Allah akan menerima taubat orang-orang yang dikehendakiNya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (15).”

(Surah al-Tawbah, ayat 14-15)

Berdasarkan ayat 14 hingga 15 Surah al-Tawbah, Allah SWT menegaskan bahawa bentuk kemenangan yang akan dicapai oleh golongan mukminin dengan bantuan dari-Nya pada siri peperangan menentang *kuffar* adalah dengan menyembuhkan duka penghinaan dan penentangan *kuffar* daripada hati orang-orang yang beriman. Konteks ayat dari Surah al-Tawbah menggambarkan kemenangan tersebut menyembuhkan rasa sakit dalam dada orang mukmin dan menghapus kemarahan hati atas perbuatan jahat golongan *kuffar*. Dalam kata lain, peperangan ke atas *kuffar* bukan sahaja memberikan azab dan kehinaan buat mereka, akan tetapi merawat hati orang Mukmin yang kian lama terkesan oleh penentangan golongan *kuffar* (al-Sya‘rawi, t.t).

Meskipun fungsi emosi (*'atifah*) dan gerak balas (*infi 'al*) pada al-Qalb adalah hampir sama, ia masih dapat dibezakan. Psikologi moden menjelaskan bahawa *'atifah* merupakan sifat jiwa yang teguh, boleh diusahakan (*muktasabah*) serta memainkan peranan yang besar dalam pembentukan sahsiah. Sementara itu, *infi 'al* merupakan perubahan dalaman yang berlaku dengan tiba-tiba, wujud dengan wujudnya pendorong lain, dan ia hilang apabila hilangnya pendorong tersebut (al-Malijiy, t.t.).

Menurut al-Malijiy (t.t.), perasaan-perasaan daripada emosi jenis *'atifah* bersifat tetap dan lebih kekal seperti perasaan terhadap seseorang, tempat atau idea tertentu. Gembira, tenang fikiran, kasih sayang, belas kasihan dan impian merupakan antara perasaan yang disenangi dan disukai oleh jiwa *'atifah*. Kesempitan jiwa, kehinaan, kebencian, kedengkian dan putus asa pula antara perasaan yang tidak disukai olehnya. Justeru, *al-qalb al-'atify* ini dapat difahami sebagai potensi al-Qalb untuk merasa. Antara emosi *infi 'al* pula seperti perasaan marah, takut, gembira, sedih, takjub dan sebagainya. Justeru, gerak balas emosional daripada fungsi *infi 'al* ini mungkin mirip dengan perasaan daripada emosi *'atifah*, namun perasaan tersebut bersifat sementara dan dorongannya tidak sekuat perasaan yang bersemayam dalam hati.

Selain itu, gerak balas emosional (*infi 'al*) juga dapat dilihat melalui kesan perubahan fisiologi pada manusia (al-Malijiy, t.t.). Hal ini disokong oleh Soleh (1995) bahawa perubahan fisiologi pada organ jantung (al-Qalb) adalah selari dengan kegiatan berfikir dan emosi. Menurut al-Malijiy (t.t.), terdapat tiga jenis perubahan yang mengiringi gerak balas al-Qalb iaitu:

- 1) Perasaan dalaman yang diketahui oleh diri yang merasa. Contoh bagi perubahan jenis ini ialah perasaan runsing kerana marah, tekanan dan hina diri.
- 2) Perubahan pada instrumen dalaman. Rasa ini sepertimana dialami oleh orang yang sedang kemarahan seperti getaran nafas, degupan jantung, pertambahan kadar perkumuhan, peningkatan tekanan darah dan sebagainya.
- 3) Perubahan pada organ luaran. Contoh perubahan ini ialah seperti garisan pada dahi orang yang sedang marah, pucat pada wajah dan pergerakan yang tidak normal.

Berdasarkan perbincangan tentang fungsi al-Qalb, dapat dijelaskan bahawa penciptaan al-Qalb amat menakjubkan. Fakta tentang al-Qalb yang digariskan dalam al-Qur'an dan Hadis menayangkan pelbagai fungsi al-Qalb sebagai satu unsur yang bersifat dominan pada diri manusia. Walau bagaimanapun, fungsi al-Qalb dapat diringkaskan kepada lima fungsi utama iaitu berfikir, tempat iktikad, tempat niat dan keinginan, tempat emosi dan gerak balas emosional terhadap rangsangan (Jabar Ahmad, 2008).

Lima fungsi utama al-Qalb yang telah dinyatakan tersebut boleh dikategorikan kepada dua domain iaitu domain kognitif dan afektif. Domain kognitif al-Qalb merujuk kepada proses keilmuan dan pemikiran, manakala domain afektif merujuk kepada peranannya dalam membuat keputusan menerusi keinginan, keazaman, cinta serta iman, dan domain afektif juga merujuk kepada *ahwal al-Qalb* iaitu perasaan dan

keadaan hati seperti kesakitan, keasaan, kesakitan, kemarahan, kebencian, kesejahteraan, kegembiraan dan kecintaan. Domain kognitif didorong oleh kekuatan ilmu (*al-quwwah al-‘ilmiyyah*), manakala domain afektif (atau domain keinginan dan keazaman) didorong oleh kekuatan amal (*al-quwwah al-‘amaliyyah*) (al-Syarqawiy, 1982).

Oleh yang demikian, kesepaduan semua fungsi ini menjadi asbab berlakunya perubahan keadaan al-Qalb merangkumi jenis dan sifatnya, serta melahirkan kefahaman, perasaan dan sesuatu tindakan yang dibuat oleh manusia. Justeru, peranan al-Qalb adalah signifikan dalam memperkasakan penerapan komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab.

2.9 Peranan Intelektual Al-Qalb Menurut Sarjana

Al-Qalb mampu untuk berfikir, berzikir, memahami, menyimpan ilmu, merasai, meyakini, membuat pilihan dan keputusan (Daud Lin Abdullah et al., 2014; Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015; Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016; Najihah Abdul Mutalib, 2018). Fungsi-fungsi al-Qalb bukan sahaja berpotensi mencorak pemikiran yang seimbang dan efektif, malah merupakan instrumen untuk mencapai kebenaran, memupuk sifat-sifat mahmudah dan menjalankan proses intelektual beracukan Islam (Dinar Dewi Kania, 2012). Justeru, dalam tradisi keilmuan Islam, didapati bahawa al-Qalb adalah nama lain bagi akal (*al-‘Aql*). Kedua-dua istilah ini merujuk kepada hakikat kerohanian, iaitu diri insan yang sebenarnya, yang berkemampuan melakukan aktiviti akhlah atau pemikiran (Mohd Zaidi Ismail, 2018):

“...aqal dalam epistemologi Islam sesungguhnya lebih luas dan lebih mendasar lagi kerana ia itu hakikat diri insan dan turut dikenali dengan nama-gelaran yang lain seperti *ruh* (roh), *nafs* (diri atau jiwa), *qalb* (kalbu atau hati), dan *dhihin* (zihin atau minda). Aqal dengan

pengertiannya yang demikian itu merupakan “suatu kejadian yang berdiri sendiri” (*jawhar*), yang pada zatnya terpisah daripada materi atau benda, namun dalam tindakannya bersama-sama dengan materi (*jawhar mujarrad ‘an al-maddah fi dhatihi muqarin laha fi fi’lihi*); ia itulah diri yang berkata-kata [iaitu diri aqliah] (*al-nafs al-natiqah*) yang dirujuk oleh setiap seseorang insan dengan kata “AKU.” Nama atau gelarnya yang lain itu timbul kerana sifatnya yang amat giat lagi cergas (dinamik) sekaligus: misalnya, “aql” kerana ia menanggapi kefahaman (*li kawniha mudrikatan*); “diri” kerana ia bertindak sebagai pelaku-pelaksana (*li kawniha mutasarriwatan*); atau “zihin” kerana ia bersiap-sedia untuk tanggapan kefahaman (*li kawniha musta’iddatan li al-idrak*).”

(Mohd Zaidi Ismail, 2018)

Sehubungan itu, perbincangan konsep al-Qalb menjadi perhatian ulama sufi antaranya al-Hakim al-Tirmidhiy (meninggal tahun 320 Hijrah), al-Ghazaliy (meninggal tahun 505 Hijrah) dan lain-lain lagi. Al-Hakim al-Tirmidhiy telah mendeskripsi konsep “*maqamat al-qalb*” iaitu tingkatan-tingkatan batin dan menyatakan terdapat perkaitan antara al-Qalb dengan pengetahuan manusia (Ryandi, 2014). Karya “*Bayan al-farq bayna al-sadr wa al-qalb wa al-fu’ad wa al-lubb*” oleh al-Hakim membincangkan tentang tingkatan atau lapisan khusus yang terdiri daripada *al-Sadr*, *al-Qalb*, *al-Fuad* dan *al-Lubb*. Sementara itu, al-Qalb adalah entiti yang terletak padanya semua tingkatan batin tersebut. Akan tetapi, penggunaan kata “al-Qalb” yang lebih dikenali manusia umumnya. Setiap tingkatan menyerap ilmu namun klasifikasi ilmu bagi setiap tingkatan adalah berbeza, sebagaimana jenis nafsu dan cahaya kerohanian yang terpancar pada setiap tingkatan juga berbeza. Setiap tingkatan al-Qalb bertindak sebagai medium untuk mengenal Allah SWT, melalui proses ibadah dan mujahadah sebagaimana yang ditekankan oleh kaum sufi (Ryandi, 2014; Ahmad Tajuddin, 2015).

Al-Ghazaliy (2010) pula telah membahaskan konsep al-Qalb dengan terperinci dalam karya agungnya “*Ihya’ ‘ulum al-din*” pada kitab “*Aja’ib al-qalb*” (keajaiban hati).

Beliau menyatakan bahawa dimensi kerohanian manusia terdiri daripada empat elemen iaitu *al-Qalb* (jantung hati), *al-Ruh* (roh), *al-Nafs* (nafsu) dan *al-'Aql* (akal). Pembahagian inilah yang seterusnya diikuti oleh ramai penulis dan pengkaji setelah beliau. Peranan *al-Qalb* yang merupakan teras dalam diri manusia ialah menghubungkan jasad dengan roh, mengawal sistem fizikal dan spiritual manusia, serta mengendalikan akal dan nafsu (Muhammad Hilmi Jalil et al., 2016; Nurzatil Ismah Azizan & Zulkifli Mohd Yusoff, 2017).

Sa'id Hawwa (1992) menjelaskan bahawasanya manusia atau “diri” adalah gabungan jasad dan roh (*al-Ruh*). Menurutny, roh sebagai unsur penghidupan jasad yang kaku tersebut ialah diri atau turut dinamakan dengan *al-Nafs*. Begitu juga roh yang terpisah di saat kematian turut dinamakan *al-Nafs*. Insan yang terbentuk oleh gabungan bersepadu jasad dan roh, atau jasad dan *al-Nafs* (yakni diri yang hidup) itu terkandung padanya dua kepentingan besar iaitu akal (*al-'Aql*) dan hati (*al-Qalb*). Akal berperanan sebagai tempat proses kefahaman yang dengannya berlakulah taklif, sementara *al-Qalb* adalah tempat penerimaan taklif, justeru *al-Qalb* berperanan dalam membuat keputusan untuk menerima atau menolak sesuatu perkara. Kedudukan akal adalah pada otak, manakala *al-Qalb* terletak dalam dada dan bersangkutan dengan jantung.

Selain itu, Ibnu Taimiyah (1990) menyatakan dalam “*Risalah fi al-qalb*” bahawasanya *al-Qalb* mampu melakukan penelitian dalam proses keilmuan. Menurutny, *al-Qalb* diciptakan untuk mengenali kebenaran (agama) dan digunakan untuk beribadah. Maka, dengannya dapatlah manusia mengetahui sesuatu perkara. Namun, tidak semua orang yang mengetahui itu berakal fikiran. Orang yang berakal fikiran ialah mereka

yang sedar, serta mengikat dan menetapkan sesuatu yang difikirkan tersebut dalam hatinya hingga dapat menjadi manfaat pada masa yang diperlukan.

Para sarjana Islam seperti al-Hakim al-Tirmidhiy, al-Ghazaliy, Sa'id Hawwa dan Ibnu Taimiyah kesemua mereka menjelaskan peranan al-Qalb yang begitu penting dalam proses pemikiran dan keilmuan. Sebaliknya, pandangan dunia Barat yang menganggap al-Qalb (*heart*: jantung) hanyalah sebagai sebuah organ pengepam darah dengan sedikit fungsi emosi telah mengesampingkan peranan intelektual al-Qalb (Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015). Pandangan tersebut berakar dari epistemologi Barat bahawa ilmu mestilah sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinilai oleh pancaindera, serta berdasarkan persepsi akal semata-mata (Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015). Walhal, pemikiran menggunakan akal logika atau proses berfikir yang rasional semata-mata tidak menjadikan seseorang itu berakal fikiran (Ibnu Taimiyah, 1990).

Sidek Baba (2009) menegaskan pemikiran berbentuk logik adalah penting, namun ia hanya membangunkan persepsi akal sekiranya tidak disepadukan bersama al-Qalb sebagai panduan untuk memahami persepsi dengan lebih baik. Hal ini kerana al-Qalb menggabungkan aspek rasional dan spiritual dalam proses kefahaman (Zainoriah Kadri & Mohd Fauzi Hamat, 2012). Tambahan pula, ilmu pengetahuan dalam pandangan Islam adalah tidak terhad dalam ruang lingkup perkara yang zahir, bahkan turut merangkumi dimensi ghaib yang berada di luar kemampuan akal (Sidek Baba, 2009).

Oleh yang demikian, peranan intelektual al-Qalb adalah berpotensi dalam membina kemahiran berfikir mengikut acuan Islam dan menepati Falsafah Pendidikan Islam untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh. Tambahan pula, peranan intelektual al-Qalb tidak terhad pada keupayaan rasional, malah ia merupakan tempat simpanan ilmu dan keimanan, kesedaran emosi, pengambilan keputusan dan dengannya dapat mencapai kebenaran sekiranya hati dibersihkan. Justeru, kekuatan al-Qalb mampu menjadikan seseorang berijtihad dalam pemikiran dengan ilmu yang benar, beramal soleh, berakhlak mulia dan bertakwa kepada Allah SWT.

2.9.1 Hubungan Akal dan Al-Qalb

Al-Ghazaliy (2010) menyatakan bahawa akal merupakan kata nama yang mengandungi empat pengertian. Pertama, akal merupakan sifat yang membezakan kejadian manusia dengan haiwan. Dengannya, manusia berpotensi menyerap ilmu-ilmu berbentuk teori (*al 'ulum al-nazariyyah*) dan merencana perkara-perkara intelek. Kedua, akal merupakan ilmu-ilmu yang adanya di usia perkembangan awal kanak-kanak (*mumayyiz*) justeru dapat mengetahui suatu kemungkinan daripada kemungkinan-kemungkinan, dan kemustahilan daripada kemustahilan-kemustahilan seperti pengetahuan atau ilmu bahawa dua adalah lebih banyak daripada satu dan tubuh seseorang tidak boleh berada di dua tempat pada satu masa. Ketiga, akal ialah ilmu yang digarap daripada kajian dan eksperimen. Keempat, akal ialah “kekuatan gerak hati atau naluri” yang menghantarkan kepada pengetahuan akan akibat bagi setiap perkara dan mengekang nafsu yang mengajak kepada kelazatan sementara (dunia) serta dapat menguasainya (Abdul Mukti Baharudin, 2019).

Al-Butiy (1972) menjelaskan tentang dasar keselarian antara akal dengan roh atau akal dengan al-Qalb bahawa setiap satunya mempunyai tugas tersendiri yang tidak dapat tidak mesti dilaksanakan untuk mendapat kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Peranan akal (*al-‘Aql*) adalah untuk menuju pada perkara-perkara dan mengetahui tentangnya bertepatan dengan hakikat sebenar perkara tersebut. Akal juga diguna untuk membuat kesimpulan dengan perkara zahir kepada yang tersirat maknanya dan seterusnya mengenal Allah SWT dan beriman kepada-Nya dengan sebenar-benarnya. Adapun al-Qalb, tugasnya adalah membimbing akal supaya mencintai kebaikan-kebaikan yang terbukti pada akal bahawa ia baik, membenci kejahatan-kejahatan yang terbukti pada akal bahawa ia jahat dan mendorong manusia pada jalan yang direcai Allah SWT serta mengikut ajaran-Nya (Soleh, 1995). Dalam erti kata lain, akal mestilah dipandu oleh suara hati (al-Qalb) yang sebenarnya lebih memahami hakikat ilmu dan kebenaran. Sementara itu, kebenaran yang tertinggi adalah wahyu yang dibuktikan kebenarannya dengan mukjizat.

Abdul Halim Mahmud (1995) menegaskan Islam adalah agama yang mementingkan akal. Bahkan al-Qur’an memberi kebebasan untuk umat manusia berfikir menggunakan akal. Namun demikian, adalah perlu berwaspada kerana kebebasan berfikir boleh mengakibatkan pengabaian terhadap al-Qur’an sebagai sandaran utama. Ketidakkawalan akal boleh menyebabkan terjadinya penyelewengan dari jalan agama yang lurus (*Sirat al-Mustaqim*). Menurut beliau, hubungan akal dengan agama mestilah dilihat seperti berikut:

1. Agama ialah petunjuk kepada akal dalam tiga perkara pokok seperti berikut.
Justeru, penolakan terhadap agama tidak akan menyelesaikan permasalahan dalam hal-hal ini.

- i. Perkara akidah yang khusus tentang Allah SWT, Rasul, Hari Akhirat dan yang umum berkaitan ketuhanan yang ghaib.
 - ii. Persoalan akhlak yang berkaitan dengan fadilat (kebaikan dan kelebihan) yang perlu dalam membentuk muslim yang soleh.
 - iii. Persoalan perundangan dalam menyediakan kedamaian buat masyarakat.
2. Akal memahami ayat-ayat al-Qur'an yang jelas (*Muhkamat*) dan tidak memanjangkan pertikaian ayat-ayat yang terdapat padanya kesamaran (*Mutasyabihat*). Maka, ayat-ayat yang sukar difahami itu diserahkan maknanya kepada Allah SWT, melainkan orang yang diilhamkan oleh Allah SWT akan dapat mengetahui maknanya selagi tidak bercanggah dengan akal dan prinsipnya.
3. Al-Qur'an diturunkan dengan penuh ketegasan dan mempamerkan kebenaran dan tidak ada keraguan padanya. Di samping itu, hadis-hadis pula memberikan penjelasan dan pentafsiran terhadap al-Qur'an. Justeru, setiap muslim perlu mengikuti kebenaran tanpa ada keraguan atau penyelewengan prinsip yang telah pun ditetapkan.
4. Al-Qur'an diturunkan tanpa meminta pandangan manusia terhadap perkara yang diwahyukan. Allah SWT lebih tahu akan hal yang

dipertanggungjawabkan ke atas manusia dengan tujuan untuk memberi petunjuk serta mengajarkan mereka.

5. Hakikat penurunan al-Qur'an adalah untuk membimbing manusia kepada kesempurnaan jiwa, justeru kemuliaan (jiwa/roh) manusia dapat menghasilkan tahap kemanusiaan yang tinggi. Jiwa dan jalan untuk mencapai kemuliaannya hanyalah ditentukan oleh ketetapan Allah SWT dan bukannya manusia iaitu dengan cara mendekatkan diri kepada Allah SWT kerana Allah SWT adalah tujuan yang ingin dicapai segala tindakan dan perlakuan.

Oleh yang demikian, penyepaduan akal dengan wahyu adalah untuk membimbing akal ke arah penyempurnaan jiwa manusia yang beriman sepenuhnya kepada Allah SWT. Hal ini kerana agama menjadi petunjuk bagi akal, dan akal dituntut untuk tunduk kepada wahyu Allah SWT (Abdul Halim Mahmud, 1995).

Dalam pada itu, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan ilmuwan tentang tempat akal pada badan manusia. Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh al-Nawawiy(1972) yang menukilan kenyataan al-Maraziy ketika menghuraikan hadis Nabi SAW tentang peranan *mudghah*:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ،
أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

“...Ketahuilah bahawa dalam jasad manusia ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah jasad seluruhnya. Apabila ia rosak, maka rosaklah jasad seluruhnya. Ketahuilah bahawa seketul daging itu adalah hati (al-Qalb).”

(Riwayat al-Bukhariy, hadis 52
& Muslim, hadis 1599)

Pandangan pertama ialah daripada Mazhab al-Syafi'i, jumhur *Mutakallimin* (ahli ilmu kalam) dan ahli falsafah bahawa akal terletak pada al-Qalb. Pandangan ini berdalilkan nas al-Qur'an yang menunjukkan terma dan makna pemikiran iaitu "*ya 'qilun*" (memahami) dan "*dhikra*" (pengajaran) yang dikaitkan dengan al-Qalb melalui firman Allah SWT seperti berikut:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونُ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ (46)

"Oleh itu, bukannya ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang **ada hati yang dengannya mereka dapat memahami**, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada."

(Surah al-Hajj, ayat 46)

إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرَى لِمَنْ كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ (37)

"Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai **hati** (yang sedar pada masa membacanya), atau yang menggunakan pendengarannya dengan bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) dengan menumpukan hati dan fikiran kepadanya."

(Surah Qaf, ayat 37)

Di samping itu, hadis di atas menjelaskan bahawa kebaikan dan kerosakan jasad adalah berpunca daripada al-Qalb. Otak pula merupakan sebahagian jasad, justeru kebaikan dan kerosakan otak bergantung kepada al-Qalb. Maka didapati bahawa otak bukanlah tempat bagi akal kerana tidak dapat mengendali kerosakan.

Selain itu, pengiktirafan keilmuan Sayidina Ali RA dalam bidang tafsir dan ilmu al-Qur'an juga memperlihatkan penisbahan akal kepada al-Qalb kerana menghasilkan daya ijtihad yang tinggi pada dirinya. Baginda mempunyai kepakaran dalam pelbagai

cabang ilmu al-Qur'an, serta kemahiran dalam urusan penghakiman dan pematwaan (al-Zahabi, t.t). Baginda juga telah berikrar:

“Demi Allah, tidak diturunkan satu-satu ayat (al-Qur'an) kecuali aku mengetahui sebab ia diturunkan, dan di mana ia diturunkan, sesungguhnya Allah telah menganugerahkan kepadaku hati yang bijak/berakal (qalban 'aqulan) dan lidah yang mudah bertanya (lisanan sa'ulan).”

(al-Asbahaniy, 1974)

Sementara itu, pandangan kedua pula merupakan pandangan Imam Abu Hanifah dan golongan ahli perubatan, sepertimana dinukil oleh al-Nawawiy(1972) bahawa akal terletak di bahagian otak berdasarkan hukum adat terhadap kerosakan otak yang seringkali menyebabkan kekurangan pada akal. Namun demikian, pandangan ini dijawab oleh al-Maraziy bahawasanya Allah SWT boleh sahaja memperlakukan sedemikian pada hukum adat, meskipun akal bukanlah terletak pada otak. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak mengiktiraf adanya hubungan antara al-Qalb dengan otak.

Ibnu Taimiyah (2004) menyatakan asal bagi akal ialah al-Qalb. Akal yang berdiri bersama diri insan mempunyai perkaitan dengan al-Qalb dan otak. Akan tetapi, otak merupakan tempat bermulanya fikiran dan pemerhatian (*mabda' al-fikr wa al-nazar*), manakala al-Qalb merupakan tempat bermulanya keinginan (*mabda' al-iradah*). Menurut Ibnu Taimiyah lagi, akal dimaksudkan dengan ilmu dan dimaksudkan juga dengan amal. Ilmu dan amal bersifat *ikhtiyari* iaitu boleh dibuat pilihan dan diusahakan. Ilmu dan amal ini berasal dari keinginan, dan keinginan datang daripada al-Qalb. Seseorang yang berkeinginan tidak menjadi berkeinginan melainkan setelah menggambarkan sesuatu yang diinginkan oleh hakikat diri rohani iaitu al-Qalb sehinggalah ia menjadi berilmu dan mampu bertindak (Ibnu Taimiyah, 2004).

Dari sudut Sains pula, kajian yang dijalankan pada sekitar tahun 90-an telah menemui daya pemikiran yang luar biasa dalam jantung (al-Qalb). Penemuan tersebut disedari sekumpulan saintis Barat melalui proses pemindahan jantung yang dilakukan sebagai satu inisiatif dalam membantu para pesakit (Daud Lin Abdullah et al., 2014; Nor Hanani Ismail, 2016). Terdapat perubahan yang dikesan berlaku pada memori dan keinginan pada diri penerima jantung. Mereka turut menemukan sel saraf yang tersendiri dalam jantung iaitu sel Ganglia yang mempunyai daya ingatan (memori) yang lebih lama berbanding otak (Nor Hanani Ismail, 2016). Selain itu, komponen dalaman jantung iaitu “amplitud komponen elektrik” dan “komponen magnet” yang begitu besar berbanding otak telah menzahirkan keistimewaan jantung yang berpotensi tinggi dalam aspek pemikiran (Daud Lin Abdullah et al., 2014).


Ringkasnya, terdapat pertalian antara akal, otak, dan al-Qalb dalam proses berfikir dan memahami. Kesemuanya mempunyai peranan dan tugas masing-masing kerana Allah SWT tidak menciptakan sesuatu dengan sia-sia. Sebaliknya, semua unsur dan anggota dipersiapkan pada diri manusia supaya dapat mengenal Allah SWT Yang Maha Pencipta. Dari sudut yang lain, peranan al-Qalb adalah sangat unik dan sangat utama dalam pembangunan insan yang unggul.

2.9.2 Kaedah Berfikir Menggunakan Al-Qalb

Sebagaimana telah dibincangkan, al-Qalb merupakan tempat berlakunya proses berfikir. Proses berfikir pada al-Qalb menggabungkan aspek rasional dan kejiwaan dalam rencana keilmuan (Zainorah Kadri & Mohd Fauzi Hamat, 2012). Berfikir dengan al-Qalb digariskan dalam al-Qur'an (*al-tafakkur*) dan ia bukan sahaja proses

rasional yang membawa kepada natijah pemikiran, bahkan memandu manusia kepada tingkat kerohanian yang luhur melalui tugas hamba dan khalifah di muka bumi ini. Hal ini dijelaskan oleh al-Butiy (1972) bahawa al-Qalb adalah pendorong akal kepada hidayah dan pencetus emosi yang adil terhadap sesuatu hakikat yang ditanggapi oleh akal (Soleh, 1995).

Jamal Badi dan Mustapha Tajdin (2021) menggariskan lapan istilah yang membawa erti berfikir dalam al-Qur'an iaitu *nazar*, *tabassur*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *tadhakkur*, *ta'aqqul*, *tawassum* dan *i'tibar* (lihat Rajah 2.1). Kesemua istilah ini terangkum pada konsep berfikir dalam Islam, dan berpotensi menghasilkan pemikiran kreatif, daya cipta serta kemampuan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi baharu.



Rajah 2.1: Istilah berfikir dalam al-Qur'an

Malik Badri (dalam Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2021) menjelaskan bahawa terma “*tafakkur*” yang digunakan oleh al-Qur’an merujuk pada konsep pemikiran yang lebih meluas dan mendalam berbanding “*tafkir*”. *Tafakkur* merupakan proses yang menghubungkan tanggapan dan pemahaman duniawi kepada akhirat, dan makhluk kepada Maha Pencipta. Konsep *tafakkur* meliputi dimensi material dan spiritual, sementara *tafkir* lebih tertumpu pada penyelesaian masalah-masalah yang mungkin tidak melibatkan emosi sepertimana proses *tafakkur* (Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2021). Sehubungan dengan itu, beliau menggariskan tiga tahap berfikir (*tafakkur*) dan tahap ini adalah saling berkaitan (Abbas H. Ali, 2013):

- 1) Penyerapan maklumat melalui deria, imaginasi, atau maklumat yang abstrak.
- 2) Penelitian dan pemerhatian yang mendalam kepada maklumat yang diperolehi tersebut, disertai dengan pengiktirafan terhadap keunikan dan kesempurnaan ciptaan-Nya.
- 3) Berfikir tentang Maha Pencipta dan mengakui kelemahan diri.

Menurut majoriti *mufassir* (ahli tafsir al-Qur’an), pelbagai istilah pemikiran yang digariskan oleh al-Qur’an adalah merujuk pada aspek proses dan bukannya hasil (Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2021). Meskipun al-Qur’an tidak menetapkan taksonomi berfikir secara khusus, namun al-Qur’an sebenarnya telah pun memberikan panduan umum supaya manusia berfikir dan kegiatan berfikir adalah melibatkan al-Qalb (Soleh, 1995). Justeru, untuk mengenal pasti lebih lanjut mengenai proses-proses berfikir, istilah pemikiran diolah berdasarkan pandangan sarjana Islam.

Al-Ghazaliy (2010) menyatakan terdapat perbezaan antara *tafakkur* dengan *tadhakkur*. *Tafakkur* merujuk pada perbuatan menghadirkan dua objek ilmu bagi menghasilkan objek ilmu yang ketiga. Misalnya ialah seorang yang meyakini akhirat lebih utama, adalah didorong oleh pertama pengetahuan bahawa keabadian adalah lebih utama daripada kesementaraan, dan kedua akhirat adalah kekal abadi. Dengan dua kefahaman dan ingatan tersebut, maka seseorang itu menyedari dan memahami bahawa akhirat lebih utama. Maka inilah yang dinamakan dengan *ma'rifah*, berbeza dengan *taqlid* iaitu seperti orang yang memahami perkara ini, namun melalui perkhabaran daripada orang lain semata-mata.

Menurut al-Ghazaliy (2010), proses berfikir dinamakan juga dengan *i'tibar*, *tadhakkur*, *nazar*, *ta'ammul* dan *tadabbur*. Secara umumnya, istilah-istilah ini mempunyai makna yang hampir, kecuali *tadhakkur* kerana proses ini tidak menghasilkan ilmu yang baharu. *Tadhakkur* bermaksud mengingat, mengembalikan atau membayangkan objek ilmu pada al-Qalb. Justeru setiap individu yang berfikir adalah *bertadhakkur*, sementara individu yang *bertadhakkur* tidak semestinya berfikir. *Tadhakkur* dan *tafakkur* saling menguatkan dalam proses kefahaman dan intelektual seterusnya membekas pada al-Qalb dan amalan zahir. Pengulangan pengetahuan dapat menguatkan dan menetakannya pada al-Qalb, sementara berfikir dapat menambahkan ilmu dan mendatangkan pengetahuan yang belum tercapai (al-Ghazaliy, 2010).

Al-Jawziyyah (t.t) menyatakan bahawa istilah-istilah berfikir berkongsi pengertian yang hampir serupa namun sebahagiannya berbeza. Istilah-istilah tersebut ialah *tafakkur*, *tadhakkur*, *nazar*, *ta'ammul*, *i'tibar*, *tadabbur*, dan *istibsar*:

- i) *Tafakkur*: Menggunakan idea dan menghadirkannya dalam proses berfikir.
- ii) *Tadhakkur*: Menghadirkan ilmu yang mesti dijaga setelah lupa dan hilang daripada diri.
- iii) *Nazar*: Memberi perhatian dengan hati (al-Qalb) kepada suatu yang dilihat.
- iv) *Ta'ammul*: Pengulangan nazar berulang kali sehingga tersingkap dan menjadi jelas pada hati (al-Qalb).
- v) *I'tibar*: Laluan atau persambungan suatu yang difikir kepada ilmu yang ketiga/baharu. Sebab itulah dinamakan “*ibrah*” di atas binaan kata berbentuk *hal* (keadaan) seperti *jilsah*, *rakbah* dan *qitlah* sebagai isyarat bahawa ilmu dan pengetahuan ini telah menjadi keadaan bagi seseorang yang melintas dan sampai kepada yang dituju.
- vi) *Tadabbur*: Melihat pada perkara yang tersirat (*adbar al-umur*) iaitu yang akhir. Misalnya seperti *tadabbur* ucapan pada permulaan hingga akhirnya dan diulang berkali-kali.

vii) *Istibsar*: Penjelasan akan sesuatu, tersingkap dan menjadi jelas pada pandangan batin (*basirah*).

Selain itu, *tawassum* bermaksud memerhati dengan penglihatan mata dan mata hati (Ibnu Kathir, 2008). Manakala *tafaqquh* bererti kefahaman mendalam terhadap syariat dan merupakan tingkatan tertinggi dalam pengetahuan (Khaleel 'Imaduddin, 1983; Abdul Karim Baleel, 2015; Mohammad Manzoor Malik, 2017).

Al-Ghazaliy (2010) menyatakan seseorang itu perlu berfikir tentang keadaan spiritual dirinya dalam konteks kehambaannya kepada Allah SWT. Empat perkara pokok bagi konteks ini ialah perihal maksiat, ketaatan, sifat-sifat yang merosakkan (*al-muhlikat*) dan sifat-sifat yang menyelamatkan (*al-munjiyat*) yang terletak pada al-Qalb. Sementara itu, seseorang itu perlu memikirkan keagungan Tuhannya – Allah SWT – melalui nama-nama-Nya yang terindah, sifat, *af'al* (perbuatan), keagungan dan kebesaran-Nya serta seluruh ciptaan-Nya.

Al-Jawziyyah (t.t.) pula menjelaskan terdapat empat lingkungan perkara yang perlu difikirkan. Pertama, tujuan baik yang ingin dicapai. Kedua, cara untuk mencapai tujuan tersebut. Ketiga, kemudaran yang ingin dihilangkan serta tidak disukai, manakala yang keempat ialah jalan yang membawa atau mengandungi kemudaran.

Dalam pada itu, kemampuan intelektual al-Qalb juga berbeza daripada instrumen atau kaedah ilmu yang lain kerana ia merupakan tempat berlakunya pengetahuan secara langsung. Antara bentuk pengetahuan yang disampaikan secara langsung ialah melalui mimpi benar (*ru'ya al-sadiqah*), penyingkapan hijab (*mukasyafah*), ilham dan

firasat (Mohammad Manzoor Malik, 2017). Selain itu, bentuk pengetahuan yang disampaikan secara langsung juga ialah penurunan kalam Allah SWT ke dalam hati para Nabi A.S (al-Yamaniy, 1990). Semua bentuk kurniaan ini diberikan kepada hamba-hamba Allah SWT yang berhati bersih (Daud Lin Abdullah et al., 2014).

Sebagai rumusannya, terdapat pelbagai istilah daripada al-Qur'an yang merujuk kepada proses pemikiran. Pancaindera adalah penting terlibat sama dalam proses pencerapan pengetahuan dan ilmu pada al-Qalb. Namun, sekiranya fungsi-fungsi al-Qalb terhalang, maka rangsangan pancaindera tidak akan menjelmakan sebarang makna (Zafar Afaq Ansari, dipetik oleh Zakaria Stapa, 1999).

Oleh yang demikian, pemikiran yang sampai kepada matlamat yang benar adalah pemikiran yang melibatkan bukan sahaja pancaindera dan akal, tetapi juga melibatkan al-Qalb sebagai satu kesinambungan proses-proses pengetahuan yang menyeluruh.

2.9.3 Halangan Dalam Berfikir

Mendepani pelbagai masalah dan situasi dalam kehidupan tentunya memerlukan pemikiran yang kritis, kreatif dan inovatif. Walau bagaimanapun, terdapat halangan-halangan yang boleh menyekat keupayaan manusia untuk berfikir dengan berkesan. Mengetahui halangan-halangan ini dan mempelajari bagaimana untuk mengatasinya adalah langkah penting dalam membangunkan kemahiran berfikir. Antara halangan dalam berfikir ialah bias kognitif, emosi, taklid atau pengaruh sosial dan pemikiran yang sempit.

Bias kognitif adalah merupakan pola pemikiran yang berat sebelah dan tidak objektif. Punca pemikiran sebegini berlaku apabila penentuan kebaikan dan keburukan dibutakan oleh akal semata-mata seperti yang disebutkan oleh al-Sanusiyy (t.t.) sebagai “*al-tahsin al-‘aqli*” (al-Daqqaq, 2015). Proses yang bias dalam pencarian atau perakuan maklumat hanyalah bertujuan mengesahkan sesuatu kepercayaan atau pandangan yang sudah pun dimiliki sebelum ini.

Selain itu, emosi yang berpengaruh juga merupakan antara penghalang kepada pemikiran yang rasional, kritis, kreatif dan inovatif. Ini kerana proses berfikir adalah sama sekali tidak terpisah aspek emosi, imaginasi dan penghayatan (Abdul Rahim Sadiqi, 2022). Apabila manusia dipengaruhi emosi negatif seperti ketakutan, kemarahan, atau kebimbangan, mereka akan hilang keupayaan untuk berfikir dengan baik. Emosi yang tidak terkawal akan mempengaruhi pertimbangan dan keputusan serta membawa kepada tindakan impulsif atau tidak dirancang.

Selain itu, halangan berfikir terbentuk daripada pengaruh sosial atau stereotaip yang merujuk pada kepercayaan umum (generalisasi) ke atas sekumpulan orang atau objek tertentu (Abdul Rahim Sadiqi, 2022). Sikap tidak adil ini menghalang keupayaan manusia untuk melihat individu sebagai individu, dan bukannya sebagai perwakilan stereotaip atau persepsi mereka. Al-Sanusiyy (t.t.) menegaskan bahawa sikap taklid buta atau disebut olehnya sebagai “*al-taqlid al-radi*” adalah antara penghalang kemahiran berfikir (al-Daqqaq, 2015). Kadangkala, tekanan daripada kumpulan atau masyarakat sendiri menghalang keupayaan untuk berfikir di luar kotak atau di luar daripada pandangan orang ramai.

Halangan yang seterusnya ialah sikap jumud dalam berfikir. Hal ini berpunca daripada kejahilan tentang prinsip-prinsip akal (*al-jahl bi al-qawa'id al-'aqliyah*) menyebabkan pemikiran tidak fleksibel dan membataskan pemahaman tentang sesuatu situasi atau penyelesaian yang mungkin wujud di luar batas tersebut.

Untuk mengatasi halangan ini, manusia perlu melatih diri untuk berfikir secara kreatif, melihat masalah dari perspektif yang berbeza, mencari alternatif yang mungkin terlepas pandang sebelum ini dan mempelajari ilmu-ilmu alat atau ilmu akliyah. Sebagai contohnya, pengajian ilmu akidah yang sarat dengan aktiviti akliyah juga boleh ditingkatkan sebagai usaha penajaman akal fikiran pelajar (Mohd Zaidi Ismail, 2019).

Selain halangan yang telah disebutkan, keupayaan pemikiran juga bergantung kepada tahap keimanan seseorang (Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2021). Oleh sebab itu, perhatian juga perlu diberikan terhadap penyucian al-Qalb (*tazkiyat al-Qalb*). Dengan al-Qalb yang bersih akan melahirkan rasa tenang pada diri dan menyebabkan manusia sampai kepada kebenaran (Nor Hanani Ismail, 2016).

2.9.4 Tazkiyat al-Qalb

Oleh sebab tabiat al-Qalb yang berbolak balik antara baik dan buruk, maka manusia perlu kepada kaedah yang boleh mengharmonikan keadaan al-Qalb. Proses *tazkiyat al-Qalb* (penyucian al-Qalb) bertujuan untuk membolehkan al-Qalb berfungsi dengan baik dan memberi manfaatnya kepada individu mahu pun sosial. Secara umumnya, perbincangan sarjana Islam tentang kepentingan penyucian diri, lebih menonjolkan istilah *tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa/diri), *tasfiyah al-Qalb* (penjernihan al-Qalb) atau *islah al-Qalb* (pemurnian al-Qalb). Gagasan penyucian diri tersebut adalah

berdasarkan firman Allah SWT yang menegaskan bahawa umat manusia perlu melakukan penyucian diri dengan tauhid, kebaikan, ketaatan dan ketakwaan. Firman Allah SWT:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا (7) فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا (8) قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّاهَا (9) وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّاهَا (10)

“Demi diri (nafs) manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya (7) Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa (8) Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan) (9) Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya – yang sedia bersih – itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat) (10)”

(Surah al-Syams, ayat 7-10)

قَدْ أَفْلَحَ مَن تَزَكَّى (14)

“Sesungguhnya berjayalah orang yang - setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal yang soleh)”

(Surah al-A‘la, ayat 14)

Ibnu Kathir (2008) menjelaskan bahawa ayat ke-9 dan ke-10 Surah al-Syams tersebut membawa dua maksud. Pertama, berjayalah orang yang membersihkan dirinya dengan ketaatan kepada Allah SWT dan menyucikannya daripada akhlak yang keji. Maksud ini adalah sama dengan maksud ayat ke-14 Surah al-A‘la bahawa berjayalah orang yang membersihkan dirinya dengan mentaati Allah SWT. Kedua, ayat tersebut juga membawa maksud berjayalah orang yang dibersihkan dirinya oleh Allah SWT dan hampa orang yang dikotorkan dirinya oleh Allah SWT, justeru Rasulullah SAW mengajarkan umat Baginda supaya memohon pembersihan diri, ketakwaan dan

perlindungan daripada Allah SWT kerana Allah SWT adalah pemilik dan sebaik-baik pemelihara diri manusia.

Adapun *tazkiyat al-Qalb*, ia bermaksud penyucian unsur teras dalam diri manusia yang mempengaruhi seluruh anggota badan. Al-Qalb perlu dibersihkan daripada penyakit berdasarkan firman Allah SWT:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ (10)

“Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).”

(Surah al-Baqarah, ayat 10)

Sehubungan dengan itu, terdapat hadis yang memberikan isyarat tentang wadah bagi penyucian diri adalah pada al-Qalb (Nabilah Hasan, 2019). Hal ini berdasarkan Hadis berbentuk doa yang diungkapkan Baginda Nabi SAW:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ ، وَالْجُبْنِ وَالْبَخْلِ ، وَالْهَرَمِ ، وَعَذَابِ الْقَبْرِ ، وَفِتْنَةِ الدَّجَالِ ، اللَّهُمَّ آتِ نَفْسِي تَقْوَاهَا ، وَزَكِّهَا أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا ، أَنْتَ وَلِيُّهَا وَمَوْلَاهَا ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ ، وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا .

“Ya Allah, aku memohon perlindungan-Mu daripada sifat lemah dan malas, pengecut dan bakhil, nyanyuk (terlalu tua), dan azab kubur. Ya Allah, hadirkan pada nafsku takwanya (kepada-Mu), sucikanlah ia, hanya Engkau sebaik-baik yang menyucikannya, kerana Engkaulah pelindungnya dan Tuannya. Ya Allah, aku memohon perlindungan-Mu daripada ilmu yang tidak berguna, qalb yang tidak tunduk takut pada-Mu, nafs yang tidak puas-puas dan doa yang tidak dikabulkan.”

(Riwayat Muslim, hadis 2722)

Dalam riwayat yang lain, Baginda SAW bersabda:

لَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَنَاجَشُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَلَا يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ، وَلَا يَخْذُلُهُ، وَلَا يَحْقِرُهُ. التَّقْوَى هَاهُنَا. وَيُشِيرُ

إِلَى صَدْرِهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ. بِحَسَبِ أَمْرِي مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقَرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ. كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ
حَرَامٌ؛ دَمُهُ، وَمَالُهُ، وَعِرْضُهُ.

“Janganlah kalian saling dengki, melakukan najasy, saling membenci, saling membelakangi dan sebagian dari kalian menjual apa yang dijual saudaranya. Jadilah kalian semua hamba–hamba Allah yang bersaudara. Seorang muslim adalah saudara bagi muslim yang lain. Dia tidak mengkhianatinya, tidak mendustainya, dan tidak enggan memberikan pertolongan padanya ketika diperlukan. Setiap Muslim terhadap Muslim lainnya itu adalah haram kehormatannya, hartanya dan darahnya. Ketakwaan itu di sini (dalam hati). Cukuplah seseorang dikatakan buruk jika sampai ia menghina saudaranya sesama muslim.”

(Riwayat Muslim, hadis 2564)

Berdasarkan hadis yang pertama di atas, ia menjelaskan bahawa *al-Nafs* perlu disucikan dan diisikan dengan takwa. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan di manakah pusat kawalan *al-Nafs* dalam hadis tersebut. Sementara itu, hadis kedua seakan memberikan jawapan bahawa tempat takwa yang diperlukan oleh *al-Nafs* adalah terletak pada al-Qalb. Hal ini berdasarkan isyarat tangan Baginda SAW ke arah dadanya seraya mengucapkan sebanyak tiga kali: “*al-taqwa ha huna*” (ketakwaan itu di sini) dan adalah dimaklumi bahawa jantung terletak di dalam dada. Maka, mungkin inilah sebab mengapa penyakit-penyakit jiwa yang dibahaskan dalam karya-karya psikologi Islam dinamakan dengan “*amrad al-qulub*” (Nabilah Hasan, 2019). Khaleel Ismael Elias (2020:b) juga menegaskan bahawa tidaklah tercapai penyucian *al-Nafs* selagi mana al-Qalb tidak dibersihkan.

Proses *tazkiyat al-Qalb* melibatkan dua peringkat iaitu *takhalliy* dan *tahalliy*. *Takhalliy* bermaksud membersihkan diri dari sifat yang keji kerana ia merupakan najis maknawi yang menghalang manusia daripada Allah SWT. *Tahalliy* pula bermaksud pengisian jiwa dengan sifat yang mulia seperti yang dituntut oleh Islam (Mohd Murtadza Ahmad, 2010). Hubungan *takhalliy* dan *tahalliy* dijelaskan oleh Khaleel Ismael Elias (2020:c)

bahawa yang paling utama dalam penyucian diri ialah mujahadah iaitu kesungguhan menghilangkan dahulu najis yang berada pada al-Qalb atau dinamakan oleh al-Ghazaliy sebagai “*al-muhlikat*” (perkara-perkara yang membinasakan), seterusnya barulah dirawat dengan sifat mahmudah atau “*al-munjiyat*” (perkara-perkara yang menyelamatkan). Namun, aspek tauhid mendahului *takhalli* kerana ia merupakan asas penyucian diri (Sa'id Hawwa, 1998).

Faktor rabbani (ketuhanan) perlu menjadi asas serta pedoman dalam mewujudkan keharmonian pada diri. Dengan demikian, akal dapat berkembang, nafsu akan terkawal, dan nilai kerohanian dapat ditingkatkan. Hal ini akan mengukuhkan kerangka fitrah yang sedia ada serta menyuburkan sifat mahmudah pada diri seseorang (Emie Sylviana Mohd Zahid, 2019). Ia juga merupakan ciri *tazkiyat al-Qalb* pada zaman Rasulullah SAW dengan memberi penekanan asas akidah diikuti aspek lain seperti ibadah, akhlak, ekonomi dan sebagainya.

Antara langkah *tazkiyat al-Qalb* adalah seperti berikut:

1. Perdampingan yang soleh (*Suhbah al-Salihah*).

Medium *suhbah* digariskan seiring dengan suruhan untuk bertakwa kepada Allah SWT seperti di dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ (119)

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar”

(Surah al-Tawbah, ayat 119)

Suhbah merupakan satu proses amali ke arah penyucian diri bagi membersihkan jiwa dari segala penyakitnya (*takhalliyy*) dan mengisi dengan kesempurnaan orang yang soleh (*tahalliyy*). Dengannya akan menguatkan al-Qalb serta menambah keyakinan kepada manhaj Allah SWT. Tujuan *suhbah* ialah berkasih sayang kerana Allah SWT, berpesan kepada kebenaran serta istiqamah dalam kesabaran (al-Sya‘rani, 2007). Oleh itu, *suhbah* adalah merupakan medium *tazkiyat al-Qalb* yang sangat signifikan dan sangat berpengaruh dalam pembentukan jati diri setiap individu.

2. Menuntut ilmu agama.

Secara umumnya, ilmu agama merujuk kepada ilmu yang bersangkutan dengan tiga aspek utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang dijelaskan melalui hadis tentang islam, iman dan ihsan. Kefahaman tentang ilmu-ilmu agama adalah tanda kebaikan keadaan al-Qalb bagi seseorang. Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Mu‘awiyah bin Abi Sufyan RA, Rasulullah SAW telah bersabda:

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ.

“Barangsiapa yang Allah inginkan kebaikan buatnya, nescaya Allah akan berikan kefahaman kepadanya dalam urusan agama.”

(Riwayat al-Bukhariy, hadis 71
& Muslim, hadis 1037)

Ilmu penyucian diri atau ilmu tasawuf ditakrifkan oleh ulama sebagai ihsan iaitu beribadah seolah melihat Allah SWT, sekiranya tidak melihat-Nya, sesungguhnya Allah SWT Maha Melihat. Namun, di sisi ahli hakikat, konsep tasawuf tidak terhenti pada Rukun Islam ketiga tersebut. Akan tetapi, tasawuf

sentiasa diterjemahkan melalui pengamalan atau ia merupakan penghayatan secara amali “kamu melihat Allah” dalam agama seluruhnya meliputi aspek akidah, fiqh, akhlak, ibadah dan muamalah sesama manusia (Halaqah Ilmu Baitul Hikmah, 2019).

Di samping itu, secara khususnya seseorang individu perlu mengetahui tentang keadaan al-Qalb, melalui pemeriksaan dan muhasabah terhadap segala sifat tercela dalam diri (Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini, 2016). Hal ini demikian bagi membolehkan individu mengenal pasti krisis dalaman dan melaksanakan rawatan yang sempurna. Pengetahuan tentang cara *tazkiyat al-Qalb* adalah penting supaya dapat memberi impak kepada diri kerana seseorang mungkin terpedaya dengan dirinya disebabkan jahil (Khaleel Ismael Elias, 2020:a) atau menjelmakan sikap *mujamalah* (kepuraan) dalam komuniti dan institusi Islam meskipun mereka mengetahui hakikat sebenar nilai agama yang dikotori (Khaleel Ismael Elias, 2020:c).

3. Mujahadah melawan nafsu.

Mujahadah bermaksud bersungguh-sungguh dalam melakukan *tazkiyat al-Qalb* dan disebut juga sebagai *takhalliyy*. Setelah melalui proses penyingkiran perkara *madhmumah* daripada hati, barulah dapat diisi dengan perkara *mahmudah* iaitu proses *tahalliyy* (Masuriyati Yahya, 2017). Mujahadah dilakukan bagi mensucikan hati dan anggota badan dari perkara yang haram. Apabila keadaan diri telah kembali kepada fitrah, maka pengamalan ibadah dengan sendirinya akan menjadi mudah (Khaleel Ismael Elias, 2020:c).

Menurut al-Mandili (2001), membersihkan anggota zahir (mata, telinga, lidah, perut, kemaluan, kaki dan tangan, akan membawa kepada penyucian al-Qalb. Anggota zahir dijaga dengan pertama mengelak daripada keburukan, dan kedua menggunakannya dalam hal kebaikan (Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini, 2016). Anggota zahir mempunyai kaitan yang relevan terhadap al-Qalb sebagaimana al-Ghazaliy menjelaskan bahawa deria manusia seperti penglihatan, pendengaran, sentuhan, bau dan rasa merupakan peringkat yang perlu dilalui bagi menghubungkan alam fizikal dengan al-Qalb (Norillah Abdullah et al., 2021).

Al-Mandili (2001) menggariskan sepuluh sifat tercela yang paling utama daripada sifat mazmumah yang perlu dihindarkan dari hati manusia. Sifat tersebut ialah (1) kerakusan terhadap makanan, (2) loba bercakap dan berkembur (perbualan kosong), (3) marah, (4) dengki, (5) kedekut dan kasih akan harta, (6) kasih kepada kemegahan, (7) kasih kepada dunia, (8) suka membesarkan diri, (9) *'ujub* (berbangga terhadap kelebihan sendiri) dan (10) *riya'* (tidak ikhlas dalam ibadah) (Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini, 2016). Sementara itu, menurut Sa'id Hawwa (1998), terdapat sebelas jenis penyakit yang masyhur dalam kalangan orang awam iaitu: (1) kufur, kemunafikan, kefasikan dan bid'ah, (2) penyekutuan dan riyak, (3) cinta pada jawatan dan kedudukan, (4) kedengkian, (5) *'ujub*, (6) sombong, (7) bakhil, (8) *ghurur* (terpedaya), (9) marah bukan pada tempatnya, (10) cinta dunia, dan (11) menurut hawa nafsu. Murninya al-Qalb dari segala sifat ini akan melahirkan maqam iman pada diri seperti tauhid dan *'ubudiyyah*

(penghambaan kepada Allah SWT), ikhlas, *sidq* (benar) kepada Allah SWT, zuhud, tawakkal, cintakan Allah SWT, takut dan harap, takwa dan warak, syukur, sabar, *taslim* (serah) dan reda, *muraqabah* (pengawasan) dan *musyahadah* (penyaksian), serta taubat yang berterusan.

4. Zikrullah.

Satu daripada cara meningkatkan potensi al-Qalb dalam berfikir ialah dengan zikrullah. Al-Qur'an menjelaskan bahawa zikir dapat menenteramkan al-Qalb.

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ (28)

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah”. Ketahuilah dengan “zikrullah” itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

(Surah al-Ra'd, ayat 28)

Dengan mengingat Allah SWT, hati akan menjadi tenang dan dapat mencapai kejernihan minda. Sebaliknya, tanpa zikir, hati akan menjadi sempit dan tertekan (Agustiar, 2015), sebagaimana dalam firman Allah SWT:

وَمَنْ أَعْرَضَ عَنْ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضَنْكًا وَنَحْشُرُهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ أَعْمَى (124)

“Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjuk-Ku, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta.”

(Surah Taha, ayat 124)

Menurut al-Nawawiy (2004), tujuan zikir ialah menghadirkan hati. Maka zikir hati (zikir al-Qalb atau *dhikru al-Qalb*) ialah kemuncak ingatan seseorang kepada Allah SWT dengan memahami makna zikir yang diucapkan. Dalam

Ensiklopedi Tasawuf, dijelaskan bahawa zikir al-Qalb merupakan zikir yang terselindung dalam hati, tidak ada suara atau kata. Zikir ini dilantunkan dengan sepenuh hati serta kesedaran dan perasaan bahawa Allah SWT dekat dengan hambaNya. Manakala zikir lisan ialah mengingat atau menyebut nama Allah SWT dengan mengucapkan *kalimah tayyibah* atau zikir tertentu sama ada dengan suara yang kuat mahupun perlahan yang hanya didengar oleh orang yang berzikir (Azyumardi Azra, 2008).

Sementara itu, Sa'id Hawwa (2005) menggariskan tiga belas medium *tazkiyat al-nafs* sepertimana dalam *Ihya' Ulum al-Din*. Medium atau wasilah *tazkiyat al-nafs* menurut kitab tersebut ialah (1) solat yang sempurna dan khusyuk, (2) berpuasa, (3) mengeluarkan zakat dan sedekah, (4) menunaikan haji, (5) membaca al-Qur'an, (6) berzikir, (7) berfikir terhadap kejadian alam, (8) mengingati mati dan memendekkan angan-angan, (9) *muraqabah* (memerhati perbuatan diri), *muhasabah* (menghitung diri atas perbuatan yang dilakukan), *mujahadah* (bersungguh melawan nafsu) dan *mu'atabah* (mencela/menegur diri), (10) menyeru kepada kebaikan dan menegah kemungkaran serta berjihad, (11) khidmat dan tawaduk kepada manusia, (12) mengetahui tempat masuk syaitan ke dalam diri dan cara menghalangnya, dan (13) mengetahui penyakit al-Qalb serta cara mengubatnya.

Al-Dumyatiy (2012) menukilkan bahawa para ulama menyatakan al-Qalb boleh dibersihkan dengan sembilan perkara iaitu (1) membaca al-Qur'an dengan *tadabbur*, (2) mengosongkan perut dengan mengurangkan makan, (3) bangun malam (*qiyamullail*) untuk beribadah, (4) bertadarru' (merintih) di waktu *sahr* (menjelang subuh), (5) mendampingi orang soleh (*mujalasah al-Salihin*), (6) diam daripada

perkara yang tidak berfaedah, (7) mengasingkan diri daripada orang jahil, (8) tidak menyibukkan diri dengan hal orang lain, dan (9) makan daripada yang halal iaitu penghulu bagi sembilan perkara ini. Hal ini kerana makan daripada perkara yang halal akan menerangi al-Qalb dan merawatnya. Maka anggota badan akan turut menjadi bersih dengan sebab makan daripada yang halal, serta dapat menahan pelbagai kerosakan dan memperbanyakkan kebaikan.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara dan wasilah penyucian diri. Untuk menghidupkan fungsi al-Qalb dengan baik dan membentuk peribadi muslim yang lebih sempurna, *tazkiyat al-Qalb* mestilah dilakukan dengan konsisten. Aktiviti *tazkiyat al-Qalb* adalah untuk dipraktikkan dalam kehidupan sebagai usaha untuk mendapatkan kebersihan dan ketenangan pada al-Qalb. Dalam masa yang sama, seseorang perlu memperkukuh akidah dengan pegangan yang sebenarnya menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah serta mengetahui aspek yang berkaitan dengan al-Qalb. Hal ini kerana ramai orang yang tersesat kerana menyangka dirinya telah tersuci justeru tidak perlu lagi beribadah, padahal Allah SWT lebih mengetahui segala tuntutan jiwa hamba-Nya (Sa'id Hawwa, 1998).

Tazkiyat al-Qalb lebih utama dimulakan dengan mujahadah untuk membuang anasir negatif terlebih dahulu supaya aktiviti *tazkiyat al-Qalb* seterusnya dapat memberi kesan yang ampuh dan melahirkan maqam iman sebagai bentuk kurniaan daripada Allah SWT. Maka, proses *tazkiyat al-Qalb* bukanlah satu proses yang begitu mudah namun memerlukan kesungguhan yang tinggi daripada seseorang individu, muhasabah dan mencari kaedah mujarab dari pelbagai kaedah *tazkiyat al-Qalb* seperti mendampingi orang soleh, mendalami ilmu agama, mujahadah, zikrullah, dan diikuti

dengan memperbanyak amal soleh. Di samping itu, perlu untuk memohon pertolongan Allah SWT, sebagaimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ يَتَّبِعْ خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ فَإِنَّهُ يَأْمُرُ بِالْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ مَا زَكَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَكِنَّ اللَّهَ يُزَكِّي مَنْ يَشَاءُ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (21)

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menurut jejak langkah Syaitan; dan sesiapa yang menurut jejak langkah Syaitan, maka sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menyuruh (pengikut-pengikutnya) melakukan perkara yang keji dan perbuatan yang mungkar. Dan kalaulah tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmatNya kepada kamu, nescaya tidak ada seorang pun di antara kamu menjadi bersih dari dosanya selama-lamanya; akan tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah Allah Maha Mendengar) lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Nur, ayat 21)

2.10 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tentang konsep al-Qalb dan peranannya sebagai instrumen pemikiran. Al-Qalb mempunyai dua pengertian iaitu dari sudut fizikal dan spiritual. Bagi pengertian dari sudut fizikal, al-Qalb ialah jantung dan bukanlah hati. Pengertian al-Qalb dari sudut spiritual pula merujuk kepada unsur yang bersifat ketuhanan, halus dan kerohanian, dan unsur inilah yang difahami oleh masyarakat Melayu sebagai hati.

Keadaan al-Qalb pula secara umumnya terbahagi kepada tiga iaitu keadaan yang baik (*qalbun sahih/qalbun salim*), keadaan yang buruk (*qalbun qasiy/mayyit*), dan keadaan pertengahan iaitu berbolak-balik antara baik dengan buruk (*qalbun marid*). Keadaan-keadaan ini bergantung kepada fungsi-fungsi al-Qalb yang digunakan sebaik mungkin terutamanya fungsi berfikir. Selain itu, al-Qalb juga mempunyai fungsi seperti iktikad (iman dan kepercayaan), niat, keinginan, emosi dan tindak balas perasaan (emosional).

Proses berfikir menggunakan al-Qalb adalah terangkum pada konsep *tafakkur* menurut al-Qur'an yang menghubungkan dimensi fizikal dan spiritual serta menjadi teras bagi segala tindakan manusia, yang zahir mahupun batin (Malik Badri, dipetik oleh Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2021). Namun, terdapat halangan-halangan dalam proses berfikir menggunakan al-Qalb iaitu halangan yang berbentuk emosional atau sikap serta perbuatan manusia sendiri. Oleh itu, al-Qalb perlu disucikan melalui proses *tazkiyat al-Qalb* supaya ia dapat menjalankan fungsinya dengan baik. Kepelbagaian dan kesepaduan fungsi al-Qalb di samping tuntutan untuk mensucikannya menunjukkan bahawa ia memiliki potensi akliyah yang tinggi, unik dan berbeza daripada proses rasional semata-mata tanpa orientasi kerohanian dan ketuhanan. Oleh itu, peranan al-Qalb adalah signifikan dalam pelaksanaan komponen ijtihadik kerana pendekatan berasaskan al-Qalb adalah seimbang dan menyeluruh malah menepati konsep dan Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri.

BAB 3

BENTUK PELAKSANAAN KOMPONEN IJTIHADIK DALAM PROGRAM ULUL ALBAB

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang bentuk pelaksanaan komponen ijthadik dalam Program Ulul Albab. Aspek yang dibincangkan di dalam bab ini terbahagi kepada tiga. Pertama, konsep ulul albab. Kedua, Program Ulul Albab. Seterusnya, aspek yang ketiga ialah pendefinisian dan bentuk pelaksanaan komponen ijthadik dalam Program Ulul Albab.

3.2 Konsep Ulul Albab

Ulul Albab merujuk kepada generasi yang mempunyai pemikiran yang unggul seperti digariskan dalam al-Qur'an. Menurut Abdullah Basmeih (1968), *ulul albab* diertikan sebagai orang yang berakal iaitu yang dapat berfikir dan memahami. Kamus al-Marbawi (1990) menyatakan ulul albab berasal daripada akar kata "*ulul*", bermaksud yang mempunyai dan "*albab*" ialah lafaz jamak bagi "*lubb*" yang membawa maksud pati sesuatu, isi biji, atau akal yang bersih dan hati. Antara keistimewaan golongan ulul albab ialah mereka memiliki dua kekuatan iaitu kekuatan fikir dan zikir. Kekuatan fikir berkaitan minda dan fizikal, manakala, kekuatan zikir pula berkaitan dengan hal keimanan, ibadah, emosi, dan kerohanian (Danial Zainal Abidin, 2007).

Ibnu Kathir (2008) menjelaskan *ulul albab* sebagai golongan manusia yang mempunyai akal yang bersih dan sempurna serta mampu memahami sesuatu perkara sesuai dengan hakikatnya. Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولَى الْأَلْبَابِ (190) الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ قِنَّا عَذَابَ النَّارِ (191)

“Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal (190); (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka (191).”

(Surah Ali ‘Imran, ayat 190-191)

Berdasarkan ayat ini juga, al-Bakri (2016, dipetik dalam Nor Adzimah Subirin et al., 2017) menjelaskan 4 kriteria *ulul albab* iaitu zikrullah (mengingat Allah SWT), tafakkur (berfikir secara saintifik), *i'tiraf* (mengakui keagungan Allah SWT) dan *ma'rifatullah* (menyembah Allah SWT sebagai Pencipta yang Maha Esa serta takut kepada-Nya). Dalam erti kata lain, *ulul albab* ialah manusia yang mempunyai kekuatan intelektual dan juga kekuatan rohani. Ulul albab mementingkan aspek iman, ibadah, dan pemikiran, di samping ilmu pengetahuan. Dengan demikian, mereka mampu untuk membina peradaban manusia yang berpegang kepada wahyu dan menjadi penyumbang dalam pendidikan masyarakat (Sabri Mohamad Sharif, 2009).

“Ulul albab” diulang sebut sebanyak 16 kali dalam al-Qur'an iaitu pada Surah al-Baqarah (ayat 179, 197 dan 269), Surah Ali ‘Imran (ayat 7 dan 190), Surah al-Maidah (ayat 100), Surah Yusuf (ayat 111), Surah al-Ra'd (ayat 19), Surah Ibrahim (ayat 52), Surah Sad (ayat 29 dan 43), Surah al-Zumar (ayat 19, 18 dan 21), Surah Ghafir (ayat 54) dan Surah al-Talaq (ayat 10).

Adapun ciri-ciri *ulul albab* berdasarkan al-Qur'an ialah golongan manusia berakal fikiran dan bertakwa (Surah al-Baqarah, ayat 179), sentiasa mencukupkan diri dengan takwa (Surah al-Baqarah, ayat 197), memperoleh kurnia hikmah daripada Allah SWT (Surah al-Baqarah, ayat 269), bersungguh-sungguh menuntut ilmu (Surah Ali 'Imran, ayat 7), selalu memikirkan kejadian langit dan bumi serta mengingati Allah SWT (Surah Ali 'Imran, ayat 190-191), sentiasa memilih kebaikan dan tidak terpengaruh dengan keburukan (Surah al-Maidah, ayat 100), mengambil pengajaran daripada kisah umat terdahulu (Surah Yusuf, ayat 111), menginsafi dan beriman akan kebenaran al-Qur'an (Surah al-Ra'd, ayat 22), menjadikan al-Qur'an sebagai peringatan dan pengetahuan tentang keagungan Allah SWT (Surah Ibrahim, ayat 52), mengambil pengajaran daripada kitab yang diwahyukan (Surah Sad, ayat 29), diberi rahmat serta peringatan kerana bersabar (Surah Sad, ayat 43), melakukan ibadah malam dan mengharap rahmat Allah SWT (Surah al-Zumar, ayat 9), memerhati fenomena alam dan mengambil iktibar daripadanya (Surah al-Zumar, ayat 21), yang dianugerahkan hidayah dan peringatan (Surah Ghafir, ayat 54), dan beriman serta takutkan azab Allah SWT (Surah al-Talaq, ayat 10) (Sabri Mohamad Sharif, 2009).

Istilah *ulul albab* menjadi semakin dikenali setelah ia diungkapkan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia Ke-5, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam ucapan dasar beliau di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bertarikh 15 November 2006 seperti berikut (Sabri Mohamad Sharif, 2009):

“GAGASAN KETIGA: membangunkan modal insan; melalui program pendidikan berkualiti dan holistik untuk memperlengkapkan warga Malaysia bagi menghadapi dunia global; disusuli dengan kelahiran masyarakat kreatif dan inovatif yang menjadi komponen kepada barisan warga berfikiran dan berbudaya kelas pertama. Kita memerlukan barisan warga yang menguasai pengetahuan, ilmu, kemahiran dan maklumat.

“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal.”

(Surah Ali Imran, ayat 190)

Ayat ini memperingatkan manusia betapa pentingnya akal. Justeru akal manusia perlu dibangunkan. Program pembangunan akal manusia adalah usaha untuk membangunkan masyarakat Ulul Albab, merupakan barisan insan yang berupaya menganalisis, menguasai Sains, memahami falsafah dan menguasai teknologi. Ayat ini menuntut umat untuk melengkapkan minda, agar manusia memiliki keupayaan menghadapi dunia moden. Membangunkan masyarakat Ulul Albab terdiri dari saintis dan teknologis, usahawan dan teknokrat adalah satu kewajipan untuk membolehkan ummah mendaki tangga kemajuan hingga sampai ke puncak kejayaan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan prasana dan membekalkan kemudahan untuk melahirkan masyarakat Ulul Albab.”

3.3 Program Ulul Albab

Menurut Arniyuzie Mohd Arshad (2015), Program Ulul Albab mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan Malaysia melalui penubuhan Sekolah Menengah Imtiaz Besut pada tahun 1999, hasil cetusan idea Tan Sri Idris Jusoh tiga tahun sebelumnya. Program ini telah mendapat sambutan pelbagai pihak antara lain ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Jabatan MARA dan KPM, malah pihak kerajaan mencadangkan agar ia dikembangkan lagi kepada peringkat intitusi pengajian tinggi (IPT).

Sabri Mohamad Sharif (2009) menyatakan pendidikan berkonsepkan ulul albab bertujuan melahirkan generasi yang memfokuskan kepada pencapaian aspek berikut:

- i. Menjana kemahiran berfikir, membaca cepat, teknik mengingat, mengasah kreativiti dan kepimpinan.

- ii. Mampu membaca, memahami, menghafaz al-Qur'an dan membudayakan akhlak al-Qur'an.
- iii. Hebat dalam pelbagai ilmu dan kemahiran, kreatif dan mampu membawa perubahan dalam ummah.
- iv. Membentuk generasi yang suatu hari nanti akan menjadi pemimpin dunia dan mengembalikan maruah ummah.

Sehubungan dengan itu, al-Qur'an dijadikan asas utama dalam melahirkan generasi ulul albab (Rohaizan, Zulkifli, Abdul Hakim & Syed Mohamad Azmi, 2014). Ayat-ayat berkaitan ulul albab dalam al-Qur'an telah dikelompokkan kepada tiga tema yang membentuk Model Pendidikan Ulul Albab iaitu qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik. Arniyuzie Mohd Arshad (2015) menyatakan bahawa klasifikasi tersebut merujuk kepada keperibadian ulul albab dan beliau menjelaskan intipatinya seperti dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1

Klasifikasi Komponen Model Pendidikan Ulul Albab Mengikut Ayat

Surah	Ayat	Intipati	Tema
Al-Baqarah	179	Berakal fikiran & bertakwa	Ijtihadik
Al-Baqarah	197	Memelihara diri & bertakwa	Ijtihadik
Al-Baqarah	269	Mengambil pengajaran & peringatan	Ijtihadik
Ali ‘Imran	7	Mendalami ilmu-ilmu agama	Ensiklopedik
Ali ‘Imran	190	Kejadian langit dan bumi	Ensiklopedik
Al-Maidah	100	Buruk dengan baik	Ijtihadik
Yusuf	111	Sebagai keterangan	Ijtihadik
Al-Ra‘d	19	Al-Qur’an diturunkan	Qur’anik
Ibrahim	52	Diberi peringatan & nasihat	Qur’anik
Sad	29	Al-Qur’an yang banyak faedah dan manfaatnya	Qur’anik
Sad	43	Peringatan kepada orang yang berakal	Ijtihadik
Al-Zumar	9	Yang mengetahui dengan tidak	Ijtihadik
Al-Zumar	18	Memilih dan menurut hukum agama	Ijtihadik
Al-Zumar	21	Memerhatikan kejadian Tuhan	Ijtihadik
Ghafir	54	Hidayat petunjuk dan peringatan	Qur’anik
Al-Talaq	10	Bertakwa	Qur’anik

3.3.1 Model Pendidikan Ulul Albab


Sebagaimana yang telah dinyatakan, model pendidikan bagi Program Ulul Albab adalah berasaskan tiga komponen iaitu qur’anik, ensiklopedik dan ijtihadik. Qur’anik merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci al-Qur’an serta menjadikan al-Qur’an sebagai satu budaya hidup seharian. Ensiklopedik pula dilihat kepada kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu (*multi-discipline*) dan bahasa (*multilingual*). Sementara itu, ijtihadik adalah keupayaan untuk menyumbang idea, membuat penyelesaian masalah, menginovasi dengan memaksimumkan hikmah

akal fikiran yang dikurniakan Allah SWT dengan sebaik mungkin (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015).

Oleh itu, persediaan yang rapi perlu sentiasa dipersiapkan untuk mencapai matlamat bagi melahirkan generasi pelajar ulul albab yang memiliki ciri pendidikan qur'anik, ensiklopedik dan ijtihadik. Mardhiah Yahaya dan Aslam Farah Selamat (2018) menyatakan antara kaedah untuk menerapkan komponen qur'anik ialah pembudayaan al-Qur'an berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS). Bagi aktiviti hafazan pula, kaedah yang digunakan ialah kaedah gundal (pengulangan mengikut bahagian), kaedah *tahriri* (penulisan) dan kaedah *muraja'ah* (pengulangan).

Sementara itu, pelbagai kelas bahasa yang disediakan seperti kelas Bahasa Jepun, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Inggeris, di samping kemudahan ICT, kemahiran asas seperti Kemahiran Asas Tingkatan 1 (KAT 1), Kemahiran Amalan Belajar (KAB) dan Kursus Kemahiran Berfikir (KKB) semua ini adalah bertujuan mencapai matlamat ensiklopedik. Bagi komponen ijtihadik pula, penubuhan kelab berteknologi tinggi seperti kelab avionik, robotik dan solar, serta aktiviti keusahawanan dan kokurikulum dianggap mampu memantapkan sahsiah seiring perkembangan minda dan fizikal pelajar (Sistem Pendidikan MRSM Ulul Abab).

Rajah 3.1 berikut menjelaskan hubungan ketiga-tiga komponen bagi Model Pendidikan Ulul Albab (Umi Kalthom Abdul Manaf et al., 2021).



Rajah 3.1: Model Pendidikan Ulul Albab

Umi Kalthom Abdul Manaf et al. (2021) menjelaskan qur'anik merupakan komponen asas, manakala ensiklopedik dan ijtihadik sebagai komponen yang lebih khusus. Hisham Abd Majid (2017) menyatakan bahawa pemeraksanaan pelbagai ilmu, bahasa dan cabang pemikiran ialah sebahagian daripada komponen ijtihadik. Oleh itu, ensiklopedik menjadi prasyarat yang membolehkan seseorang berfikir (*ulul albab*), manakala ijtihadik ialah komponen akhir yang dicapai kerana ijtihadik menekankan potensi berfikir secara kritis dan nilai serta kualiti seseorang (Umi Kalthom Abdul Manaf et al., 2021).

Penerapan ijtihadik di peringkat sekolah menjadi persediaan kepada pelajar sebelum melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Sementara itu, ketiga-tiga komponen digerakkan secara serentak.

“Peringkat sekolah ni seumpama kunci...”

(Responden 1)

“Perintis awal la. Jadi, pelajar-pelajar tu, dia ambil kunci tu, dia buka sendiri. Ha. Masa dia masuk universiti esok. Ha. dia boleh pilih mana satu yang dia nak.”

(Responden 7)

“Dia berjalan serentak semua. Dia tak pisah-pisah. Tapi ada la kalau ada slot tu slot pisah-pisah. Macam slot *Qur'an Time*.”

(Responden 1)

3.3.2 Sekolah-Sekolah Program Ulul Albab

Sehingga tahun 2022, terdapat sebanyak 31 buah sekolah daripada tiga institusi berbeza dalam negara yang menerapkan pendekatan ulul albab. Lapan daripadanya merupakan Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu. Lapan daripadanya Maktab Rendah Sains Mara. Sementara itu, lima belas daripadanya merupakan sekolah terpilih oleh KPM melalui program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) (Bahagian Pengurusan Maklumat, KPM).

Jadual 3.2 menunjukkan senarai sekolah dengan Program Ulul Albab.

Jadual 3.2

Senarai Sekolah Program Ulul Albab di Malaysia

Sekolah Menengah Imtiaz (Yayasan Terengganu)	MRSM Ulul Albab	Program TMUA (KPM)
1. SMIYT Besut, Terengganu.	1. MRSM Kota Putra, Besut, Terengganu.	1. SMK Agama Kedah, Alor Setar, Kedah.
2. SMIYT Dungun, Terengganu.	2. MRSM Gemenchah, Negeri Sembilan.	2. SMK Agama Nibong Tebal, Pulau Pinang.
3. SMIYT Kuala Terengganu, Terengganu.	3. MRSM Kepala Batas, Pulau Pinang.	3. SMK Agama Kerian, Perak.
4. SMIYT Kuala Berang, Terengganu.	4. MRSM Sungai Besar, Selangor.	4. SMK Agama Tok Bachok, Kelantan.
5. SMIYT Kemaman, Terengganu.	5. MRSM Semporna, Sabah.	5. SMK Agama Kuala Lumpur, Kuala Lumpur.
6. SMIYT Setiu, Terengganu.	6. MRSM Bagan Datuk, Perak.	6. SMK Agama Pedas, Negeri Sembilan.
7. SMIYT Kuala Nerus, Terengganu.	7. MRSM FELDA Trolak, Perak.	7. SMK Agama Maahad Muar, Johor.
8. SMIYT Marang, Terengganu.	8. MRSM ATM Bera, Pahang.	8. SMK Agama Kota Kinabalu, Sabah.
		9. SMK Agama Arau, Perlis.
		10. SMK Agama Syeikh Hj Othman Abd Wahab, Kuching, Sarawak.
		11. SMK Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
		12. SBP Rawang, Selangor.
		13. SBPI Selandar, Melaka.
		14. SMAP Bentong, Pahang.
		15. SBPI Batu Rakit, Kuala Nerus, Terengganu.

(Sumber: Portal Rasmi Yayasan Terengganu, portal iRujukan.my, Bahagian
Pengurusan Maklumat KPM & Bahagian Pendidikan Menengah MARA)

Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYT) mengguna pakai sistem aliran bersepadu antara kurikulum kebangsaan (KBSM) dengan hafazan dan pengajian al-Qur'an (Norhazriah Mohamed@Ismail, 2012). Sistem Pendidikan Maktab Rendah Sains MARA Ulul Albab (SPMRSM Ulul Albab) pula mengintegrasikan kurikulum MRSM (Sains Tulen) dengan program aliran agama iaitu hafazan al-Qur'an (Aminudeen, 2012; Mohd Shahril Amad Razimi & Sidek Baba, 2013). Sementara itu, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) bagi sekolah terpilih di bawah KPM pula berbentuk kurikulum bersepadu antara model ulul albab, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

dan kurikulum kebangsaan dengan penekanan kepada KBAT (Arniyuzie Mohd Arshad, 2015).

3.4 Komponen Ijtihadik dan Bentuk Pelaksanaannya dalam Program Ulul Albab

Ijtihadik merupakan istilah yang diubah suai dari perkataan Bahasa Arab iaitu *ijtihad* yang membawa maksud proses fizikal dan mental yang dicurahkan dalam aktiviti tertentu (Umi Kalthom Abdul Manaf et al., 2021; Responden 1).

“Dia Bahasa Arab takdak ijtihadik, ijtihad ja. Ijtihadik tu Bahasa Inggeris. Ijtihad tu sendiri dia mai dari sorof dia. Wazan dia “ifta’ala”. Dia akan jadi ijtahada. Jadi kalau wazan ifta’ala ni antaranya ialah bermaksud bukan satu maksud. Ya lah maksudnya kita buat sampai jadi. Kalau ijtahada maksudnya berjihad sampai jadi. Jadi orang yang berjihad sampai jadi diri dia mujtahid la.”

(Responden 1)

Muhammad Sayyid Tantawi (2008) telah menjelaskan bahawa *ijtihad* ialah “pecahan dan kata dasar “*jahida*” yang bermaksud percubaan seseorang pada tahap maksimum dan sedaya upaya untuk merealisasikan perkara tertentu yang diingini, sama ada perkara itu berbentuk *hissi* (nyata dan boleh dirasa) atau *ma’nawi* (tidak nyata).” Perbezaan antara perkara *hissi* dan *ma’nawi* ialah seperti pertanian, perindustrian dan perniagaan, dibandingkan dengan kaedah bahasa, kedokteran, kejuruteraan dan sebagainya.

Sementara itu, dari sudut istilah di sisi ulama usul fiqh, ijtihad bermaksud “seorang yang faqih (mahir dalam ilmu fiqh) mencuba sedaya upayanya untuk mengeluarkan hukum syarak yang praktikal dan berkesan dengan cara membuat kesimpulan daripada dalil-dalil syarak.” Dalam erti kata lain, ijtihad bermaksud proses atau kaedah khusus dalam berinteraksi dengan dalil syarak yang dilakukan oleh fuqaha bagi menghasilkan

suatu kesimpulan hukum yang baru yang belum terdapat hukum yang jelas tentang sesuatu perkara tersebut.

Sehubungan dengan itu, *ijtihadik* mahupun *ijtihad* mempunyai teras persamaan iaitu mencurahkan kesungguhan (*badhlu al-juhd*) dan menyelesaikan masalah. Namun, skop dan fokus *ijtihad* hukum adalah dihadkan pada nas yang tidak dinyatakan hukumnya dalam al-Qur'an dan Sunnah, atau yang bersifat kurang jelas (Muhammad Sayyid Tantawi, 2008). Skop dan fokus *ijtihadik* pula bukanlah pada pendalilan hukum syarak. Akan tetapi, *ijtihadik* memfokuskan pada potensi serta kemahiran berfikir kritis, kreativiti dan inovasi ke arah untuk menyelesaikan masalah ummah berdasarkan pandangan Islam.

“generasi al-Qur'an yang *ijtihadik*. Dia boleh buat keputusan berpandukan kepada al-Qur'an.”

(Responden 4)

Wan Mariana Wan Mohamad dan Mohd Shafiee Hamzah (2016) menyatakan bahawa pendidikan yang bersifat *ijtihadik* merupakan proses pendidikan yang mampu untuk melahirkan generasi ilmuwan dan intelektual Islam yang kreatif dan inovatif, iltizam serta berani mencuba perkara baru, dan mencetuskan idea baru demi kebaikan manusia. Idris Jusoh (2006) menyatakan golongan *ulul albab* yang bersifat *ijtihadik* ialah mereka yang bersedia untuk mengutarakan pandangan dalam penyelesaian masalah ummah, memaksimakan keupayaan berfikir, berfikiran kreatif dan inovatif serta berteknologi tinggi. Di samping itu, mereka bertindak dengan sewajarnya berpandukan al-Qur'an dan Sunnah, mempunyai semangat belajar sepanjang hayat serta mampu untuk memberikan pandangan yang adil, inklusif dan berautonomi dalam

menghadapi krisis individu mahupun masyarakat (Umi Kalthom Abdul Manaf et al., 2021).

Murid yang berciri ijtihadik boleh dianggap mujtahid dalam bidang masing-masing yang dikuasai semasa di peringkat sekolah mahupun setelah tamat pengajian sekolah dan ijtihad mereka dapat dilakukan secara *jama'i* (berkumpulan) ketika diperlukan untuk menyumbang tenaga dan fikiran bagi mengistinbat hukum yang baru atau keputusan berhubung sesuatu isu yang timbul berasaskan dalil-dalil syarak (Wan Mariana Wan Mohamad & Mohd Shafiee Hamzah, 2016).

“Orang yang berjihad sampai jadi, diri dia mujtahid lah...Jadi, orang yang berada dalam ijtihadik tu, dia kena pastikan benda tu sampai jadi...Untuk menghasilkan konsep ijtihadik, maknanya, orang yang mampu menyelesaikan masalah ummah, itulah mujtahid dalam konteks dia. Haa. Tapi bukan mujtahid fekah ni.”

(Responden 1)

3.4.1 Elemen dalam Komponen Ijtihadik

Pada asasnya, ijtihadik memberikan penekanan terhadap aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan keupayaan untuk menyelesaikan masalah ummah. Di samping itu, ijtihadik juga menekankan kemahiran insaniah bagi memantapkan lagi jati diri pelajar ulul albab.

Elemen pertama iaitu KBAT dalam konteks ijtihadik mensasarkan tiga bentuk kemahiran berfikir iaitu kritis, kreatif, dan inovatif. Menurut kajian ini, terdapat dua pendekatan konsep atau teori yang diguna pakai dalam penerapan KBAT kepada pelajar iaitu Taksonomi Bloom dan teori kemahiran berfikir oleh Edward De Bono (Responden 2 & 1).

“Kita ikut sama macam KPM (Taksonomi Bloom). Silibus kita sama ja macam KPM.”

(Responden 2)

“Kemahiran dalam MARA sebelum ada ulul albab ni, memang ada lah...kemahiran berfikir Edward D Bono.”

(Responden 1)

Walau bagaimanapun, konsep ijihadik pada hakikatnya adalah berbeza dengan konsep kemahiran berfikir konvensional. Hal ini kerana dalam proses ijihadik, pandangan Islam diambil kira dalam membuat sebarang keputusan. Justeru, aktiviti pemikiran, kreativiti dan inovasi perlu berpandukan syariat Islam.

“...kemahiran berfikir, Edward D Bono...Tapi bila ada ulul albab ni, kita *induce* masuk di situ iaitu neraca akhir dia neraca al-Qur'an Sunnah. Kalau *cort* 1 tu *plus minus interesting*. Kita bentangkan masalah kepada pelajar, apakah kelebihan, apakah kekurangan, cara selesai. Tapi itu secara belum masuk ke ulul albab la. kita masukkan ulul albab maknanya, kita bentangkan *plus minus interesting* apa kata Islam?... Mula-mula pakai akal, tapi *last* sekali dia timbang dengan neraca agama.”

(Responden 1)

“Dalam konsep ijihadik di MRSM ni, selain daripada yang pertama tadi lah, pelajar berkeupayaan untuk membuat keputusan ataupun ijihad...berpandukan al-Qur'an dan Sunnah, di samping berfikir secara kritis, inovatif dan kreatif.”

(Responden 5)

Elemen kedua iaitu penyelesaian masalah ummah merujuk kepada elemen utama yang ditekankan dalam penerapan ijihadik dan ia merupakan tujuan daripada pencapaian elemen pertama iaitu KBAT yang merangkumi aspek pemikiran kritis, kreativiti dan inovasi. Aktiviti KBAT dan penyelesaian masalah, dibangunkan bersama prinsip-prinsip umum seperti berikut:

- i) Pertama, al-Qur'an dan Sunnah dijadikan kayu ukur dalam penyelesaian masalah. Hal ini supaya kreativiti dan inovasi yang tercipta adalah tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru, pertandingan berkonsepkan ijthadik yang disertai oleh pelajar antaranya seperti Inovasi Muslim, adalah bertujuan melatih pelajar supaya dapat mengaitkan produk reka cipta mereka dengan pandangan Islam.

“Ijthadik ni, kita nak kalau dari segi saintifiknya ada kan. Dari segi program-program yang melibatkan mungkin konvensional ni ada. So islamiknya apa? Ha. Ijthadik lah yang membantu dia.”

(Responden 7)

- ii) Kedua, tujuan dan niat penyelesaian masalah mestilah jelas untuk membantu manusia dan ikhlas untuk mendapat keredaan Allah SWT semata-mata. Prinsip ini ditekankan oleh Responden 1 seperti berikut:

“Kita pernah menayangkan kepada para pelajar, jurutera nama dia al-Jazariy. Dia buat satu mekanisme kincir air di Mesir zaman dulu. Dengan konsep kejuruteraan dia ada, dia alihkan air daripada sumber air sampai ke tengah padang pasir, mengairi padang pasir. Apa kaitan dengan tajuk ni?...hati dia mesti betul-betul nak selesaikan masalah ummah ni. Air takdak di padang pasir. Alat tu pulak, kalau hati dia tak betul, dia akan ambil profit secara kapitalis terhadap orang yang dapat air tu. Tapi disebabkan hati dia dah terbentuk dengan baik, jurutera al-Jazariy ni, apa yang dia buat tu, konsep wakaf. Jadi, semua orang di padang pasir tu, dapat mengairi kebun-kebun depa daripada ciptaan al-Jazariy ni.”

(Responden 1)

“Mereka kena bagitau lah berdasarkan sudut pandang Islam. Ciptaan ni nak menyelesaikan masalah ummah yang mana satu.”

(Responden 1)

“Tunas Saintis, selama ni kita laksanakan Tunas Saintis mungkin kita nak menang saja. Tapi masuk elemen ulul albab, kerana tak menang takpa, tapi kita nak selesaikan masalah ummah.”

(Responden 1)

iii) Ketiga, keseimbangan duniawi dan ukhrawi.

Niat yang benar adalah penting dalam menyalurkan kemaslahatan kepada masyarakat. Kerahan tenaga dan fikiran yang dilakukan bukanlah untuk habuan dunia semata-mata. Akan tetapi, ganjaran bersifat material kepada hasil kerja boleh diterima namun mestilah daripada sumber dan cara yang halal. Golongan ijthadik berpendirian bahawa ganjaran yang terbaik adalah ganjaran daripada Allah SWT kerana berkhidmat kepada hamba-hamba-Nya.

“KBATnya, *problem solving*nya, ha kemudian dari segi Tunas Saintisnya, membina, membina sesuatu projek ya, projek-projek tertentu yang melibatkan Sains dan akhirnya kita kaitkan dunia akhiratlah. Bila dunia tu apa? Mungkin ada profit-profitlah. Keuntungan dari segi manfaatnya kepada diri dia dan juga masyarakat. Bukan sahaja profit tu kewangan ya. Sebab tu disebut *khayrunnas anfa ‘uhum linnas*.”

(Responden 7)

iv) Keempat, dakwah.

Elemen KBAT dan penyelesaian masalah dalam pertandingan-pertandingan ijthadik pada masa sama adalah bertujuan menajamkan pemikiran dalam dakwah. Hal ini kerana seorang yang dipersiapkan dengan ilmu akademik, ilmu agama, hafalan dan kefahaman al-Qur’an,

mempunyai kecenderungan dakwah untuk memartabatkan Islam
(Responden 1 & 10).

“Satu lagi contoh, debat. Kalau kita pernah masuk debat, dan kita tengok debat bagaimana dilaksanakan, kalau pun tajuk tu dia bercanggah dengan syariat, kalau kita adalah rumah atau kita penyedap, kita mesti menang dulu. Tapi dalam ulul albab kita ajar, tujuan berdebat memang kita dilatih untuk menang, dan dalam debat kita dilatih untuk cepat *reply*. Haa. Kemahiran *reply* dengan cepat. Tapi bukan kemenangan tu yang kita tuntutan semata-mata walaupun bercanggah dengan agama dan sebagainya, kita kira nak menang. Dak, bukan macam tu.

Dalam debat di ulul albab, kita bagitau pelajar, kita berharap pada setiap level kita dapat jumpa *opponent* yang lebih kuat. Sebab apa? Yalah. sebagai satu strategi usaha dakwah. Esok dia ke luar negeri dan sebagainya, dia *reply* dengan cepat soalan-soalan berkenaan akidah dan sebagainya. Jadi, dalam debat ni dalam ulul albab, satu latihan dakwah kecepatan berfikir.

Tujuan kita nak jumpa *opponent* yang lebih kuat, bukan kita nak rasa diri kita gah, dak. Kita nak latih diri kita, bagaimana nak *reply* dengan cepat. Kalau kita kalah tu, bila kita takdak kesempatan untuk berjumpa orang yang lebih hebat dalam mengeluarkan idea tu. Jadi sebenarnya debat ni adalah latihan dakwah sebagaimana Imam Hanafi berdebat dengan al-Dahri. Hat tu sebenarnya. Haa ini, dalam debat dan sebagainya, kita akan sampai ke peringkat Imam Hanafi dan sebagainya supaya aktiviti debat tu sendiri adalah *wajadilhum billati hiya ahsan*. Latihan. Ha macam tu lah.”

(Responden 1)

“BIFAS tu kan. Hat tu pelajar dia boleh. Cuma kita nak pelajar, lepas depa hafal tu, depa boleh hurai balik. Ha. Hat tu yang bukan semua pelajar yang boleh. Tu ijhtihadik tu.”

(Responden 10)

“BIFAS ni ialah akronim kepada baca, ingat, faham, amal dan sebar. Jadi yang ijhtihadik tadi dia masuk dekat ‘S’, sebar.”

(Responden 1)

Seterusnya, elemen ketiga bagi komponen ijtihadik ialah kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah diwujudkan melalui komponen ijtihadik secara terapan. Kemahiran insaniah ini terdiri daripada kemahiran komunikasi, tingkah laku, kepimpinan, pengurusan masa, dan semangat yang tinggi khususnya dalam aktiviti kokurikulum, sama ada yang melibatkan akademik (subjek) mahupun yang tidak berkaitan dengan akademik (Responden 7). Hal ini disokong oleh kajian Zainora Daud et al. (2018) yang menilai pencapaian ijtihadik berdasarkan sikap disiplin dan pengurusan masa, di samping aspek kognitif iaitu keberanian untuk menyampaikan idea dan berfikir sebab akibat sebelum bertindak serta berpandukan pandangan Islam.

“Nak bangunkan diri dia. Ha. Jadi, sama ada *softskill* dari segi *communication*, *softskill* dari segi pembangunan *attitude* tingkah laku, semua tu dalam ijtihadik sebenarnya...Bahawasanya ijtihadik kepada diri dia itu, program-program yang boleh meningkatkan lagi jati diri sebagai seorang pelajar yang berada dalam sistem ulul albab.”

(Responden 7)

“Ni ijtihadik yang saya sebut tadi insaniah tu kepimpinan...Yang pertama tadi dari segi kepimpinan, *leadership*. Yang keduanya, pengurusan masa...So, kelab macam mana nak... Waktu dia, bila perjumpaan? Apa dia? Ha. Tu *time management* lah.”


(Responden 7)

“Insaniah yang ada lagi dalam aaa apa ni kokurikulum dia ialah dari segi nak bangunkan supaya kelab yang dia ada tu lebih aaa ke arah, kalau dia menyertai pertandingan, so bagaimana dia nak target kepada pertandingan tersebut. Tak kiralah, kokurikulum tu melibatkan *core* akademik, *core* akademik tu subjek lah. Menghafaz al-Qur'an ka, dia masuk dalam pertandingan hafazan ka, *musabaqah* ka, atau pun kokurikulum yang lain yang bukan subjek seperti kelab-kelab, persatuan dan sebagainya itu, apa target dia. So dia kena ada jugak kpi dia tu, sasaran dia. So semua tu pembangunan insaniah la.”

(Responden 7)

Kesimpulannya, terdapat tiga elemen utama bagi komponen ijtihadik iaitu KBAT, penyelesaian masalah dan kemahiran insaniah. Sementara itu, terdapat sepuluh sub

elemen yang boleh dibahagikan kepada aspek pemikiran dan aspek sahsiah. Rajah 3.2 berikut menunjukkan elemen dan sub-elemen ijthadik Program Ulul Albab.



Rajah 3.2: Elemen-Elemen Ijthadik

3.4.2 Kaedah dan Strategi Penerapan Komponen Ijthadik

Berdasarkan elemen ijthadik yang telah dinyatakan, penerapan komponen ijthadik dilakukan dalam kurikulum dan juga kokurikulum. Meskipun setiap institusi mengguna pakai model ulul albab yang sama (Qur'anik, Ensiklopedik dan Ijthadik), tidak ada modul khusus yang diguna pakai dalam penerapan komponen ijthadik kepada pelajar. Hal ini seperti yang dilaporkan oleh Responden 1, 4 dan 7.

“Sebenarnya, gelung tiga tu sama ja. IMTIAZ ka, MARA ka, TMUA ka. Cuma sekarang ni di atas setiap institusi bagaimana nak *define* benda tu. Di atas setiap institusi bagaimana kita nak perdalamkan dia supaya akhir sekali dia sampai kepada pelaksanaan yang lebih terperinci.”

(Responden 1)

“Modul takdak khusus. Tapi dibina dalam aaa pengajaran yang sedia ada.”

(Responden 7)

“Ijtihadik ni ada dalam semua subjek. Dalam kokurikulum pun ada. Semua kelab-kelab yang ada di MRSM ni, semua ada elemen-elemen ijtihadik tu lah.”

(Responden 4)

Penerapan ijtihadik dalam kurikulum ialah melalui aktiviti pembelajaran yang melibatkan subjek-subjek dalam Program Ulul Albab. Namun, subjek yang lebih difokuskan dalam penerapan ijtihadik ialah mata pelajaran ilmu Islam seperti Hifz al-Qur'an, Maharat al-Qur'an, al-Qur'an dan Sunnah, Pendidikan Syariah Sunnah dan Pendidikan Islam.

“Ijtihadik ni ada dalam semua subjek.”

(Responden 4)

“Kurikulum dia ada banyak subjek yang terlibat kalau ikutkan. Kat sini kita ambik beberapa subjek. Contohnya subjek... macam ulul albab, al-Qur'an dengan Maharat kan.”

(Responden 8)

“kita *base* kita ialah *problem solving*. Bila kita mengajar dalam kelas. Yang berbentuk pengajian Islam ka. Al-Qur'an Sunnah ka. Aaa apa ni, PSS, Pendidikan Syariah Sunnah ka, so semua itu ada perkara yang dibincangkan dalam kelas secara pengajaran guru dan pelajar menyelesaikan masalah-masalah sama ada dari segi hukum ka kita bina. Aaa hukum yang sedia ada dibahaskan ka.”

(Responden 7)

“Tapi lebih khusus kepada Pendidikan Islam lah. Kepada...*qalbun*. Ok lain-lain subjek, kita pun buat penerapan lah. Kena ada penerapan untuk..haa..dalam kurikulum subjek lain contohnya biologi, so dia masukkanlah jugak di situ. Haa. Merentas apa panggil subjek yang mana ada lah. Itu kurikulumlah. Kokurikulum, lebih-lebih terkhusus lah.”

(Responden 7)

Antara kaedah penerapan ijtihadik yang ditekankan ialah mengaitkan ilmu pengetahuan dengan al-Qur'an. Dengan demikian, maka daya ingatan dan pengetahuan dapat diperkuatkan lagi secara bersepadu dengan komponen qur'anik dan ensiklopedik. Guru-guru juga berperanan Hal ini sepertimana dinyatakan oleh responden 1 dan 7:

“Kadang-kadang kita memberitahu jugak contoh kreativiti kat pelajar-pelajar. Supaya dia boleh tangkap contoh kita bagi tu. Kita contoh kita kata...esok dia jadi juru ukur bahan. *Quantity surveying*. apa. Dia akan ingat ayat qur'an. *Wa aful kaila wal mizan*. “Hendaklah kamu menyempurnakan timbangan dan juga takaran”... dia kena kerja dengan amanah. Jika tidak, bangunan tu runtuh nanti. Tu dia kena amalkan dalam hidup dia.”

(Responden 1)

“Bila berada dalam MRSM Ulul Albab ni, cikgu-cikgu yang mengajar Sains, yang bukan Pendidikan Islam, jugak mengambil iktibar daripada *problem solving* tadi. Itu *base* dia. Yang lain-lain tu dia bawa lah. Kalau dia mampu bawa al-Qur'an... ayat al-Qur'an, lagi bagus lah. Menceritakan tentang kejadian manusia. Apa kaitan dia dengan al-Qur'an? Haa dia bawa dalam kurikulum la...Haa jadi, kemampuan itu, ada di situ, maknanya dia tahu diri dia manusia, bagaimana kejadian dalam variati tu menceritakan secara Sains, al-Qur'an pun cerita...Bila cikgu Sains cerita, al-Qur'an dikaitkan. Haa. Dan cikgu-cikgu lain, Sejarah ka... memang kita nak ada kaitan. Supaya pelajar tak hilang dari segi al-Qur'an yang dia hafal tu”

(Responden 7)

Di samping itu, kaedah yang digunakan ialah pembentangan soalan KBAT iaitu guru menguji secara langsung di dalam bilik darjah melalui soalan (Responden 2 & 10).

Kaedah berasaskan soal jawab dapat meningkatkan tahap ijhtihadik pelajar kerana mereka diberikan peluang untuk memberikan pandangan terhadap sesuatu isu atau topik yang dibentangkan oleh guru. Setelah itu, guru akan memberikan ulasan terhadap isu yang dibincangkan di dalam kelas.

“Kita boleh tanya kaitan merentas kurikulum dia apa dia? Mungkin Sains. Dia boleh cerita sikit. Sains ni, kejadian dia mula-mula macam ni. Embrio... tu pemikiran kreatif la. Dia maksudnya, bukan satu sudut. Dalam al-Qur'an ada. Dalam kaitan dengan subjek-subjek yang lain pun dia ambil.”

(Responden 10)

“Kita bentangkan soalan tu dan kita mintak pandangan daripada para pelajar. *Last* sekali kesimpulan dia kita akan rujuk jugak kepada mufti lah.”

(Responden 2)

Selain itu, Responden 9 menyatakan kaedah pembentangan daripada pelajar juga dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara lebih kritis, kreatif dan inovatif. Pembentangan oleh pelajar dilakukan secara individu mahupun berkumpulan. Melalui kaedah pembentangan juga melatih pelajar untuk berfikiran kreatif dan memahami ayat-ayat al-Qur'an (fiqh ayat).

“Melalui kaedah macam pembentangan kita guna PAK21 kan. Daripada kaedah PAK21 tu dia boleh cabang merata. Daripada situ kita boleh tengok ... Aaa contoh daripada idea yang lama, kita boleh *combine* jadi idea yang baru. Macam kita tau sebelum ni biasa buat *group* kumpulan atau pun individu kan. Ok, kalau dalam kumpulan tu kita boleh pecah buat macam-macam aktiviti. Contohnya untuk al-Qur'an, kita boleh buat aktiviti macam-macam untuk fiqh ayat. Contoh, kita boleh buat aktiviti melalui lukisan. Daripada lukisan tu lah, budak terjemahkan daripada al-Qur'an, apa depa faham tentang fiqh ayat yang terkandung dalam ayat al-Qur'an tu. Depa huraikan dalam bentuk lukisan. Daripada lukisan tu lah akan ada depa terang dalam bentuk pembentangan dalam kumpulan.”

(Responden 9)

Sementara itu, Responden 1 dan 3 menyatakan bahawa pelajar khatam iaitu yang telah menamatkan hafazan al-Qur'an akan dikelompokkan kepada kumpulan tasmik yang khusus. Pengasingan kumpulan tersebut membolehkan penerapan elemen ijtihadik dilakukan dengan lebih mendalam melalui proses *muraja'ah* dan fiqh ayat.

“dan di situ ada guru-guru yang memegang ni dia akan menerapkan la elemen-elemen yang disebutkan di sini. Ada kelas tadarus al-Qur'an semua ni... yang ni menyebabkan lebih mendalami al-Qur'an dengan lebih mendalam lagi lah.”

(Responden 3)

“Jadi kat ulul albab Kepala Batas ni ada... waktu tasmik, pelajar yang khatam, dia akan dikumpulkan di satu tempat. Bersama dengan tiga orang guru lah. Proses *muraja'ah* ingat balik, proses *tafahhum*, *tadhakkur* dan lain-lain tu lah.”

(Responden 1)

Bagi kaedah penerapan ijtihadik melalui kokurikulum pula adalah seperti berikut:

i) Sukan Sunnah.

Sukan Sunnah ditawarkan dalam Program Ulul Albab bagi meningkatkan minda dan fizikal pelajar. Sukan Sunnah atau Sukan Terbeza ini terdiri daripada tiga jenis sukan iaitu menunggang kuda, memanah dan berenang. Penglibatan dalam aktiviti Sukan Sunnah merupakan kaedah yang dapat meningkatkan fokus pelajar dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.

“Hari ni kalau kita tanya mana-mana sekolah ulul albab, TMUA dan sebagainya, memang tiga jenis sukan terbeza ni yang akan kita utamakanlah kepada pelajar.”

(Responden 5)

“Ramai orang berkefahaman ijthadik ialah kuda, renang, panah. Bukan...tu salah satu aktiviti untuk menajamkan fikiran pelajar, memberi fokus dalam penyelesaian masalah. Nak panah tu kena fokus. Nak menyelesaikan sesuatu masalah, kena fokuslah, baru dia boleh selesai. Haa jadi sebenarnya, tiga-tiga aktiviti tu tidak semestinya. Tiga aktiviti boleh ja kalau kuda payah nak dapat, boleh guna drone.”

(Responden 1)

- ii) Galakan untuk menyertai kelab-kelab STEM (*Science, Technology, Engineering and Mathematics*), dron dan sebagainya.

“Kita galakkan pelajar-pelajar menyertai kelab-kelab yang bersifat stem la ni kan. Kelab dron, yang berteknologi tinggi dan sebagainya.”

(Responden 5)

“Sebab dalam dalam kokurikulum, dalam program-program, MRSM Tunas Saintis, dron, sebagainya itu dia ada banyak perkara yang perlu difikirkan. Di situ lah berlakunya perbincangan, ada kreativiti, ada inovasi.”

(Responden 7)

“Kita bawah STEM. Kalau inovasi lah. Bawah STEM di peringkat sekolah dan jugak apabila menang... kita jugak pernah pi peringkat antarabangsa.”

(Responden 10)

Kelab-kelab berteknologi tinggi yang ditubuhkan dalam MRSM Ulul Albab ialah seperti kelab avionik, robotik dan solar. Di samping itu, MRSM Ulul Albab menggalakkan aktiviti keusahawanan kerana dianggap mampu memantapkan sahsiah seiring perkembangan minda dan fizikal pelajar (Sistem Pendidikan MRSM Ulul Abab).

“Meningkatkan pengetahuan pelajar dari sudut keusahawanan. Latih depa untuk menjadi usahawan, berniaga dan sebagainya. Tu antara item-item dalam komponen ijtihad.”

(Responden 5)

“Pelajar-pelajar boleh menggunakan elemen ijtihadik ni dalam menyelesaikan masalah, membuat produk-produk apa ka..keusahawanan.”

(Responden 4)

- iii) Penyertaan unit beruniform. Unit beruniform yang ditawarkan dalam Program Ulul Albab ialah Kadet Polis, Pengakap dan Pandu Puteri.

“Contoh kalau unit beruniform... Kadet Polis, Pandu Puteri. Lagi apa?”

(Responden 4)

“Pengakap.”

(Responden 3)

“Dalam aktiviti pengakap memang sangat banyak aktiviti yang melibatkan ijtihadik ni. Contohnya banyak benda pengakap ni yang kita kena fikirkan sendiri... buat gajet sendiri dan sebagainya. Jadi, semua tu memerlukan kemahiran berfikir kreatif dan inovatif. Kalau pelajar tersebut tidak kreatif, maknanya dia tak boleh melakukan aktiviti tu dengan baik.”

(Responden 8)

- iv) Penyertaan dalam pelbagai pertandingan yang diadakan di peringkat sekolah mahupun luar sekolah.

Pertandingan yang ditawarkan oleh MRSM Kepala Batas dan SMK Agama Kedah merupakan acara penting dalam penerapan ijtihadik kerana

penglibatan pelajar dalam pertandingan mencerminkan bahawa mereka aktif dan mempunyai ciri ijtihadik. Antara pertandingan yang diadakan di MRSM ialah Tunas Saintis, Inovasi Muslim iaitu acara tahunan MRSM seluruh negara, pertandingan debat dan pertandingan hafazan.

“KBATnya, *problem solving*nya, haa kemudian dari segi Tunas Saintisnya, membina, membina sesuatu projek ya, projek-projek tertentu yang melibatkan Sains.”

(Responden 7)

“Tunas Saintis, selama ni kita laksanakan Tunas Saintis mungkin kita nak menang saja. Tapi masuk elemen ulul albab, kerana tak menang takpa, tapi kita nak selesaikan masalah ummah.”

(Responden 7)

“Satu lagi contoh, debat.”

(Responden 7)

“Dia hat Liga Huffaz pun saya ingat, satu aktiviti ijtihadik jugak...tiga orang pelajar dia akan lawan dengan tiga orang pelajar. Ayat yang diuji ialah, kalau tahun ni ayat satu sampai lima... satu sampai lima untuk *first round*. Hafazan. *Second round* ayat Sains. Sama ada mereka datangkan...hakim datangkan ayat, kena sebut terjemahan...atau pun hakim sebut terjemahan, dia kena sebut ayat... atau pun hakim bagi situasi, dia kena sebutkan ayat Sains yang berkaitan. Ayat *kauniyyat* la. Kemudian dia ada *round-round* yang lain lah. Beberapa *round*. Jadi, dia bentuk liga. Maknanya bukan kalah mati. Iaitu melibatkan semua MRSM Ulul Albab peringkat kebangsaan lah. Kita pun buat jugak di peringkat maktab untuk mencari pelajar yang terbaik lah.”

(Responden 1)

Sehubungan dengan itu, Model pengayaan sekolah (*Schoolwide Enrichment Model*) digunakan dalam projek dan kajian inovasi ke arah

penyelesaian masalah ummah (Responden 1 & 7). Penggunaan model ini tidak terhad kepada sesuatu subjek tertentu, manakala kos projek yang akan dijalankan adalah dihadkan supaya inovasi dapat tercetus (Responden 7).

“Untuk menghasilkan konsep ijtihadik, maknanya, orang yang mampu menyelesaikan masalah ummah, itulah mujtahid dalam konteks dia. Haa, tapi bukan mujtahid fekah ni. Untuk hasilkan mujtahid macam tu, makna hati dia kena betul la. Hati ni kita nak didik. So, macam mana pelaksanaan di MRSM? Benda ni kita *induce* masuk dalam sem ni. *School enrichment model*...Model pengayaan sekolah. Haa. Yang dibawak masuk.. ada lama dah la dalam MRSM ni. Prof Renzulli dia punya pengasas dia.”

(Responden 1)

“*Schoolwide* ni maknanya pengayaan ya. Pengayaan ni tak semestinya bentuk Sains saja atau pun aaa subjek Bio ka Kimia ka Biologi ka tapi dia semua. Haa maknanya dari segi Sejarahnya ada... Pendidikan Islam pun boleh dibuat kajian ya.”

(Responden 7)

“*Schoolwide Enrichment Model* itu, kos tu dia ada. Kos projek. Tapi kita *minimizekan*, minimumkan projek tu supaya inovasi tercetus. Kerana inovasi adalah tujuan dia ialah untuk mengurangkan bajet tetapi memberi manfaat kepada orang lain dengan model yang baru. Islam pun nak macam tu supaya kita bersungguh-sungguh ke arah itu, dapat pelajar-pelajar kita bangun. Mungkin di peringkat menengah ini, dia lebih banyak fokus lah. Fokus kepada akademik, fokus kepada al-Qur'an ya. Belum lagi tercapahnya lebih tinggi lagi.”

(Responden 7)

Selain itu, antara bentuk pertandingan di MRSM Ulul Albab juga ialah pemilihan calon pemimpin dalam kalangan pelajar. Sebuah organisasi telah ditubuhkan untuk menggiatkan aktiviti ke arah pembangunan insaniah pelajar iaitu Sekreteriat Kepimpinan Pelajar (Responden 7).

“Sekretriati Kepimpinan Pelajar ni jugak membangunkan pelajar yang mempunyai apa, bakat-bakat kepimpinan yang ada pada dia. Contohnya di sini, di MRSM ialah Badan Wakil Pelajar (BWK). Yang dipilih oleh, secara undian oleh pelajar-pelajar. Itu jugak membangunkan diri dia. Insanilah yang membangunkan diri dia. Maknanya dia apa meletakkan diri dia supaya orang memilih dia menjadi pemimpin atas dasar apa? Melalui manifesto ka, melalui apa ka, dan pemilihan orang, pelajar-pelajar dan cikgu-cikgu staf itu melihat kepada apa? Bukan populariti. Tapi memang mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Itu yang ketiga yang ada di MRSM juga berbalik dari segi pembangunan insanilah tadi.”

(Responden 7)

Aktiviti berbentuk pertandingan di SMK Agama Kedah pula adalah bertemakan al-Qur'an (Mahrajan al-Qur'an), acara sukan, serta pertandingan-pertandingan melalui kelab, persatuan dan badan beruniform.

“Haa... kami ada jugak buat pertandingan. *Mahrajan*... untuk contoh... al-Qur'an. *Mahrajan* al-Qur'an. Dari situ, pelajar sertai, kita tengok tahap mereka macam mana... mewakili sekolah... masuk pertandingan mana-mana...”

(Responden 9)

“Pertandingan kokurikulum banyak. Kita ada... peringkat sekolah lah, atau peringkat persatuan. Kemudian kita pergi kepada peringkat majlis sukan-sukan daerah. Yalah, kita ikut KPM punya flow lah. MSSD. Kemudian MSSK. Kemudian kalau layak ke MSSM lah, kebangsaan lah kan. Dia bukan hanya di sukan. Dia ada apa tu kelab dan persatuan. Masing-masing lah. Hat ni masing-masing dia punya kelab dan persatuan. Lagi dia ada apa... uniform. Kelab uniform. Masing-masing ni dia ada pendekatan ijhtihadik masing-masing lah.”

(Responden 10)

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa tiada modul khusus dalam pelaksanaan komponen ijhtihadik bagi Program Ulul Albab. Walau bagaimanapun, terdapat kaedah dan strategi tertentu dalam penerapan komponen ijhtihadik telah

dilaksanakan seperti guru menghubungkan pelajaran dengan al-Qur'an, membuat pembentangan soalan KBAT, membentuk kumpulan khusus pelajar yang telah menamatkan silibus hafazan untuk sesi perbincangan fiqh ayat, sementara pembentangan oleh pelajar turut dilakukan untuk mengembangkan kemahiran berfikir mereka. Kaedah penerapan ijtihadik melalui kokurikulum pula adalah seperti sukan sunnah (memanah, berkuda dan berenang), aktiviti keusahawanan, penyertaan kelab-kelab STEM dan sebagainya (seperti kelab dron, avionik, robotik dan solar), penyertaan unit beruniform (Kadet Polis, Pengakap dan Pandu Puteri), pertandingan sains, inovasi, debat dan hafazan, serta kegiatan kepimpinan pelajar.

Jadual 3.3 berikut menjelaskan kaedah dan strategi penerapan komponen ijtihadik.

Jadual 3.3


Kaedah dan Strategi Penerapan Komponen Ijtihadik dalam Kurikulum dan Kokurikulum

Kurikulum	Kokurikulum
• Mengaitkan akademik dengan al-Qur'an. • Pembentangan soalan KBAT. • Pembentangan oleh pelajar. • Kumpulan khusus pelajar khatam untuk perbincangan fiqh ayat.	• Sukan sunnah. • Pengetahuan tentang keusahawanan dan perniagaan. • Penyertaan kelab-kelab STEM, drone dan sebagainya. • Penyertaan unit beruniform (Kadet Polis, Pengakap & Pandu Puteri). • Pertandingan sains dan inovasi, debat dan hafazan. • Kepimpinan pelajar.

Sementara itu, terdapat pula beberapa pendekatan berasaskan al-Qalb telah dikesan dalam penerapan komponen ijtihadik yang sebahagiannya telah pun digariskan sebelum ini. Walau bagaimanapun, pendekatan ini adalah tidak berpandukan model teoretikal berasaskan al-Qalb. Antara pendekatan tersebut adalah seperti berikut:

i. Fiqh ayat

Pendekatan fiqh ayat adalah suatu pendekatan berasaskan al-Qalb kerana ia melibatkan fungsi serta peranan intelektual al-Qalb seperti berfikir, mengingat, menyimpan ilmu pengetahuan, menganalisis dan membuat penilaian yang kukuh berpaksikan prinsip agama dan aspek kebenaran. Kefahaman sesuatu ayat dapat memberi ruang kepada pelajar untuk melakukan kegiatan berfikir ke arah yang lebih mendalam seperti memahami, menganalisis, membuat penghujahan dan menghubungkan fiqh ayat dengan sesuatu isu yang berlaku (Zainora Daud et al., 2018).



“Al-Qur’an kata...apa...*Qul lil mukminin yaghdudna absarahum*. Kalau dia ambil literal ja dia tunduk ja la. Bukan macam tu maksud dia. Kemudian dia nak terapkan dalam hidup dia sebagai pelajar ulul albab ni.”

(Responden 1)

“Kita boleh tanya kaitan merentas kurikulum dia apa dia? Mungkin Sains. Dia boleh cerita sikit. Sains ni, kejadian dia mula-mula macam ni. Embrio... tu pemikiran kreatif la. Dia maksudnya, bukan satu sudut. Dalam al-Qur’an ada. Dalam kaitan dengan subjek-subjek yang lain pun dia ambil.”

(Responden 10)

ii. Pertimbangan baik dan buruk dalam penyelesaian masalah

Penyelesaian masalah dan pertimbangan baik serta buruk sesuatu perkara adalah dua hal yang berbeza. Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai nilai ijtihadik, sesuatu isu yang diperhatikan atau tindakan yang diambil pada akhirnya mestilah berdasarkan pertimbangan dan penilaian yang rapi yang

telah dibuat. Keupayaan ini merupakan fungsi al-Qalb dan tidak dapat digantikan dengan teori ciptaan Barat yang tidak mengiktiraf peranan intelektual al-Qalb. Keupayaan membuat penilaian ini juga bertepatan dengan matlamat penerapan komponen ijtihadik untuk melahirkan pelajar yang aktif dalam mencurahkan sumbangan pemikiran serta dapat bertindak berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah.

“Kemahiran dalam MARA sebelum ada ulul albab ni, memang ada lah. Kemahiran..apa..*cort* 1, *cort* 2, *cort* 3 tu haa...Kemahiran berfikir Edward D Bono. Tapi bila ada ulul albab ni, kita *induce* masuk di situ iaitu neraca akhir dia neraca al-Qur'an Sunnah. Kalau *cort* 1 tu *plus minus interesting*. Kita bentangkan masalah kepada pelajar, apakah kelebihan, apakah kekurangan, cara selesai...Tapi itu secara belum masuk ke ulul albab la. Kita masukkan ulul albab maknanya, kita bentangkan *plus minus interesting* apa kata Islam? tu *qalibun* la. *Qalibun* dia memilih. Cara untuk memilih. Mula-mula pakai akal, tapi *last* sekali dia timbang dengan neraca agama. Dia yang tu dipanggil apa ni kemahiran berfikir.”

(Responden 1)

iii. Slot *tadabbur* al-Qur'an

Tadabbur adalah satu daripada proses berfikir menggunakan al-Qalb. Pendekatan *tadabbur* dilaksanakan oleh guru secara tidak langsung kerana tiada taksonomi, modul atau subjek khusus bagi pendekatan ini. Namun begitu, terdapat slot khusus *tadabbur* dijalankan seperti slot *Qur'an Time*. Pakar bidang ilmu al-Qur'an dan *tadabbur* dijemput secara berkala bagi memberikan ceramah tentang sesuatu topik daripada al-Qur'an.

“*Tadabbur* dia...kuliah. Dia takda...caras kursus takda la. Dia kena tambah...bukan kata...*value added* dia ada. *value added*nya maknanya pakar dalam bidang *tadabbur* tu...”

(Responden 7)

“Dia berjalan serentak semua. Dia tak pisah-pisah. Tapi ada la kalau ada slot tu slot pisah-pisah. Macam slot *Qur'an Time*. Slot *tadabbur* dan *tafahhum*”

(Responden 2)

iv. Penyoalan secara berperingkat melalui sesi intervensi

Pendekatan penyoalan berperingkat seperti yang dilaksanakan di MRSM Ulul Albab adalah sangat baik dalam menarik minat pelajar seterusnya dapat meningkatkan tahap kemahiran berfikir pelajar secara lebih teratur dan meningkatkan juga penguasaan topik pembelajaran. Pendekatan ini dilaksanakan menerusi sesi intervensi pelajar mengikut subjek. Sementelahan itu, pelajar yang agak lemah diklasifikasikan dan disebut sebagai pelajar berpotensi.

“Intervensi ikut subjek. Bagi pelajar-pelajar yang... aaa... dia sebenarnya kita cuba bangunkan *qalbun* ni kepada anak-anak pelajar supaya mereka yakin kepada diri sendiri. Sebab tu *term-term* yang digunakan telah diubah. Contohnya pelajar lemah kita gantikan *term* dia dengan pelajar berpotensi. Kita tak panggil pelajar lemah supaya dia rasa diri dia boleh...soalan yang diberi tu soalan permulaan yang mudah-mudah dulu. Bagi dia yakin dan dia seronok. Bila hati dia dah tarik baru kita bagi soalan peringkat tinggi sikit...Soalan yang mudah-mudah tujuan untuk tarik hati pelajar-pelajar tu supaya dia minat belajar. Bila dia minat baru berperingkat naik.”

(Responden 1)

v. Solat di awal waktu

Penekanan solat di awal waktu juga merupakan pendekatan berasaskan al-Qalb apabila fikiran dan perasaan dibentuk cenderung untuk menjadi golongan yang mementingkan ibadah dan perhubungan dengan Allah SWT. Pendekatan ini

juga secara tidak langsung turut dapat membantu pelajar dalam pengurusan masa harian mereka.

“Untuk bentuk *qalbun* yang cantik, maknanya dia kena berhenti solat asar 4.20. lepas solat asar pukul 5 baru mula balik kelas tambahan. Untuk *group preparation*. *Group clinic* lah. Ha macam tu lah. Begitu jugak solat maghrib, kita tak benarkan prep bermula lepas solat maghrib, tak boleh. Mesti duduk dalam surau, hafal ayat baru untuk tasmik esok. Lepas solat isyak, baru boleh... untuk prep, kelas tambahan dan lain-lain. Jadi, untuk pembinaan *qalbun* tu, solat nombor satu. Itu lah.”

(Responden 1)

3.4.3 Kaedah Pentaksiran Ijtihadik

Sebagaimana penerapan ijtihadik adalah melibatkan kurikulum dan kokurikulum, penilaian pencapaian objektif ijtihadik juga berdasarkan prestasi pelajar dalam kurikulum dan kokurikulum. Namun, tidak ada modul khusus digunakan dalam pentaksiran pencapaian komponen ijtihadik. Sebaliknya, guru menilai pencapaian komponen ijtihadik berdasarkan pemerhatian secara umum terhadap pelajar melalui pelbagai aspek seperti penglibatan pelajar, keupayaan, kesungguhan, kepimpinan, sahsiah, penampilan, akademik dan kemahiran.

“Kalau dalam temuduga terbuka... untuk pemilihan presiden. Di situ dah ada penilaian ya...Dari segi penilaian lain, pemilihan kepimpinan tadi lah. Secara undian... kan... guru melihat kepada pelajar dalam konsep aaa pentaksiran.”

“Pentaksiran secara akademik lah. Itu ya. Kalau hafazan al-Qur'an mungkin tadi masa tasmik tadi dah nilai lah...Maknanya kena nampak ijtihadik tu, sungguh-sungguh dia la...So, kita nilai yang tu lah.”

“Nilai tu dengan pelbagai lah. Kurikulumnya, ko-kurikulumnya, penglibatan dia, kepimpinannya...mungkin sahsiah secara... secara amnya nampak. bagus, baik... haa tu. Takda masalah disiplin... haa tu penilaian secara am...”

“Modul yang sebenar takdak. Takda. Sebab sikap dari segi kaunselor pun dia tak boleh nak...nak nilai sikap tu, takdak. Dia kata baik tu tahap macam mana? Baik tu? Cuma kita kata baik tu, dia hadir dalam program...itu ja. Nak nilai baik tu takdak. Termasuklah, kita nak...kita nak *interview* pelajar masuk ulul albab. Kita nak tahu gred dia tu bagus tak bagus...takdak, takdak. Haa. Cuma nampak apa yang dia boleh sebut... itu nilaian. Boleh nampak tingkah laku, itu nilai. Dari segi imej, nilai. Haa yang lain takda la. Takda la. Kita tak nampak. Tak nampak ada nilaian di situ kita boleh buat secara ...orang kata apa ni...secara objektif tak nampak la. Subjektif ni ada. Ok. Saya ingat tu lah kot.”

(Responden 7)

“Haa berkeupayaan. Tak semua budak. Contohnya setengah budak ni dia jenis... lebih kepada menulis. Kan. Menulis tu pun... kalau dia tulis... dia...kata apa... tu satu dia punya idea... dia punya pentaksiran jugak. Kita boleh nilai budak ni dia hanya lebih kepada penulisan... hat ni lebih kepada percakapan. Maknanya pentaksiran tu banyak lah.”

(Responden 10)

“Haa... kami ada jugak buat pertandingan. *Mahrajan*... untuk contoh... al-Qur'an. *Mahrajan* al-Qur'an. Daripada situ, pelajar sertai, kita tengok tahap mereka macam mana... mewakili sekolah... masuk pertandingan mana-mana...”

(Responden 9)

“Pertandingan... guru menilai dari sudut macam mana mereka menguruskan pasukan. Aaa... teknik-teknik. Kadang kita bagi tak cukup. Depa cari sendiri. Depa jugak mengemukakan kepada kita pulak. Macam ni lah cikgu. Teknik ni kita kena ubah. Itu satu ijhtihadik lah bagi saya. Betul tak? Kan. Ijhtihadik. Depa mampu menyuarakan apa yang depa fikir betul lah.”

(Responden 8)

“Dia macam berorientasikan peperiksaan la. Macam kuiz ka, latihan dalam haa apa macam sesi tasmik, mungkin kita ada buat aktiviti kecik sikit ka macam kuiz ka... daripada tu kita tau tahap macam mana depa dah dapat hat depa tu.”

(Responden 9)

Bagi SMK Agama Kedah, pentaksiran juga dilakukan berdasarkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang berjalan serentak semasa sesi pembelajaran.

“Kalau nak ikut ijthadik ni antara dia PBD pentaksiran dalam bilik darjah, formatif sumatif tu ada jugak lah, memang ada lah kan. Peperiksaan akhir tahun, pertengahan tahun... masuk pentaksiran lah.”

(Responden 10)

“Kalau dari sudut pentaksiran, dia kita lebih kepada pentaksiran bilik darjah. pentaksiran bilik darjah maknanya secara langsung guru-guru tu dia menguji anak murid dia secara langsung ketika mana PdPc. Tu lah... soal jawab atau pun macam-macam lah. Haa kan... ikut tajuk lah. Hari tu tajuk dia tentang kejadian dalam al-Qur'an... kejadian manusia. Kaitan kita boleh tanya kaitan merentas kurikulum dia apa dia? Mungkin sains. Dia boleh cerita sikit. Sains ni, kejadian dia mula-mula macam ni. Embrio... tu pemikiran kreatif la. Dia maksudnya, bukan satu sudut. Dalam al-Qur'an ada. Dalam kaitan dengan subjek-subjek yang lain pun dia ambil.”

(Responden 10)

Sementara itu, bagi MRSM Kepala Batas, program khas iaitu Ihtifal Ulul Albab yang diadakan pada setiap tahun melibatkan MRSM Ulul Albab seluruh negara juga bertujuan mentaksir secara umum sekaligus ketiga-tiga komponen ulul albab (QEI), manakala komponen ijthadik ditonjolkan dalam projek Inovasi Muslim semasa berlangsungnya temasya Ihtifal Ulul Albab.

“Di MRSM Ulul Albab. Dalam Ihtifal Ulul Albab tu sebenarnya... mula 2014 secara rintis, 2015 dia jadi program kebangsaan. Asal Ihtifal Ulul Albab ni adalah untuk mengukur dan mentaksir secara general tiga-tiga komponen tu. Kalau komponen ijthadik, Inovasi Muslim sebagai dia punya komponen. Melihat sejauh mana mereka dapat menggunakan menghasilkan idea-idea baru untuk penyelesaian masalah.”

(Responden 1)

3.4.4 Cabaran dan Permasalahan dalam Penerapan Komponen Ijthadik


Berdasarkan kajian terdahulu, objektif Program Ulul Albab belum tercapai sepenuhnya. Hal ini disebabkan oleh kelemahan dalam penerapan komponen ijthadik seperti tidak ada modul pelaksanaan dan kesuntukan masa. Justeru, bahagian ini akan

menghuraikan cabaran dan permasalahan dalam penerapan komponen ijtiihadik berdasarkan hasil temu bual bersama responden.

Cabaran serta permasalahan dalam penerapan komponen ijtiihadik terbahagi kepada tiga perspektif. Pertama, guru. Kedua, institusi. Ketiga, pelajar. Cabaran serta permasalahan penerapan komponen ijtiihadik dari setiap perspektif adalah seperti berikut:

1. Perspektif guru.

i) Kefahaman dan penekanan konsep ijtiihadik.



“Tak semua guru bertindak bercakap berkenaan ulul albab. Konsep dia semua guru... untuk membentuk pelajar yang ada ketiga komponen tu salah satunya ijtiihadik. Cikgu mesti cakap dalam kelas. Dan semua cikgu ajar disiplin. Mesti disiplinkan pelajar. Ajar adab.”

(Responden 1)

“Kefahaman konsep ijtiihadik tu...kadang, tak semua guru memahami kan... konsep ijtiihadik tu. Kalau guru yang betul-betul dia faham, dia boleh menerapkan apa saja subjek yang dia ajar. Kan. Dia masuk situ elemen ijtiihadik. Guru yang tidak faham, aaa...dia tak dapat menerapkan aaa...Ijtiihadik.”

(Responden 2)

“Perlu kepada apa... aaa... guru-guru ni kurang pendedahan la. Guru-guru ni sendiri tak menguasai lah kefahaman dia tentang ijtiihadik tu sendiri. Walaupun dia apa... kena diberikan penerangan lebih mendalam lah tentang apa... aaa... Ijtiihadik ni. Secara khusus. Untuk yang guru-guru biasa ni takdak la secara khusus.”

(Responden 2)

ii) Pertukaran guru.

“Dia...sama macam sekolah lain lah. Pertukaran guru masuk kemudian keluar. Guru masuk kemudian keluar... kan. Dia masuk tu bukan sepuluh orang sekali masuk. Sepuluh orang. Dak... bulan ni sorang masuk. Tengah tahun sorang pulak masuk. Untuk memberi kefahaman kepada yang baru masuk... yang dah faham dah keluar... yang baru masuk, baru masuk... bukan...bukan semua...katakan... sama jugak mungkin TMUA kan, bukan semua SMK tu TMUA. Jadi dah kena faham kan bukan semua MRSM ni Ulul Albab. Dia nak kena fahamkan dulu. Ha jadi... yang ni yang...cabaran-cabaran kita untuk memahamkan semua guru.”

(Responden 1)

iii) Bahan bantu mengajar.

“Yang kedua cabaran kita nak cari bahan-bahan untuk proses... contoh, kita nak...kalau dari segi ijhtihadik la, kita nak pelajar-pelajar faham ayat al-Qur’an dan macam mana dia nak kaitkan dengan sains dan sebagainya. Kalau kita tengok aaa...setengah-setengah kajian, dia...dia tidak ditulis oleh orang yang ada *background* dua-dua. Kadang-kadang, penafsiran ayat tu dia lari. Aaa...berbanding dengan tafsiran yang sebenar, dia agak lari jauh. Haa jadi ini antara perkara-perkara yang menjadi satu...kita nak... kita nak cari bahan untuk...untuk...membina tu lah. Haa membina. Masa kemudian bahan yang terhad dan masa kita sendiri nak cari bahan.”

(Responden 2)

2. Perspektif institusi:

- i) Kekangan masa dalam pelaksanaan fiqh ayat. Kebanyakan masa digunakan pelajar untuk menghafaz al-Qur’an kerana hafazan al-Qur’an ialah satu daripada silibus peperiksaan. Faktor kekangan masa ini menyebabkan pelaksanaan aktiviti ijhtihadik sangat terhad. Di samping itu, jadual harian Program Ulul Albab sama ada program TMUA mahupun MRSM Ulul Albab agak padat menyebabkan pelajar merasa penat.

“Tak boleh, kita perlukan habiskan qur’anik tu dulu. Memang nak masuk dua elemen lagi, ijtihadik dan ensiklopedik tu, hat ni penting lagi. Hat ni *exam*.”

(Responden 11)

“Kalau al-Qur’an pun tak lepas, hat lain payah.”


(Responden 8)

“Sebab kita tengok Program Ulul Albab kadang-kadang padat lah kan. Semua benda tu agak padat.”

(Responden 8)

“Pelajar letih kadang... tu yang buat takdan.”

(Responden 10)



“Kalau pada saya mungkin pada kekangan masa lah. Sebab macam kita... mungkin pelajar-pelajar ni sibuk lah dari pagi sampai ke petang, kelas tambahan, kadang-kadang hujung minggu pun ada program-program untuk depa. So mungkin kekangan masa lah yang apa...kita dapat tengok di situ lah.”

(Responden 3)

“So, kita ikut dasar yang ditentukan oleh KPM. Kami *follow* dasar kerajaan. Buat yang mampu. Bukan tak buat.”

(Responden 11)

Hal ini sepertimana kajian oleh Zainora Daud et al. (2018) dan Muhd Zulhilmi Haron et al. (2019) menyatakan bahawa pelaksanaan fiqh ayat kurang konsisten. Guru kurang memberikan tumpuan terhadap komponen ijtihadik dan kebolehan menghubungkan pelajaran ilmu al-Qur’an dengan kehidupan sebenar (Muhd Zulhilmi Haron et al., 2019). Namun, aktiviti ini kurang dilaksanakan kerana pelajar

menggunakan masa yang diperuntukkan dengan menghafaz ayat hafazan baru untuk ditasmik kepada guru (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis, 2017).

- ii) Kekurangan dana dan peralatan untuk pelaksanaan aktiviti ijtihaadik.

“Kekangan masa tu ya. Maksudnya kadang kita buat sesuatu aktiviti untuk pelajar tu sendiri kan... peralatan tak cukup. Peralatan tu terhad. Kekurangan dana... haa.”

(Responden 9)

“So mungkin kekangan masa lah yang apa...kita dapat tengok di situ lah. Mungkin, *facilities* jugak. Tu antaranya la.”

(Responden 3)

3. Perspektif pelajar.

- i) Sikap. Menurut responden kajian, antara cabaran yang dihadapi dalam memupuk ciri ijtihaadik kepada pelajar juga ialah sikap

pelajar sendiri seperti kurang keberanian dan keyakinan. Di samping itu, pelajar juga tidak dapat fokus dalam pembelajaran fiqh ayat.

“Sikap kot. Maksud dia pelajar ni dia aaa keberanian main peranan la kan. Nak bagi suatu aaa pandangan, kadang takut kan. Masalah mungkin sikap pelajar sendiri.”

“Malu, malas, dan sebagainya.”

“Maksudnya keberanian... kefahaman dan jugak ilmu ni sama rata dari sudut guru bagi kat pelajar. Sama rata. Tak dak lebih. Cuma dari sudut masalah pelajar tu sendiri. Guru dah bagi macam-macam imbhan. Bukan imbuhan. Macam-macam cara, teknik, apa lagi? Kemudian, pelajar tu lah. Mungkin dia tak berani lagi. Mungkin dia kurang confident. Haa tu lah kalau nak sebut tentang penerapan komponen ni lah.”

“Kefahaman ayat ni maksud dia. Aaa satu muka surat tu apa yang pelajar ni faham? Kadang-kadang pelajar masalah hat tu lah. Nak ambik hat mana ha? Banyak sangat ni. *Last-last* tutup terus al-Qur’an. Depa tak boleh nak fokus satu benda kan. Kita kata takpa semuka tu apa dia yang dia cerita? Kadang-kadang al-Qur’an tu cerita atas lain, bawah lain. Dia tak boleh nak dapat tu. Dia macam serabut. Ha kan. serabut. Hat ni cerita lain, hat tu cerita lain. Maksud dia fokus dan jugak ni lah. Depa tak boleh nak fokus lah sesuatu benda yang disampaikan dalam al-Qur’an. Contoh lah dalam al-Qur’an ni, satu muka tu. Setiap hari kita kena bagitau kepada pelajar-pelajar, apa yang kamu faham ni kamu tasmik ni? Tapi... apa dia ustaz ya? Haa masalah kadang mungkin tak boleh nak fokus atau pun apa lagi lah... Kalau melalui subjek lah.”

(Responden 10)

- ii) Latar belakang pendidikan pelajar. Sikap pelajar dan potensi mereka amnya adalah berhubung kait dengan latar belakang pendidikan masing-masing. Kepelbagaian aliran pendidikan dan perbezaan potensi intelektual ini turut memberi kesan terhadap pelaksanaan ijtihadik.

“Pelajar-pelajar ni dia bukan mai dari sekolah hafiz...tahfiz, terus masuk ke MRSM dak. Dia mai dari macam-macam aliran. Ada sekolah agama menengah rendah. Ada sekolah harian. Ada yang... sekolah jenis kebangsaan. Dia macam-macam. Ada yang sekolah swasta. Jadi dia masuk ke tempat ulul albab... ke mana-mana sekolah lah. Maksudnya, dia...kita kena sesuaikan dia dengan ciri-ciri ulul albab. Antaranya, berkata perkara-perkara yang tak cantik. perkataan-perkataan yang tak cantik. Mungkin kat sekolah rendah dulu dia biasa... dua tiga orang. Mungkin perkataan-perkataan yang... tak elok la. Perkataan-perkataan yang kita dengar pun... macam mengata kawan, mengeluarkan perkataan-perkataan yang tak sesuai. Benda tu sebenarnya satu cabaran. Bukan... ramai yang macam orang berpandangan, masuk dia terus jadi malaikat, bukan. Kita nak proses dia ke arah tu satu perkara yang... sangat mencabar lah.”

(Responden 1)

“Ya pengambilan satu hal. Sebab kami bergantung pada kuota. Bila kami ambil kurang, cikgu terpaksa keluar. So, kuota dia kena cukup nisbah dia, guru dengan pelajar. Satu tahun 150 orang. So, yang kurang intelek dia, masuk jugak la.”

3.4.5 Solusi Guru

Rentetan daripada cabaran dan halangan dalam penerapan komponen ijtihadik, pihak sekolah dan guru telah mengambil langkah seperti berikut.

- i) Program pembangunan pelajar.

Program-program pembangunan pelajar tidak terhad di dalam bilik darjah. Antara program yang diadakan di SMK Agama Kedah ialah kem motivasi, program kepimpinan, program pengawas, badan kerohanian dan dakwah (BADAR) dan Sahsiah Unggul Murid (SUMUR). Sementara itu, aktiviti di MRSM Kepala Batas ialah kuliah umum, kuliah perdana, sambutan bulan kebesaran Islam.

“Antara dia, kita buat motivasi. Kem motivasi. Ok. Dalam kem motivasi tu macam-macam lah kita buat. Antara dia, kalau nak bagi keberanian ni mungkin ada slot pengucapan awam. Atau pun apa-apa lagi lah. Ikut kepada ni lah... kalau dari sudut jalan penyelesaian kita boleh bantu pelajar ni cergas sikit lah.”

(Responden 10)

“Program kepimpinan, pengawas, BADAR... di sini ada BADAR. Kepimpinan lah. Program SUMUR. Di sini ada program SUMUR untuk semua pelajar. Program SUMUR tu Sahsiah Unggul Murid.”

(Responden 10)

“Dialog prestasi... lagi apa lagi. Banyak la. Kem akademik. Banyak la no. Kalau kita hafazan ni, kem hafazan. Kem muraja’ah al-Qur’an. Ni semua nak bagi pelajar ni lah...”

(Responden 10)

“Ada usrah untuk dua minggu. Kemudian usrah khusus pelajar perempuan. *Fiqh Nisa*’ pada setiap Jumaat, pada ketika pelajar lelaki solat jumaat...Kemudian ada kuliah perdana. Dan sebagaimana sekolah-sekolah berasrama lain, kita ada bulan-bulan kebesaran Islam dan sebagainya.”

(Responden 1)

“Yang lain kan. Kita pun kerap bagi tausiah. Kita ada bagi tausiah jugak dalam satu-satu slot. Sebulan sekali ka. Ustaz X dia bagi tausiah.”

(Responden 3)

ii) Menyediakan masa tambahan.

Sebagaimana dijelaskan dalam cabaran dan permasalahan (bahagian 3.5.4), kekangan masa bagi penerapan komponen ijtihadik adalah disebabkan oleh dua faktor iaitu jadual harian Program Ulul Albab yang padat dan tumpuan yang lebih diberikan untuk hafazan al-Qur’an (qur’anik).

“Kami kena sediakan satu waktu yang lain untuk buat program. Waktu sekolah apa semua tak sesuai. Kena ambik waktu malam...”

(Responden 8)

“Atau pun ambik waktu cuti. Kita adakan program untuk depa. Pendek kata guru kena berkorban dari sudut masa dan tenaga lebih.”

(Responden 8)

iii) Intervensi.

Antara bentuk intervensi pelajar ialah pembentukan kumpulan mengikut tahap intervensi (Responden 2), sesi laporan akademik bersama ibu bapa pelajar (Responden 1 & 3), Dialog Prestasi (Responden 10), dan bimbingan guru *homeroom* (Responden 1) iaitu seorang guru mentor atau pemimpin bagi sejumlah pelajar.

“Kita bahagikan kepada ni lah. Kita buat *group-group* lah. Kepada yang cemerlang, yang sederhana, dan ada yang berpotensi lah. Kat sini semua berpotensi. So apa nama kita treat depa. Aaa dari segi apa nama... latihan yang kita bagi pun tak sama lah. Ikut dia punya aktiviti atau pun kemampuan dia lah. Seperti mana yang aaa intervensi tu kita akan asingkan luar daripada waktu PdP kita akan panggil dia lah.”

(Responden 2)

“Perbincangan akademik tu maknanya hari kad waris la kalau sekolah biasa. Hari apa...laporan akademik.”

(Responden 1)

“Kita ada jugak bagi insentif kan. Selain tu, kalau yang berpotensi kita jugak ada buat rce bersama dengan mak ayah.”

(Responden 3)

“Hat ni kita ada intervensi. Intervensi... masing-masing subjek dia kena buat intervensi dia. Intervensi untuk pelajar yang lemah. Intervensi untuk... intervensi lah. Intervensi tu lemah lah selalunya.”

(Responden 10)

“Dialog prestasi... lagi apa lagi.”

(Responden 10)

“Dan jugak kita ambik pendekatan ... di MRSM dia ada guru *homeroom*. Seorang guru dia ada sepuluh anak

pelajar. Dia macam usrah jugak lah. Ada pertemuan seminggu sekali. Jadi guru-guru tasmik jugak membantu *homeroom* di mana guru-guru tasmik berjumpa dengan anak pelajar setiap hari. Sebenarnya guru tasmik selain daripada tasmik pelajar, kemudian mereka turut memberi panduan dalam pembentukan peribadi pelajar sendiri.”

(Responden 1)

3.5 Kesimpulan

Bab ini membincangkan tentang konsep ijtihadik dan pelaksanaannya dalam Program Ulul Albab. Terdapat tiga elemen utama bagi komponen ijtihadik. Elemen pertama ialah kemahiran berfikir aras tinggi yang merujuk kepada pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Elemen kedua merujuk kepada penyelesaian masalah ummah berdasarkan pandangan Islam. Elemen ini merangkumi penyelesaian berbentuk sumbangan idea, kreativiti dan cetusan inovasi seperti penghasilan produk yang memberi manfaat kepada masalah yang dihadapi. Elemen ketiga ialah pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi, tingkah laku, pengurusan masa, sikap kepimpinan dan proaktif dalam pembelajaran.

Setiap sekolah mempunyai kaedah dan strategi tersendiri dalam menerapkan komponen ijtihadik kepada pelajar, menerusi kurikulum dan kokurikulum. Sementara itu, pentaksiran komponen ijtihadik pula dilaksanakan berdasarkan pemerhatian terhadap sikap pelajar di dalam bilik darjah dan aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada ijtihadik. Hal ini kerana responden mempercayai sikap pelajar adalah cerminan kepada pemikiran kritis, kreativiti, inovasi, kemahiran-kemahiran insaniah, dan nilai-nilai Islam yang mereka amalkan. Pendekatan yang sedia ada dalam penerapan komponen ijtihadik adalah lebih bersifat fizikal. Berikutan itu, bab berikutnya akan menganalisis pembentukan model al-Qalb dalam komponen ijtihadik.

BAB 4

PEMBENTUKAN MODEL AL-QALB DALAM KOMPONEN IJTIHADIK BAGI PROGRAM ULUL ALBAB

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan objektif ketiga kajian ini iaitu membentuk model al-Qalb dalam ijtiHADIK bagi Program Ulul Albab. Perbincangan bab ini adalah berdasarkan analisis konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtiHADIK dan analisis bentuk pelaksanaan komponen ijtiHADIK dalam Program Ulul Albab.

4.2 Model Al-Qalb dalam Komponen IjtiHADIK bagi Program Ulul Albab

Berdasarkan analisis objektif pertama dan objektif kedua kajian ini, jelas bahawa al-Qalb memiliki potensi dalam penambahbaikan komponen ijtiHADIK. Konsep ijtiHADIK dalam Program Ulul Albab menekankan aspek KBAT di samping sahsiah ahli al-Qur'an. Ilmu dan hafazan al-Qur'an diaplikasikan untuk penyelesaian masalah ummah berdasarkan pandangan Islam. Sehubungan dengan itu, kemahiran insaniah turut dikaitkan dengan pencapaian komponen ijtiHADIK.

Pelbagai faktor sampingan yang mempengaruhi pelaksanaan komponen ijtiHADIK seperti kefahaman guru tentang konsep ijtiHADIK, Bahan Bantu Mengajar yang bersesuaian, kekangan masa kerana mengejar silibus hafazan, kekurangan dana dan peralatan, serta sikap dan prestasi pelajar yang berbeza-beza. Pada masa yang sama, aspek pendekatan lebih perlu diberikan perhatian kerana tidak ada modul khusus dalam penerapan komponen ijtiHADIK. Pendekatan penerapan komponen ijtiHADIK yang sedia ada, berdasarkan data responden kajian, adalah lebih tertumpu kepada pendekatan praktikal berbanding pendekatan teoretikal.


Pendekatan praktikal dalam penerapan komponen ijthadik boleh dibahagikan kepada tiga skop iaitu akademik, kokurikulum dan program kerohanian. Dalam skop akademik, komponen ijthadik diterapkan melalui aktiviti kepimpinan, dan melalui proses PdP yang menekankan KBAT seperti pembentangan soalan aras tinggi, pembentangan pelajar dan aktiviti fiqh ayat. Sehubungan dengan itu, aktiviti PdP dilihat mempunyai kaitan dengan aspek teoretikal. Dalam pada itu, skop kokurikulum merupakan skop yang lebih diberikan perhatian melalui aktiviti seperti Sukan Sunnah, penyertaan kelab-kelab STEM dan dron, aktiviti keusahawanan, unit beruniform seperti Pengakap, Kadet Polis, dan Pandu Puteri, serta pertandingan-pertandingan sains, inovasi, debat dan hafazan. Seterusnya, bagi skop kerohanian pula, antara aktiviti yang dilaksanakan ialah slot *tadabbur* yang diadakan secara berkala disampaikan oleh guru atau penceramah jemputan, penekanan solat awal waktu dan intervensi pelajar untuk menarik minat seterusnya peningkatan kemahiran berfikir dapat dilaksanakan bersesuaian dengan tahap minda pelajar.

Sementara itu, terdapat empat pendekatan teoretikal yang digunakan dalam penerapan komponen ijthadik iaitu Taksonomi Bloom, teori kemahiran berfikir Edward De Bono, Model Pengayaan Sekolah (SEM) dan program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR). Tiga pendekatan pertama aspek teoretikal ini bersifat akomodatif bagi memenuhi kehendak arus semasa, manakala program SUMUR merupakan pendekatan bermodul yang diterapkan pada tahun 2004 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melahirkan pelajar SMKA dan SABK yang holistik serta dapat membendung gejala sosial (KPM, 2020). Program SUMUR seterusnya dikemaskini dan mencetuskan lima modul iaitu; Murid Contoh, Murid Cerdas, Murid Cerdik,

Murid Cergas dan Murid Ceria pada tahun 2009 (Nor Anisa Musa et al., 2022). Dalam pada itu, perlu dinyatakan bahawa penekanan KBAT melalui Taksonomi Bloom merupakan titik persamaan antara kedua-dua institusi Program Ulul Albab dalam kajian ini iaitu MRSM Ulul Albab dan TMUA bagi menerapkan komponen ijtihadik.

Oleh yang demikian, pendekatan-pendekatan yang dikemukakan sedemikian adalah tidak menyeluruh dan seimbang. Tumpuan lebih ditekankan kepada pendekatan yang bercorak praktikal. Dalam pada itu, pendekatan teoretikal menggunakan Taksonomi Bloom bagi pembangunan kognitif adalah berasaskan konsep pembelajaran konvensional yang bersifat fizikal. Jelas bahawa aspek kognitif, afektif, dan psikomotor menurut aliran moden ini tidak memperincikan potensi jiwa khususnya tuntutan agama yang bersifat spiritual dalam setiap domain yang tertera. Program SUMUR walau bagaimanapun lebih memfokuskan domain afektif dan psikomotor.

Secara umumnya, ketiga-tiga domain pembelajaran aliran konvensional; kognitif, afektif, dan psikomotor, hampir sama dengan domain yang dikaji oleh sarjana Islam. Namun domain-domain tersebut dalam pandangan Islam adalah bersumberkan al-Qalb dan tidak terhad kepada potensi akal atau pancaindera zahir sebagaimana dalam pandangan Barat. Oleh itu, kajian ini mencadangkan sebuah model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab (lihat rajah 4.1).



Rajah 4.1: Model al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

4.2.1 Al-Qalb

Unsur al-Qalb merujuk pada komponen teras dan terpenting bagi merealisasikan pendidikan dalam Islam. Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan yang bersepadu dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah dengan meningkatkan potensi diri dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi manusia yang

bertanggungjawab terhadap Allah SWT, manusia dan persekitaran alam ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan azab di akhirat.

Pengiktirafan al-Qalb sebagai instrumen pemikiran dalam Islam adalah bersumberkan al-Qur'an dan Hadis yang sekaligus membezakan antara falsafah pendidikan Islam dengan pendidikan konvensional. Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan yang bersepadu dalam menyampaikan ilmu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri dan menjadi contoh tauladan dalam penghayatan cara hidup Islam. Usaha ini dilakukan berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah dengan meningkatkan potensi diri dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi manusia yang bertanggungjawab terhadap Allah SWT, manusia dan persekitaran alam ke arah kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

Sumber wahyu telah memperlihatkan fungsi dominan bagi al-Qalb adalah untuk mengetahui dan memahami serta tunduk kepada sesuatu kebenaran ilmu terutamanya tentang ketuhanan. Perbezaan yang begitu ketara antara akal dan al-Qalb adalah bahawa al-Qalb bertindak sebagai pembuat keputusan ke atas akal dalam perumusan taklif Islam (al-Butiy, 1972; al-Juzu, 1980; Sa'id Hawwa, 1992; al-Qudah, 2015).

Menurut al-Ghazaliy (2010), al-Qalb (jantung hati) merupakan satu daripada empat unsur manusia iaitu termasuklah *ruh* (roh), *nafs* (jiwa) dan *'aql* (akal). Secara lebih terperinci, sebagaimana dalam petikan oleh Muhammad Hilmi Jalil et al. (2016) dan Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi (2021), tiga daripada komponen tersebut iaitu *nafs*, *'aql* dan al-Qalb menurut pandangan al-Ghazaliy, adalah merupakan komponen atau

unsur-unsur *nafsani* (kejiwaan) yang menjadi penghubung antara unsur jasmani dengan unsur rohani, serta membentuk personaliti dan kualiti diri manusia.

Sebagai komponen teras, al-Qalb memiliki pelbagai fungsi yang menjadikannya juga satu potensi akliah dalam pemikiran aras tinggi. Antara fungsi al-Qalb ialah berfikir, beriman, yakin, berniat, berazam, merasa dan bergerak balas terhadap rangsangan (Jabar Ahmad, 2008). Sebahagian pengkaji mengkategorikan fungsi al-Qalb kepada dua domain iaitu domain kognitif (proses keilmuan serta pemikiran) dan domain afektif yang menonjolkan peranan pembuat keputusan (melalui daya keinginan, keazaman, cinta serta iman), dan *ahwal al-Qalb* iaitu perasaan dan keadaan hati (seperti kesakitan, keasaan, kesakitan, kemarahan, kebencian, kesejahteraan, kegembiraan dan kecintaan). Domain kognitif didorong oleh kekuatan ilmu (*al-quwwah al-'ilmiyyah*), manakala domain afektif (atau domain keinginan dan keazaman) didorong oleh kekuatan amal (*al-quwwah al-'amaliyyah*) (al-Syarqawiy, 1982).

Sementara itu, sebahagian pengkaji mengkategorikan fungsi al-Qalb kepada tiga iaitu domain kognitif, emosi dan keinginan (Ahmad Arisatul Cholik, 2015). Justeru, pengkaji mendapati adanya keterbukaan dalam menjelaskan fungsi-fungsi al-Qalb mengikut domain. Bagi kajian ini, model al-Qalb dibangunkan dengan merujuk pandangan al-Ghazaliy (2010) dan disokong oleh al-Jawziyyah (1973) tentang pengaruh operasi kognitif terhadap lingkungan afektif yang seterusnya menjelmakan tindakan zahir (psikomotor).

Al-Ghazaliy memperincikan langkah perubahan fikiran kepada tindakan melalui lima langkah. Pertama, *bertadhakkur*. Kedua, *bertafakkur*. Ketiga, perolehan pengetahuan yang dikehendaki, lalu ia menerangi al-Qalb. Keempat, perubahan hal keadaan al-Qalb kesan daripada cahaya pengetahuan. Kelima, khidmat anggota badan kepada al-Qalb selari dengan perubahan hal keadaan al-Qalb (al-Ghazaliy, 2010). Sementara itu, al-Jawziyyah (1973) menegaskan bahawa asas bagi setiap ilmu nazari dan amal ikhtiari ialah lintasan hati (*khawatir*) dan fikiran. Sesungguhnya fikiran disertai tanggapan (*tasawwurat*) dan tanggapan membawa kepada keinginan (*iradat*). Seterusnya keinginan menghendaki berlakunya perbuatan dan pengulangannya menjadi satu adat (al-Jawziyyah, 1973).

Oleh yang demikian, domain yang paling utama ialah domain kognitif kerana ia mempengaruhi domain afektif. Sungguhpun begitu, domain afektif juga mampu memberikan kesan terhadap kemampuan kognitif disebabkan oleh halangan emosional iaitu keinginan yang tidak menepati tuntutan fitrah (Zafar Afaq Ansari, 1999), atau halangan daripada *hidayah taufiqiyyah* (hidayah khusus) (Abdul Karim Baleel, 2015). Manakala domain psikomotor adalah hasil daripada fungsi-fungsi kognitif dan afektif kedalam bentuk tindakan zahir, kerana tingkah laku jasmani merupakan natijah daripada unsur al-Qalb.

Hal ini berbeza dengan pandangan pendidikan konvensional yang berorientasikan pandangan Barat hanya memberikan sedikit perhatian terhadap domain afektif (Mohd Norzi Nasir & Ahmad Yani Ismail, 2015). Kajian mereka lebih tertumpu kepada aspek psikomotor dan kognitif, kerana “kekurangan alat” untuk mengkaji tentang struktur jiwa dan peranan-peranannya (Hassan Langgulung, 1981).

Sedangkan domain psikomotor dalam perspektif pendidikan Islam sangat berhubung kait dengan domain afektif dalam kerangka pembentukan akhlak (Ali Abd Wahid dalam Hasbullah Mat Daud et al., 2020). Dengan sebab itu juga domain afektif selalunya lebih diberikan penekanan berbanding domain kognitif kerana dianggap lebih mempengaruhi psikomotor, pada masa sama faktor luaran seperti pembangunan ekonomi, hubungan sosial, persekitaran dan sebagainya turut memainkan peranan dalam pembinaan sahsiah yang seimbang dan holistik (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, 2021). Perkara ini menjelaskan bahawa domain afektif pada al-Qalb menjadi perhatian dalam pendidikan Islam. Namun begitu, domain kognitif, afektif dan psikomotor adalah merupakan fungsi, tugas, dan potensi yang bersepadu.

Oleh yang demikian, model daripada kajian ini mengetengahkan potensi al-Qalb dalam pemikiran (bidang ilmu/kognitif), di samping penghayatan ilmu (bidang akhlak atau *ahwal al-qalb*) kerana keduanya lebih dominan dalam mencorak tindakan psikomotor. Kesepaduan konsep kognitif dan afektif yang bersumberkan al-Qalb adalah lebih berpotensi bagi mencapai matlamat pendidikan yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Lantaran itu, model al-Qalb dalam kajian ini berpotensi untuk menambahbaik komponen ijtihadik kerana memberikan penekanan aspek pemikiran aras tinggi, penyelesaian masalah ummah berdasarkan pandangan Islam, dan kemahiran-kemahiran insaniah seiring pembangunan sahsiah.

4.2.2 Domain Kognitif

Domain kognitif bagi al-Qalb merujuk kepada operasi berfikir dalam kerangka penghasilan ilmu. Proses berfikir merupakan tugas al-Qalb menginterpretasi serta memahami maklumat yang diperolehi anggota badan dan pancaindera terutamanya pendengaran dan penglihatan (al-Qudah, 2015; Abdul Karim Baleel, 2015). Antara proses berfikir yang dinyatakan dalam al-Qur'an ialah *tafakkur*, *nazar*, *taammul*, *tabassur/istibsar*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *tadhakkur*, *ta'aqqul*, *tawassum* dan *i'tibar* yang terangkum di bawah konsep berfikir (*al-tafakkur*) dalam Islam.

Bagi kajian ini, pemilihan operasi bagi domain kognitif dihadkan kepada istilah pemikiran yang menggandingkan lafaz "*al-Qalb*" dan "*Ulul Albab*" bagi tujuan pengstrukturkan model yang ringkas dan jelas namun signifikan dalam komponen ijihadik. Soleh (1995) menyatakan bahawa tidak ada ketetapan taksonomi berfikir menurut al-Qur'an. Zainorah Kadri dan Mohd Fauzi Hamat (2012) menyifatkan kaedah atau proses berfikir dalam al-Qur'an agak umum dan kompleks justeru wajar dikembangkan lagi.

Berdasarkan analisis fungsi berfikir pada al-Qalb (subtopik 2.9.), para sarjana menyatakan pemikiran kritis adalah proses yang melibatkan al-Qalb. Secara tersuratnya, terdapat tiga istilah pemikiran dalam al-Qur'an yang digandingkan bersama lafaz "*al-Qalb*" iaitu ***tadabbur*** (Surah Muhammad, ayat 24), ***ta'aqqul*** (Surah al-Hajj, ayat 46) dan ***tafaqquh*** (Surah al-A'raf, ayat 179; Surah al-Tawbah, ayat 87 & 127; Surah al-Munafiqun, ayat 3; Surah al-Isra', ayat 46; Surah al-An'am, ayat 25; Surah al-Kahfi, ayat 57 & Surah al-Hashr, ayat 13).

Sementara itu, istilah-istilah pemikiran yang didatangkan bersama lafaz “*ulul albab*” ialah ***tafakkur*** (Surah Ali ‘Imran, ayat 191), ***tadhakkur*** (Surah al-Ra‘d, ayat 19; Surah Sad, ayat 29; Surah al-Zumar, ayat 9; Surah al-Baqarah, ayat 269; Surah Ali ‘Imran, ayat 7; Surah Ibrahim: 52; Surah Sad, ayat 43; Surah al-Zumar, ayat 21; Surah Ghafir, ayat 54; Surah al-Talaq, ayat 10) dan ***i’tibar*** (Surah Yusuf, ayat 111).

Taburan istilah-istilah tersebut, dalam al-Qur’an, adalah seperti berikut (lihat Jadual 4.1).

Istilah Pemikiran bersama Lafaz al-Qalb			
Bil.	Istilah Pemikiran	Jumlah Ayat	Rujukan Surah & Nombor Ayat (Susunan Mushaf <i>Rasm Uthmani</i>)
1.	<i>Tadabbur</i>	1	Muhammad, ayat 24
2.	<i>Ta‘aqqul</i>	1	Al-Hajj, ayat 46
3.	<i>Tafaqquh</i>	7	Al-A‘raf, ayat 179 Al-Tawbah, ayat 87 & 127 Al-Munafiqun, ayat 3 Al-Isra’, ayat 46 Al-An‘am, ayat 25 Al-Kahfi, ayat 57 Al-Hashr, ayat 13
Istilah Pemikiran bersama Lafaz Ulul Albab			
Bil.	Istilah pemikiran	Jumlah Ayat	Rujukan Surah & Nombor Ayat (Susunan Mushaf <i>Rasm Uthmani</i>)
1.	<i>Tafakkur</i>	1	Ali ‘Imran, ayat 191
2.	<i>Tadhakkur</i>	10	Al-Ra‘d, ayat 19 Sad, ayat 29 Al-Zumar, ayat 9 Al-Baqarah, ayat 269 Ali ‘Imran, ayat 7 Ibrahim, ayat 52 Sad, ayat 43 Al-Zumar, ayat 21 Ghafir, ayat 54 Al-Talaq, ayat 10
3.	<i>I’tibar</i>	1	Yusuf, ayat 111

Jadual 4.1

Istilah Pemikiran bersama Lafaz al-Qalb dan Ulul Albab bagi Domain Kognitif

4.2.3 Domain Afektif

Domain afektif bagi al-Qalb merujuk kepada fungsi emosi serta yang berkaitan dengannya seperti iman, keinginan, keazaman dan niat. Justeru, domain afektif sinonim dengan aktiviti keagamaan dan sangat berpengaruh dalam perumusan taklif. Nilai-nilai yang negatif pada al-Qalb seperti dosa, maksiat, kelalaian dan sikap prejudis akan menyebabkan al-Qalb menjadi kotor serta menjejaskan aspek kognitif. Oleh sebab itu, proses *tazkiyat al-Qalb* perlu dilakukan dengan konsisten untuk menjernihkan hati dan akal fikiran. Dalam sesetengah keadaan, pengetahuan diberikan kepada hamba Allah SWT tanpa bersusah payah atau dengan sendirinya melalui mimpi, ilham, firasat dan taufiq daripada Allah SWT kerana keadaan al-Qalb yang baik.

4.2.4 Domain Psikomotor

Dalam kajian ini, domain psikomotor bagi al-Qalb merujuk kepada tindakan zahir yang lahir daripada domain kognitif dan afektif al-Qalb. Hal ini kerana fungsi daripada domain kognitif dan afektif al-Qalb adalah sumber bagi setiap tindakan zahir yang melibatkan anggota fizikal atau psikomotor manusia. Untuk mengawal aktiviti psikomotor sudah tentu bermula dengan keinginan, pemikiran, ilmu pengetahuan, kefahaman, keimanan, sahsiah dan emosi yang sejahtera. Seterusnya barulah kesemua faktor ini dijemakan dalam tindakan. Sebaliknya, tindakan yang tidak berpandukan fitrah agama dan tidak menggunakan fungsi al-Qalb dengan sebetulnya, maka faktor *jasadiyah/jasmaniyah* (anggota yang zahir) itu akan berupaya membolak-balik keadaan al-Qalb, justeru perlu kepada penyucian al-Qalb (*tazkiyat al-Qalb*) agar konflik ini dapat diatasi dengan baik.

Dalam kata lain, domain kognitif dan afektif al-Qalb lebih berpengaruh (dari sudut spiritual dan teoretikal) berbanding domain psikomotor. Justeru, dalam model yang dicadangkan ini, domain psikomotor mengiringi domain kognitif dan afektif dalam setiap pendekatan ketika ia dilaksanakan.

4.2.5 Proses *Tazkiyat al-Qalb* (Penyucian Hati)

Tazkiyat al-Qalb bertindak sebagai mekanisme utama dalam pelaksanaan komponen ijtihadik. Hal ini kerana fungsi-fungsi al-Qalb akan berfungsi dengan baik sekiranya al-Qalb berada dalam keadaan yang baik. Elemen ijtihadik seperti KBAT, penyelesaian masalah dan pelbagai kemahiran insaniah menunjukkan keseimbangan antara aspek pemikiran dengan sahsiah. Justeru penyucian al-Qalb perlu dititikberatkan dalam pelaksanaan komponen ijtihadik.

Sekiranya al-Qalb dikembalikan kepada fitrah dan dibangunkan dengan ketakwaan, ia akan mendominasi jiwa dan mengawal akal serta nafsu. Dengan demikian, personaliti manusia akan menjadi tenang (*al-Nafs al-Mutma'innah*). Namun sekiranya akal yang mendominasi jiwa, ia akan membentuk peribadi yang tidak stabil dan ragu-ragu (*al-Nafs al-Lawwamah*), manakala jika nafsu mendominasi jiwa, ia bakal membentuk peribadi yang buruk (*al-Nafs al-Ammarah*). Justeru dalam penyelesaian masalah dan proses membuat keputusan, tiga unsur jiwa saling berinteraksi dan membentuk keperibadian seseorang (Virgin Yuliana, 2019). Maka, untuk mendapatkan potensi kejiwaan yang ideal merangkumi domain kognitif dan afektif, proses tazkiyah mestilah dilaksanakan terlebih dahulu dan secara berterusan, di samping memohon bantuan daripada Allah SWT.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilakukan untuk menyucikan al-Qalb seperti perdampingan yang soleh (*Suhbah al-Salihah*), menuntut ilmu agama, mujahadah melawan nafsu dengan cara *takhalliy* (menyingkirkan sifat *madhmumah*) sebelum *tahalliy* (mengisi sifat *mahmudah*), memperbanyakkan zikrullah dan lain-lain lagi yang telah dinyatakan sebelum ini (selanjutnya lihat bab 2.9.4). Namun, memadai empat kaedah ini kerana kepentingannya sebagai asas *tazkiyat al-Qalb* bagi mengukuhkan lagi dimensi kerohanian dalam Program Ulul Albab. Kekuatan rohani dibangunkan apabila al-Qalb dalam keadaan bersih justeru ibadah dapat memberikan kesan pada diri. Untuk itu, adalah menjadi keperluan al-Qalb bebas dari belenggu sifat *madhmumah*. Maka, tidak ada jalan lain untuk merealisasikan *takhliyah* (pembebasan) ini selain kefahaman ilmu yang sebenar serta perdampingan dengan golongan manusia yang soleh iaitu dalam konteks Program Ulul Albab mereka ialah guru dan rakan seperjuangan.

4.3 Cadangan Implementasi Model Al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab

Setelah mengenal pasti fungsi dan domain-domain fungsi al-Qalb, maka hasil perbincangan dirumuskan kepada bentuk cadangan pengaplikasian dalam bahagian ini. Pelaksanaan model ini disusun mengikut keutamaan bagi menghidupkan fungsi al-Qalb dan kesesuaian dengan konteks ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

Bagi membolehkan al-Qalb berfungsi dengan baik, proses *tazkiyat al-Qalb* perlu dilakukan terlebih dahulu. Proses *tazkiyah* hendaklah dilakukan secara berterusan

sehingga al-Qalb berada dalam keadaan yang positif. *Tazkiyat al-Qalb* melibatkan guru dan murid kerana guru memainkan peranan sebagai pendidik serta pembimbing kepada murid. Aktiviti-aktiviti yang bersesuaian boleh diperluaskan lagi dalam Program Ulul Albab bagi pembentukan al-Qalb yang unggul melalui proses *tazkiyat al-Qalb* melibatkan guru dan murid. Guru berperanan sebagai pendidik dan pembimbing serta cerminan akhlak dalam pembangunan sahsiah murid. Antara pendekatan *tazkiyat al-Qalb* yang signifikan dalam pelaksanaan komponen ijthadik ialah suhbah, pembudayaan ilmu agama, mujahadah dan zikrullah. Maka kajian ini mencadangkan proses *tazkiyat al-Qalb* sebagai langkah pertama aplikasi model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijthadik diikuti oleh operasi kognitif dan operasi afektif yang bergerak secara bersepadu.

4.3.1 Proses *Tazkiyat al-Qalb*

Proses *tazkiyat al-Qalb* bagi model al-Qalb dalam komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab menekankan empat pendekatan iaitu *suhbah salihah* (perdampingan yang baik), pembudayaan ilmu, *mujahadah* dan pembudayaan zikir.

Konsep *suhbah* secara amnya telah dipraktik dalam Program Ulul Albab seperti dalam kegiatan *homeroom* dan *halaqah* pelajar khatam. Secara lebih terperinci, penghayatan *suhbah* dapat dilaksanakan dengan mencontohi sirah perdampingan para Sahabat RA mendampingi Rasul SAW bagi menadah ilmu duniawi dan ukhrawi, di samping membina personaliti yang unggul melalui hubungan yang teguh atas dasar iman. Oleh itu, persaudaraan iman (*ukhuwah imaniyyah*) hendaklah diperkukuhkan dalam kalangan sesama murid dan juga antara guru dan murid. Dengan itu, suhbah akan

melahirkan pelbagai nilai afektif seperti penghargaan, kebersamaan, sikap *ithar* terhadap saudara dan agama, dan juga kemahiran-kemahiran generik kerana berada dalam suasana yang mendorong kepada pembangunan insan. Setiap murid mempunyai ciri dan bakat yang berbeza-beza, justeru pihak sekolah perlu menjadikan suhbah sebagai satu sistem sokongan mencapai ijtihadik melalui kaedah afektif.

Bagi membudayakan ilmu agama, antara aktiviti yang wajar diadakan ialah pendedahan ilmu fardu ain terutamanya akidah dan ibadah daripada karya *turath* peringkat asas. Selain itu, syarahan khas *diniyyah* (keagamaan) oleh pengetua dan guru-guru agama sangat signifikan dalam memberikan manfaat kepada jiwa yang beriman, berilmu dan beramal.

Seterusnya, dalam aktiviti keilmuan perlu dilakukan pemantapan sahsiah agar ia mencerminkan ilmu yang dipelajari itu adalah bermanfaat kepada diri dan persekitaran. Hal ini dilakukan dengan *mujahadah* iaitu kesungguhan bagi menyingkirkan sifat negatif dalam diri supaya nilai-nilai murni dapat menetap dalam diri. Nilai baik seperti ilmu, zikir dan ibadah yang diisi pada al-Qalb yang bermasalah tidak dapat memberikan impak positif pada sahsiah. Justeru para murid hendaklah diajar dan diasuh tentang kepentingan *mujahadah* dengan kaedah *takhalliy* sebelum *tahalliy*. Dengan demikian, al-Qalb berupaya dibebaskan dari belenggu nafsu dan sifat-sifat *madhmumah* yang ada padanya, kemudian diteguhkan dengan ilmu, ibadah dan nilai akhlak yang terpuji.

Sementara itu, untuk pembudayaan zikir pula, kaedah zikir boleh diaplikasikan ialah zikir secara *jama'i* (ramai) dan zikir *fardi* (individu). Pembudayaan zikir ini boleh dilakukan dalam bentuk *halaqah* zikir harian agar dapat memberikan ketenangan dalam jiwa dan al-Qalb. Pembudayaan zikir juga hendaklah disesuaikan dengan jadual harian sekolah dan tugas murid sehingga amalan zikir menjadi kebiasaan kepada mereka. Murid yang tidak berkesempatan menghadiri *halaqah* boleh menggantikannya secara sendiri pada bila-bila masa. Sehubungan dengan itu, zikir *khafiy* atau zikir *qalbiy* (zikir hati) adalah sangat baik untuk dilaksanakan kerana ia akan melahirkan rasa kehambaan kepada Allah SWT dalam setiap keadaan malah tidak terikat kepada masa atau tempat tertentu.

4.3.2 Operasi Kognitif

Operasi kognitif dalam model al-Qalb yang dicadangkan melalui kajian ini mengandungi empat peringkat, bentuk atau proses berfikir iaitu pertama, *tadhakkur* (mengingat dan menghadirkan ilmu dalam hati), kedua, *tadabbur* (mencari makna yang lebih mendalam), ketiga, *tafakkur*, *ta'aqqul*, *i'tibar* (berfikir untuk menghasilkan ilmu yang baru/pemikiran rasional), manakala keempat ialah *tafaqquh*.

Pada peringkat *tadhakkur*, dicadangkan agar proses hafazan dilaksanakan secara konsisten dan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Subjek yang bersesuaian dengan kaedah ini ialah Hifz al-Qur'an yang merupakan silibus penting Program Ulul Albab. Di samping itu, kaedah *tadhakkur* juga boleh diaplikasikan dalam subjek pilihan melalui aktiviti kuiz, forum atau sesi ringkas pengulangan isi penting berkaitan topik yang dipelajari pada kelas terakhir. Selain itu, pembinaan akronim dan peta minda

semasa sesi pembelajaran juga dapat membantu meningkatkan daya ingatan pelajar. Pada peringkat ini juga amat digalakkan agar para pelajar sudah memahami secara umum (*ijmali*) makna-makna ayat yang menjadi tumpuan dalam pembelajaran seperti ayat-ayat *ahkam* (ayat hukum) dan sebagainya. Sebagai latihan *tadhakkur* yang asas ialah dengan memahami dan menghayati makna bacaan dalam solat terutama bacaan rukun *qauliy*. Pengulangan kaedah *tadhakkur* akan mengukuhkan daya ingatan dan ilmu pengetahuan dalam diri (al-Ghazaliy, 2010).

Seterusnya, proses *tadabbur* sesuai dilaksanakan setelah memahami makna-makna ayat (al-Tayyar, 2006). Antara kaedah yang bagus untuk memantapkan kemahiran *tadabbur* adalah dengan mempraktikkan *makhraj* dan sifat huruf, memahami perkataan tertentu dan seluruh ayat, penelitian pada tempat-tempat *waqf* dan *ibtida'*, dan berinteraksi dengan ayat-ayat yang dibaca (Mohd Faizulamri Mohd Saad et al., 2020). Maka, kaedah ini sesuai untuk diterapkan secara seiringan dalam subjek Maharat al-Qur'an, Hifz al-Qur'an atau slot-slot pengisian tentang *tadabbur* al-Qur'an oleh guru yang mempunyai kemahiran dalam bidang tafsir dan *tadabbur*.

Proses kognitif yang ketiga pula iaitu *tafakkur*, *ta'qqul*, *i'tibar* bermaksud proses berfikir untuk menghasilkan ilmu yang baru/pemikiran rasional. Ketiga kaedah ini adalah kaedah akliyah yang terpandu oleh penghujahan rasional dan sebab-akibat sesuatu. Antara subjek yang relevan dengan kaedah ini ialah Pendidikan Islam atau secara khususnya perbahasan ilmu akidah. Adalah wajar para pelajar didedahkan dengan karya *turath* ilmu akidah kerana pembelajaran ilmu akidah dapat menguatkan dan menajamkan akal fikiran (Mohd Zaidi Ismail, 2019). Di samping itu, aktiviti

outdoor juga sesuai untuk dilakukan seperti rehlah bagi merenung dan mengolah fenomena kejadian alam (*kauniyyat*) yang membuktikan kekuasaan dan keesaan Allah SWT sebagaimana dianjurkan di dalam al-Qur'an. Aktiviti ini juga boleh digantikan dengan tayangan video yang berkaitan.

Sementara itu, *tafaqquh* adalah peringkat tertinggi dalam proses pemikiran. Ia merujuk kepada kefahaman agama lalu dapat menghayati tentang ketuhanan dan memahami ajaran Islam. Pelajar ulul albab yang menghafaz al-Qur'an di samping mempunyai ilmu akademik perlu dibentuk menjadi insan faqih yang *bertafaquh* membuat pertimbangan (*decision making*) dan penyelesaian masalah (*problem solving*) berdasarkan pandangan Islam. Untuk menghasilkan proses tafaquh yang berkesan, pelajar perlu mendampingi guru rabbani yang *faqih* untuk berdiskusi tentang ilmu (al-Qaradawiy, 2001). Maka guru perlu menitikberatkan dan bercakap tentang kepentingan bertindak berdasarkan ilmu dan kebenaran.


4.3.3 Operasi Afektif

Operasi Afektif dalam model al-Qalb yang dicadangkan melalui kajian ini adalah berkaitan dengan aspek iman, emosi, keinginan, keazaman dan niat. Semua aspek ini akan lahir daripada ilmu dan pengetahuan dalam diri. Walau bagaimanapun, terdapat kaedah yang boleh diaplikasikan bagi memantapkan pembelajaran afektif iaitu kaedah yang boleh menarik minat pelajar seperti motivasi dan inspirasi. Melalui kaedah ini dan pendekatan dalam pelaksanaannya seperti *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman), atau elemen *raja'* (harap) dan *khauf* (takut), insya-

Allah dapat melahirkan keimanan yang tinggi dan perilaku yang positif pada diri pelajar.

Guru dicadangkan agar selalu menceritakan perihal orang beriman dalam al-Qur'an dan sirah para Rasul dalam menyebarkan risalah tauhid. Di samping itu, guru perlu menyelami kehendak serta konflik spiritual pelajar dan memberikan nasihat yang berguna ke arah pembentukan al-Qalb yang *mutma'in* kerana peribadi yang tenang akan melahirkan keinginan yang bersesuaian dengan tuntutan fitrah. Keinginan serta minat pelajar juga boleh dipupuk dengan meraikan (*validation*) perbezaan potensi dan bakat pelajar ke arah satu tujuan yang sama iaitu untuk mendapat keredaan Allah SWT. Sehubungan dengan itu, aspek niat hendaklah sentiasa ditekankan dalam pembelajaran di bilik darjah mahupun aktiviti-aktiviti luar bilik darjah.

Kesimpulannya, operasi afektif dalam model al-Qalb yang dicadangkan melalui kajian ini menyokong operasi kognitif. Terdapat hubungan yang rapat antara kedua-dua domain kognitif dan afektif. Domain kognitif dan afektif al-Qalb mempunyai pengaruh spiritual dan teoretikal lebih kuat berbanding domain psikomotor kerana domain psikomotor bergantung kepada keadaan al-Qalb, hasil operasi kognitif, afektif dan *tazkiyat al-Qalb*. Rajah 4.2 berikut menjelaskan lagi cadangan implementasi Model al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab:



Rajah 4.2: Cadangan Implementasi Model al-Qalb dalam Komponen Ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

4.4 Kesimpulan

Bab ini telah menghuraikan keperluan pembentukan model al-Qalb dalam komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab. Langkah pembentukan model ini dimulakan dengan mengenalpastian fungsi al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik. Seterusnya, penelitian dilakukan terhadap bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dengan penumpuan kepada perbincangan elemen-elemen bagi komponen ijtihadik, kaedah dan strategi pelaksanaan komponen ijtihadik, serta faktor-faktor yang mempengaruhi komponen ijtihadik.

Pelaksanaan program pendidikan yang mementingkan akademik dan kerohanian sekaligus bukanlah satu perkara yang mudah. Peranan guru adalah signifikan dalam pelaksanaan Program Ulul Albab (Hisham Abdul Majid, 2017; Nor Adzimah Subirin et al., 2017; Muhd Zulhilmi Haron et al., 2019). Justeru kajian ini telah mencadangkan sebuah model al-Qalb dalam komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab terakhir bagi kajian ini. Pada bab ini akan dibincangkan tiga perkara iaitu rumusan kajian, sumbangan kajian serta cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan di masa hadapan.

Rumusan kajian ini dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian yang merangkumi tiga objektif utama iaitu mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik, mengenal pasti bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab, dan membentuk model al-Qalb bagi komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab.

5.2 Penemuan Utama dan Rumusan Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik. Kedua, mengenal pasti bentuk pelaksanaan komponen ijtihadik dalam Program Ulul Albab. Ketiga, membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.

Ketiga-tiga objektif ini telah dicapai melalui kajian ini. Konsep al-Qalb adalah signifikan dalam pelaksanaan komponen ijtihadik. Hal ini kerana potensi kognitif dan afektif al-Qalb yang unik berdasarkan perspektif Islam, di samping proses *tazkiyah* bagi berlakunya pengembangan bakat dan kemahiran manusia secara menyeluruh. Para sarjana menjelaskan kelebihan al-Qalb berbanding akal iaitu dorongan untuk

menerima atau menolak sesuatu yang dicapai oleh akal (al-Buti, 1972; al-Juzu, 1980; Sa'id Hawwa, 1992; al-Qudah, 2015).

Konsep al-Qalb turut dikaitkan dengan beberapa istilah dalam konstruk spiritual manusia seperti *al-Fuad*, *al-Lubb*, *al-Ruh*, *al-Nafs* dan *al-'Aql* kerana mempunyai pengertian yang hampir sama dan semuanya merujuk pada hakikat insan. Namun demikian, para sarjana telah menghuraikan perbezaan yang mungkin dari sudut fungsi antara setiap unsur tersebut berdasarkan konteks penggunaannya dalam al-Qur'an dan juga Hadis. Maka, al-Qalb secara umumnya adalah unsur yang mengetahui dan memahami pada diri manusia.

Di samping itu, al-Qur'an menyebutkan juga fungsi lain bagi al-Qalb iaitu iktikad (kepercayaan dan keyakinan), keinginan dan niat, perasaan, dan gerak balas emosional (tindakan refleks) terhadap rangsangan (Jabar Ahmad, 2008). Namun, fungsi-fungsi al-Qalb boleh terhalang dengan elemen *madhmumah*. Zafar Afaq Ansari (1999) menyatakan bahawa halangan pada al-Qalb adalah berbentuk emosional yang boleh terjadi kepada manusia sama ada yang tidak beriman mahupun yang beriman, disebabkan oleh tuntutan yang bertentangan dengan tuntutan spiritual atau intisari agama yang fitrah dan sedia ada dalam diri. Oleh itu, Islam menuntut manusia keseluruhannya untuk melakukan penyucian *nafs* dan *qalb* supaya dapat mengekang hawa nafsu dan sikap tidak adil dalam membuat penilaian berdasarkan emosi. Jika halangan ini tidak ditangani, maka ia akan membentuk sifat al-Qalb yang berpenyakit (*qalbun marid*). Lebih teruk lagi, al-Qalb boleh menjadi keras atau mati (*qalbun mayyit* / *qalbun qasiy*) sehingga tidak dapat memahami pelajaran bahkan boleh membawa kepada kekufuran (al-Mandili, 2001).

Maka, jelaslah bahawa al-Qalb mempunyai potensi akliahnya tersendiri yang menggabungkan daya kognitif dan afektif yang bersepadu dalam rencana intelektual. Al-Qalb juga melakukan operasi kognitif secara rasional. Namun pada masa yang sama ia juga berkait rapat dengan aspek emosi yang terkait dengan penghayatan agama dan keadaan spiritual. Melalui domain kognitif, afektif dan kepentingan *tazkiyat al-Qalb*, maka model kajian ini berpotensi dalam penambahbaikan komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab.

Jadual 5.1

Ringkasan Dapatan Kajian

Bil.	Objektif dan Persoalan Kajian	Dapatan Kajian
1.	Mengenal pasti konsep al-Qalb dalam pembinaan elemen ijthadik. Apakah konsep al-Qalb dalam pembinaan elemen ijthadik?	Persoalan ini dijawab dalam Bab Dua pada topik 2.3 sehingga 2.9 (serta subtopik 2.7.1, 2.7.2, 2.9.1, 2.9.2, 2.9.3, 2.9.4). Bab ini membincangkan konsep al-Qalb merangkumi aspek definisi, perbincangan al-Qalb di dalam al-Qur'an dan Hadis, pembahagian jenis dan sifat al-Qalb, fungsi al-Qalb, peranan intelektual al-Qalb, hubungan akal dengan al-Qalb, kaedah berfikir menggunakan al-Qalb, halangan dalam berfikir dan <i>tazkiyat al-Qalb</i> . Kesemua aspek ini menjelaskan al-Qalb sebagai instrumen pemikiran dan penghayatan dalam Islam serta berpotensi menambah baik pelaksanaan komponen ijthadik bagi Program Ulul Albab.

Jadual 5.1 (Sambungan)

Bil.	Objektif dan Persoalan Kajian	Dapatan Kajian
2.	Mengenal pasti bentuk pelaksanaan komponen ijtihaḍik dalam Program Ulul Albab. Bagaimanakah bentuk pelaksanaan komponen ijtihaḍik dalam Program Ulul Albab?	Persoalan ini dijawab dalam Bab Tiga pada topik 3.3 sehingga 3.5 (serta subtopik 3.3.1, 3.3.2, 3.4.1, 3.4.2, 3.4.3, 3.4.4, 3.4.5). Kajian ini mendapati bahawa setiap institusi sekolah Program Ulul Albab mempunyai pendekatan masing-masing dalam menerapkan komponen ijtihaḍik. Namun demikian, terdapat persamaan pada beberapa pendekatan yang diguna pakai oleh kedua-dua sekolah iaitu Taksonomi Bloom bagi pendekatan teoretikal, manakala pendekatan dari sudut praktikal pula ialah intervensi serta aktiviti kokurikulum seperti sukan sunnah, aktiviti kelab, badan beruniform dan aktiviti berkonsepkan pertandingan. Selain itu, kajian ini menemui faktor-faktor yang turut mempengaruhi penerapan komponen iaitu kefahaman guru tentang konsep ijtihaḍik, Bahan Bantu Mengajar yang sesuai, kekangan masa kerana tumpuan terhadap silibus qur'ānik, kekurangan dana dan peralatan, serta sikap dan prestasi pelajar yang berbeza-beza. Oleh sebab itu, maka perlunya pendekatan yang bersesuaian dan lebih efisien dalam penerapan komponen ijtihaḍik.
3.	Membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan ijtihaḍik bagi Program Ulul Albab. Bagaimanakah model al-Qalb dalam pelaksanaan ijtihaḍik bagi Program Ulul Albab?	Persoalan ini dijawab dalam Bab Empat iaitu pada topik 4.2, 4.3, 4.4, serta subtopik 4.4.2, 4.4.2, 4.4.3. Rumusan daripada analisis ini telah membentuk model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihaḍik dan dijelaskan dalam Rajah 4.1. Proses pembentukan model ini dimulakan dengan menganalisis potensi al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihaḍik. Seterusnya penelitian dilakukan terhadap hasil temu bual bentuk pelaksanaan komponen ijtihaḍik dalam Program Ulul Albab. Perbincangan pembinaan model ini menjelaskan peranan setiap domain fungsi al-Qalb dan cadangan pengaplikasiannya dalam menerapkan komponen ijtihaḍik.

5.3 Sumbangan Kajian

Berdasarkan penemuan dan rumusan kajian ini, dapat diketengahkan beberapa sumbangan. Sumbangan kajian ini boleh dibahagikan kepada dua. Pertama, sumbangan kepada institusi, manakala yang kedua, sumbangan bidang akademik.

5.3.1 Sumbangan kepada Institusi

Kajian ini menemui faktor yang menyebabkan komponen ijtihadik agak kurang mencapai objektifnya. Justeru, model al-Qalb melalui kajian ini menyumbang kepada institusi iaitu sekolah dengan Program Ulul Albab sekaligus dapat dijadikan panduan guru dalam pelaksanaan penerapan komponen ijtihadik. Dalam masa yang sama kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk perancangan dasar bagi pemerkasaan Program Ulul Albab dari semasa ke semasa. Model al-Qalb terbukti mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam usaha untuk membangunkan komponen ijtihadik.

5.3.2 Sumbangan Teoretikal

Kajian ini menemui penerapan ijtihadik dalam Program Ulul Albab adalah mengikut pendekatan konvensional dan kebangsaan. Di samping itu, pendekatan bersifat kerohanian juga diwujudkan secara terapan kerana ijtihadik merupakan komponen pemikiran dan sahsiah. Walau bagaimanapun, pendekatan bersifat kerohanian lebih tertumpu kepada aspek praktikal atau domain psikomotor. Sementara itu, dari segi teoretikal agak terikat pada domain kognitif melalui Taksonomi Bloom.

Oleh itu, kajian ini menyumbang dari sudut teori kerana al-Qalb merupakan instrumen pemikiran aras tinggi yang berintegrasi antara domain kognitif, afektif dan psikomotor, yang bertunjangkan ajaran Islam dan berorientasikan proses *tazkiyat al-*

Qalb. Sehubungan dengan itu, model al-Qalb dalam kajian ini relevan dengan empat aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025 iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian, dan kemahiran kepimpinan.

Secara tidak langsung kajian ini juga menyumbang kepada pengujian model yang dibangunkan. Para pengkaji dapat menggunakan kajian ini sebagai indikator untuk menambahbaik pelaksanaan Program Ulul Albab dan program-program pendidikan Islam yang lain.

5.4 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian ini telah meneliti tentang konsep al-Qalb dari perspektif al-Qur'an, Hadis, sarjana dan pengkaji. Hasil kajian ini mendapati bahawa peranan al-Qalb berpotensi untuk memperkasakan penerapan ijtihadik. Kajian ini juga menumpukan kepada komponen ijtihadik bagi Program Uul Albab. Oleh itu, antara kajian yang boleh dilaksanakan di masa hadapan ialah:

- i) Pengujian model al-Qalb dalam pelaksanaan komponen ijtihadik.
- ii) Kajian keselarasan dalam pelaksanaan Program Ulul Albab antara setiap institusi terlibat.
- iii) Pembinaan modul *tazkiyat al-Qalb* dalam Program Ulul Albab.

5.5 Kesimpulan

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk menambahbaik komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab. Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai kesemua objektifnya dan menjawab persoalan yang berbangkit. Secara khususnya, pelbagai dapatan penting diperoleh melalui kajian ini terutamanya potensi al-Qalb dalam

membentuk personaliti, peranannya dalam pembelajaran, dan keunikan domain fungsi al-Qalb berbanding domain pembelajaran konvensional atau pendidikan moden. Di samping itu, faktor yang turut mempengaruhi penerapan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab merangkumi perspektif institusi, guru dan murid telah dijelaskan melalui kajian ini. Sebagai rumusannya, model daripada kajian ini diyakini berpotensi dalam menambah baik pelaksanaan komponen ijtihadik bagi Program Ulul Albab.



RUJUKAN

- Abbas H. Ali. (2013). Al-Tafakkur min al-Mushāhadah ilā al-Shuhūd (Contemplation from Witnessing to Bearing Witness). By Malik B. Badri. *Intellectual Discourse*, 2(2).
<https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/465>
- Abdul Basid. (2012). Ulul Albab sebagai sosok dan karakter saintis yang paripurna. *Seminar Nasional Fisika dan Pendidikan Fisika Ke-2 2012, Surakarta, Indonesia*.
[Ulul Albab sebagai Sosok dan Karakter Saintis yang Paripurna - Neliti](#)
- Abdul Halim Mahmud. (1995). *Islam dan akal*. (Terj. Mohd Fakhruddin Abd Mukti). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Kamil Jamaludin., & Noor Shakirah Mat Akhir. (2017). The relationship between the concept of Akinnah Al-Qalb with human capital development. *INCoH 2017 The Second International Conference on Humanities, The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 493-502.
- Abdul Karim Baleel. (2009). *A'mal wa ahwal al-qalb fi al-Qur'an al-Karim*.
Nak tambah sikit. Saya setuju lah apa yang dikatakan oleh ustaz x dan ustaz xx. Yang pertama tadi, antara komponen-komponen lain lah, yang dapat kita terapkan dalam konsep ijthadik di MRSM ni, selain daripada yang pertama tadi lah, pelajar berkeupayaan untuk membuat keputusan ataupun ijthad ataupun haa membuat macam ustaz x kata tadi lah, berpandukan kepada al-Qur'an dan sunnah, di samping berfikir secara kritis, inovatif dan kreatif.

Yang kedua, antara lain adalah, kita galakkan pelajar-pelajar menyertai kelab-kelab yang bersifat stem la ni kan. Kelab drone, yang berteknologi tinggi dan sebagainya. Tu antaranya lah.

Yang ketiga, kita melibatkan pelajar dengan program-program kokurikulum. Dan dalam ijthadik ni kita ada satu item dipanggil sukan terbeza, ulul albab. Sukan sunnah lah kita panggil. Sukan sunnah ni kita akan tonjolkan kepada pelajar tiga sukan. Berenang, memanah dan berkuda. Hari ni kalau kita tanya mana-mana sekolah ulul albab, TMUA dan sebagainya, memang tiga jenis sukan terbeza ni yang akan kita utamakanlah kepada pelajar. Dan yang terakhir adalah, meningkatkan pengetahuan pelajar dari sudut keusahawanan. Latih

depa untuk menjadi usahawan, berniaga dan sebagainya. Tu antara item-item dalam komponen ijtihad.

Pengkaji:

Soalan yang ke-2:

2. Apakah elemen yang terkandung dalam konsep ijtihadik?

Mungkin bila kita sebut ijtihadik tu, dia ada..macam takrifan yang diberikan oleh tuan-tuan sebentar tadi kan. Mungkin di bawah dia ada..contohnya ijtihadik ni kemahiran berfikir, ijtihadik ni kemahiran mengawal emosi sebagai contohnya dan sebagainya ada elemen-elemen..

Responden 1:

Kemahiran dalam MARA sebelum ada ulul albab ni, memang ada lah. Kemahiran..apa..*cort 1, cort 2, cort 3* tu haa..kemahiran berfikir la na. kemahiran berfikir, Edward D Bono. Tapi bila ada ulul albab ni, kita *induce* masuk di situ iaitu neraca akhir dia neraca al-Qur'an Sunnah. Kalau *cort 1* tu *plus minus interesting*. Kita bentangkan masalah kepada pelajar, apakah kelebihan, apakah kekurangan, cara selesai dan juga apa..cara selesai.

Tapi itu secara belum masuk ke ulul albab la. kita masukkan ulul albab maknanya, kita bentangkan *plus minus interesting* apa kata Islam? tu *qalbun* la. *Qalbun* dia memilih. Cara untuk memilih. Mula-mula pakai akal, tapi *last* sekali dia timbang dengan neraca agama. Dia yang tu dipanggil apa ni kemahiran berfikir. Dia ada kemudian yang kedua, kemahiran amalan belajar pun ada di dalam sistem di MRSM. Kemudian, satu lagi yang saya nak sebut tadi berkenaan dengan BIFAS. BIFAS ni ialah akronim kepada baca, ingat, faham, amal dan sebar. Jadi yang ijtihadik tadi dia masuk dekat S (sebar), selepas dia dapat, dia ingat, dia faham, dia amal, macam mana dia nak sebar kan kefahaman tu dalam menyelesaikan masalah umat. Kot ada orang lain nak tambah..

Pengkaji:

Jadinya ustaz, di situ dia..BIFAS tu dia konsep dalam menghafaz kan? Maknanya dia bergerak sekali qur'anik, ijtihadik, ensiklopedik tu sekali?

Responden 1:

Haa. Dia punya gelung tiga tu. Sebenarnya, gelung tiga tu sama ja. IMTIAZ ka, MARA ka, TMUA ka. Daripada orang sama jugak. Daripada Idris Jusoh. Jadi benda tu dia ambik-ambik ja. Cuma sekarang ni di atas setiap institusi bagaimana nak *define* benda tu. Kena dilaksanakan di peringkat yang lebih dalam. Kalau tidak, dia akan tinggal dekat atas begitu selamanya. Di atas setiap institusi bagaimana kita nak perdalamkan dia supaya akhir sekali dia sampai kepada pelaksanaan yang lebih terperinci. Haa macam tu lah.

Pengkaji:

Ustaz-ustaz yang lain? Untuk soalan yang kedua. Apakah elemen yang terkandung dalam konsep ijthadik? Mungkin ada penambahan? Atau pun mungkin memang yang tu ja? Tu ja na..

Responden 4:

pelajar mampu menyelesaikan masalah. dalam huraian ijthadik...

Responden 1:

Cuma apa ni..keupayaan dia tu, hasil daripada dapatan qur'anik..ensiklopedik tadi lah. Haa. Dia kena ada ilmu dalam qur'anik, dia kena ada ilmu ensiklopedik, baru dia boleh ke ijthadik.

Pengkaji:

Dia kena sinergikan ketiga-tiga tu lah?

Responden 1:

Haa, dia kena sekali. Sebab tu bila gelung tiga tu, ada yang dia bertindih kan? Haa, dia kena bertindih, dia tak boleh gelung tu dia berdiri terasing. Haa.

Pengkaji:

Soalan yang ke-3:

3. **Apakah strategi dan kaedah yang digunakan dalam pembelajaran untuk mewujudkan komponen ijthadik?**

Responden 1:

kalau apa ni.. berkuda, berenang dengan memanah. Sebenarnya itu bukan ijhtihadik. Itu salah satu..itu ramai orang berkefahaman ijhtihadik ialah kuda, renang, panah. Bukan.. jadi, aktiviti kuda, panah dan renang tu salah satu aktiviti untuk menajamkan fikiran pelajar, memberi fokus dalam penyelesaian masalah. Nak panah tu kena fokus. Nak menyelesaikan sesuatu masalah, kena fokuslah, baru dia boleh selesai. Haa jadi sebenarnya, tiga-tiga aktiviti tu tidak semestinya..tiga aktiviti boleh ja kalau kuda payah nak dapat, boleh guna drone. Ha macam tulah. Jadi, aktiviti-aktiviti tu maknanya, dalam setiap aktiviti yang ada di MRSM, dimasukkan elemen ulul albab dalam dia. Ha jadilah.

Tunas Saintis, selama ni kita laksanakan Tunas Saintis mungkin kita nak menang saja. Tapi masuk elemen ulul albab, kerana tak menang takpa, tapi kita nak selesaikan masalah ummah.

Satu lagi contoh, debat. Kalau kita pernah masuk debat, dan kita tengok debat bagaimana dilaksanakan, kalau pun tajuk tu dia bercanggah dengan syariat, kalau kita adalah rumah atau kita penyedap, kita mesti menang dulu. Tapi dalam ulul albab kita ajaq, tujuan berdebat memang kita dilatih untuk menang, dan dalam debat kita dilatih untuk cepat *reply*. Haa. Kemahiran *reply* dengan cepat. Tapi bukan kemenangan tu yang kita tuntutan semata-mata walaupun bercanggah dengan agama dan sebagainya. Kita kira nak menang, dak, bukan macam tu. Dalam debat di ulul albab, kita bagitau pelajar, kita berharap pada setiap level, kita dapat jumpa *opponent* yang lebih kuat. Sebab apa?

Yalah. sebagai satu strategi usaha dakwah. Esok dia ke luar negeri dan sebagainya, dia *reply* dengan cepat soalan-soalan berkenaan akidah dan sebagainya. Jadi, dalam debat ni dalam ulul albab, satu latihan dakwah kecepatan berfikir. Tujuan kita nak jumpa *opponent* yang lebih kuat, bukan kita nak rasa diri kita gah, dak. Kita nak latih diri kita, bagaimana nak *reply* dengan cepat. Kalau kita kalah tu, bila kita takdak kesempatan untuk berjumpa orang yang lebih hebat dalam mengeluarkan idea tu. Jadi sebenarnya debat ni adalah latihan dakwah sebagaimana Imam Hanafi berdebat dengan al-Dahri. Hat tu

sebenarnya. Haa ini, dalam debat dan sebagainya, kita akan sampai ke peringkat Imam Hanafi dan sebagainya supaya aktiviti debat tu sendiri adalah *wajadilhum billati hiya ahsan*, latihan. Ha macam tu lah.

Responden 7:

Mungkin boleh disimpulkanlah dalam ijtihaadik ni ya..sedikit. Kita nak bina pembangunan insaniah di kalangan pelajar. Sebab tu lah dia ada *problem solving*, dia ada sukan, dia ada kokurikulum kan. Dalam tu adalah untuk membina diantaranya pembangunan sahsiah pelajar ni dari segi *softskill* dia. Itu kena bina di situ. Sebab dalam dalam kokurikulum, dalam program-program, MRSM Tunas Saintis, dron, sebagainya itu dia ada banyak perkara yang perlu difikirkan. Di situlah berlakunya perbincangan, ada kreativiti, ada inovasi. Sebab tu diutamakan oleh ijtihaadik di MRSM, yang saya faham ialah dia nak bangunkan diri pelajar tu sendiri.haa. Sama ada dia nak selesaikan masalah, dia nak mencari perkara yang boleh membangunkan diri dia, dalam program-program, aktiviti-aktiviti yang ada. Itu ijtihaadik ni kami tinggi, tapi pelajar cukup sekadar pelajar fikir bagaimana bila dia berada dalam satu aktiviti, dalam satu program, dan satu bentuk yang ada dalam perkara-perkara tersebut sama ada diri dia atau pun grup kumpulan, nak bangunkan diri dia. Nak bangunkan diri dia. Haa.

Jadi, sama ada *softskill* dari segi *communication*, *softskill* dari segi pembangunan *attitude* tingkah laku, semua tu dalam ijtihaadik sebenarnya. Dia nak kena bina dulu. Nak bina dulu. Jadi, aaa, sukan sunnah tadi adalah salah satu elemen yang ada. Elemen yang ada. Jadi, sebelum pergi ke sukan sunnah tadi, mungkin yang lain-lain tu akan terbina diri dia. Bahawasanya ijtihaadik kepada diri dia itu, program-program yang boleh meningkatkan lagi jati diri sebagai seorang pelajar yang berada dalam sistem ulul albab. Yang tu sebenarnya keseluruhannya. Kesimpulan keseluruhannya itu yang kita nak. Sebab, program yang lain dua lagi tu, qur'anik, ensiklopedik tu lebih khusus kepada yang tu.

Ijtihaadik ni, kita nak kalau dari segi saintifiknya ada kan. Dari segi program-program yang melibatkan mungkin konvensional ni ada. So islamiknya apa?

Haa ijthadik lah yang membantu dia. Haa. Kalau nak dikaitkan dengan *qalbun* tadi tu itulah, mungkin penjelasan daripada ustaz tadi tu, itu hasil daripada dia. Hasil daripadanya. KBATnya, *problem solving*nya, haa kemudia dari segi Tunas Saintisnya, membina, membina sesuatu projek ya, projek-projek tertentu yang melibatkan sains dan akhirnya kita kaitkan dunia akhirat lah. Bila dunia tu apa? Mungkin ada *profit-profit*lah. Keuntungan dari segi manfaatnya kepada diri dia dan juga masyarakat. Bukan sahaja profit tu kewangan ya. Sebab tu disebut *khayrun nas anfa'uhum linnas*. Konsep tu jugak dibawak masuk. Dibawak masuk dalam projek SEM (*School Wide Enrichment Model*). Kita nak. Walaupun kos projek SEM haa apa *School Wide Enrichment Model* itu, kos tu dia ada. Kos projek. Tapi kita *minimize*kan, minimumkan projek tu supaya inovasi tercetus. Kerana inovasi adalah tujuan dia ialah untuk mengurangkan bajet tetapi memberi manfaat kepada orang lain dengan model yang baru. Islam, Islam pun nak macam tu supaya kita bersungguh-sungguh ke arah itu, dapat pelajar-pelajar kita bangun.

Mungkin di peringkat menengah ini, dia lebih banyak fokus lah. Fokus kepada akademik, fokus kepada al-Qur'an ya. Belum lagi tercapahnya lebih tinggi lagi. Bila di peringkat universiti nanti dia akan nampak lah. Lebih detail daripada tu, detail dia lebih lebih tinggi lah. Mungkin di peringkat sarjana nanti, lebih tinggi lagi. Haa detail lagi dia punya. Sebab tu kita kena bina di peringkat bawah ni...aaa..pembangunan insaniah tu kena ada. Sebab nanti bila dia berkerjaya, contoh dia jadi jurutera, jurutera yang macam mana yang kita nak bina? Haa? Seorang doktor, macam mana seorang doktor yang nak kita bina? Haa jadi, kait jugaklah dengan hati tadilah. *Qalbun* tadi ni kan. Jadi maknanya semua ada kaitan. Semua ada kaitan. Insya-Allah, akhirnya kita nak bukanlah ijthadik tu hanya pada konsepnya saja, tapi pada diri dia yang mempunyai sesuatu yang, yang boleh membangunkan diri dia dan juga al-Qur'an yang ada pada diri dia. Al-Qur'an yang ada pada diri dia. Jadi, gunakanlah al-Qur'an itu untuk pembangunan diri dia insya-Allah.

Pengkaji:

Ada penambahan lagi?

Pengkaji:

ok terus ke soalan yang seterusnya ya. Soalan yang ke-4:

4. Konsep ijihadik diimplementasikan dalam kurikulum atau kokurikulum?

- i. Jika kurikulum, apakah subjek yang terlibat?
- ii. Jika kokurikulum, apakah aktiviti yang terlibat?

Responden 7:

Kalau kurikulum apa, kalau kokurikulum apa. Kalau kurikulum dah tentu ada.

Responden 6:

Kalau secara..secara ni..maksud dia..

Responden 4:

Ijihadik ni ada dalam semua subjek. Dalam kokurikulum pun ada semua kelab-kelab yang ada di MRSM ni, semua ada elemen-elemen ijihadik tu lah.

Responden 7:

Tapi lebih khusus kepada Pendidikan Islam lah. Kepada..*qalbun*. Ok lain-lain subjek, kita pun buat penerapan lah. Kena ada penerapan untuk..haa..dalam kurikulum subjek lain contohnya biologi, so dia masukkanlah jugak di situ. Haa. Merentas apa panggil subjek yang mana ada lah. Itu kurikulumlah. Kokurikulum, lebih-lebih terkhusus lah.

Responden 4:

Kalau secara ni, aktiviti tiga aktiviti tu lah. Berenang, berkuda, memanah tu. Aktiviti kokurikulum. Tapi secara tak langsung, kelab-kelab yang lain pun dia ada masuk elemen-elemen ijihadik.

Pengkaji:

Contoh kelab yang..

Responden 4:

Contoh kalau unit beruniform..Kadet Polis

Responden 3:

Hmm .

Responden 4:

Lagi apa..Kadet Polis, Pandu Puteri. Lagi apa?

Responden 3:

Pengakap.

Responden 4:

Pengakap. Kalau MRSM tiga tu lah yang badan beruniform ni. Semua tu ada..kalau tengok pertandingan..pertandingan hat budak pelajar-pelajar boleh menggunakan elemen ijthadik ni dalam menyelesaikan masalah, membuat produk-produk apa ka..keusahawanan.

Responden 7:

Saya nampak kokurikulum begini.. Kalau ijthadik.. kita nak masukkan dalam tu adalah kepimpinan. Apa sekali kelab yang diwujudkan, dia mesti ada kepimpinan. Kemudian dia dah memimpin kelab tu, itu yang paling utama dalam pembangunan insaniah tadi. Ni ijthadik yang saya sebut tadi insaniah tu kepimpinan. Yang kedua ni ialah pengurusan masa. Pengurusan masa. So, kelab macam mana nak..waktu dia bila perjumpaan? Apa dia? Haa. Tu *time management* lah. Yang pertama tadi dari segi kepimpinan, *leadership*. Yang keduanya, pengurusan masa. Yang ketiganya, bagaimana dia nak aaa, uruskan dari segi aaa pengurusan masa yang ada di.. insaniah yang ada lagi dalam aaa apani kokurikulum dia ialah dari segi nak bangunkan supaya kelab yang dia ada tu lebih aaa ke arah, kalau dia menyertai pertandingan, so bagaimana dia nak *target* kepada pertandingan tersebut. Tak kiralah, kokurikulum tu melibatkan *core* akademik.. *core* akademik tu subjek lah. Dia hafal al-Qur'an ka, dia masuk dalam pertandingan hafazan ka, *sarafah* ka, atau pun kokurikulum yang lain yang bukan subjek seperti kelab-kelab, persatuan dan sebagainya itu..apa *target* dia. So dia kena ada jugak kpi dia tu, sasaran dia. So semua tu pembangunan insaniah la. Diri dia.

Haa ini.. dan juga kalau aaa dalam satu lagi elemen yang ada dalam MRSM ialah dia nama Sekretriati Kepimpinan Pelajar. Kepimpinan. Sekretriati Kepimpinan Pelajar ni jugak membangunkan pelajar yang mempunyai aaa, bakat-bakat kepimpinan yang ada pada dia. Contohnya di sini, di MRSM ialah Badan Wakil Pelajar (BWK). Yang dipilih oleh, secara undian oleh pelajar-pelajar. Itu jugak membangunkan diri dia. Insaniah ya. membangunkan diri dia. Maksudnya dia aaa meletakkan diri dia supaya orang memilih dia menjadi pemimpin atas dasar apa? Melalui manifesto ka, melalui apa ka, dan pemilihan orang, pelajar-pelajar dan cikgu-cikgu staf itu melihat kepada apa? Bukan populariti. Tapi memang mempunyai ciri-ciri kepimpinan. Itu yang ketiga yang ada di MRSM juga berlapik dari segi pembangunan insaniah tadi. Ok.

Pengkaji:

Ustaz ada tambahan?

Responden 1:

Contoh yang lain..aaa. yalah macam yang disebut awal tadilah iaitu berkenaan dengan aaa salah satunya ialah berkenaan perkara-perkara yang projek-projek lah..projek berkenaan Sains, Tunas Saintis. Kemudian apa ni..School Enrichment Model tu..sebenarnya dia bukan tertakluk pada SEM..ehh..apa ni Sains.. dia macam-macam ada. Macam-macam bidang boleh masuk. Kemudian, robotik. Sains lah.

Responden 7:

School Wide ni maksudnya pengayaan ya. Pengayaan ni tak semestinya bentuk Sains saja atau pun aaa subjek Bio ka Kimia ka Biologi ka tapi dia semua. Haa maksudnya dari segi Sejarahnya ada... Pendidikan Islam pun boleh dibuat kajian ya. Pelajar-pelajar buat.. Dari segi Geografinya..semua boleh. Semua boleh. Dari segi bentuk ulul albab ni pun boleh dibuat kajian. Jadi, pelajar dilatih dalam pengayaan tadi ya. Pelebaran. Sebab tu *School Wide*. Pelebaran ke dalam pengayaan. Jadi dia lebarkan lagi dia bukan hanya Sains saja, tapi dia tambah hat lai-lain. Sebab..sebab akhirnya dia nak dalam *School Wide Enrichment Model* ni ialah perkara yang dia sebutkan nanti, dia memberi

manfaat kepada orang luar, orang lain. Apa yang dia buat, model tu ka ataupun idea yang dibuat itu memberi manfaat orang lain. Mesti dapat buat hasil dia. Bukan..bukan hanya keuntungan. Kita nak..nak..akhirnya katakan kita buat projek ni orang luar dapat mengurangkan masalah banjir yang berlaku di komuniti luar.

So, penyelesaian masalah dibuat oleh pelajar ni hasilnya dapat. Contoh saya pernah buat..maknanya kita menggunakan satu sistem. Sistem aa apa ni aaa digital yang menunjukkan bila sampai paras air itu, dia akan berbunyi. Maknanya sistem tu dah dibuat oleh pelajar. Pelajar dah buat dah. Maknanya, boleh membantu komuniti luar bahawaasanya dengan sistem itu adalah menyelesaikan masalah, di mana pelajar sekolah menengah ya. Dia dah boleh buat sampai peringkat tu.....pengayaan. kalau ada tambahan boleh terus... boleh kot...sebab nanti boleh kembangkan lagi tu. Boleh kembangkan.

Pengkaji:

Mungkin nak mintak kalau boleh tuan haji ringkaskan sikit yang dalam aspek kurikulum tu lah. Maknanya...

Responden 7:

Kurikulum?

Pengkaji:

Berfokus dalam subjek. Macam mana penyampaian ijthadik?

Responden 7:

Dia pertama sekali , kita *base* kita ialah *problem solving*. Bila kita mengajar dalam kelas. Yang berbentuk pengajian Islam ka... Al-Qur'an Sunnah ka... aaa apa ni, PSS Pendidikan Syariah Sunnah ka... so, semua itu ada perkara-perkara yang dibincangkan dalam kelas secara pengajaran guru dan pelajar menyelesaikan masalah-masalah sama ada dari segi hukum ka kita bina... aaa hukum yang sedia ada dibahaskan ka.

Maknanya dari segi kurikulum, aaa maknanya dari segi kurikulum tu, memang terbentuk la. Kemudian memang ada. Tidak ada khusus. Sebenarnya tak ada khusus sebenarnya. Modul takdak khusus. Tapi dibina dalam aaa pengajaran yang sedia ada. Haa tu maksudnya. Sebab, kita nak cikgu jugak mampu untuk aaa dari segi KBAT tadi lah. KBAT tadi ya. KBAT tadi. Soalan-soalan KBAT ka. Atau perkara-perkara yang menjadi masalah itu dapat diselesai bersama pelajar sewaktu pengajaran atau pun diluar daripada pengajaran.

Kokurikulum jelas. Kurikulum pun jelas. Jadi, kita nak jugak, bila berada dalam MRSM Ulul Albab ni, cikgu-cikgu yang mengajar Sains, yang bukan Pendidikan Islam, jugak mengambil iktibar daripada *problem solving* tadi. Itu *base* dia. Yang lain-lain tu dia bawak lah. Kalau dia mampu bawak al-Qur'an... ayat al-Qur'an, lagi bagus lah. Menceritakan tentang kejadian manusia. Apa kaitan dia dengan al-Qur'an? Haa dia bawak dalam kurikulum la. Sebenarnya itu ada. Jugak ada. Haa jadi, kemampuan itu, ada di situ, maknanya dia tahu diri dia manusia, bagaimana kejadian dalam variati tu, boleh menceritakan secara Sains, al-Qur'an pun cerita... maka, pembangunan insaniah tu juga berlaku dengan sebab dia memahami Sains dan juga al-Qur'an. Haa tu yang kita nak. Dan cikgu-cikgu kita pun, alhamdulillah. Bila cikgu sains cerita, al-Qur'an dikaitkan. Haa. Dan cikgu-cikgu lain, Sejarah ka... memang kita nak ada kaitan. Supaya pelajar tak hilang dari segi al-Qur'an yang dia hafal tu, atau pun dia hafal al-Qur'an semata-mata hafal tapi tidak ada dalam bentuk kurikulum tadi. Jadi, dikaitkan sama, sama rata. Dengan kokurikulum tadi lah. Ok.

Pengkaji:

Soalan ke-5:

5. **Apakah kaedah pengajaran yang guru gunakan untuk menerapkan komponen ijtihadik kepada pelajar? (soalan ini akan ditanya jika guru memilih kurikulum).** Saya rasa dah... dah jawab dah kan.

Responden 7:

Ok...

Pengkaji:

Begitu jugak...

Responden 7:

Kaedah dia senang ja... *problem solving* yang ada... dari segi pedagogi yang lain yang ada kan... pedagogi-pedagogi termasuklah. Penerapan la tu... penerapan ijtihaadiklah maknanya. Ijtihaadik ni luas la. Mungkin dari segi konvensionalnya nampak kan...kaedah tu. Tapi dari segi Islam ni, dia tak tonjolkan apa dia. Mungkin nanti cikgu-cikgu, ustaz-ustaz boleh buat la kot modul ijtihaadik dalam pengajaran. Boleh buat. So satu kajian ya. Pengajaran... lebih khusus la...kita jenamakan nama sebenarnya. Kalau Edward De Bono tu, dia namakan dah dia... Edward De Bono dia punya tu kan. Sekarang ni kaedah Bloom tu kan. Kita ni, orang Islam, apa dia? Haa jadi, ijtihaadik tu dah ada sebenarnya. Diguna pakai.

Pengkaji:

soalan yang ke-6:

- 6. Apakah aktiviti kokurikulum yang digunakan untuk memupuk komponen ijtihaadik? (soalan ini akan ditanya jika guru memilih kokurikulum).** Pun telah dijawab tadi.

Soalan yang ke-7:

- 7. Adakah terdapat pentaksiran yang digunakan untuk menilai komponen ijtihaadik pada pelajar? Jika ada, apakah kaedah pentaksiran tersebut?**

Mungkin kalau dari segi qur'anik, kita boleh lihat la kan. Pelajar ni dia hafazan dia meningkat hari demi hari kan. Jadi, dari segi ijtihaadik ni macam mana? Pelajar ni... mentaliti dia ka... dia punya sahsiah ka... atau mungkin ada modul yang digunakan oleh guru untuk memang nak ukur ijtihaadik tu saja... haa ukur?

Responden 7:

Dia takdak ukuran...ukuran secara bertulis takdak. Dia takdak modul lah. Tapi kita boleh nilai dari segi...banyak cara lah nilaian yang berlaku kan. Kalau dalam temuduga terbuka...kan. berlaku contohnya dalam kepimpinan pelajar.

Kita buat temuduga terbuka untuk pemilihan presiden. Di situ dah ada penilaian ya. Penilaian yang dibuat. Itu contoh dalam temuduga terbuka. Dari segi penilaian lain, pemilihan kepimpinan tadi lah. Secara undian...kan...juga boleh dinilai. Dibuat penilaian... guru melihat kepada pelajar dalam konsep aaa pentaksiran. Pentaksiran secara akademik lah. Itu ya.

Kalau hafazan al-Qur'an mungkin tadi masa tasmik tadi dah nilai lah. Hari ni boleh capai berapa ayat? Capai dak berapa ayat yang sepatutnya? Satu muka surat dah hafal dalam mungkin satu daripada duanya, dikira dalam penilaian. Maknanya kena nampak ijhtihadik tu, sungguh-sungguh dia la dalam tu sungguh-sungguh ka dak? Dalam tu. So, kita nilai yang tu lah.

So, modul asal takdak. Takdak kriteria sebab... saya menyangkakan ijhtihadik ni lah sikap sebenarnya. Sikap orang. Kita nak menilai sikap orang tu tak boleh. Haa kita takda. Subjektif. Tak boleh nak nilai. Dia tu baik... Apa nilaian? Apa ukuran baik tu? Walaupun kita boleh letak gred 1 sampai 10, tapi apa yang kita nak nilai baik dia tu? Apa yang dinilai nak capai tu takdak. Haa takdak ya.

Tapi kita boleh nilai lah. Nilai tu dengan pelbagai lah. Kurikulumnya, ko-kurikulumnya, penglibatan dia, kepimpinannya...mungkin sahsiah secara... secara amnya nampak. bagus, baik... haa tu. Takda masalah disiplin... haa tu penilaian secara am. secara am, yang nampak ada. Modul yang sebenar takdak. Takda. Sebab sikap dari segi kaunselor pun dia tak boleh nak...nak nilai sikap tu, takdak. Dia kata baik tu tahap macam mana? Baik tu? Cuma kita kata baik tu, dia hadir dalam program...itu ja. Nak nilai baik tu takdak. Termasuklah, kita nak...kita nak *interview* pelajar masuk ulul albab. Kita nak tahu gred dia tu bagus tak bagus...takdak,takdak. Haa. Cuma nampak apa yang dia boleh sebut... itu nilaian. Boleh nampak tingkah laku, itu nilai. Dari segi imej, nilai. Haa yang lain takda la. Takda la. Kita tak nampak. Tak nampak ada nilaian di situ kita boleh buat secara ...orang kata apa ni...secara objektif tak nampak la. Subjektif ni ada. Ok. Saya ingat tu lah kot.

Pengkaji:

Soalan ke-8:

8. Adakah terdapat kaedah berasaskan al-Qalb dalam memupuk komponen ijtihadik kepada pelajar?

Contoh yang diberikan tu: *Tadhakkur, Tafakkur, Tafahhum, Tadabbur, Ta'aqqul*, yang mana istilah-istilah ni istilah qur'anik lah kan. Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut...haa...*term-term* tersebut. Dan yang terakhir tu, *Tazkiyah* lah. *Tazkiyah nafs* atau pun *qalb*.

Responden 7:

Saya ingat...sebagai tambahan kot. Usrahnya...dia ada kuliahnya...kan. Ya itulah tambahan-tambahan. kita membina la diri pelajar tu. Kan. Kalau daripada saya punya pandangan la. Kalau ada tambahan lain... nak membina tafakkurnya kan. *Tadabburnya*...

Responden 3:

Ada *tadabbur*?

Pengkaji:

Ada... *Tadabbur*



Responden 7:

Tadabbur dia...kuliah, akhlak... Kuliah. Dia takda..takda... tak caras kursus takda la. Dia kena tambah...bukan kata...*value added* dia ada. *value added*nya maknanya pakar dalam bidang *tadabbur* tu contoh kita jemput Ustaz Ismail Fazrul. Dia memang pakar dalam bidang *tadabbur*. Mesti dia memberikan sedikit lah *tadabbur* al-Qur'an tu tentang apa ni dia kata...hasilnya dapatlah.

Responden 1:

Sesi Ustaz Fazrul *Qur'an Time* yang..

Responden 2:

Qur'an Time...

Responden 7:

Haa ni...*Qur'an Hour*...contoh. Kalau pelajar perempuan,

Responden 1:

Empat kali lagi na...

Responden 7:

Ya.

Responden 1:

Sekarang ni ada empat kali lagi lah.

Responden 7:

Tu secara khusus lah.

Pengkaji:

Maknanya dia takdaklah kita kata pendekatan haa taksonomi *qalbun*...atau pun garis panduan yang menggunakan *tadhakkur*, *tafahhum*, *tadabbur* semua ni takdak la kan. Tapi dia masuk secara menempel lah ke program-program yang dijalankan.

Responden 7:

Haa...Ya... program yang dijalankan. Kita tak boleh nak khususkan kata subjek tu, subjek *tafahhum*. Takdak...ha takleh, takdak. Subjek sebagai *tafakkur*, takdak. Tapi, secara tak langsungnya ada. Macam contoh kemahiran berfikir. *Tafakkur* la tu. Kan. Ok la. Dia ni boleh buat kerja yang yang yang ada kan. Kemahiran Asas Belajar. Ok, KAB. Kita bagi jugak. Ha. Sebagai salah satu subjek tambahan. KAB, KKB. Kemahiran apa ni... aaa kemahiran berfikir, dan juga kemahiran-kemahiran yang ada. Ha itu termasuk dalam tu lah. Sebab itu nama *value added*. Tambahan. Tambahan-tambahan. Dalam apa yang disebutkan tu lah. Dan kita harap pelajar faham lah istilah-istilah yang ada itu dan hasilnya ialah dia dapat *elaborate* lah. Gunakanlah. Buat. saya rasa guna istilah tu. Gunakan. *Tazkiyah*... kan. Antara yang lain lah. Ok kot. Modul takdak. TMUA ada?

Pengkaji:

Ha TMUA tu lah...nak ke sana pulak nanti. Nak tengok di sana pulak kan.

Responden 7:

Kalau ada nak pi tengok...haha. Kalau ada la...

Pengkaji:

Baik. Aaa...

Responden 3:

Tapi kalau pelajar-pelajar yang dah menyelesaikan masalah ummah guna al-Qur'an ni, depa akan ditempatkan di satu-satu kumpulan lah. Kumpulan tasmik yang berasingan kan. Mengumpulkan pelajar-pelajar khatam, dan di situ ada guru-guru yang memegang ni dia akan menerapkan la elemen-elemen yang disebutkan di sini. Ada kelas tadarus al-Qur'an semua ni... yang ni menyebabkan lebih mendalami al-Qur'an dengan lebih mendalam lagi lah.

Pengkaji:

Maksudnya mereka akan menjalankan lah aktiviti-aktiviti *tadhakkur*, *tadabbur* membedah ayat dan sebagainya lah kan.

Responden 1:

Hmm ya lah...

Pengkaji:

Cuma takdak lah bukan la kita kata aaa syarat wajib dia di MRSM ni bila nak bangunkan ijtihadik, dia ada pendekatan dia kena buat aaa *tafahhum*, aaa atau pun dia kena berpandukan kita kata... istilah-istilah ni lah. Kena buat *tafahhum*, *tadhakkur* satu per satu... takdak lah kan?

Responden 1:

Dia berjalan aaa...

Pengkaji:

Dia berjalan secara...

Responden 1:

Dia berjalan serentak semua. Dia tak pisah-pisah. Tapi ada la kalau ada slot tu slot pisah-pisah. Macam slot *Qur'an Time*. Slot *tadabbur* dan *tafahhum* untuk yang...

Responden 2:

Guru khatam.

Responden 1:

Jadi kat ulul albab Kepala Batas ni ada... waktu tasmik, pelajar yang khatam, dia akan dikumpulkan di satu tempat. Bersama dengan tiga orang guru lah. Proses *muraja'ah* ingat balik, proses *tafahhum*, *tadhakkur* dan lain-lain tu lah. Jadi dia ada modul untuk...

Responden 3:

Liga Huffaz tu..

Responden 1:

Haa ya. Dia hat Liga Huffaz pun saya ingat, satu aktiviti ijhtihadik jugak. Liga Huffaz ni maksudnya tiga orang pelajar dia akan lawan dengan tiga orang pelajar. Ayat yang diuji ialah, kalau tahun ni ayat satu sampai lima... satu sampai lima untuk *first round*. Hafazan. *Second round* ayat sains. Sama ada mereka datangkan...hakim datangkan ayat, kena sebut terjemahan...atau pun hakim sebut terjemahan, dia kena sebut ayat... atau pun hakim bagi situasi, dia kena sebutkan ayat sains yang berkaitan. Ayat *kauniyyat* la. Kemudian dia ada *round-round* yang lain lah. Beberapa *round*. Jadi dia bentuk liga. Maknanya bukan kalah mati. Iaitu melibatkan semua MRSM Ulul Albab peringkat kebangsaan lah. Kita pun buat jugak di peringkat maktab untuk mencari pelajar yang terbaik lah.

Pengkaji:

Ni program tahunan lah? Atau...

Responden 1:

Macam mana?

Pengkaji:

Program tu program tahunan?

Responden 1:

Program tahunan.

Responden 2:

Program ijtiHADik tahunan.

Responden 1:

Dia dalam tu lah... Ihtifal Ulul Albab...

Responden 5:

Ihtifal Ulul Albab.

Responden 1:

Di MRSM Ulul Albab. Dalam Ihtifal Ulul Albab tu sebenarnya... mula 2014 secara rintis, 2015 dia jadi program kebangsaan. Asal Ihtifal Ulul Albab ni adalah untuk mengukur dan mentaksir secara general tiga-tiga komponen tu. Kalau komponen ijtiHADik, Inovasi Muslim sebagai dia punya komponen. Melihat sejauh mana mereka dapat menggunakan menghasilkan idea-idea baru untuk penyelesaian masalah. Contoh pelajar buat sejadah...ada orang lupa rakaat solat. Jadi dia buat satu sejadah yang bila dia sujud, satu...sekarang dia sujud rakaat kedua, dua... jadi orang tak lupa la. Tu contoh yang mudah bagi menengah rendah. Menengah atas lebih-lebih lagi lah. Itu beberapa yang berkaitan dengan ibadat lah. Ada yang luar daripada ibadat pun ada. Umum.

Contohnya bila dia menghasilkan pampers dan sebagainya. Jadi apa ni benda tu semua... sebenarnya istilah-istilah tu semua melibatkan proses. Macam *tafahhum*, proses memaham. *Tadhakkur* proses mengingat. Kan. Kalau

tazkiyah proses membersihkan. Jadi semua tu berkait dengan hati lah. Sebab akhir sekali, kita punya ni nak rujuk pada hadis Nabi lah. *Idza solahat solahal jasadu kulluh. Ala wahiyal qalb.* Tang tu la. Titik la.

Kemudian daripada situ baru boleh bergerak kesemua... aaa jadi apa yang kita terapkan dalam apa semua ni, proses ni... yang paling penting ialah solat. Solat di awal waktu. Jadi, program-program seeloknya macam sekarang ni, pelajar akan berhenti untuk solat. Pukul 1.40. Menengah atas lepas tu menengah rendah. Masuk balik pukul 2.30 nanti, baru start balik lepas depa solat zohor, makan, sampai pukul 4.20. dua kelas. Kita, jadual waktu macam mana pun mesti berhenti solat zohor dulu. Dan kita takmau solat zohor tu 2.30. paling lewat solat zohor mesti pukul 2. Haa jadi, begitu jugak lepas 4.30 dia akan ada aktiviti kokurikulum. Jadi, kokurikulum mesti mula selepas pukul 5. Dan untuk pelajar Tingkatan 5 dia ada kelas tambahan...selepas asar. Jadi cikgu tak boleh sambung kelas 4.20, terus sambung 5.30 baru berhenti, solat asar. Tak mau. Untuk bentuk *qalbun* yang cantik, maknanya dia kena berhenti solat asar 4.20. lepas solat asar pukul 5 baru mula balik kelas tambahan. Untuk *group preparation*. *Group clinic* lah. Ha macam tu lah. Begitu jugak solat maghrib, kita tak benarkan prep bermula lepas solat maghrib, tak boleh. Mesti duduk dalam surau, hafal ayat baru untuk tasmik esok. Lepas solat isyak, baru boleh... untuk *prep*, kelas tambahan dan lain-lain. Jadi, untuk pembinaan *qalbun* tu, solat nombor satu. Itu lah.

Pengkaji:

Ok, kita dah selesai Bahagian B. boleh teruskan ka untuk bahagian seterusnya? Bahagian C ya...:

BAHAGIAN C: APAKAH CABARAN DALAM MEMUPUK KOMPONEN IJTIHADIK KEPADA PELAJAR BAGI PROGRAM ULUL ALBAB?

Soalan yang pertama:

- 1. Bolehkah tuan nyatakan beberapa masalah dalam pemupukan komponen ijtihadik kepada pelajar?**

- i. **Apakah masalah tuan/puan dalam menerapkan komponen ijthadik?**
- ii. **Apakah masalah penerapan komponen ijthadik melalui subjek?**

Responden 2:

Masa.

Responden 3:

Kalau pada saya mungkin pada kekangan masa lah. Sebab macam kita...Ustaz xxxxxxxx sebut tadi mungkin pelajar-pelajar ni sibuk lah dari pagi sampai ke petang, kelas tambahan, kadang-kadang hujung minggu pun ada program-program untuk depa. So mungkin kekangan masa lah yang apa...kita dapat tengok di situ lah. Mungkin, *facilities* jugak. Tu antaranya la.

Responden 2:

Tu lah. Saya...selain daripada Ustaz x sebut tu, cabaran masa. Yang kedua cabaran kita nak cari bahan-bahan untuk proses... contoh, kita nak...kalau dari segi ijthadik la, kita nak pelajar-pelajar faham ayat al-Qur'an dan macam mana dia nak kaitkan dengan Sains dan sebagainya. Kalau kita tengok aaa...setengah-setengah kajian, dia...dia tidak ditulis oleh orang yang ada *background* dua-dua. Kadang-kadang, penafsiran ayat tu dia lari. Aaa...berbanding dengan tafsiran yang sebenar, dia agak lari jauh. Haa jadi ini antara perkara-perkara yang menjadi satu...kita nak... kita nak cari bahan untuk...untuk...membina tu lah. Haa membina. Masa kemudian bahan yang terhad dan masa kita sendiri nak cari bahan. Jadi cikgu dia kelas dia penuh. Jadi, untuk dia buat satu-satu perkara, dia nak ajar pelajar dia kena buka artikel tengok...dia tak boleh ambil sebarangan. Sebab kita nak bentuk cara fikir kan. Jadi, kalau dapat dibuat satu model yang...yang..yang baru tu maksudnya bagus lah... maknanya ada bahan rujukan yang...yang *trusted* untuk kita ambil sebagai bahan rujukan. Kalau dalam bidang lain, kot ada Ustaz x ka sapa ka...

Responden 2:

Aaa masalah kefahaman lah. Kefahaman konsep ijthadik tu...kadang, tak semua guru memahami kan. Memahami konsep ijthadik tu. Kalau guru yang

betul-betul dia faham, dia boleh menerapkan apa saja subjek yang dia ajar. Kan. Dia masuk situ elemen ijhtihadik. Guru yang tidak faham, aaa...dia tak dapat menerapkan aaa...ijhtihadik.

Responden 1:

Dia yang ustaz x sebut tu...dia...sama macam sekolah lain lah. Pertukaran guru masuk kemudian keluar. Guru masuk kemudian keluar... kan. Dia masuk tu bukan sepuluh orang sekali masuk. Sepuluh orang. Dak... bulan ni sorang masuk. Tengah tahun sorang pulak masuk. Untuk memberi kefahaman kepada yang baru masuk... yang dah faham dah keluar... yang baru masuk, baru masuk... bukan...bukan semua...katakan... sama jugak mungkin TMUA kan, bukan semua SMK tu TMUA. Jadi dah kena faham kan bukan semua MRSM ni Ulul Albab. Dia nak kena fahamkan dulu. Ha jadi... yang ni yang...cabaran-cabaran kita untuk memahamkan semua guru. Haa guru. Kefahaman dalam Ulul Albab. Contoh, *united nation* daripada MRSM ni. Daripada...setiap tahun akan ada UNGA. *United Nations General Assembly*. UNGA tu pun satu aktiviti ijhtihadik lah sebenarnya. Sebab dia dihadapi untuk berdepan isu-isu alam sekitar dan sebagainya... jadi, setiap pelajar mesti mempamerkan. setiap kelas mesti mempamerkan aaa...imej negara masing-masing dia wakili tu. Jadi, kita kena bagitau, walaupun kita mewakili...katakan mewakili Hawaii. Takkan pelajar nak memakai *skirt*? Haa jadi, apakah benda lain yang dia boleh bawak...dia berpakaian cara Islam, tutup aurat dan sebagainya. Bertudung labuh dan sebagainya. Tapi macam mana dia nak mempamerkan dia ni daripada Hawaii?

Yang ni yang pelajar kena...kena inovatif la. Fikir macam mana nak pameran. Fikir nak buat gaya. tunjuk kat belakang tu pantai ka apa ka kan. Haa jadi yang ni yang sebenarnya kita cuba masukkan dalam ulul albab ni. Tu cabaran-cabaran la. Kita nak asimilasikan program sedia ada dengan ulul albab. Sebab, dia ulul albab dia mai dengan tiga domain. Seperti yang kita belajar dalam teori pendidikan. Psikomotor, afektif, dan apa satu lagi?...

Responden 5:

Kognitif.

Responden 1:

Psikomotor, afektif, dan juga kognitif. Kognitif tu berkaitan pemikiran. Afektif penghayatan dan sebagainya. Psikomotor ni yang kena buat hari-hari. Kalau program lain, dia mungkin dia mai kognitif ja. Dia tak melibatkan psikomotor. Jadi hat ni dia melibatkan psikomotor sekali. Maknanya al-Qur'an yang dia hafal, macam mana dia nak terapkan dalam hidup dia hari ni? Al-Qur'an kata...apa... *Ya ayyuhalladzina amanu...* aaa berkenaan dengan ustaz na... menundukkan pandangan. *Qul lil mukminin yaghdudna absarahum*. Kalau dia ambil *literal* ja dia tunduk ja la. Bukan macam tu maksud dia. Kemudian dia nak terapkan dalam hidup dia sebagai pelajar ulul albab ni. Haa malah dia sesama jantung, lain jantung, dan sebagainya. Semua berhubung dengan *qalbun* dan jugak berhubung dengan ijtihadik lah. Cabaran lain...kot Ustaz xxxxx nak tambah ka...

Pengkaji:

- iii. **Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika guru-guru menerapkan komponen ijtihadik?** Dan saya sekalikanlah dengan soalan yang seterusnya tu...
- iv. **Apakah terdapat masalah lain dalam memupuk komponen ijtihadik kepada pelajar?**

Dari pihak pelajar pulak kan. Apa masalah yang depa hadapi lah...

Responden 1:

Aaa...saya mula dulu na. apa ni... dia... Ijtihadik ni bukan sahaja menghasilkan benda yang menyelesaikan masalah umat. Pada diri dia tu. Kalau terhasil satu yang elok. Itu jugak ijtihadik. Program ni dia menghasilkan diri dia yang sebenar yang dikehendaki dalam Islam. pelajar-pelajar ni dia bukan mai dari sekolah hafiz...tahfiz, terus masuk ke MRSM dak. Dia mai daripada macam-macam aliran. Ada sekolah agama menengah rendah. Ada sekolah harian. Ada yang... sekolah jenis kebangsaan. Dia macam-macam. Ada yang sekolah swasta. Jadi dia masuk ke tempat ulul albab... ke mana-mana sekolah lah, maksudnya, dia...kita kena sesuaikan dia dengan ciri-ciri ulul albab.

Antaranya, berkata perkara-perkara yang tak cantik. perkataan-perkataan yang tak cantik. Mungkin kat sekolah rendah dulu dia biasa... dua tiga orang. Mungkin perkataan-perkataan yang... tak elok la. Perkataan-perkataan yang kita dengar pun... macam mengata kawan, mengeluarkan perkataan-perkataan yang tak sesuai. Benda tu sebenarnya satu cabaran. Bukan... ramai yang macam orang berpandangan, masuk dia terus jadi malaikat, bukan.

Kita nak proses dia ke arah tu satu perkara yang, yang... yang, yang sangat mencabar lah. Kalau di rumah, atau pun di sekolah rendah, dia suka tengok benda-benda dalam youtube yang tidak merangsang minda. Yang merosakkan. Mai kat sini... sebab tu kita kuatkuasa peraturan tak boleh bawa handphone. Bila boleh bawa handphone, dia akan sambung benda tu dia akan ganggu hafazan. Dia ganggu pembentukan ijhtihadik. Dan juga ensiklopedik. Ni antara cabaran-cabaran pelajar yang kita sedang cuba untuk menghadapi... cabaran semasa. Bukan kata kita tak benarkan penggunaan IT. Kita ada makmal komputer, kita ada ipad. Ustaz sendiri, ustaz xxx sendiri ada apa ni... guru penasihat... ECC apa dia?

Responden 3:

Everyone Can Create

Responden 1:

Everyone Can Create... menggunakan Ipad. Jadi kita ada waktu untuk pelajar gunakan benda tu untuk aaa kreativiti dia. Yang kreativiti di sini ijhtihadik lah. Haa... ada hat lain tambah lagi...

Pengkaji:

Takdak na. Terus... soalan yang seterusnya ya. Soalan yang ke-2:

2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh tuan/puan dalam memupuk komponen ijhtihadik kepada pelajar?

- i. Apakah cabaran kepada guru dalam menerapkan komponen ijhtihadik?**

Mungkin macam tadi kita dah sebut tentang masalah kan. Dari segi masa. Kekurangan masa dan jugak bahan... untuk nak proses penyampaian ijtihaḍik. Kemudian cabaran lah. Mungkin ada aspek yang lebih meluas cabaran-cabaran yang lain. Sama ada melalui program-program yang dijalankan atau pun melalui subjek sendiri...

Responden 1:

Cara atasi lah? Cara atasi tadi... ni soalan ke belum masuk ke asasi lagi?

Pengkaji:

Aaa...belum. Belum lagi.

Responden 2:

Perlu kepada apa... aaa... guru-guru ni kurang pendedahan la. Guru-guru ni sendiri tak menguasai lah kefahaman dia tentang ijtihaḍik tu sendiri. Walaupun dia apa... kena diberikan penerangan lebih mendalam lah tentang apa... aaa... Ijtihaḍik ni. Secara khusus. Untuk yang gu-guru biasa ni takdak la secara khusus.

Pengkaji:

Ok... soalan bahagian D:

BAHAGIAN D: APAKAH JALAN PENYELESAIAN YANG GURU AMBIL DALAM MENDEPANI CABARAN UNTUK MEMUPUK KOMPONEN IJTIHADIK KEPADA PELAJAR BAGI PROGRAM ULUL ALBAB?

- 1. Apakah penyelesaian terhadap cabaran kepada guru dalam menerapkan komponen ijtihaḍik? Mungkin Ustaz...**

Responden 1:

Cara atasi ya?

Pengkaji:

Ya... cara atasi. Mungkin ustaz pengalaman lama di sini kan...

Responden 1:

Ya... dalam kelas di kelas macam biasa lah... tak semua guru bertindak bercakap berkenaan ulul albab. Konsep dia semua guru... untuk membentuk pelajar yang ada ketiga komponen tu salah satunya ijtihadik. Cikgu mesti cakap dalam kelas. Dan semua cikgu ajar disiplin. Mesti disiplinkan pelajar. Ajar adab. Dalam kelas dan lain-lain. Kemudian yang kedua pulak, di luar kelas. Ada usrah untuk dua minggu. Kemudian usrah khusus pelajar perempuan. Fiqh Nisa' pada setiap jumaat, pada ketika pelajar lelaki solat jumaat. Yang itu diuruskan oleh ustazah-ustazah dan juga guru-guru perempuan. Kemudian kita ada kuliah umum. Ustaz-ustaz pada setiap minggu. Kemudian ada kuliah perdana. Dan sebagaimana sekolah-sekolah berasrama lain, kita ada bulan-bulan kebesaran Islam dan sebagainya. Dan jugak kita ambik pendekatan ... di MRSM dia ada guru homeroom. Seorang guru dia ada sepuluh anak pelajar. Dia macam usrah jugak lah. Ada pertemuan seminggu sekali. Jadi guru-guru tasmik jugak membantu homeroom di mana guru-guru tasmik berjumpa dengan anak pelajar setiap hari. Sebenarnya guru tasmik selain daripada tasmik pelajar, kemudian mereka turut memberi panduan dalam pembentukan peribadi pelajar sendiri.

Pengkaji:

Tarbiah la...

Responden 1:

Haa... tarbiah. Dia tarbiah sekali. Tarbiah hati sekali lah. Tarbiah tu dia mesti di hati lah. Daripada hati tu dia... jadi guru tasmik jugak memainkan peranan sangat penting sebab mereka jumpa hari-hari anak-anak pelajar tersebut. Tapi macam tu lah, anak-anak pelajar dia mai daripada macam-macam *background*. Untuk bentuk aaa pelajar yang betul-betul mempunyai ijtihadik dan sebagainya bukan satu hari dapat jelmaan. Dia ambik masa. Kadang-kadang kita yang mana ok sekali dengar. Yang mana tak ok, kita kena tinggikan suara. Kena jerkah sikit lah. Baru dia mau dengar. Macam tu. Pendidikan tu ikut tahap penerimaan tu. Kaedah lain ada kot?...

Pengkaji:

Guru tasmik ada berapa orang ustaz?

Responden 1:

Kita beza sikit dengan TMUA. Kita ada 43 orang guru termasuk saya.

Pengkaji:

Guru tasmik?

Responden 1:

Kalau di MRSM, guru tasmik itu jugak ialah guru subjek.

Pengkaji:

Oh...

Responden 1:

Haa... macam Ustaz x. Tasmik dan juga kena mengajar pendidikan syariah dan sunnah. Tahun lepas mengajar Bahasa Arab. Jadi orang itu mengajar subjek, orang itu jugak tasmik. Ha jadi begitulah. Jumlah 43 orang.

Pengkaji:

Aaa baik... Tapi tak terikat dengan subjek yang diajar tu subjek agama lah? Subjek agama ja la... kalau matematik tu...

Responden 1:

Haa tak tak... agama ja.

Responden 3:

Tak boleh lari bidang dia...

Responden 1:

Kalau di MRSM kelebihan dia satu tu ja. Setiap orang akan mengajar mengikut degree dia.

Pengkaji:

Maknanya...

Responden 1:

Kecuali agama lah. Kalau *degree* agama dia boleh mengajar semua. Bahasa Arab apa... tapi kalau kelas Sains... Cikgu Bio *degree* dia mesti *degree* Bio. Dia tak boleh *degree* Kimia mengajar Bio tak boleh.

Pengkaji:

Lari bidang la... ikut bidang asing-masing...

Responden 1:

Kalau matematik mesti *degree* dia major mesti Matematik. Kalau cikgu akaun tak boleh mengajar Matematik. Macam tu.

Pengkaji:

Soalan yang kedua:

2. Apakah penyelesaian terhadap cabaran dalam penerapan komponen ijhtihadik melalui subjek?

Mungkin ada isu-isu dalam bilik darjah kan. Sebagai contoh, nak menerapkan KBAT tu kalau berpandukan dengan taksonomi tu lah. Bloom tu kan. Dia ada *level-level* dia. Rendah...kemudain kemahiran yang lebih tinggi. Mungkin guru tengok pelajar ni dia tak sampai level yang lebih tinggi tu tadi. Apa jalan penyelesaian yang guru cuba ni lah... cuba tekankan kan dalam...

Responden 2:

Kita bahagikan kepada ni lah. Kita buat *group-group* lah. Kepada yang cemerlang, yang sederhana, dan ada yang berpotensi lah. Kat sini semua berpotensi. So apa nama kita treat depa. Aaa dari segi apa nama... latihan yang kita bagi pun tak sama lah. Ikut dia punya aktiviti atau pun kemampuan dia lah. Seperti mana yang aaa intervensi tu kita akan asingkan luar daripada waktu PdP kita akan panggil dia lah

Responden 3:

Ada slot-slot khas.

Responden 2:

Ada slot-slot khas. *Intervention*. Tu lah...

Responden 1:

Nak tambah sikit. *Intervention* yang paling intensif lagi adalah murid tingkatan 5. Dia bermula pada kelas fajar pukul 7 pagi. 7 pagi hingga 7:40 intervensi ikut subjek. Bagi pelajar-pelajar yang... aaa... dia sebenarnya kita cuba bangunkan *qalibun* ni kepada anak-anak pelajar supaya mereka yakin kepada diri sendiri. Sebab tu *term-term* yang digunakan telah diubah. Contohnya pelajar lemah kita gantikan *term* dia dengan pelajar berpotensi. Kita tak panggil pelajar lemah supaya dia rasa diri dia boleh. Jadi, soalan yang diberi tu soalan permulaan yang mudah-mudah dulu. Bagi dia yakin dan dia seronok. Bila hati dia dah tarik baru kita bagi soalan peringkat tinggi sikit. Dan sekali bagi pun... dia tak lama dan kalau program vistara tu. Program vistara tu program hari Sabtu. Sekali bagi dalam 15 minit ja. Soalan yang mudah-mudah tujuan untuk tarik hati pelajar-pelajar tu supaya dia minat belajar. Bila dia minat baru berperingkat naik. Kemudian, kelas biasa 7.40 sampai 4.20. Lepas 4.20, solat asar, sambung dengan intervensi *group* berpotensi tadi pulak. Tapi, setiap hari ikut subjek-subjek macam tu lah... kemudian dalam apa ni kalau... kursus untuk Pendidikan Islam, *intervention* jugak dibuat pada pukul 2.30 petang. Lepas solat jumaat tu pukul 3. *Intervention* ni adalah kalau peringkat Taksonomi Bloom tu tahap 1 dan 2. Menghafal. Tasmik. Apa kita kata... tasmik... maksud.

Responden 2:

Takrif takrif...

Responden 2:

Haa...

Pengkaji:

Terjemahan ayat al-Qur'an tu?

Responden 2:

Aaa bukan. Satu istilah... contoh... apa. Pengertian solat. Haa dia kena hafal la. Lepas dia hafal, dia tasmik dengan guru...

Responden 1:

Sebab dia nak menjawab nanti... ada soalan SPM ni dia keluar dalam bentuk takrif. Berikan takrif. Ada. Yang tu... kadang pelajar MRSM ni dia miss tang tu. Dia kelam. Jadi tu pelajar-pelajar yang... KBAT kadang pelajar tak dak masalah. Dia boleh. Tapi yang lebih spesifik hat yang menghafal ni tak boleh nak buat. Tak boleh nak... jadi lepas solat jumaat setengah jam duduk. satu *group* tiga orang guru... satu *group* tiga orang pelajar sorang guru. Dia kena ada senarai istilah yang dia kena hafal. Tasmik. Kaedah dia sama macam tasmik.

Responden 3:

Yang lain kan. Kita pun kerap bagi tausiah. Kita ada bagi tausiah jugak dalam satu-satu slot. Sebulan sekali ka. Ustaz x dia bagi *tausiyah*. Kita ada jugak bagi insentif kan. Selain tu, kalau yang berpotensi kita jugak ada buat *rce* bersama dengan mak ayah.

Responden 1:

Perbincangan akademik tu maknanya hari kad waris la kalau sekolah biasa. Hari apa... laporan akademik.

Responden 3:

Hari buku laporan nama dia.

Responden 1:

Kalau dalam kelas, soalan diberi ikut pemeringkatan. Permulaan bagi soalan udah, kalau depa dah boleh naik tinggi. Kalau boleh lagi, naik tinggi. Cuma bila naik tinggi tu, kita bersedia dengan bahan bantu. Haa maknanya mungkin artikel yang di print kita bagi supaya pelajar-pelajar boleh selesai masalah berpandu jugak artikel yang kita bagi.

Pengkaji:

Soalan yang ketiga:

3. **Apakah penyelesaian terhadap cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika guru-guru menerapkan komponen ijihadik?** Terasuklah kan...

soalan yang keempat:

4. **Apakah pandangan tuan-tuan terhadap al-Qalb sebagai asas **pembangunan** komponen ijihadik?**
- i. **Jika ya, kenapa?**
 - ii. **Jika tidak, kenapa?**

Responden 1:

Ustaz punya tajuk... jelas kot nah jawapan? sama... Ustaz lain kot ada... Kalau saya tu sangat penting... berdasarkan hadis tadi. *Ala wahiyal qalb.*

Responden 2:

Ya...saya setuju dengan yb.

Responden 4:

Rasanya aaa dia bermula pada al-Qalb. Hati... jadi, ijihadik ni dia membentuk aaa hati pelajar supaya dia jadi apa pun lepas ni. Kan. Apa bidang pun dia masuk lepas dia keluar daripada MRSM ni, dia keluar dengan hati yang sejahtera. Dan dia boleh jadi mujtahid. Mujtahid kalau kita faham, mujtahid dalam bidang fiqh. Tapi dia mujtahid dalam setiap bidang. Dalam bidang yang diceburi.

Pengkaji:

Dalam bidang masing-masing lah kan...

Responden 4:

Profesionalisme...

Responden 1:

Kadang-kadang kita memberitahu jugak contoh kreativiti kan pelajar-pelajar. Supaya dia boleh tangkap contoh kita bagi tu. Macam permulaan ni tadi saya

bentangkan al-Jazariy dan jugak pasal kincir air tu... pasal masalah tanaman di padang pasir. Kita contoh kita kata komponen qalb ni sangat penting dalam... apa... esok dia jadi juru ukur bahan. *Quantity surveying*. apa. Dia akan ingat ayat qur'an. *Wa aful kaila wal mizan*. "Hendaklah kamu menyempurnakan timbangan dan juga takaran". Maksudnya walaupun dia *quantity surveyor*, dia kena kerja dengan amanah. Jika tidak, bangunan tu runtuh nanti. Tu dia kena amalkan dalam hidup dia.

Kalau dia jadi *accounting*... akauntan, sama jugak .ayat-ayat al-Qur'an yang dia hafal. Kita akan cuba sebut beberapa ayat dan hadis-hadis. Jangan dia terlibat buat satu *fiction account*. Maknanya dia buat satu akaun ciptaan. Jadi kita berilah beberapa contoh syarikat-syarikat yang runtuh akibat daripada penipuan dalam akaun dan sebagainya. Maknanya dia jadi akauntan tu adalah untuk memperkasakan ekonomi umat Islam... *last* sekali dia akan kembali menyumbang kepada umat. Haa. Kita bagi la contoh Abdurrahman aaa apa ni. Menantu Nabi. Uthman Affan. Yang harta dia sekarang ada di Madinah tu. Telaga wakaf dia. Telaga air yang beli daripada yahudi tu. Kan. Kisah tu. Sehingga seribu tahun dia dah mati pun dia terus ada. Jadi kita nak lahirkan orang macam tu. Maknanya dia *smart* dalam hati dia. *Qalbun* dia... satu hari aku nak jadi macam ni. Harta bukannya jadi atas tangan. Aaa. Bukan ada di hati, tapi di atas tangan dia. Tak semestinya jadi ustaz. Kalau semua jadi ustaz, sapa nak jadi bidang lain. Ha tu yang kita terapkan dalam cara fikir dia.

Responden 3:

Saya komen sikitlah komen *last* saya lah sebelum Ustaz xxxxx. Saya melihat betul sebenarnya al-Qalb adalah satu asas yang sangat penting lah. Ya. Kalau kita lihat pelajar-pelajar macam Ustaz x sebutkan tadi. kita di sini yang pentingnya ialah kita terapkan kekuatan dia untuk dia keluar ke mana-mana. Kerana kalau kita tengok di MRSM Ulul Albab ni contohnya , banyak lepasan-lepasan dari MRSM Ulul Albab yang tidak berada di dalam bidang Ulul Albab tu sendiri. Ada yang kerja dengan Tesla pun ada. Yang Tesla tu Ulul Albab kan. Macam mana dia nak duduk sorang-sorang dia, perempuan pulak, di dengan *company* Tesla tu... kat mana Tesla? Amerika?

Responden 1:

Company ni la. Kereta. Kereta elektrik.

Responden 3:

Dia duduk di sana sorang-sorang. Kalau hati dia sendiri, *qalbu* dia tak kuat, senang-senang dia boleh tewas lah. Ha tu lah daripada saya.

Pengkaji:

Alhamdulillah, terima kasih.



LAMPIRAN IV

Transkrip Temu Bual (Responden SMKA Kedah)

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN.

Bolehkah tuan menceritakan sedikit latar belakang diri, pendidikan dan pekerjaan tuan?

Responden 1:

Assalamualaikum wrt. Nama saya x. Umur 34 tahun. Jawatan guru tahfiz model Ulul Albab. Sekolah SMK Agama Kedah. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin. Pengalaman mengajar 7 tahun. Dan subjek yang diajar adalah Hifz Al-Qur'an dan Maharat al-Qur'an. Subjek yang pernah diajar, sebelum ni kami JQAF. Mengajar Pendidikan Islam dan Bahasa Arab.

Bolehkah puan menceritakan sedikit latar belakang diri, pendidikan dan pekerjaan puan?

Responden 2:

Assalamualaikum wrt. Nama xx. Umur 34 tahun. Jawatan guru tahfiz model Ulul Albab. Sekolah SMK Agama Kedah. Kelulusan dan pengajian tertinggi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin. Pengalaman mengajar tahun ni dah masuk tahun ke-8. Subjek yang diajar Hifz Al-Qur'an dan Maharat al-Qur'an. Subjek yang diajar, sama jugak.

BAHAGIAN B: APAKAH KAEDAH DALAM MEMUPUK KOMPONEN IJTIHADIK KEPADA PELAJAR BAGI PROGRAM ULUL ALBAB?

9. Apakah konsep ijtiHADIK menurut kefahaman tuan/puan?

Responden 1:

IjtiHADIK adalah keupayaan seseorang memberikan pandangan, dan keupayaan berfikir aras tinggi dengan kreatif dan inovatif.

Responden 2:

Seperti kita tau ijthadik ni macam kebolehan dalam memberi pandangan dalam nak menyelesaikan sesuatu masalah, cara berfikir kreatif dan inovatif.

10. Apakah elemen yang terkandung dalam konsep ijthadik?

Responden 1:

Pemikiran kreatif dan inovatif.

Responden 2:

Elemen yang terkandung... Pemikiran kreatif dan inovatif.

11. Apakah strategi dan kaedah yang digunakan dalam pembelajaran untuk mewujudkan komponen ijthadik?

Responden 1:

Kaedah yang digunakan adalah kaedah soal jawab.

Pengkaji:

Ke arah untuk membina tu la kan... kreativiti

Responden 1:

Ya. Pemikiran yang kreatif.

Pengkaji:

Mungkin ada kaedah lain yang digunakan dalam pembelajaran?

Responden 1:

Pembentangan dan sebagainya.

Pengkaji:

Pembentangan oleh para pelajar lah ya...

Responden 2:

Melalui kaedah macam pembentangan kita guna PAK21 kan. Daripada kaedah PAK21 tu dia boleh cabang merata. Daripada situ kita boleh tengok. Dalam PAK21 kan kita tau kan ada macam-macam. Daripada aktiviti apa yang kita boleh buat. Aaa contoh daripada idea yang lama, kita boleh *combine* jadi idea yang baru. Macam kita tau sebelum ni biasa buat *group* kumpulan atau pun individu kan... ok kalau dalam kumpulan tu kita boleh pecah buat macam-macam aktiviti. Contohnya untuk al-Qur'an, kita boleh buat aktiviti macam-macam. Untuk fiqh ayat. Contoh, kita boleh buat aktiviti melalui lukisan. Daripada lukisan tu lah, budak terjemahkan daripada al-Qur'an, apa depa faham tentang fiqh ayat yang terkandung dalam ayat al-Qur'an tu. Depa huraikan dalam bentuk lukisan. Daripada lukisan tu lah akan ada depa terang dalam bentuk pembentangan dalam kumpulan.

12. Konsep ijthadik diimplementasikan dalam kurikulum atau kokurikulum?

iii. Jika kurikulum, apakah subjek yang terlibat?

iv. Jika kokurikulum, apakah aktiviti yang terlibat?

Responden 1:

Pilih satu ka?

Pengkaji:

Kalau dia memang terlibat dalam kedua-duanya, pilih dua-dua...

Responden 1:

Dia dalam kedua-duanya ada. Tapi saya pilih satu lah. Saya pilih kokurikulum la. Kurikulum pun ada kan. Cumanya dia agak macam berat sikit kot bagi kita. Cumanya kokurikulum tu bagi saya luas la. Sebabnya saya sebagai seorang guru pengakap lah ok. Jadi, dalam aktiviti pengakap memang sangat banyak aktiviti yang melibatkan ijthadik ni. Contohnya banyak benda pengakap ni yang kita kena fikirkan sendiri. Contoh dia kita bagi budak buat aktiviti contoh... dia buat gajet sendiri dan sebagainya. Jadi, semua tu memerlukan kemahiran berfikir kreatif dan inovatif. Kalau pelajar tersebut tidak kreatif, maknanya dia tak boleh melakukan aktiviti tu dengan baik. Dari segi ingatan lah banyak lah kan cabang-cabang dalam pengakap tu. Tapi pengakap ni

sebenarnya aktiviti dia memang melibatkan pemikiran kreatif dan inovatif. Ha tu saya memilih kokurikulum lah.

Responden 2:

Ok, saya pulak, saya pilih kurikulum. Kurikulum dia ada banyak subjek yang terlibat kalau ikutkan. Kat sini kita ambik beberapa subjek. Contohlah subjek... macam ulul albab, al-Qur'an dengan Maharat kan. Al-Qur'an macam kita boleh ambik contoh yang tadi lah. Macam saya maklum awal tadi kan. Contoh, melalui budak... kita bagi aktiviti lukisan. Kita nak dalam bentuk lukisan. Maksudnya, ayat kita dah bagi surah apa. Contoh satu muka ni, baca bagi faham kisah tentang apa. Jadi, huraikan kisah tu dalam bentuk lukisan. Ok, kemudian bincang, selesaikan dalam bentuk pembentangan. Ha jadi daripada situ kita boleh nampak dah lah. Maksudnya lukisan tu depa dah pamerkan dah kefahaman depa kat situ. Jadi macam fizik contoh budak akademik pulak macam fizik, dekat sini macam ada buat aktiviti untuk roket air. Haa kat situ kira pelajar dah ni la. Maksudnya berfikir macam mana nak terbangkan. Ha jadi... untuk matematik, contohlah macam... dia ada formula... seperti yang kita tau la, matematik ni kalau tak da formula dia tak jalan. Untuk penyelesaian kan. Dia perlukan formula. Jadi, dekat situ macam... guru... dia ajar formula ni. Mungkin pelajar ni dia ada kaedah untuk dapat penyelesaian yang lebih cepat. Haa dekat sini. Macam... tanya jugak pelajar-pelajar... haa mereka kata guru-guru ada jugak bagi macam aktiviti. Macam mana nak selesaikan masalah yang lebih cepat lagi. Kalau macam BI. Contohlah BI. Sebab saya ada penglibatan dengan pelajar kan. Macam pelajar... mereka kata contoh untuk BI... buat rangkaian cerita. Guru bagi ayat yang pertama. Pelajar akan sambung ayat tu sampai menjadi satu bentuk cerita yang padat. Jadi macam secara automatik, pelajar kena berfikiran. Kena berfikir nak dapatkan cerita tu yang lengkap lah. Tu contoh dia lah.

Pengkaji:

Maknanya ijhtihadik memang lebih kepada kreativiti dan penyelesaian masalah la kan. Kerana nampak dalam kurikulum mahupun kokurikulum... Jadi, soalan seterusnya...

13. Apakah kaedah pengajaran yang guru gunakan untuk menerapkan komponen ijtihadik kepada pelajar? (soalan ini akan ditanya jika guru memilih kurikulum)

Pengkaji:

Dah dijawab kan tadi...

14. Apakah aktiviti kokurikulum yang digunakan untuk memupuk komponen ijtihadik? (soalan ini akan ditanya jika guru memilih kokurikulum)

Pengkaji:

Soalan ni pun dah ditanyakan kepada ustaz... soalan seterusnya...

15. Adakah terdapat pentaksiran yang digunakan untuk menilai komponen ijtihadik pada pelajar? Jika ada, apakah kaedah pentaksiran tersebut?

Pengkaji:

Hasil kalau dari segi al-Qur'an, kita dapat tengok lah hasil pelajar tu dia boleh menghafal berapa juzuk. Kan. Dia boleh budayakan al-Qur'an dalam hidup dia... kalau dari segi ijtihadik ni, macam mana pulak pentaksiran dia tu?

Responden 2:

Dia macam berorientasikan peperiksaan la. Macam kuiz ka, latihan dalam haa apa macam sesi tasmik, mungkin kita ada buat aktiviti kecik sikit ka macam kuiz ka... daripada tu kita tau tahap macam mana depa dah dapat hat depa tu.

Pengkaji:

Tapi dari pihak sekolah ada tak dia bagi satu borang pentaksiran khas, khusus untuk mengukur ijtihadik pelajar. Ada ka?

Responden 2:

Haa... kami ada jugak buat pertandingan. *Mahrajan*... untuk contoh... al-Qur'an. *Mahrajan* al-Qur'an. Daripada situ, pelajar sertai, kita tengok tahap mereka macam mana... mewakili sekolah... masuk pertandingan mana-mana...

Responden 1:

Seperti yang ustazah cakap. Kita menyediakan banyak pertandingan la. Pertandingan untuk mengukur...

Pengkaji:

Maknanya dari segi bakat... bakat pelajar, dia boleh menyampaikan sesuatu...?

Responden 1:

Ha ya.

Responden 3:

Pentaksiran sekolah?

Pengkaji:

Pentaksiran... maknanya komponen ijhtihadik, kita nak tengok pelajar tu dia ada ciri-ciri ijhtihadik... macam mana dibuat pentaksiran tu?

Responden 3:

Dia ijhtihadik maksudnya memberi pandangan. Pelajar ni mampu memberi pandangan, menyelesaikan masalah, pemikiran inovatif kreatif tu kan. Jadi, kalau dari sudut pentaksiran, dia kita lebih kepada pentaksiran bilik darjah. pentaksiran bilik darjah maknanya secara langsung guru-guru tu dia menguji anak murid dia secara langsung ketika mana PdPc. Tu lah... soal jawab atau pun macam-macam lah. Haa kan... ikut tajuk lah. Hari tu tajuk dia tentang kejadian dalam al-Qur'an... kejadian manusia. Kaitan kita boleh tanya kaitan merentas kurikulum dia apa dia? Mungkin Sains. Dia boleh cerita sikit. Sains ni, kejadian dia mula-mula macam ni. Embrio... tu pemikiran kreatif la. Dia maksudnya, bukan satu sudut. Dalam al-Qur'an ada. Dalam kaitan dengan subjek-subjek yang lain pun dia ambil. Lebih kurang tu lah.

Pengkaji:

Maknanya di situ dia berjalan serentak lah. Antara ijtihaadik dan ensiklopedik. Dan juga qur'anik?

Responden 3:

Time tu bila dia dah proses... dia mampu nak memberikan pandangan dia sendiri. Haa kira macam tu lah. Ensiklopedik tu maklumat. Maklumat yang dia dapat. Cuma yang ni, mampu...

Pengkaji:

Keupayaan...

Responden 3:

Haa berkeupayaan. Tak semua budak. Contohnya setengah budak ni dia jenis... lebih kepada menulis. Kan. Menulis tu pun... kalau dia tulis... dia...kata apa... tu satu dia punya idea... dia punya pentaksiran jugak. Kita boleh nilai budak ni dia hanya lebih kepada penulisan... hat ni lebih kepada percakapan. Maknanya pentaksiran tu banyak lah. Kalau nak ikut ijtihaadik ni antara dia PBD pentaksiran dalam bilik darjah, formatif sumatif tu ada jugak lah, memang ada lah kan. Peperiksaan akhir tahun, pertengahan tahun... masuk pentaksiran lah.

Pengkaji:

Maknanya dia dinilai kedua-dua lah... kurikulum dan kokurikulum...

Responden 3:

Ok kalau kurikulum, kurikulum pentaksiran macam dengan periksa la. Periksa. Kalau kokurikulum ni lebih kepada...

Responden 1:

Pertandingan.

Responden 1:

Pertandingan... pertandingan... guru menilai dari sudut macam mana mereka menguruskan pasukan. Aaa... teknik-teknik. Kadang kita bagi tak cukup. Depa

cari sendiri. Depa jugak mengemukakan kepada kita pulak. Macam ni lah cikgu. Teknik ni kita kena ubah. Itu satu ijhtihadik lah bagi saya. Betul tak? Kan. Ijhtihadik. Depa mampu menyuarakan apa yang depa fikir betul lah.

Pengkaji:

Mungkin ada contoh pertandingan yang mungkin tahunan atau bulanan yang diadakan di sekolah?

Responden 3:

Kalau kita, pertandingan kokurikulum banyak. Kita ada... peringkat sekolah lah, atau peringkat persatuan. Kemudian kita pergi kepada peringkat majlis sukan-sukan daerah. Yalah, kita ikut KPM punya flow lah. MSSD. Kemudian MSSK. Kemudian kalau layak ke MSSM lah, kebangsaan lah kan. Dia bukan hanya di sukan. Dia ada aaa apa tu kelab dan persatuan. Masing-masing lah. Hat ni masing-masing dia punya kelab dan persatuan. Lagi dia ada apa... uniform. Kelab uniform. Masing-masing ni dia ada pendekatan ijhtihadik masing-masing lah. Masing-masing bidang lah. Contoh Ustaz x mungkin dalam bahagian bola tampar.

Responden 1:

Pengakap

Responden 3:

Haa pengakap. Memang ada lah. Contohnya, buat kayu.

Responden 1:

Gajet...

Responden 3:

Jenis-jenis tu kan. Hat tu memerlukan pemikiran kreatif dan kritis setiap pertandingan yang kita buat. Renang... kan.

Pengkaji:

Dia tak da la tertumpu kepada contohnya satu program besar... sebagai contoh lah di MRSM depa ada buat satu program Inovasi Muslim. Satu program besar lah bagi depa kan. Dan dari situ depa boleh nilai la pelajar ada QEI tu.

Responden 1:

Contohnya depa buat apa dalam program tu?

Pengkaji:

Depa macam tu jugaklah... robotik... boleh menyumbangkan sesuatu kepada masyarakat lah.

Responden 3:

Kalau ada setakat ni, bawah STEM. Kita bawah STEM. Kalau inovasi lah. Bawah STEM di peringkat sekolah dan jugak apabila menang... kita jugak pernah pi peringkat antarabangsa. Yang lebih meamhami inovasi ni guru inovasi lah.

Responden 2:

Ustaz xxxxx.

Responden 3:

Haa dia kena memang dia bawah dia lah. Di sini kiranya budak-budak kita guil habis lah. Semua kena. Kalau pentaksiran tu memang ada lah. Ko-ko ada. Kurikulum pun ada.

Pengkaji:

16. Adakah terdapat kaedah berasaskan al-Qalb dalam memupuk komponen ijtilhadik kepada pelajar? Seperti:

- i. Tadhakkur*
- ii. Tafakkur*
- iii. Tafahhum*
- iv. Tadabbur*
- v. Ta'aqqul*
- vi. Tazkiyah*

Responden 3:

Hat ni lebih kepada kurikulum lah. Kan. Kurikulum... kalau kita punya subjek lah. Kita punya subjek, kita mengajar, kalau kami ni ada dua subjek lah. *Hifzul Qur'an* dan jugak Maharat al-Qur'an. *Hifzul Qur'an* ni kita hafal al-Qur'an lah 30 juzuk. Kan tiga elemen yang pendekatan TMUA. Yang pertama dia, qur'anik. qur'anik tu antara elemen dia kena hafal 30 juzuk lah. Kemudian ensiklopedik tu maklumat-maklumat. Kemudian ijtihadik. Kalau sebut dalam al-Qalb ni macam semua kena ada la dalam kita punya komponen hafazan al-Qur'an ni. *Tadhakkur* ni, *tafakkur*, *tafahhum*, *tadabbur*, *ta'aqqul*, *tazkiyah*. *Tadhakkur* ni...

Responden 1:

Mengingat.

Responden 3:

Mengingat lah. Hafazan kena mengingatlai. Kalau subjek kita lah. Mana-mana subjek pun memang kena hafal kan. Ataupun... tapi kalau fokus kepada kita punya *core* punya ni. Memang kena lah. Dalam elemen *tadhakkur* ni memang ada lah. *Tafakkur* tu pun kena ada. Setiap orang nak ingat al-Qur'an kan. Kena fikir. Dia kena ada tindakan dia.

Pengkaji:

Benda ni memang dah ada la?

Responden 3:

Kita dah terapkan. Cuma tak spesifik lah. Kita hanya bagi secara ni lah... orang kata apa. Dia macam kaedah yang dah ditentukan. Tapi overall memang ada lah. *Tazkiyah*... memang guru haaqah akan bagi peringatan, nasihat...

Pengkaji:

Lagipun kalau dalam KBAT punya susunan tu kan dia ada isu jugak dekat taksonomi yang Bloom tu... itu pun dikritik sebab depa letak remember, mengingat tu kan... di tahap yang bawah. KBAR tu kan, dia tak jadi KBAT.

Aras rendah. Jadi benda tu dikritik. Sebab dalam Islam ni dia menghafal tu sebenarnya bukan satu benda yang mudah la kan. Menghafal qur'an, menghafal hadis... dia memerlukan penguasaan kemahiran yang tinggi.

BAHAGIAN C: APAKAH CABARAN DALAM MEMUPUK KOMPONEN IJTIHADIK KEPADA PELAJAR BAGI PROGRAM ULUL ALBAB?

3. Bolehkah tuan/puan nyatakan beberapa masalah dalam pemupukan komponen ijtiHADIK kepada pelajar?

i. Apakah masalah tuan/puan dalam menerapkan komponen ijtiHADIK?

Responden 3:

Sikap kot. Maksud dia pelajar ni dia aaa keberanian main peranan la kan. Nak bagi suatu aaa pandangan, kadang takut kan. Masalah mungkin sikap pelajar sendiri. Betul tak ustazah?

Responden 2:

Betul. Setuju.

Responden 3:

Maksudnya keberanian... kefahaman dan jugak ilmu ni sama rata dari sudut guru bagi kat pelajar. Sama rata. Tak dak lebih. Cuma dari sudut masalah pelajar tu sendiri. Guru dah bagi macam-macam imbhan. Bukan imbuhan. Macam-macam cara, teknik, apa lagi? Kemudian, pelajar tu lah. Mungkin dia tak berani lagi. Mungkin dia kurang confident. Haa tu lah kalau nak sebut tentang penerapan komponen ni lah.

Responden 1:

Satu lagi. Bab masa lah. Kekurangan masa.

Responden 2:

Kekangan masa...

Responden 1:

Sebab kita tengok Program Ulul Albab kadang-kadang padat lah kan. Semua benda tu agak padat.

Responden 2:

Jadual pelajar pun padat...

Responden 3:

Pelajar letih kadang... tu yang buat takdan

Responden 1:

Takdan minda

Responden 3:

Takdan fikir. Proses tu kan.

Responden 2:

Tak stabil.

Responden 1:

Kadang tengok pun kesian. Salah satunya kekangan masa lah.

ii. Apakah masalah penerapan komponen ijthadik melalui subjek?

Dalam *Hifzul Qur'an*... dalam halaqah, apa masalah dia? Dalam *halaqah* tu. Dalam kita nak menyampaikan lah silibus-silibus tu.

Responden 3:

Dia dalam satu... kalau kami punya... Dia ada beberapa komponen lah. Antaranya tasmik. Tasmik al-Qur'an lah. Memperdengarkan bacaan al-Qur'an. Yang kedua, penulisan *tahriri*. Yang ketiga, fiqh ayat. Dia... tasmik dan jugak *tahriri* dia takdak masalah. Fiqh ayat. Maksudnya kefahaman. Kalau kita mengaji dulu tafsir lah. Tapi di TMUA ni dia tak guna pendekatan tafsir lah. Banyak tafsir. Kefahaman ayat ni maksud dia. Aaa satu muka surat tu apa yang pelajar ni faham? Kadang-kadang pelajar masalah hat tu lah. Nak ambik hat mana ha? Banyak sangat ni. *Last-last* tutup terus al-Qur'an. Depa tak boleh nak

fokus satu benda kan. kita kata takpa semuka tu apa dia yang dia cerita? Kadang-kadang al-Qur'an tu cerita atas lain, bawah lain. Dia tak boleh nak dapat tu. Dia macam serabut. Ha kan. serabut. Hat ni cerita lain, hat tu cerita lain. Maksud dia fokus dan jugak ni lah. Depa tak boleh nak fokus lah sesuatu benda yang disampaikan dalam al-Qur'an. Contoh lah dalam al-Qur'an ni, satu muka tu. Setiap hari kita kena bagitau kepada pelajar-pelajar, apa yang kamu faham ni kamu tasmik ni? Tapi... apa dia ustaz ya? Haa masalah kadang mungkin tak boleh nak fokus atau pun apa lagi lah... betul dak. Kalau melalui subjek lah.

iii. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika guru-guru menerapkan komponen ijthadik?

Responden 3:

Haa ni... malu, malas, dan sebagainya.

Responden 1 & 2:

Sikap...

Responden 3:

Bila guru-guru lelaki, perempuan nak mai. Haa pakai dak la.

Pengkaji:

Di sini kelas asing lah?

Responden 1:

Asing...

Responden 3:

Aih dak-dak... kelas sekali. Halaqah la. Kelas, satu keals tu campur la lelaki perempuan.

Responden 2:

Sikap la kot point paling utama.

Responden 3:

Kita bagi sama rata. Cuma, hat ni dia macam ni. Hat ni dia riuh lebih pulak. Hat ni dia cerita pasai apa. Cerita tak dak kena mengena langsung. Dia cerita hat lain. Hat ni dalam periksa lah. Kita tanya, apa yang kamu faham tentang ayat ni? Haa ayat ni tentang kejadian manusia. Kita cari balik, kejadian manusia? Cerita kejadian manusia tang mana? Hat ni dia goreng lebih. Hat ni dia kreatif jugak, dia tak mau bagi guru nampak dia senyap, dia goreng. Haa dia berani.

- iv. Apakah terdapat masalah lain dalam memupuk komponen ijtiihadik kepada pelajar?**

Responden 2:

Kekangan masa tu ya. Maksudnya kadang kita buat sesuatu aktiviti untuk pelajar tu sendiri kan... peralatan tak cukup. Peralatan tu terhad. Kekurangan dana... haa.

Pengkaji:

Ada lagi tambahan? Tak da na...

- 4. Apakah cabaran yang dihadapi oleh tuan/puan dalam memupuk komponen ijtiihadik kepada pelajar?**

- ii. Apakah cabaran kepada guru dalam menerapkan komponen ijtiihadik?**

Saya sekalikan semua soalan ni... boleh ringkaskan...

- iii. Apakah cabaran dalam penerapan komponen ijtiihadik melalui subjek?**

- iv. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika guru-guru menerapkan komponen ijtiihadik?**

Responden 1:

Lebih kurang tadi lah.

Responden 3:

Dia depa punya management. *Time* depa. Diri depa sendiri. Tak teratur. Memang la pelajar-pelajar kita kena atur. Kita dah guide dah. Tak boleh nak *follow*. Kan. kita kata masa ni hampa main. Masa ni hampa duduk di surau. Masa ni hampa tulis. Masa ni hampa hafal. Kadang-kadang dia tak boleh nak *follow* benda tu. tu pun kembali kepada masalah sikap lah. Dia lebih kepada...

Responden 2:

Dia jugak melibatkan aspek masa buat depa. Masa padat jadi pelajar tu macam ganggu la emosi tu.

Responden 3:

Dari segi guru bagi macam-macam ni bagi. Peluang bercakap. Peluang hat ni... ada yang ke depan, ok. Yang hat ni, kita duk... masalah yang hat bawah ni. Yang tak boleh nak tonjolkan diri.

BAHAGIAN D: APAKAH JALAN PENYELESAIAN YANG GURU AMBIL DALAM MENDEPANI CABARAN UNTUK MEMUPUK KOMPONEN IJTIHADIK KEPADA PELAJAR BAGI PROGRAM ULUL ALBAB?

5. Apakah penyelesaian terhadap cabaran kepada guru dalam menerapkan komponen ijtiHADIK?

Responden 3:

Antara dia, kita buat motivasi. Kem motivasi. Ok. Dalam kem motivasi tu macam-macam lah kita buat. Antara dia, kalau nak bagi keberanian ni mungkin ada slot pengucapan awam. Atau pun apa-apa lagi lah. Ikut kepada ni lah... kalau dari sudut jalan penyelesaian kita boleh bantu pelajar ni cergas sikit lah. IjtiHADIK ni lebih kepada cergas lah. Kalau yang saya faham, lebih kepada cergas sikit. Cikgu tanya apa pun boleh bagi respon. Kadang-kadang pasif ni kita tak berapa nak ni jugak... tapi ada. Kan ustaz x na. pelajar pasif memang ada lah. Yang kita boleh bantu dengan... untuk mendorong komponen ijtiHADIK ni diterapkan kepada semua npelajar tu... ni lah, kem motivasi... apa lagi... jenis-jenis program lah. Program... aaa...

Responden 1:

Program kepimpinan, pengawas...

Responden 3:

Program kepimpinan, pengawas, BADAR... di sini ada BADAR. Kepimpinan lah. Program SUMUR. Di sini ada program SUMUR untuk semua pelajar. Program SUMUR tu Sahsiah Unggul Murid. Tu dia punya satu apa ni... bawah HEM. Maksudnya pelajar-pelajar ni ni dia kena ada melalui proses 4 elemen lah. Jati diri... apa... apa nama. Thaqaifah dan ibadah... dua lagi saya tak ingat. Takpa. Jati diri ni dia memupuk diri dia berani semua tu kan. Jati diri... ibadah dan thaqaifah... ada lagi dua yang penerapan di bawah KPM untuk SUMUR.

Pengkaji:

SUMUR tu di bawah sekolah ulul albab saja ka atau semua...?

Responden 2:

Semua... sekolah menengah.

Responden 3:

Singkatan bagi dia, Sahsiah Unggul Murid. Dia lebih kepada sahsiah lah.

Responden 1:

Pendek kata penyelesaian dia, kita guru-guru, kami sebagai guru ni, kami kena ambik masa tambahan. Kami kena sediakan satu waktu yang lain untuk buat program. Waktu sekolah apa semua tak sesuai. Kena ambik waktu malam...

Responden 2:

PdPc...

Responden 1:

Atau pun ambik waktu cuti. Kita adakan program untuk depa. Pendek kata guru kena berkorban dari sudut masa dan tenaga lebih. Ha tu lah.

6. Apakah penyelesaian terhadap cabaran dalam penerapan komponen ijtihadik melalui subjek?

Responden 3:

Hat ni kita ada intervensi. Intervensi... masing-masing subjek dia kena buat intervensi dia. Intervensi untuk pelajar yang lemah. Intervensi untuk... intervensi lah. Intervensi tu lemah lah selalunya. Dialog Prestasi... lagi apa lagi. Banyak la. Kem akademik. Banyak la no. kalau kita hafazan ni, kem hafazan. Kem muraja'ah al-Qur'an. Ni semua nak bagi pelajar ni lah...

7. Apakah penyelesaian terhadap cabaran yang dihadapi oleh pelajar ketika guru-guru menerapkan komponen ijtihadik?

Yang tadi ustaz jawab cabaran kepada guru. Yang ni kepada pelajar.

Responden 3:

Cabaran kepada pelajar, depa kena mempersiapkan diri depa. Bersedia.

Responden 1:

Depa kena ikut program yang kita buat elok-elok. Depa kena patuhi syarat.

Pengkaji:

Maknanya ijtihadik dia memerlukan kepada pembentukan sahsiah lah dulu kan?

Responden:

Ya ya...

Responden 1:

Kalau depa tak bagi komitmen, macam mana kita nak buat program kat depa...

8. Apakah pandangan tuan/puan terhadap al-Qalb sebagai asas **pembangunan komponen ijtihadik?**

iii. Jika ya, kenapa?

iv. Jika tidak, kenapa?

Responden 3:

Dia yang asas tadi yang ni kah, yang...

Pengkaji:

Tadhakkur, tafakkur...

Responden 3:

Hat tu ka

Pengkaji:

Ha tu lah. Orang kata peranan atau fungsi al-Qalb dari sudut akliah la.

Responden 3:

Al-Qalb ni maksud dia tesis ni la...? Tajuk dia...

Pengkaji:

Tajuk dia tu Pembentukan Model Al-Qalb Bagi Komponen ijtihadik Dalam Program Ulul Albab.

Responden 1:

Ok la.

Responden 3:

Setuju la kan.

Responden 2:

Saling berkait.

Responden 3:

Ada semua yang ni. Penerapan tu ada dalam ni la... yang diamalkan di sekolah la.

Pengkaji:

Maknanya benda tu memang ada kan, Cuma dia tak ada... atau pun dia ada garis panduan, orang kata apa... maknanya dalam al-Qur'an kena... dia ada la kan, dalam *mentadabbur* ayat, semua tu kan.

Responden 1:

Ya semua ada, komponen tadi semua ada.

Pengkaji:

Cuma tak disebutkan satu pendekatan... pendekatan al-Qalb, aaa memahami.

Responden 1:

Ha dak. Dia tak sebut. Tak nampak pun kan. secara tak langsung memang ada la komponen-komponen al-Qalb tu dalam program...

Pengkaji:

Kalau penerapan KBAT tu pulak macam mana dalam hafazan semua ni? Atau dalam TMUA ni lah. Dalam TMUA ni mesti... KBAT ni rasanya dia banyak masuk dalam akademik la kot.

Responden 4:

Dia macam ni, dia fiqh ayat tu... dia macam kata tadi la. Dia banyak kekangan masa. Macam kita kata tadi, nak habiskan qur'anik 30 juzuk pun satu hal. Yang daftar pelajar bagi nak boleh al-Qur'an tu hafal 30 juzuk. Nak boleh tu, budak malas berfikiran tinggi. Nak bagi boleh tu pun, hafal habis tu pun. Yang masuk sini tadi, yang masuk 140 orang tu, tak semua kognitif dia boleh mampu semua. Sebab tu kita tak boleh nak buat fiqh ayat lagi. Fiqh ayat tu kefahaman ayat. Silibus tak habis lagi. Itu kekangan dia. Kadang-kadang kita duk buat kajian, tak berbalik kepada asal. Asal tu, kita boleh buat. Kita sendiri boleh buat. Sebab apa? Diorang ambil yang betul kognitif yang power betul. Kami ni terpaksa ambil kuota. Tak cukup, yang tak pandai, masuk jugak. So, bila masuk, qur'anik pun tak lepas. Macam mana nak buat ijthadik? Kami boleh buat ijthadik. Buat dah hari tu. buat program... Budak-budak yang buat tu, macam forum perdana depa akan terang. Bagi satu ayat qur'an, lebah. Depa akan cerita dari sudut Sains, sudut apa ni... haa itu la kami buat. Cuma tak boleh buat

menyeluruh. Maknanya ada la. Elemen ijthadik tu, KBAT tu ada la. Diorang boleh terang ayat ni mai mana. Depa kaji sendiri, depa buat research. Lepas tu depa bentang. Kemudian kami tak tinggal la elemen tu. ha cuma tak menyeluruh. Kekangannya sebab tak semua pelajar yang nak... qur'anik ni nak bagi habis silibus dulu.

Pengkaji:

Maknanya pengambilan tu satu hal, silibus satu hal.

Responden 4:

Ya pengambilan satu hal. Sebab kami bergantung pada kuota. Bila kami ambil kurang, cikgu terpaksa keluar. So, kuota dia kena cukup nisbah dia, guru dengan pelajar. Satu tahun 150 orang. Tak boleh kurang. Kurang, kami kena keluar. Jenuh la rumah kami jauh. So kami kena *steady*. Cara baiknya, kami ambil jugak la. Walaupun otak dia kurang sikit. Itu kekangannya. Kami tak macam MTSD. MTSD sekolah swasta. Dia tak macam KPM, swasta. Di bawah lembaga. So, had dia berapa? 50. 50 tu *solid*. Satu lagi Maahad Tahfiz Pahang. Memang *solid* la, depa boleh buat macam-macam. Cuba tengok Maahad Tahfiz Pahang. Sebab apa depa boleh buat? Depa tak ambil pengambilan macam kita. Macam ulul albab ni. Kami kena ambil kuota 150. So, yang kurang otak dia, masuk jugak la.

Pengkaji:

Maknanya yang dihantar kuota banyak tu, di sini tak ada ditapis dah la?

Responden 1:

Ada tapis.

Responden 4:

Tapis jugak. Tapi kita ambil tak menepati sepenuhnya lah. So, benda ijthadik tu berjalan. Tapi tak sepenuhnya. Dia berjalan tetap berjalan. Untuk pelajar yang pandai-pandai la kan kita bagi la kan dalam kelas, slot pengayaan. Yang tak habis tu, tumpu qur'anik dulu lah. Baru juzuk 5. Haa.

Pengkaji:

Kalau berdasarkan responden semua tadi bagitahu kan, ijthadik tu disampaikan, cara penyampaian dia lebih kepada, kalau kokurikulum dia melalui program, aktiviti, kem-kem semua tu. kalau dari sudut subjek macam tu lah, fiqh ayat. Cumanya fiqh ayat tu tak dapat nak buat banyak pun tak boleh sebab kacau dengan masa nak menghafal.

Responden 4:

Tak boleh, kita perlukan habiskan qur'anik tu dulu. Memang nak masuk dua elemen lagi, ijthadik dan ensiklopedik tu, hat ni penting lagi. Hat ni *exam*.

Responden 1:

Kalau al-Qur'an pun tak lepas, hat lain payah.

Responden 4:

Macam mana ni? Ha punca dia hat tadi tu. so, kami ni pelaksana, kami terpaksa *follow*. Kami tak boleh tulis kat facebook, tak boleh. Kami salah. So, kita ikut dasar yang ditentukan oleh KPM. Kami *follow* dasar kerajaan. Buat yang mampu. Bukan tak buat.

Responden 3:

Setakat ni tak dak lagi kajian yang komponen ijthadik ni. Komponen qur'anik banyak. qur'anik ni banyak pasal dia qur'anik lebih kepada baca, faham, apa dia lagi? BIFFAS tu kan. hat tu pelajar dia boleh. Cuma kita nak pelajar, lepas depa hafal tu, depa boleh hurai balik. Ha. Hat tu yang bukan semua pelajar yang boleh. Tu ijthadik tu.

Responden 4:

Tak semua...

Responden 2:

Ta'aqqul...

Responden 1:

Ta'auul la...

Pengkaji:

Nak tanya la, di sekolah lain yang bukan ulul albab, depa ada KBAT. Sekolah-sekolah KPM biasa macam tu lah kan. sekolah kebangsaan, kita kata arus perdana lah kan. pakai KBAT. termasuklah kan, kalau di ulul albab pun dia pakai KBAT. Tapi, di ulul albab ni dia ada beza sikit pada ijtihaaik tu. kalau pi ke ulul albab, dia bukan lagi pemikiran tertumpu kepada KBAT. Kita terfikir satu benda lain pada ijtihaaik tu. jadi, dari pandangan tuan-tuan dan puan, apa kelainan ijtihaaik dengan KBAT atau dengan sekolah-sekolah lain, apa istimewanya?

Responden 4:

KBAT kemahiran berfikir aras tinggi. KBAT pun rasanya ada kreativiti, inovasi kan. KBAT tu dia satu komponen. Yang TMUA ni dia rangkumkan dia duduk dalam ijtihaaik. Tapi banyak sikit lah. Ijtihaaik banyak lagi.

Pengkaji:

Terima kasih diucapkan atas maklumat yang dikongsikan.

LAMPIRAN V

Borang Pengesahan Penilai Pakar Data Kajian (Panel 1)

BORANG PENGESAHAN PENILAI PAKAR DATA KAJIAN

Bil.	Item Pengesahan Data	Setuju	Tidak setuju	Pengesahan/komentar
1.	<i>Tazkiyat al-Qalb</i> (penyucian hati) - Suhbah (perdampingan) - Kegiatan Guru <i>Homeroom</i> - Halaqah pelajar khatam - Pembudayaan Ilmu Agama - Ilmu fardu ain terutamanya akidah dan ibadah daripada karya turath peringkat asas. - Mujahadah - Kaedah <i>takhalliy</i> - Kaedah <i>tahalliy</i> - Budaya Zikir - Zikir <i>jama'i</i> (ramai) dan zikir <i>fardi</i> (individu) disesuaikan dengan jadual harian, atau zikir <i>khafiy</i> (zikir hati).	✓ ✓ ✓ ✓		

2.	Operasi Kognitif 1. <i>Tadhakkur</i> (mengingat dan menghadirkan ilmu dalam hati) - Proses hafazan secara konsisten. (Subjek Hifz al-Qur'an) - Kuiz, forum atau sesi ringkas pengulangan isi penting berkaitan topik pada kelas terakhir, pembinaan akronim dan peta minda. (Subjek-subjek pilihan) 2. <i>Tadabbur</i> (mencari makna yang lebih mendalam) - Mempraktikkan makhraj dan sifat huruf, faham perkataan tertentu atau seluruh ayat, penelitian tempat-tempat <i>waqf</i> dan <i>ibtida'</i> & interaksi dengan ayat-ayat yang dibaca (Subjek Maharat al-Qur'an, Hifz al-Qur'an atau slot-slot pengisian tentang tadabbur al-Qur'an). 3. <i>Tafakkur, ta'aqqul & i'tibar</i> (berfikir untuk menghasilkan ilmu yang baru/pemikiran)	✓ ✓ ✓ ✓		Elemen operasi kognitif bersumberkan al-Qur'an dan pandangan ulama antaranya al-Ghazali.
----	---	-------------------------------------	--	---

	rasional) - Penghujahan rasional dan sebab-akibat sesuatu. - (Subjek Pendidikan Islam & perbahasan ilmu akidah) - Aktiviti <i>outdoor</i> atau tayangan video bagi mengolah fenomena kejadian alam (<i>kauniyyat</i>) membuktikan kekuasaan dan keesaan Allah SWT. 4. Tafaqquh (kefahaman agama lalu dapat menghayati tentang ketuhanan dan memahami ajaran Islam) - Melatih pelajar membuat pertimbangan (<i>decision making</i>) dan penyelesaian masalah (<i>problem solving</i>) berdasarkan pandangan Islam. - Guru menitikberatkan dan bercakap tentang kepentingan bertindak berdasarkan ilmu dan kebenaran.	✓		
--	---	---	--	--

3.	Operasi Afektif (Iman, emosi, keinginan, keazaman dan niat) - Elemen <i>targhib</i> (dorongan) dan <i>tarhib</i> (ancaman), serta <i>raja'</i> (harap) dan <i>khauf</i> (takut) sebagai pendekatan motivasi dan inspirasi. - Guru menceritakan perihal orang beriman dalam al-Qur'an dan sirah para Rasul dalam menyebarkan risalah tauhid. - Guru perlu menyelami kehendak serta konflik spiritual pelajar dan memberikan nasihat yang berguna ke arah pembentukan al-Qalb yang <i>mutma'in</i>. - Meraikan (<i>validation</i>) perbezaan potensi dan bakat pelajar, namun dengan satu tujuan yang sama iaitu mendapat keredaan Allah SWT. - Menekankan aspek niat dalam pembelajaran di bilik darjah mahupun luar bilik darjah.	✓		Data mempunyai hubungan kait dengan komponen ijthadik Program Ulul Albab.
----	---	---	--	---

Komen dan cadangan keseluruhan:

Kajian ini mencapai matlamat dan berpotensi dikembangkan ke peringkat seterusnya.

Tandatangan:



Tarikh: 23 April 2024

Nama:

Institusi:

Cop Rasmi:

PROF. MADYA DR. MUHAMMAD AMAR B. MAHAMAD
Penyarah
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
Universiti Utara Malaysia

LAMPIRAN VI

Borang Pengesahan Penilai Pakar Data Kajian (Panel 2)

BORANG PENGESAHAN PENILAI PAKAR DATA KAJIAN

Bil.	Item Pengesahan Data	Setuju	Tidak setuju	Pengesahan/komentar
1.	Tazkiyat al-Qalb (penyucian hati)			
	1. Suhbah (perdampingan) - Kegiatan Guru <i>Homeroom</i> - Halaqah pelajar khatam	✓		
	2. Pembudayaan Ilmu Agama - Ilmu fardu ain terutamanya akidah dan ibadah daripada karya turath peringkat asas.	✓		
	3. Mujahadah - Kaedah <i>takhalliyy</i> - Kaedah <i>tahalliyy</i>	✓		
	4. Budaya Zikir - Zikir <i>jama'i</i> (ramai) dan zikir <i>fardi</i> (individu) disesuaikan dengan jadual harian, atau zikir <i>khafiy</i> (zikir hati).	✓		

2.	Operasi Kognitif 1. <i>Tadhakkur</i> (mengingat dan menghadirkan ilmu dalam hati) - Proses hafazan secara konsisten. (Subjek Hifz al-Qur'an) - Kuiz, forum atau sesi ringkas pengulangan isi penting berkaitan topik pada kelas terakhir, pembinaan akronim dan peta minda. (Subjek-subjek pilihan) 2. <i>Tadabbur</i> (mencari makna yang lebih mendalam) - mempraktikkan makhraj dan sifat huruf, faham perkataan tertentu atau seluruh ayat, penelitian tempat-tempat <i>waqf</i> dan <i>ibtida'</i> & interaksi dengan ayat-ayat yang dibaca (Subjek Maharat al-Qur'an, Hifz al-Qur'an atau slot-slot pengisian tentang tadabbur al-Qur'an). 3. <i>Tafakkur, ta'aqqul & i'tibar</i> (berfikir untuk menghasilkan ilmu yang baru/pemikiran)	✓		
----	---	---	--	--

	rasional) - Penghujahan rasional dan sebab-akibat sesuatu. - (Subjek Pendidikan Islam & perbahasan ilmu akidah) - Aktiviti <i>outdoor</i> atau tayangan video bagi mengolah fenomena kejadian alam (<i>kauniyyat</i>) membuktikan kekuasaan dan keesaan Allah SWT. 4. Tafaqquh (kefahaman agama lalu dapat menghayati tentang ketuhanan dan memahami ajaran Islam) - Melatih pelajar membuat pertimbangan (<i>decision making</i>) dan penyelesaian masalah (<i>problem solving</i>) berdasarkan pandangan Islam. - Guru menitikberatkan dan bercakap tentang kepentingan bertindak berdasarkan ilmu dan kebenaran.			Subjek Pendidikan Islam di peringkat sekolah amat penting. Namun ia bersifat asas sahaja. Sedangkan untuk mencapai tahap tafakkur, ta'aqul dan i'tibar memerlukan kepada pengajian yang lebih komprehensif, terangkum dan holistik seperti pengajian di pondok ataupun Universiti. Walau bagaimanapun, ketiga elemen tersebut wujud dalam subjek Pendidikan Islam walaupun tahapnya tidak mencapai.
--	---	--	--	--

3.	Operasi Afektif (Iman, emosi, keinginan, keazaman dan niat) - Elemen <i>targhib</i> (dorongan) dan <i>tarhib</i> (ancaman), serta <i>raja'</i> (harap) dan <i>khauf</i> (takut) sebagai pendekatan motivasi dan inspirasi. - Guru menceritakan perihal orang beriman dalam al-Qur'an dan sirah para Rasul dalam menyebarkan risalah tauhid. - Guru perlu menyelami kehendak serta konflik spiritual pelajar dan memberikan nasihat yang berguna ke arah pembentukan al-Qalb yang <i>mutma'in</i>. - Meraikan (<i>validation</i>) perbezaan potensi dan bakat pelajar, namun dengan satu tujuan yang sama iaitu mendapat keredaan Allah SWT. - Menekankan aspek niat dalam pembelajaran di bilik darjah mahupun luar bilik darjah.	✓		
----	---	---	--	--

Komen dan cadangan keseluruhan:

Kajian yang amat baik, berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat Doktor Falsafah.

Tandatangan:

Nama:

Institusi:

Cop Rasmi:

DR. WAN MOHD AMJAD WAN HALIM
Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun
& Falsafah, Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia, 06010,
Sintok, Kedah

Tarikh: 20 Mei 2024